05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# PRINSIP KERASULAN SEBAGAI INSAN KAMIL MEMBENTUK MODAL INSAN DALAM NOVEL *IMAM* DAN *MEREKA YANG TERTEWAS*

ZAIDI BIN AHMAD

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# PRINSIP KERASULAN SEBAGAI INSAN KAMIL MEMBENTUK MODAL INSAN DALAM NOVEL *IMAM* DAN *MEREKA YANG TERTEWAS*

ZAIDI BIN AHMAD

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



| Sila tanda (√) | |
|---|---|
| KertasProjek | |
| Sarjana Penyelidikan | |
| Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus | |
| Doktor Falsafah | √ |

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada **7 MAC 2023**.

**i. Perakuan pelajar:**

Saya, **ZAIDI BIN AHMAD, NO. MATRIK : P20112001536, PELAJAR FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **PRINSIP KERASULAN SEBAGAI INSAN KAMIL MEMBENTUK MODAL INSAN DALAM NOVEL *IMAM* DAN *MEREKA YANG TERTEWAS*** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

_____

Tandatangan Pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, **PROFESOR DR. AZHAR BIN WAHID** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PRINSIP KERASULAN SEBAGAI INSAN KAMIL MEMBENTUK MODAL INSAN DALAM NOVEL *IMAM* DAN *MEREKA YANG TERTEWAS*** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU).**

_____ _____

**Tarikh** **Tandatangan Penyelia**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH/INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS**
**DECLARATION OF THESIS**

| | | |
|---|---|---|
| Tajuk/ Title | : | **PRINSIP KERASULAN SEBAGAI INSAN KAMIL MEMBENTUK MODAL INSAN DALAM NOVEL *IMAM* DAN *MEREKA YANG TERTEWAS*** |
| No. Matrik/Matric's No. | : | **P20112001536** |
| Saya/I | : | **ZAIDI BIN AHMAD** |

mengaku membenarkan Tesis ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   *The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.*

2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   *Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*

3. Perputakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   *The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*

4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah/*Please tick (√) for category below:-*

| | | |
|---|---|---|
| ☐ | SULIT/CONFIDENTIAL | Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.* |
| ☐ | TERHAD/RESTRICTED | Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. Contains restricted information as specified by the organization where research was done. |
| √ | TIDAK TERHAD/OPEN ACCESS | |

_____ Tandatangan Pelajar

_____ Tandatangan Penyelia/Nama/Cop Rasmi

Tarikh : _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan seluruh alam. Selawat dan salam ke atas penghulu kami, Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta sahabat-sahabat baginda. Syukur dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya jua, maka tesis ini berjaya disiapkan setelah menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan.

Di kesempatan ini, pengkaji ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia utama, iaitu Profesor Dr. Azhar bin Wahid serta penyelia bersama, iaitu Profesor Dr. Abdul Halim bin Ali yang tidak pernah jemu memberikan tunjuk ajar serta bimbingan yang berterusan kepada pengkaji sehingga siapnya tesis ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada para pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang memberikan tunjuk ajar secara langsung atau tidak langsung.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada kedua ibu dan bapa yang amat dikasihi, iaitu Haji Ahmad bin Haji Bakar serta Hajah Roziyah binti Haji Md. Salleh yang selalu mendoakan dan memberikan semangat kepada pengkaji. Tidak dilupakan juga arwah bapa mertua, iaitu Allahyarham Haji Abdullah bin Haji Hasan serta ibu mertua, iaitu Hajah Puziah binti Md. Lizah yang turut mendoakan kejayaan pengkaji. Begitu juga dengan isteri tersayang yang sama-sama berjuang dan bertungkus-lumus menuntut ilmu, Dr. Ida Roziana binti Haji Abdullah serta anak-anak tersayang, iaitu Fikri Haziq dan Adli Fahmi yang turut memberikan dorongan dan perangsang kepada pengkaji. Ribuan terima kasih juga ditujukan kepada adik-beradik dan ipar duai yang turut memberikan perangsang kepada pengkaji selama menjalankan kajian.

Terima kasih juga diucapakan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang pengkaji menkalankan kajian ini. Hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalas jasa kalian.

Terima kasih sekalung budi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis ciri-ciri konsep Insan Khalifah, Insan *Rabbani* dan Insan *Kamil* serta mengenal pasti sifat-sifat kerasulan insan *Kamil* yang ada pada watak Haji Mihad dan Lebai Pa. Kajian ini juga bertujuan untuk membuktikan novel *Imam* (1995) karya Abdullah Hassan dan novel *Mereka Yang Tertewas* (1991) karya Hasanuddin Md Isa dapat membantu ke arah pembentukan modal insan. Kajian ini merupakan sebuah kajian berbentuk kualitatif menggunakan kaedah kepustakaan, analisis kandungan dan analisis deskriptif. Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* dalam Teori *Takmilah* janaan Shafie Abu Bakar (1997) telah dimanfaatkan sebagai kerangka analisis. Data kajian dianalisis bersandarkan prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* dan tiga konsep keinsanan. Hasil analisis menunjukkan bahawa keperibadian watak-watak ini sejajar dengan konsep Insan Khalifah dan Insan *Rabbani*. Sifat-sifat watak yang bijak mengurus dan memimpin keluarga serta masyarakat, bertakwa dan beriman selaras dengan konsep Insan Khalifah dan Insan *Rabbani.* Namun begitu, ciri-ciri insan sempurna pada diri watak-watak kurang sejajar dengan konsep Insan *Kamil* kerana terdapat beberapa kelemahan pada diri watak-watak seperti akidah Iman Haji Mihad yang diragui sehingga dianggap membawa fahaman songsang dalam kalangan masyarakat manakala Lebai Pa pula tidak mendapat sokongan yang sepenuhnya daripada masyarakat untuk kembali kepada ajaran Islam. Namun begitu, secara keseluruhannya, watak-watak utama berjaya membimbing masyarakat agar kembali mengamalkan cara hidup Islam yang sebenarnya. Kajian ini membuktikan bahawa watak-watak utama dalam novel yang dikaji dapat dijadikan contoh dalam pembentukan keperibadian insan terpuji dalam kalangan masyarakat berasaskan konsep Insan Khalifah dan Insan *Rabbani* sebagaimana yang dituntut dalam ajaran Islam. Implikasi kajian menunjukkan bahawa penerapan nilai-nilai murni dalam masyarakat seterusnya membantu ke arah pembentukan modal insan dalam masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# THE PRINSIPLE OF THE APOSTLESHIP OF THE IDEAL INDIVIDUAL AS HUMAN CAPITAL IN THE NOVELS *IMAM* AND *MEREKA YANG TERTEWAS*

## ABSTRACT

This study aims to analyze the ideal human characteristic based on the concepts of Caliph, *Rabbani* and *Kamil* and to identify the apostolic characteristic in the characters of Haji Mihad and Lebai Pa. This study also aims to proving that the *Imam* (1995) by Abdullah Hussain and *Mereka Yang Tertewas* (1991) novels by Hasanuddin Md Isa are able to facilitate towards the formation of a virtuous human capital. This research was aqualitative study employing the methods of library research and as well as content and descriptive analyses. The principle of apostleship as an ideal human being in the *Takmilah* theory by Shafie Abu Bakar (1997) was used as the framework of analysis. Data was analyzed based on the principle of apostleship as the human *Kamil* and the three concepts of humanity. The analysis show that the dispositions of these characters are in line with the concepts of the human Caliph and the human *Rabbani*. The qualities of the characters in the way they judiciously manage and lead the family and society, their peity and religious faithfulness are in line with the meaning of the Human Caliph and Human *Rabbani*. However, the characteristics of an ideal human being of characters fail to harmonise with the concept of ideal human being as there are some weaknesses in the characters such as the doubtful religious faith of Imam Haji Mihad that lead to perceptions of his deviating teachings among the community while Lebai Pa fails to receive full support from the community in his efforts to bring them to return to the teachings of Islam. The findings of this study prove that the main characters in the novels under study can be used as an example towards the formation of admirable human personality in society based on the concepts of Human Caliph and Human *Rabbani* as necessitated in Islamic teachings. The implications of the study show that the application of noble values in society are able to form admirable human capital in society.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# KANDUNGAN


| | | Muka Surat |
|---|---|---|
| **PERAKUAN KEASLIAN** | | ii |
| **PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS** | | iii |
| **PENGHARGAAN** | | iv |
| **ABSTRAK** | | v |
| **ABSTRACT** | | vi |
| **KANDUNGAN** | | vii |
| **SENARAI JADUAL** | | xii |
| **SENARAI RAJAH** | | xiii |
| **SENARAI SINGKATAN** | | xiv |
| **BAB 1** | **PENDAHULUAN** | |
| 1.1 | Pengenalan | 1 |
| 1.2 | Latar Belakang Kajian | 15 |
| 1.3 | Permasalahan Kajian | 24 |
| 1.4 | Objektif Kajian | 38 |
| 1.5 | Soalan Kajian | 38 |
| 1.6 | Kepentingan Kajian | 39 |
| 1.7 | Batasan Kajian | 40 |
| 1.8 | Definisi Istilah | 42 |
| 1.9 | Kesimpulan | 45 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**BAB 2 SOROTAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan 47

2.2 Sorotan Literatur Berkaitan Prinsip Kerasulan Sebagai Insan *Kamil* 48

2.3 Sorotan Literatur Berkaitan Teori Takmilah 52

2.4 Sorotan Literatur Berkaitan Modal Insan 57

2.5 Kesimpulan 63

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan 64

3.2 Reka Bentuk Kajian 65

3.3 Kaedah Kajian 67

3.3.1 Kaedah Kepustakaan 67

3.3.2 Kaedah Analisis Kandungan 68

3.3.3 Kaedah Deskriptif 69

3.4 Kerangka Konsep 70

3.5 Teori Takmilah 76

3.5.1 Prinsip Kerasulan Sebagai Insan *Kamil* 80

3.5.1.1 Konsep Insan Khalifah 86

3.5.1.2 Konsep Insan *Rabbani* 96

3.5.1.3 Konsep Insan *Kamil* 101

3.6 Ciri-ciri Konsep Keinsanan Menurut Pandangan Kamariah Kamarudin 104

3.6.1 Ciri-ciri Konsep Insan Khalifah 105

3.6.1.1 Pemimpin Keluarga 107

3.6.1.2 Bijak Menangani Permasalahan Keluarga 107

3.6.1.3 Bersikap Positif Menyelesaikan Permasalahan Masyarakat 108

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


3.6.1.4 Membentuk Keharmonian Masyarakat 109
3.6.1.5 Bijak Menyelesaikan Masalah Fikrah dan Muamalat 109
3.6.1.6 Membawa Perubahan Dalam Masyarakat 110
3.6.1.7 Mendidik Rohani 110
3.6.1.8 Memakmurkan Masyarakat 111
3.6.2 Ciri-ciri Konsep Insan *Rabbani* 111
3.6.2.1 Golongan Agama 112
3.6.2.2 Penyediaan Pendidikan Agama 113
3.6.2.3 Mempertingkatkan Syiar Islam 114
3.6.2.4 Membina Keyakinan Watak Lain 114
3.6.2.5 Mewujudkan Masyarakat Yang Sejahtera 115
3.6.2.6 Mengembalikan Kegemilangan Islam 116
3.6.2.7 Memiliki Disiplin Yang Tinggi 117
3.6.2.8 Melayan Ahli Keluarga Dengan Baik 118
3.6.2.9 Meningkatkan Pemahaman Agama 118
3.6.3 Ciri-ciri Konsep Insan *Kamil* 119
3.6.3.1 Manusia Sempurna 120
3.6.3.2 Hanya Dicapai Oleh Para Nabi dan Rasul 120
3.7 Pengertian Nabi Dan Rasul 121
3.7.1 Beriman Kepada Rasul 124
3.7.2 Nabi Muhammad SAW 131
3.7.3 Keistimewaan Dakwah Para Nabi dan Rasul 139
3.7.3.1 Dakwah *Rabbaniyah* 140
3.7.3.2 Ikhlas Mengabdikan Diri Kepada Allah SWT 143
3.7.3.3 Membawa Ajaran Mudah 144
3.7.3.4 Matlamat Yang Jelas dan Nyata 145
3.7.3.5 Penumpuan Kepada Akidah Tauhid 145

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



3.8 Sifat-sifat Para Nabi dan Rasul 146

3.8.1 *Siddiq* 151

3.8.2 Amanah 153

3.8.3 *Tabligh* 154

3.8.4 *Fatanah* 157

3.9 Kesimpulan 159

**BAB 4 PRINSIP KERASULAN SEBAGAI INSAN *KAMIL* MEMBENTUK MODAL INSAN DALAM NOVEL *IMAM* DAN *MEREKA YANG TERTEWAS***

4.1 Pengenalan 161

4.2 Ciri-ciri Konsep Kerasulan Menurut Pandangan Kamariah Kamarudin 162

4.3 Analisis Terhadap Novel *Imam* dan *Mereka Yang Tertewas* Berdasarkan Ciri-ciri Insan Khalifah 165

4.3.1 Pemimpin Keluarga 166

4.3.2 Bijak Menangani Permasalahan Masyarakat 170

4.3.3 Bersikap Positif Menyelesaikan Permasalahan Masyarakat 175

4.3.4 Membentuk Keharmonian Dalam Masyarakat 178

4.3.5 Menangani Masalah Berkaitan Fikah dan Muamalat 183

4.3.6 Membawa Perubahan Dalam Masyarakat 189

4.3.7 Mendidik Rohani 192

4.3.8 Memakmurkan Masyarakat 195

4.4 Analisis Terhadap Novel *Imam* dan *Mereka Yang Tertewas* Berdasarkan Ciri-ciri Insan *Rabbani* 200

4.4.1 Golongan Agama 201

4.4.2 Penyediaan Pendidikan Agama 204


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



4.4.3 Mempertingkatkan Syiar Islam Dalam Masyarakat 208

4.4.4 Membina Keyakinan Watak Lain 212

4.4.5 Mewujudkan Masyarakat Yang Sejahtera 218

4.4.6 Mengembalikan Kegemilangan Islam 221

4.4.7 Memiliki Disiplin Yang Tinggi 225

4.4.8 Memberi Layanan Yang Baik Terhadap Keluarga 229

4.4.9 Meningkatkan Pemahaman Agama Islam Dalam Masyarakat 231

4.5 Analisis Terhadap Novel *Imam* dan *Mereka Yang Tertewas* Berdasarkan Ciri-ciri Insan *Kamil* 233

4.6 Rumusan Analisis Prinsip Kerasulan Sebagai Insan *Kamil* Terhadap Novel *Imam* dan *Mereka yang Tertewas* 235

4.7 Kesimpulan 240

**BAB 5 DAPATAN DAN KESIMPULAN**

5.1 Pengenalan 244

5.2 Dapatan 245

5.2.1 Penemuan Berdasarkan Ciri-ciri Insan Khalifah 249

5.2.2 Penemuan Berdasarkan Ciri-ciri Insan *Rabbani* 256

5.2.3 Penemuan Berdasarkan Ciri-ciri Insan *Kamil* 266

5.3 Cadangan-cadangan Untuk Mengukuhkan Kajian 272

5.4 Kesimpulan 274

**RUJUKAN** 276


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# SENARAI JADUAL


| No. Jadual | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 4.1 | Ciri-ciri Insan Khalifah Menurut Pandangan Kamariah Kamarudin | 163 |
| 4.2 | Ciri-ciri Insan *Rabbani* Menurut Pandangan Kamariah Kamarudin | 164 |
| 4.3 | Ciri-ciri Insan *Kamil* Menurut Pandangan Kamariah Kamarudin | 165 |
| 4.4 | Analisis TerhadapWatak Utama Novel *Imam* dan *Mereka Yang Tertewas* | 166 |
| 4.5 | Analisis Terhadap Watak Utama Novel *Imam* dan *Mereka Yang Tertewas* Berdasarkan Ciri-ciri Insan *Rabbani* | 201 |
| 4.6 | Analisis Terhadap Watak Utama Novel *Imam* dan *Mereka Yang Tertewas* Berdasarkan Ciri-ciri Insan *Kamil* | 234 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# SENARAI RAJAH


| No. Rajah | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 3.1 | Reka bentuk kajian | 66 |
| 3.2 | Kerangka konsep prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* seperti yang diperincikan oleh Kamariah Kamarudin | 73 |
| 3.3 | Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* | 82 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| DBP | Dewan Bahasa dan Pustaka |
| HMCC | *Hushim Motivational & Counselling Consultancy* |
| HSU | Hadiah Sastera Utusan |
| JAIK | Jabatan Agama Islam Kedah |
| JAIS | Jabatan Agama Islam Selangor |
| JAKIM | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia |
| JHEAINS | Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah |
| JMM | Jaringan Melayu Malaysia |
| KBSM | Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah |
| LGBT | *Lesbian, gay, biseseksual dan Trangender* |
| MAM | Majlis AIDS Malaysia |
| NGO | *Non Goverment Organisation* |
| RMK-9 | Rancangan Malaysia Ke-9 |
| RMK-10 | Rancangan Malaysia Ke-10 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 1

# PENDAHULUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.1 Pendahuluan

Pada dasarnya, kesusasteraan Melayu sama sekali tidak dapat dipisahkan dengan agama Islam. Ini kerana kesusasteraan Melayu menerima pengaruh agama Islam. Menurut Ahmad Kamal Abdullah (1988: xi) Islam telah memberikan sesuatu yang berharga bagi pertumbuhan dan perkembangan kesusasteraan Melayu di Nusantara. Unsur-unsur Islam telah diresap dan diterapkan secara yang amat indah di dalam pantun, syair, gurindam, seloka, nazam, hikayat-hikayat dan epik Melayu. Menurut Wan Norhasniah Haji Wan Husin (2010) Syariat Islam telah memberi panduan yang jelas kepada manusia sebagai asas dalam pembentukan diri, masyarakat dan kenegaraan sehingga berjaya membangunkan peradaban yang unggul, iaitu peradaban Islam. Kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu telah memberikan sumbangan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


amat besar terhadap perkembangan intelektualisme di kalangan orang Melayu. Islam memperkenalkan berbagai-bagai disiplin keilmuan kepada orang Melayu (Ismail Hamid, 1987). Menurut A. Aziz Deraman (2005),

> Alam Melayu telah menerima Islam sejak abad ke-13 lagi. Sejak itu, kebudayaan dan amalan kehidupan masyarakat Alam Melayu telah berubah beransur-ansur sesuai dengan ajaran agama tersebut. Sehingga kini kesemua cara hidup dan amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam diketepikan.
>
> (A.Aziz Deraman, 2005: 58)

Nabi Muhammad SAW telah diutuskan oleh Allah SWT untuk membawa risalah terakhir, iaitu Islam pada abad ke-7 Masehi. Islam ialah agama yang memandu dan mengajar serta mengajak manusia tunduk dan patuh kepada Allah SWT, taat kepada ajaran-Nya dan patuh kepada hukum dan peraturan agama-Nya yang dibawa oleh Nabi dan Rasul yang diutus kepada manusia (Kasmaizun Enuni binti Mohd Sarji & Kamariah Kamarudin, 2017). Menurut Abdul Hadi Awang, 2007: 14) Allah SWT memilih dikalangan hamba-Nya segolongan manusia yang dijadikan contoh kemuliaan dan kesempurnaan sifat manusia. Mereka layak membawa petunjuk daripada Allah SWT serta memimpin manusia ke arah kebahagiaan. Firman Allah SWT dalam surah *al-Sad* ayat 65 yang bermaksud "*Katakanlah (Muhammad), Sesungguhnya aku hanya seorang pemberi peringatan, tidak ada tuhan selain Allah Yang Maha Esa, Maha Perkasa.*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 457). Ayat ini menjelaskan bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan utusan Allah SWT untuk memimpin umat manusia dan memberi peringatan bahawa tiada tuhan yang layak disembah selain Allah SWT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Nabi Muhammad SAW memiliki akhlak dan sifat-sifat yang sangat mulia. Baginda mempunyai perilaku dan juga akhlak yang sangat mulia terhadap sesama manusia, terutamanya terhadap umat baginda. Oleh sebab itu di dalam al-Quran, baginda disebut sebagai manusia yang memiliki akhlak yang paling agung. Firman Allah SWT dalam surah *Al-Ahzab* ayat 21 yang bermaksud, "*Sesungguhnya, telah ada pada diri Rasulullah SAW itu teladan yang baik bagimu, iaitu bagi orang yang mengharapkan rahmat Allah dan (kedatangan) hari kiamat serta yang banyak menyebut Allah*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 420).

Menurut Mohd Nakhaie Ahmad (1998: 56) perkataan yang menjadi nama kepada agama Islam, berasal daripada kata dasar '*aslama*' yang bermaksud membawa sesuatu kepada seseorang, menyerah atau menurut dan mematuhi. Ahmad Kamal Abdullah (1988: 1) menyatakan etimologi, perkataan Islam itu berasal dari bahasa Arab yang mempunyai kata dasar *salima* yang bererti selamat. Tersirat juga di dalamnya makna 'menyerah diri', 'tunduk' dan 'patuh'. Haron Din (2010: 28) menyatakan bahawa pengertian Islam dari segi syara' pula ialah mentauhidkan Allah, patuh, tunduk dan jujur hati kepada-Nya serta beriman dengan ajaran Allah yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW daripada Allah SWT. Menurut Ghazali Darusalam (2001: 224) Islam ialah agama yang amat sempurna yang diturunkan Allah SWT melalui utusan-Nya, junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Tidak ada batasan bangsa, masa dan tempat dalam mengamalkan Islam kerana ia agama mudah yang sesuai dianuti semua manusia sepanjang zaman. Menurut Mohd Nakhaei Ahmad (1998),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Islam ialah ajaran atau sistem yang termuat di dalam kandungan wahyu yang disampaikan kepada rasul. Jika merujuk kepada Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW maka Islam itu ialah sistem yang terkandung di dalam Al-Quran dan Sunnah yang sahih. Kedua-dua sumber inilah terkandung ajaran Islam yang sebenarnya dan yang setulennya. Al-Quran dan sunah yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW pula merupakan panduan kepada seluruh umat manusia agar bertingkah laku dan beramal seperti kehendak Allah SWT.
>
> (Mohd Nakhaei Ahmad, 1998: 62)

Nabi Muhammad SAW merupakan seorang utusan Allah SWT yang diutuskan untuk membimbing manusia ke jalan yang lurus, jalan yang benar, mengajak manusia agar berserah diri sepenuhnya kepada Allah SWT serta tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu yang lain. Nabi Muhammad SAW merupakan seorang nabi dan juga seorang rasul. Sebagai umat Islam yang sejati wajib beriman kepada rasul. Beriman kepada rasul merupakan salah satu daripada Rukun Iman. Menurut Abdul Hadi Awang (2007: 7), beriman kepada rasul dan nabi adalah wajib. Malah menjadi salah satu daripada Rukun Iman dan *usul ad-din* (asas agama). Sekiranya tidak beriman, muslim menjadi kafir. Firman Allah SWT dalam surah *al-Baqarah* ayat 285 yang bermaksud,

> "Rasul (Muhammad) beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya (al-Quran) daripada Tuhannya, demikian pula orang-orang yang beriman. Semua beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya. (Mereka berkata). "Kami tidak membeza-bezakan seorang pun daripada rasul-rasul-Nya." Dan mereka berkata, "Kami dengar dan kami taat. Ampunilah kami, ya Tuhan kami, dan kepada-Mu tempat (kami) kembali."
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 49)

Menurut Yusuf Al- Qardhawi (2001: 9&10) Syari'at Islam diturunkan oleh Allah SWT ke dunia ini dengan ilmu-Nya. Allah SWT telah menjamin tentang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


keuniversalan syari'at Islam. Syari'at sebelumnya adalah untuk suatu masa dan keadaan masyarakat tertentu, tetapi tidak demikian dengan Islam. Syari'at Islam berlaku sepanjang zaman dan tempat. Menurut Haron Din (2010),

> Agama diturunkan Allah kepada manusia untuk membimbing mereka kepada jalan yang benar supaya mereka mencapai kesejahteraan di dunia dan akhirat, dengan mempercayai Allah yang Maha Esa selaku pencipta alam semesta dan mematuhi segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya.
>
> (Haron Din, 2010: 25)

Kedatangan Islam di dunia Melayu telah menjadi titik tolak kepada berlakunya perubahan dari pelbagai aspek kehidupan orang Melayu. Ismail Hamid (1991: 60) menyatakan bahawa kedatangan Islam ke daerah ini telah membawa perubahan yang dinamik dalam kehidupan orang Melayu sama ada dari luaran dan dalaman. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1999: 20) menyatakan bahawa para penyebar agama Islam mendakyahkan kepercayaan ketuhanan yang tunggal yang kudrat-Nya terhukum pada hikmat-Nya: yang iradat-Nya berjalan selaras dengan akal. Kedatangan Islam ke alam Melayu telah membawa perubahan yang besar terhadap perkembangan intelektual masyarakat Melayu melalui pelbagai bidang ilmu. Menurut Ismail Hamid (1997),

> Kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu telah memberi sumbangan yang amat besar terhadap perkembangan intelektualisme di kalangan orang Melayu. Islam telah memperkenalkan berbagai-bagai disiplin keilmuan kepada orang Melayu seperti teologi, falsafah, ilmu mistik, logik, perundangan dan sebagainya. Dengan penubuhan beberapa institusi pendidikan di beberapa tempat di Kepulauan Melayu untuk mengkaji berbagai-bagai ilmu, Islam telah mempercepatkan perkembangan penulisan dan pendidikan di kalangan orang Melayu. Melalui institusi-institusi Islam ini, lahirlah pengkaji-pengkaji dan penulis-penulis Melayu. Penulis-penulis yang terlatih dalam tradisi Islam mulai menulis dan menterjemahkan kitab-kitab agama Islam dan beberapa bentuk kesusasteraan lain. Oleh itu, pada zaman Islam, kesusasteraan Melayu lama berkembang dengan pesatnya dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> banyak genre kesusasteraan telah berkembang hasil daripada kesan agama baru ini.
>
> (Ismail Hamid, 1997: 44 & 45)

Perkembangan dan penyebaran agama suci Islam telah mengubah masyarakat di alam Melayu ke arah ketamadunan. Menurut Zulkiflee Haron et al. (2011: 114) Perubahan dan kesan yang dibawa oleh Islam adalah menyeluruh sehingga mencakup seluruh dimensi dan cabang kehidupan. Perubahan-perubahan tersebut adalah perubahan dari segi kepercayaan, politik, undang-undang, ilmu dan pendidikan, ekonomi, bahasa dan kesusasteraan, sosial dan kemasyarakatan serta budaya dan kesenian. Abdul Rahman Abdullah (2000: 406) menyatakan bahawa dengan terciptanya huruf jawi itu bukan sahaja muncul karya-karya sastera bercorak Islam, bahkan juga tertulis atau disalin semula karya-karya sastera yang berasal dari zaman pra-Islam, seperti sastera rakyat, sastera hikayat yang berasaskan epik-epik Hindu, sastera Panji Jawa dan sebagainya. Menurut Rasid Muhamad (2010: 180-181) kehadiran agama ini juga telah mempelbagaikan tema dalam kesusasteraan. Islam telah mengubah tema utama sastera daripada membincangkan hal-hal "kedewaan" dan pengaruh "kehinduan" kepada karya yang memperkatakan tentang manusia biasa. Menurut beliau lagi, kehadiran Islam sebenarnya telah memantapkan lagi bidang sastera. Ini termasuklah memperkenalkan sastera berbentuk cerita berbingkai yang dikatakan kewujudannya serentak dengan kedatangan Islam. Begitu juga dengan pelbagai bentuk sastera lain seperti syair, nazam, qasidah dan nasyid. Menurut Bani Sudardi (2003),

> Masuknya Islam ke Nusantara menumbuhkan era baru di dunia sastera dengan munculnya karya-karya sastera yang berniansa Islam. Tampak pula usaha-usaha untuk memberi warna Islam pada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> karya-karya sastera yang tidak berasal dari khazanah Islam seperti *Hikayat Seri Rama*.
>
> (Bani Sudardi, 2003: 28-29)

Hakikat ini turut diakui oleh S. Jaafar Husin. Menurut S. Jaafar Husin (1995: xiv) dalam tradisi perkembangan Islam, sastera mempunyai pertalian yang erat dengan tradisi ilmu dan mempunyai hubungan yang rapat dengan pengolahan aspek-aspek keislaman. Siti Hawa Haji Salleh (1997: 1) menyatakan bahawa tulisan jawi yang datang bersama-sama dengan ketibaan Islam ke Nusantara telah merancakkan lagi perkembangan kesusasteraan dalam masyarakat Melayu tradisional. Ali Ahmad yang dipetik dalam Jelani Harun (2004) menyatakan bahawa,

> Sarjana seperti Syed Naquib al-Attas melihat Islam sebagai agama yang menekankan demokrasi pendidikan. Setelah mengenal tulisan timbul dalam kalangan masyarakat Melayu, cendekiawan yang menjadikan penulisan sebagai alat pendidikan lalu menerajui pengarangan buku-buku dalam berbagai-bagai jenis, khususnya kesusasteraan.
>
> (Jelani Harun, 2004: 5)

Al-Quran juga merupakan sumber peradaban dan sumber kesusasteraan Islam. Menurut Shafie Abu Bakar dipetik dalam Gapena (1980: 46), al-Quran bukan sahaja memberi sumbangan kepada tamadun Islam dari segi keilmuan dan hukum hakam, tetapi juga dari segi sasteranya. Menurut Micheal Mazzaoui dipetik dalam Masood Rashid (1993: 113) sesungguhnya al-Qur'an ialah kitab sejarah yang pertama dalam Islam. Ismail Hamid (1990: 13) menyatakan bahawa Al-Quran diturunkan oleh Allah sebagai panduan tentang ajaran agama Islam dan juga sebagai mukjizat yang mencabar kewibawaan orang-orang Arab dalam penggubahan karya-karya sastera. Firman Allah SWT dalam surah *Al-Ra'd* ayat 1 yang bermaksud, "*Alif Laam Miin. Ini adalah ayat-ayat Kitab (al-Quran). Dan (Kitab) yang diturunkan kepadamu*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*(Muhammad) daripada Tuhanmu itu adalah benar; tetapi kebanyakan manusia tidak beriman (kepadanya)*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014 : 249). Menurut Shahnon Ahmad yang dipetik dalam Gapena (1980: 76) memang tidak dapat kita nafikan bahawa al-Quran adalah sumber seluruh peradaban Islam termasuk seni sasteranya. Pendapat ini disokong oleh Mustafa Haji Daud. Menurut Mustafa Haji Daud (1984),

> Al-Quran merupakan sumber utama kesusasteraan Islam. Ia menentukan batas dan ciri kesusasteraan Islam dan bukan Islam, keindahan bahasa atau nilai kesusasteraan Islam. Ia juga mengandungi prinsip ajaran Islam terdiri daripada akidah, syariah dan akhlak, metode menyampaikan ajarannya melalui secara langsung atau tidak langsung. Semuanya menjadi sumber dan rujukan yang memperkaya dan memperkukuhkan lagi kesusasteraan Islam sejak penurunannya hingga hari kiamat nanti.
>
> (Mustafa Haji Daud, 1984: 13)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kedatangan Islam ke Nusantara telah membangkitkan kesedaran tentang kesusasteraan Islam sejak awal tahun 1970-an. Menurut Shafie Abu Bakar dipetik dalam Gapena (1980: 66) gerakan ini tambah diperkukuhkan lagi dengan adanya pandangan supaya disemak kembali pendekatan di dalam menilai kebudayaan, bahasa dan kesusasteraan Melayu yang selama ini terlampau menurut kaca mata Barat yang langsung mengabaikan peranan Islam. Menurut beliau lagi, Islam telah memberi sumbangan yang besar menjadi bahasa ilmiah dan luas tersebar di Asia Tenggara. Tamadun Islam telah memberi sumbangan yang amat besar kepada perkembangan kesusasteraan Islam. Menurut Mustafa Haji Daud (1984: 98) sumbangan tamadun Islam amnya dan kesusasteraan Islam khasnya kepada perkembangan kesusasteraan Melayu begitu besar, luas dan mendalam sekali. Menurut Muhammad A. Hamdun dipetik dalam Masood Rashid (1993: 77) kesusasteraan ialah suatu juzuk kamil tamadun Islam, tidak dapat dipisahkan daripada agama Islam yang menjadi asas dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


inspirasinya. Kesusasteraan Melayu di Malaysia telah menunjukkan perkembangan yang agak pesat dalam tahun-tahun 1970-an hingga 1980-an. Menurut Kamariah Kamarudin (2011: 1), Islam dan sastera mempertalikan suatu ikatan yang kukuh lantaran kesesuaiannya terhadap fenomena dan perkembangan kesusasteraan Melayu tanah air yang berunsur Islam kini semakin pesat. Menurut Mana Sikana (2005: 41), Sastera Islam adalah jasad dan roh sastera Melayu. Malah ada yang menyatakan dasar atau *primordial images* sastera Melayu itu adalah Islam. Sejarah telah dibuktikan, yang mengubah sastera Melayu daripada kaya dengan mitos, dongeng dan tahyul kepada yang dinamik, rasional dan berakhlaqiah adalah Islam.

Seminar Sastera Islam yang diadakan di Terengganu pada tahun 1973 merupakan titik tolak kepada perkembangan sastera serta permulaan kepada penghasilan karya sastera Islam. Menurut Mana Sikana (2005),

> Yusof Zaki Yaacob telah menyediakan kertas kerja yang menarik dengan memberikan takrifan, konsep dan prinsip sastera Islam yang telah membuka perdebatan dan seterusnya kegiatan untuk melahirkan karya bercorak Islam. Dalam usaha mencari satu konsep yang jelas tentang sastera Islam, maka terjadilah polemik di antara beberapa orang tokoh sastera negara. Ini berlaku kerana masing-masing mempunyai pendapat peribadi tentang sastera Islam. Antaranya polemik antara Sasterawan Negara, Datuk Shahnon Ahmad dengan Kassim Ahmad. Perbincangan bagi mencari suatu penyelesaian diteruskan lagi oleh sarjana sastera yang lain. Antaranya, S. Othman Kelantan, Hashim Awang, Muhammad Haji Salleh, Mohd Afandi Hassan, Mana Sikana dan Shafie Abu Bakar. Hasilnya, terkumpullah beberapa teori baharu yang berlandaskan Islam seperti Teori Pengkaedahan Melayu dan Metodologi Kesusasteraan Islam, Teori Ketauhidan, Teori Taabuddiyah dan Teori Takmilah.
>
> (Mana Sikana, 2005: 41)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Teori sastera Islam muncul akibat timbulnya kesedaran dalam kalangan para pengkarya tanah air. Selain itu, teori sastera Islam wujud serta menjadi pilihan kepada pangkarya yang selama ini menjadikan teori-teori Barat sebagai panduan. Menurut Mana Sikana (2005: 42) Jelaslah hasil daripada kesedaran tentang Sastera Islam, telah menjadi alternatif kepada sebahagian para pengarang kita. Khalayak pun mengikut jejak yang ditempuh oleh pengarang itu, sebagai suatu bidang berfikir dan mendapat pemgalaman-pemgalaman baru untuk menyelesaikan masalah hidup melalui teks-teks sastera Islam. Akibat daripada lahirnya teks kreatif dan perbincangan tentang sastera Islam itu, akhirnya telah membuka jalan ke arah munculnya teori sastera Islam malah tuntutan untuk kelahiran teori sastera Islam ini menjadi semakin mendesak. Ini kerana teori sastera Islam dapat memaparkan jati diri masyarakat Melayu. Teori sastera Islam merupakan teori yang berteraskan Melayu yang menggunakan idealisme Islam. Teori moden sastera Barat ini tidak begitu sesuai untuk dipraktikkan dengan karya-karya yang dihasilkan oleh pengkarya di negara ini yang menghasilkan karya-karya yang membincangkan tentang nilai-nilai keagamaan . Ini kerana teori-teori sastera Barat itu tidak dapat memaparkan jati diri masyarakat Melayu Islam di samping ianya tidak seiring dengan konteks sosio budaya.

Teori-teori sastera Islam muncul kerana wujudnya kesedaran dalam kalangan para sasterawan tanah air terhadap kekurangan dan kelemahan yang wujud dalam teori moden sastera Barat. Walaupun teori-teori moden sastera Barat telah menjadi sebati dengan kesusasteraan Melayu selama hampir kira-kira 30 tahun lamanya, namun ianya tidak dapat menahan daripada wujudnya teori-teori sastera Melayu Islam akibat kekurangan dan kelemahan yang wujud dalam teori-teori Barat tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Menurut Hashim Awang dipetik dalam Abdul Halim Ali (2006: 47-48) Teori-teori Barat ini dikatakan tidak lengkap dan berat sebelah adalah kerana ia tidak dapat menilai hasil karya sastera yang dilahirkan oleh pengkarya Melayu Islam yang mula menerapkan unsur-unsur keislaman dalam karya-karya mereka. Menurut beliau lagi, kelompangan yang wujud dalam teori-teori moden sastera Barat inilah yang menjadi daya penggerak ke arah penciptaan teori-teori tempatan yang berorientasikan Melayu Islam.

Selain itu, polemik yang berlaku di antara Shahnon Ahmad dan Kassim Ahmad pada penghujung tahun 1970-an juga telah membuka jalan ke arah pembinaan teori-teori kesusasteraan Melayu yang berlandaskan jati diri Melayu dan berasaskan Islam. Menurut Abdul Halim Ali (2006: 53) Dari sudut sejarah perkembangan teori kesusasteraan Melayu Shahnon dan Kassim Ahmad bolehlah dianggap sebagai pencetusnya, manakala Muhammad Hj. Salleh sebagai tokoh pemula yang memberi nama teori serta gagasan-gagasannya. Teori sastera yang berteraskan Islam pertama kali diperkenalkan adalah pada tahun 1986. Teori ini dikenali dengan nama "Teori Sastera Islam." Menurut Mana Sikana (2005),

> Teori ini juga dikenali dengan nama "Teori Sastera Pengabdian" kerana merujuk kepada penyerahan dan kerendahan makhluk kepada Al-Khaliknya. Ia juga merujuk kepada hasil kesusasteraan yang dapat membentuk peradaban atau kebudayaan serta menolak karya untuk pemuasan perasaan serta kehendak lahiriah. Ia lebih menekan aspek dalaman, fikiran dan intelektualisme sesuai dengan sifat *'al-'aql'* yang menjadi teras Al-Din. Teori sastera Islam adalah pancaran orang yang muqarrabin dengan illahi secara rohaniah dan badaniah. Falsafah teori ini ialah pertama menguatkan akidah; kedua, mengukuhkan syariah dan ketiga meninggikan akhlak.
>
> (Mana Sikana, 2005: 43)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Penguatan akidah dalam falsafah Teori Sastera Pengabdian bermaksud karya sastera yang dapat menunjukkan atau membimbing ke arah memperkuatkan iman dan kepercayaan. Sastera Islam mengajak manusia untuk melakukan kebaikan serta melarang manusia daripada melakukan kejahatan atau kemungkaran. Oleh itu, sastera Islam perlu menanamkan perasaan kesedaran bahawa semua umat manusia akan dihitung segala amalan baik dan jahat mereka di akhirat kelak. Setiap amalan tersebut akan diberi balasan oleh Allah SWT. Segala permasalahan yang timbul perlu diselesaikan dengan menggunakan nilai-nilai Islam. Pengkarya yang mengaplikasi teori ini mestilah mempunyai pengetahuan agama Islam yang tinggi merangkumi dasar, prinsip dan syiar Islam. Jika sebaliknya, maka hasil karya mereka tidak akan dapat digarap dengan sebaik mungkin kerana dasar-dasar, prinsip Islam perlu diterapkan dan disampaikan kepada khalayak tanpa penyimpangan atau penambahan. Pada tahun 1996, teori ini dikenali dengan nama baharu, iaitu Teori Taabudiyyah yang bermaksud pengabdian.

Selepas Teori Taabudiyyah, lahir pula Teori Puitika Sastera Melayu. Teori ini telah diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh yang mengambil kekuatan sastera Melayu klasik sebagai landasan pembinaannya. Selepas Teori Puitika Sastera Melayu, muncul pula Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang, Teori Persuratan Baru oleh Mohd Affendi Hassan, Teori Takmilah oleh Shafie Abu Bakar, Teori Teksdealisme oleh Mana Sikana dan Teori Rasa Fenomenologi oleh Sohaimi Abdul Aziz. Teori Takmilah merupakan sebuah teori yang mengesakan Allah SWT. Teori ini telah dijana oleh Shafie Abu Bakar pada tahun 1993. Menurut Menurut Abdul Halim Ali (2006),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Teori ini dianggap satu-satunya teori sastera Islam di Malaysia yang memberi penekanan analisis dan kritikan bersandarkan secara langsung kepada konsep tauhid. Kemunculan teori ini telah membuka jalan alternatif kepada para sarjana dan pengkritik untuk melakukan kajian, analisis, ulasan dan kritikan berasaskan prinsip-prinsip keIslaman.
>
> (Abdul Halim Ali, 2006: 84)

Teori Takmilah muncul hasil daripada beberapa siri pembentangan kertas kerja yang membincangkan teori dan konsep sastera Islam. Pada peringkat awal, satu kertas kerja telah dibentangkan oleh Shafie Abu Bakar yang berjudul 'Sastera Islam: Teori Pengindahan dan Penyempurnaan dalam Rangka Tauhid' di Port Dickson pada 29 hingga 31 Oktober 1992. Menurut Abdul Halim Ali (2006: 85) Perbincangan umum dalam kertas kerja itu ternyata telah membuahkan idea kepada Shafie Abu Bakar untuk menggagaskan satu kerangka teori yang boleh digunakan sebagai landasan kritikan dan analisis karya. Istilah Takmilah hanya wujud atau digunakan oleh Shafie Abu Bakar apabila beliau membentangkan kertas kerja yang berjudul 'Takmilah: Teori Sastera Islam' sempena Nadwah Sastera Islam Antarabangsa, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 1 hingga 3 Disember 1993. Teori Takmilah yang diperkenalkan tersebut mengandungi tujuh prinsip yang menjurus kepada ketauhidan dan mengesakan Allah SWT. Prinsip-prinsip tersebut dapat membentuk sikap yang baik dan taat kepada Allah SWT dengan cara menjalankan segala suruhan-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Jika umat Islam mengamalkan segala perkara yang ditekankan dalam ketujuh-tujuh prinsip Teori Takmilah, maka akan lahirlah insan yang berpegang teguh dengan ajaran Islam serta dapat dijadikan sebagai model perwatakan insan terpuji dan seterusnya dapat menjadi modal insan kepada sesebuah negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Prinsip kedua Teori Takmilah, iaitu Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* telah menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai model ke arah pembentukan modal insan yang terpuji. Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* ini telah dipecahkan kepada tiga konsep utama, iaitu konsep insan Khalifah, insan *Rabbani* dan insan *Kamil* yang merujuk kepada peribadi Rasulullah SAW. Allah SWT mengutus Rasulullah SAW bagi menunjuk cara yang sempurna untuk manusia agar berakidah, bersyariat dan berakhlak mengikut Al-Quran. Allah SWT memberi balasan ke atas setiap amalan manusia sesudah diutus Rasulullah SAW kepada mereka. Sesungguhnya matlamat kehidupan manusia adalah untuk mencapai keredhaan Allah SWT melalui amalan mereka sewajibnya dengan mencontohi apa yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Firman Allah SWT dalam surah *Al-Ahzab*, ayat 21 yang bermaksud, *"Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah SAW itu teladan yang baik bagimu, iaitu bagi orang yang mengharapkan rahmat Allah dan (kedatangan) hari kiamat serta yang banyak mengingati Allah"* (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 420).

Nabi Muhammad SAW merupakan manusia pilihan yang diutus oleh Allah SWT untuk menjadi contoh ikutan kepada umatnya, diturunkan Al-Quran kepadanya untuk dibaca, dilaksanakan perintahnya dan disebarkan ajarannya ke seluruh alam. Tutur kata dan perbuatan Nabi Muhammad SAW itu dikenali sebagai sunnah (*al-hikmah*) yang sewajibnya dicontohi dan diikuti sama ada pada perintah suruhannya atau larangannya. Justeru, agama Islam mengajar umatnya agar bersikap sederhana dalam segala amalan. Umat Islam amat dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Rasulullah SAW

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


perlu dijadikan sebagai suri teladan agar dapat mewujudkan masyarakat yang hidup dengan sempurna dan dalam masa yang sama diberkati oleh Allah SWT. Pada masa yang sama, umat Islam juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrim yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan negara.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam konteks pembentukan mana-mana negara-bangsa, peranan kesusasteraan tidak dapat dipisahkan. Kesusasteraan adalah sebagai lambang penyatuan diri, konsep negara, pergolakan yang berlaku dalam masyarakat hingga dapat menakrifkan dan memberikan petanda dan kerangka sesebuah masyarakat tersebut (Azhar Hj. Wahid, 2013: 10). Sastera mampu untuk membentuk serta mewujudkan insan yang baik dan memiliki tingkah laku yang sempurna. Untuk tujuan tersebut, maka mata pelajaran sastera telah diperkenalkan di sekolah. Pada peringkat sekolah menengah, pengenalan mata pelajaran Komsas telah diperkenalkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Bagi memastikan sastera dapat meningkatkan potensi insan secara menyeluruh dan bersepadu, maka kurikulum telah distrukturkan semula. Menurut Azhar Hj. Wahid & Fathin Noor Ain bt Ramli (2017),

> Sejajar dengan pendidikan negara yang mana adalah bertujuan untuk meningkatkan potensi secara menyeluruh dan bersepadu bagi mewujudkan insan yang baik dan sempurna, maka amat penting bagi mensturkturkan kurikulum yang amat bersesuaian bagi merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan ini. Ini kerana secara tidak langsung keperibadian dan sahsiah seseorang individu itu sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun menengah adalah dipengaruhi oleh apa yang mereka pelajari di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


(Azhar Hj. Wahid & Fathin Noor Ain bt Ramli, 2017: 3)

Usman Awang (1993: 127), menyatakan dalam sejarah sesuatu bangsa, tiap zaman memberikan satu pertanggungjawabannya kepada kepentingan seniman, termasuk penulis atau pengarang. Jadi peranan pengarang ialah mempertahankan dan memperjuangkan nilai-nilai luhur yang umum diterima dan dihormati manusia, iaitu kebenaran, kebebasan dan sifat-sifat kemanusiaan. Sastera mempunyai boleh dijadikan untuk mendidik jati diri dan keperibadian mulia terutama kepada golongan remaja yang juga merupakan pelajar. Menurut Ani Omar dipetik dalam Abdul Halim Ali & Julietta Taisin (pngr), (2018: 17) sastera juga mampu untuk membentuk jati diri pelajar agar mereka tidak hanyut dengan arus zaman dan budaya negatif Barat yang merosakkan. Ini menunjukkan bahasa sastera dapat menjadi benteng yang ampuh dan kukuh dalam usaha untuk melindungi para remaja yang juga merupakan pelajar daripada terpengaruh dengan budaya luar yang meresap masuk ke negara ini melalui pelbagai media massa dan media cetak. Namun begitu, perkara yang lebih penting, sastera dapat membentuk minda serta jati diri pelajar. Menurut Ani Omar (2018),

> Peranan Kesusasteraan Melayu penting dalam pembinaan jati diri pelajar. Ini kerana ianya sendiri sebahagian daripada budaya sesuatu tamadun. Sastera ialah sesuatu yang kreatif lagi kritis. Pembinaan dan penciptaannya penuh dengan estetik lagi indah di samping sarat dengan unsur-unsur moral kerana sastera itu tidak akan dihasilkan secara sia-sia.
>
> (Ani Omar, 2018: 19)

Karya kesusasteraan Melayu merupakan rakaman sejarah hidup dan pengalaman masyarakat Melayu seusia dengan kewujudan manusia Melayu itu sendiri (Abdul Halim Ali dipetik dalam Abdul Halim Ali & Julietta Taisin (pngr), 2018: 10).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kesusasteraan merupakan suatu bentuk karya penulisan yang dihasilkan untuk menyampaikan pengalaman dalam kehidupan manusia. Dengan menghayati dan meneliti khazanah kesusasteraan Melayu, masyarakat kini mampu mengetahui kekuatan, kehebatan dan kebesaran serta peradaban bangsa Melayu itu sendiri. Karya sastera memberi ilmu pengetahuan berkaitan hati budi dan peradabannya. Menurut Ani Omar dipetik dalam Abdul Halim Ali & Julietta Taisin (pngr), (2018),

> Kesusasteraan memperlihatkan kecenderungan pengungkapan pengalaman tentang hidup dan kehidupan, manusia dan kemanusiaan serta kebenaran dan kejujuran sebagai keindahan hidup yang bernilai dan bermakna.
>
> (Ani Omar, 2018: 15)

Menurut Azhar Hj. Wahid & Fathin Noor Ain bt Ramli (2017:3) Secara umumnya, sastera sebenarnya telah mula bertapak secara rasmi dalam subjek Bahasa Melayu sejak 22 tahun yang lalu, iaitu pada sekitar tahun 1984. Walau bagimanapun pada masa tersebut pemilihan teks sastera yang diajar di sekolah-sekolah tidak diselaraskan mengikut zon seperti sekarang. Guru Bahasa Melayu boleh memilih teks sastera untuk proses pengajaran dan pembelajaran masing-masing. Sastera Melayu berupaya membentuk akhlak pelajar dan membantu proses membina identiti sesuatu bangsa. Menurut Azhar Hj. Wahid dan Fathin Noor Ain bt Ramli (2017),

> Komsas (komponen sastera) di sekolah berupaya membina teras kepada identiti sesuatu bangsa. Identiti seseorang pelajar dilihat menjadi ukuran bagi menilai akhlak seseorang pelajar itu serta menjadi ukuran sama ada pelajar tersebut bbaik atau buruk tingkah lakunya.
>
> (Azhar Hj. Wahid & Fathin Noor Ain bt Ramli, 2017: 3)

Sastera juga berperanan penting untuk membentuk modal insan. Karya sastera yang sarat dengan nilai murni dapat membantu dalam pembentukan modal insan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Menurut Azhar Hj. Wahid (2013) Banyak nilai murni yang diterapkan dalam karya sastera yang baik. Nilai-nilai murni ini mampu berupaya untuk membentuk sifat sopan santun dan etika dalam diri pelajar. Nilai-nilai murni yang banyak ditekankan dalam karya sastera ini telah berupaya memberikan nilai-nilai kemanusiaan yang sangat tinggi yang mana pada keseluruhannya memupuk sopan-santun dan etika dalam diri seseorang pelajar. Menurut Ani Omar (2018: 23) sesuatu karya sastera yang baik itu haruslah mempunyai impak yang membina kepada pembacanya, iaitu berlakunya perubahan peningkatan moral dari sebelum membaca kepada selepas membaca karya tersebut. Ini bermaksud, karya sastera yang baik mampu mendidik khalayak supaya menjadi lebih baik. Menurut Azhar Hj. Wahid (2013: 142) Pembangunan modal insan dan anjakan minda dan pemikiran warga adalah salah satu cabaran terbesar. Menurut beliau lagi, dalam konteks dunia global, modal insan bermutu tinggi adalah satu keperluan. Menurut Lenny Luat (2015: 13) Insan merupakan makhluk yang paling utama di atas muka bumi ini. Sejak awal lagi, insan merupakan komponen penting dalam semua aspek tidak kira aspek pengurusan, pentadbiran dan kemasyarakatan. Sumber manusia merupakan salah satu aset yang amat penting dalam menjamin kecemerlangan dan kemajuan komuniti atau negara itu. Menurut Azhar Hj. Wahid dan Zawawi Jahya (2009),

> Usaha pembangunan modal insan merupakan usaha pendidikan yang paling utama. Ia bertujuan untuk melahirkan manusia yang berkeupayaan membangunkan seluruh potensi diri dan setiap bakat serta kebolehan yang tersembunyi di dalam dirinya. Keupayaan untuk melakukan penyelongkaran dan pembangunan serta pembinaan manusia yang seumpama ini akan melahirkan sekali gus menzahirkan diri insan itu seutuhnya atau insan yang sesempurna mungkin. Dalam konteks negara kita, insan seutuhnya yang ingin dibina, dibangunkan serta dilahirkan seterusnya menzahirkan dirinya sebagai insan seimbang dari segala aspek hidup dan kehidupannya merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan inteleknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


(Azhar Hj. Wahid & Zawawi Jahya, 2009: vii-viii)

YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi merupakan individu yang bertanggungjawab kepada tercetusnya revolusi idea dalam memberi penekanan kepada usaha untuk membangunkan modal insan sebagai satu landasan kecemerlangan generasi masa hadapan. Menurut Lenny Luat (2015: 18) Perdana Menteri Malaysia Kelima, YAB Abdullah Ahmad Badawi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sangat menitikberatkan pengurusan modal insan. Menurut Junaidy Abd. Wahab dipetik dalam Lenny Luat (2015: 18) Pengurusan modal insan berpengetahuan dan bermutu tinggi harus diutamakan dalam menempuh arus globalisasi sekiranya ingin menjadi negara maju. Ini kerana generasi akan datang ini merupakan aset insani yang amat berharga dan paling penting dalam usaha kerajaan untuk mewujudkan sebuah negara yang maju, cemerlang dan terbilang menjelang Wawasan 2020. Menurut Abdullah Ahmad Badawi (dipetik dalam Lenny Luat, 2015: 18-19) Kejayaan dunia dan akhirat ini bergantung dengan kesimbangan pembangunan fizikal dan spiritual dalam pelaksanaan pembangunan baik negara atau institusi. Sapora Sipon & Mohamed Asin Dollah (dipetik dalam Nik Salida Suhaila Nik Salleh et al. 2008: 1&2) Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) mensasarkan pembangunan modal insan sebagai teras utama pembangunan negara dalam usaha memperlengkapkan Misi Nasional dan Wawasan 2020. Bagi mencapai matlamat ini, pembangunan modal insan perlu digarap ke arah pembentukan individu berkualiti yang mempunyai pakej lengkap sebagai individu yang holistik dalam semua aspek kehidupan meliputi aspek fizikal, spiritual, emosi dan kebendaan *(material*).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Faktor kecemerlangan modal insan ini perlu wujud di segenap ruang dan herarki masyarakat dan negara yang menjadi nadi kepada keutuhan dan kecemerlangan bangsa tersebut. Untuk memastikan kecemerlangan dan kemajuan sesebuah komuniti atau negara itu dapat berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah, maka setiap warga masyarakat yang membentuk komuniti atau negara itu perlu memainkan peranan yang sangat penting agar terjalinnya suatu hubungan yang sangat akrab. Keakraban hubungan antara ahli masyrakat ini akan menjadi senjata yang sangat ampuh dan utuh kepada kemajuan dan kecemerlangan masyarakat atau negara.

Modal insan merupakan individu yang berilmu, berkeyakinan, mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan-santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, adil, progresif, cekal dan berdaya saing. Merekalah yang akan menentukan hala tuju dan kemajuan negara pada masa hadapan. Shaharuddin Baharuddin dalam Siti Khariah & Zarima Mohd Zakaria (2009: 28) menyatakan bahawa modal insan secara umum ialah merujuk kepada manusia yang dikategorikan berdasarkan kepada keupayaan atau kebolehan dan kemahiran yang ada pada diri seseorang di dalam perkongsian atau bagaimana seseorang pekerja itu boleh memberikan pulangan pendapatan kepada organisasi atau sumbangan kepada pertubuhan ekonomi bagi sesebuah negara. Beliau juga menjelaskan bahawa modal insan merujuk kepada usaha dalam meletakkan nilai tara di antara diri dan pekerjaan yang akan dilakukan atau pengukuran nilai ekonomi terhadap aset kemahiran yang dimiliki oleh para pekerja berasaskan kepada aset yang dimiliki oleh seseorang individu. Aset yang dimaksudkan di sini merujuk kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


keupayaan, kebolehan, kemahiran seseorang pekerja tersebut melakukan pekerjaannya.

Hasrat dan wawasan Perdana Menteri yang ke-5 ini telah diteruskan oleh Perdana Menteri Malaysia yang ke-6, iaitu YAB Dato' Seri Najib Abdul Razak. Beliau mengutamakan modal insan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Menurut Anwar Hussin et al. (2010: 2) strategi kerajaan dalam RMKe-10 yang menggabungkan pembangunan fizikal dan pembangunan modal insan sebagai teras, dilihat amat berkesan untuk meletakkan negara di landasan yang tepat ke arah mencapai negara maju dan berpendapatan tinggi. Rancangan itu diyakini akan membawa perubahan kepada negara dan rakyat pelbagai kaum untuk mengharungi cabaran mendatang, khususnya perubahan ekonomi dunia serta persaingan yang bakal ditempuh oleh negara pada masa hadapan. Mahdi Shuid et al. (2010: 40) menyatakan pendidikan dan pengetahuan dikatakan prasyarat penting untuk mana-mana negara mencapai kejayaan dan di sepanjang sejarah, hanya empayar yang berteraskan akal yang akan terus wujud. Satu ciri negara bangsa yang kukuh ialah masyarakat yang memiliki dan menempatkan pendidikan dan pengetahuan di mercu segala yang lain.

Kekayaan sumber alam yang dimiliki oleh sesebuah negara tidak akan menjadi suatu kelebihan sekiranya tidak mempunyai sumber tenaga manusia yang dapat memanfaatkan kekayaan sumber alam untuk membangun negara. Mohd. Ismail Zamzam (1993: 65) menyatakan sesebuah negara mungkin sumber alam yang kaya, tetapi kalau negara itu tidak mempunyai sumber tenaga manusianya yang cukup untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mengolah sumber alam yang ada tidak mungkin dapat dimanfaatkan kepada rakyat terbanyak. Justeru itu, dalam menghadapi tahun 2020, generasi muda kita yang ada dan generasi yang akan datang perlu dibentuk bukan sahaja menjadi manusia yang cerdas, sihat jasmani dan rohani, tetapi jadi manusia yang kreatif yang dapat memanfaatkan sumber alam yang wujud disekelilingnya untuk kepentingan bangsa dan negara.

Robiah Kulop Hamzah (2001: ix) menyatakan bahawa golongan remaja adalah pewaris generasi yang akan datang. Golongan remaja banyak memberi kesan kepada perkembangan budaya masyarakat dan negara. Cara hidup yang diamalkan oleh golongan remaja masa kini adalah gambaran budaya yang akan datang. Oleh itu, kalau budaya masa kini itu baik dan sesuai maka dapat dianggap baik dan sesuai pulalah budaya yang terbina pada masa akan datang. Tetapi jika sebaliknya yang terjadi, kesannya amat besar pada pembangunan budaya bangsa dan negara. Budaya adalah cara hidup yang menjadi sendi sesuatu bangsa. Budaya tidak dapat dibentuk dalam masa sehari atau sekelip mata, tetapi memerlukan masa yang sangat lama. Lee Lam Thye (2000: 46 & 47) menyatakan negara memerlukan generasi yang berpengetahuan, mempunyai ketahanan mental dan kekuatan dalaman, berakhlak mulia, berwibawa dan berwawasan, berdaya saing, berdisiplin, bertanggungjawab terhadap keluarga, bangsa dan negara, bermotivasi tinggi, kreatif, berdedikasi dan berfikiran luas serta positif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kamariah Musa (1999: 42) menyatakan potensi sumber manusia merupakan aset terpenting yang menentukan kejayaan atau kegagalan pencapaian matlamat organisasi. Situasi ini ketara jika dirujuk kepada pengalaman ekonomi negara yang terbatas "sumber alamnya" sejak dua dasawarsa lalu. Yang jelas, sumber yang paling utama bagi sesebuah negara ialah bakat, kemahiran, daya cipta dan daya usaha rakyatnya. Tenaga intelek adalah sumber yang amat berharga berbanding dengan sumber alam. Alimuddin bin Haji Mohd. Dom dalam Halis Azhan Mohd Hanafiah (2010: 1) menegaskan bahawa matlamat dan dasar kementerian dalam membina negara bangsa adalah untuk memastikan setiap pelajar memiliki jati diri yang kukuh, patriotik, berpegang teguh kepada ajaran agama dan moral, hidup sebagai sebuah masyarakat penyayang, demokratik, liberal, bertolak ansur, berfikiran dan berbudaya saintifik serta bersatu padu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi merealisasikan hasrat ini, guru dan institusi pendidikan merupakan agen perubahan yang penting dalam memainkan peranan memastikan generasi pewaris negara diberikan pendidikan tidak berbelah bahagi. Menurut Haryati Shafii (2010: 24) Mahbub Ul Haq, pakar ekonomi dari Pakistan mempelopori konsep ini dan menjelaskan bahawa "pembangunan manusia" ialah pembangunan yang memusatkan manusia itu sendiri, iaitu manusia menjadi ejen pembangunan dan sekali gus menjadi matlamat akhir kepada pembangunan itu sendiri. Menurut Azhar Hj. Wahid (2013: 143 & 144) dalam konteks senario dunia dalam era globalisasi yang demikian mencabar dan lebih terbuka ini, pembangunan modal insan yang seharusnya dibangunkan ialah manusia baik dan beradab yang bukan sahaja boleh beroperasi dengan jaringan dan rangkaian hubungan manusia dan pelbagai organisasi seluruh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dunia, tetapi juga semestinya berupaya menjadi pemain bertaraf yang serentak menjalankan amanah memakmurkan dan mensejahterakan alam.

Kesimpulannya, pembangunan modal insan amat penting bagi memastikan kecemerlangan dan kesejahteraan negara dapat dikekalkan. Ini kerana modal insan yang berkualiti ini akan menjadi warga yang berguna dari segala aspek kehidupan. Tanggapan sesetengah masyarakat yang menyatakan bahawa pembangunan manusia mestilah bersifat fizikal dan tidak ada kaitan dengan nilai-nilai Islam perlu sama sekali diperbetulkan.

## 1.3 Permasalahan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembangunan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek amat penting kepada sesebuah negara. Modal insan yang seimbang mampu memberikan sumbangan terhadap pembangunan dan kemajuan sesebuah negara. Namun begitu, hal ini boleh dicapai sekiranya masyarakat sesebuah negara mampu mengamalkan pendidikan sepanjang hayat serta patuh kepada perintah Allah SWT. Menurut Azhar Hj. Wahid & Zawawi Jahya (2009),

> Dalam konteks negara kita, insan seutuhnya yang ingin dibina, dibangunkan serta dilahirkan seharusnya menzahirkan dirinya sebagai insan seimbang dari segala aspek hidup dan kehidupannya merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan inteleknya.
>
> (Azhar Hj. Wahid & Zawawi Jahya, 2009: vii)

Umar M. Noor (2011: 29) menyatakan bahawa anak-anak muda adalah aset umat Islam yang tidak ternilai, mereka mempunyai potensi yang besar dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


memajukan umat. Menurut beliau lagi, Islam tidak pernah meremehkan suara-suara muda, apalagi membungkamnya. Sesiapa yang mengabaikan suara-suara ini maka ia telah menzalimi mereka, merugikan diri sendiri dan merugikan umat Islam. Menurut Nur'ainy Ali dipetik dalam Jelani Harun (2004: 30) Generasi muda sebagai generasi penerus harus dibentuk supaya mempunyai akhlak yang mulia selain berilmu. Akhlak yang mulia melahirkan peribadi yang mulia dengan budi pekerti yang luhur. Bangsa kita terkenal dengan sifat-sifat sedemikian sejak zaman-berzaman. Namun begitu, kini masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja sering menjadi tajuk perbincangan yang hangat. Menurut Che Zuina Ismail (2009),

> Masalah keruntuhan akhlak menjadi tajuk perbincangan yang cukup hangat kebelakangan ini. Akhbar-akhbar tempatan tidak putus-putus mencatatkan rekod pelakuan manusia yang mencerminkan keruntuhan dan kebankrapan moral mereka terutama di kalangan remaja sampailah kepada orang dewasa. Remaja dengan tabiat lepak, berpeleseran sampailah kepada pembuangan anak dan orang dewasapula dengan dengan tabiat pecah amanah, suka mendera sampailah kepada sumbang mahram.
>
> (Che Zuina Ismail, 2009: 58)

Dalam era globalisasi atau dunia tanpa sempadan ini agak sukar untuk mengelak daripada menerima pengaruh-pengaruh dari luar. Pengaruh-pengaruh dari luar dapat masuk ke sesebuah negara melalui pelbagai cara dan pelbagai media yang sedia ada. Antara pengaruh yang meresap masuk ini adalah pengaruh dari Barat. Pengaruh dan cengkaman Barat dalam kehidupan masyarakat di rantau ini termasuklah di Malaysia amat ketara sekali. Pengaruh dan cengkaman dalam pelbagai bidang terutamanya yang berbentuk hiburan akan pasti mempengaruhi dan seterusnya membentuk sikap serta tingkah laku rakyat negara ini khususnya golongan remaja yang sentiasa mencari perubahan terutamanya dari segi hiburan. Menurut Ismail Abdullah (2009),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Daripada bidang seni lukis, seni grafik, fotografi, percetakan sehinggalah kepada seni muzik, seni bina, seni teater, fesyen, pengiklanan, automotif dan sebagainya telah menggunakan ukuran dan cita rasa Barat yang wujud di mana-mana. Secara umumnya, kita berada dalam hegemoni budaya kuning Barat. Teknik fotografi dan filem cakera misalnya, telah menggunakan pendekatan yang diterokai oleh para seniman foto profesional dari Hollywood yang canggih. Hasil kerja muzik subbudaya dan eksperimen yang bebas, atau yang dikenali sebagai falsafah muzik "*Indies*" yang dihasilkan melalui beberapa siri pesta "*Rock the World*" berdekatan Stadium Merdeka pada bulan Disember 2008 oleh "pemuzik bebas", adalah wadah muzik baru yang lebih liberal di negara ini. Kemunculan muzik jenis baru ini menyebabkan masyarakat kita berdepan dengan fenomena jati diri dalam mencari dan menentukan rupa bentuk dan nilai muzik sendiri.
>
> (Ismail Abdullah, 2009: 259)

Menurut Che Zuina Ismail (2009: 158) Masyarakat Malaysia terutamanya golongan remaja masa kini terdedah dengan pelbagai pengaruh luar terutamanya dari Barat. Keadaaan ini terjadi kerana golongan remaja masa kini sangat mudah untuk menerima pelbagai budaya yang tidak sihat terutamanya dari Barat yang hanya mementingkan keseronokan semata-mata. Walaupun tidak semua budaya dari Barat itu bersifat negatif, namun golongan remaja lebih tertarik kepada anasir-anasir yang tidak baik yang ditonjolkan melalui budaya Barat seperti pergaulan bebas, hubungan seks sejenis atau homoseksual dan pelbagai lagi. Selain itu, golongan remaja juga amat tertarik dengan hiburan-hiburan yang dipertontonkan dari Barat melalui media cetak dan media massa. Keadaan ini telah menyebabkan berlakunya masalah keruntuhan akhlak di negara kita. Menurut Ismail Abdullah (2009),

> Budaya dari dunia Barat pula berjaya mempengaruhi dan meresap masuk ke dalam gaya hidup sosial dan budaya semasa kita. Projek hiburan Akademi Fantasia, *Malaysian Idols*, Jom Heboh, drama sitkom dan lain-lain yang berunsur Barat telah menjadi tradisi hiburan dan media keluarga. Maka terhasillah golongan remaja yang amat mementingkan hiburan dan keseronokan semata-mata. Sejajar dengan itu, berlakulah perubahan pola sikap, budaya, dan pemikiran generasi muda masa kini. Keadaan ini akan menjadi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> parah sekiranya tiada langkah untuk membendung situasi ini daripada terus melanda golongan muda ini kerana mereka merupakan modal insan yang akan mentadbir dan mewarisi negara ini pada masa hadapan.
>
> (Ismail Abdullah, 2009: 266)

Anwar Patho Rohman (2012: 33), menyatakan bahawa strategi dan pendekatan diguna pakai Barat ialah dengan mewujudkan dan menyebarluaskan perselisihan dalaman dunia Islam serta menjadikan umat Islam berpuak-puak hanya kerana perbezaan idea dan pemikiran. Segala perancangan ini adalah muslihat Barat bagi menyekat Islam berkembang selain melumpuhkan potensi ummah untuk maju bagi memastikan dominasi mereka dalam bidang ekonomi, politik dan sosial berkekalan. Strategi dan pendekatan yang diguna pakai oleh Barat ini telah berjaya melemahkan dan melonggarkan ikatan dan ukhwah umat Islam. Keadaan yang tidak stabil ini akan memudahkan lagi Barat untuk melumpuhkan umat Islam untuk maju dan bersaing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ismail Abdullah (2009: 249) menyatakan bahawa di sebalik kemajuan seni budaya yang ingin dibentuk atau dihasilkan oleh seniman dan budayawan kita, kita juga berdepan dengan budaya pinggiran atau sampingan yang hidup segar. Budaya ini tidak selari dengan konvensi tempatan atau tidak mempunyai tanda-tanda ketamadunan bangsa yang utuh, tetapi menggambarkan pertentangan amalan, nilai, kelunturan maruah atau moral bangsa dan kemanusiaan. Tentu sekali tidak akan ada ahli masyarakat Malaysia yang menghargai budaya dadah, lumba haram, penghinaan bahasa, kaum dan agama. Tindakan begini akan membuahkan budaya negatif, rendah dan songsang yang berbahaya, tidak berguna atau *counter productive*. Pendapat ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


disokong oleh Yusuf Al-Qardhawi (2001:16) yang menyatakan bahawa sekarang syari'at Islam telah mula diuji dengan berbagai-bagai masalah dan ragam yang belum pernah dialami di zaman Rasulullah SAW.

Keadaan menjadi bertambah buruk apabila wujud organisasi-organisasi dalam negara yang menjalankan usaha untuk memurtadkan umat Islam. Organisasi-organisasi ini telah melatih mubaligh secara profesional dalam usaha mereka untuk memurtadkan umat Islam di negara ini. Golongan ini telah menjalankan usaha yang sangat licik untuk menarik minat dan menggaburi umat Islam agar terpedaya dan termasuk dalam perangkap yang mereka pasang. Menurut Anwar Patho Rohman (BH 2011: 30) Globalisasi yang didatangkan bersama pakej perjuangan menuntut kebebasan hak asasi dan demokrasi ala-Barat, turut merancakkan juga gerakan memurtadkan umat Islam di negara ini tanpa berselindung lagi. Kenyataan ini telah diperkukuhkan lagi oleh Abdul Muin Sapidin (2011: 4) yang memetik kata-kata Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Adat-adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Selangor, Datuk Dr. Hassan Ali yang mendedahkan kewujudan sebuah organisasi di negeri itu yang melatih mubaligh secara profesional untuk memurtadkan umat Islam. Menurut beliau lagi, organisasi tersebut melatih mubaligh yang kaya dengan ideologi Barat bagi memesongkan akidah umat Islam dengan strategi yang licik termasuk menyertai solat berjemaah di masjid atau surau. Golongan ini telah mensasarkan kegiatan mereka kepada orang-orang Islam yang miskin, kurang pengetahuan agama, mereka yang berhutang, orang yang rumah tangganya kucar-kacir, pasangan bercerai, golongan berfikiran liberal serta mereka yang tidak mengamalkan cara hidup Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Selain itu, wujud pertubuhan atau badan bukan kerajaan (NGO) yang begitu lantang memperjuangkan kebebasan hak beragama di negara ini. Mereka yang berselindung di sebalik nama NGO tanpa rasa bersalah telah beberapa kali cuba untuk mencemarkan kesucian agama Islam melalui beberapa tindakan yang diambil. Antara tindakan yang diambil adalah seperti mendesak supaya masjid dan surau tidak dibenarkan untuk melaungkan azan terlalu nyaring terutamanya pada waktu Subuh, membaling kepala khinzir dan menyimbah air najis di surau. Anwar Patho Rohman (2011: 23) menyatakan bahawa selain gerakan murtad menjadi agresif, muncul pula badan bukan kerajaan (NGO) yang mendapat suntikan dana antarabangsa memperujuangkan hak asasi manusia memperjuangkan agenda kebebasan beragama di negara ini. Penjelasan ini menunjukkan bahawa betapa bersungguh-sungguhnya golongan ini berusaha untuk merealisasikan hasrat dan matlamat mereka. Ini merupakan satu ancaman yang besar yang perlu dihadapi oleh umat Islam.

Negara digemparkan dengan pembabitan pelajar sekolah rendah dan menengah dalam kegiatan seks sejenis. Pembabitan pelajar sekolah dalam kegiatan tidak bermoral ini makin berleluasa. Keadaan ini amat membimbangkan. Kamil Maslih (2012: 3) yang memetik kata-kata Presiden Jaringan Melayu Malaysia (JMM), Azwanddin Hamzah yang menyatakan bahawa kajian yang dilakukan JMM mendapati sebanyak 21 laporan polis telah dibuat sepanjang tahun lalu berkenaan pembabitan pelajar sekolah rendah dan menengah dalam kegiatan seks sejenis. Menurut beliau lagi, kajian JMM turut mendapati sebanyak 21 kes perceraian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor tahun lalu dikesan berpunda daripada salah seorang pasangan suami isteri mengamalkan seks sejenis. Di samping

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


itu, kata beliau, perangkaan tahun 2010 daripada Majlis AIDS Malaysia (MAM) menunjukkan jumlah HIV yang berpunca daripada golongan seks sejenis adalah 48.7 peratus iaitu lebih tinggi daripada golongan yang berkongsi jarum dadah iaitu 47.7 peratus.

Alaf ini, negara ini telah dikejutkan dengan gerakan *Lesbian, Gay, Biseksual* dan *Transgender* (LGBT). Menurut Mohd. Asron Mustapha & Nizam Yatim (2012: 7) yang memetik kenyataan Hushim Salleh menyatakan bahawa kerajaan perlu menangani isu LGBT dengan cepat dan tegas kerana penyakit sosial tersebut telah merebak menjadi barah dalam masyarakat memandangkan pengamalnya terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuk ahli politik. Menurut beliau lagi, individu yang terlibat dan mengamalkan budaya songsang ini adalah manusia yang sakit jiwa selain mempunyai perwatakan pelbagai personaliti (*split identity*) yang sentiasa berubah-ubah serta berpegang kepada prinsip liberalisme. Data ini telah memberi gambaran yang jelas betapa parahnya keadaan masyarakat negara ini akibat pengaruh dari luar terutamanya dari Barat. Pengaruh dari luar dan dalam yang tidak sihat ini akan menghakis dan akhirnya akan melenyapkan jati diri golongan remaja terutama remaja Melayu Islam. Kebangkitan LGBT ini dilihat bukan sahaja akan mengancam asas kekeluargaan malah lebih dahsyat lagi mengundang kemurkaan Allah SWT.

Gerakan fahaman Syiah yang difatwakan haram telah menular ke negara ini. Fahaman ini telah menular ke negeri Perlis dan Kedah. Beberapa orang pengikut Syiah telah dikesan mengedar risalah berkaitan fahaman itu di beberapa majlis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


keagamaan yang diadakan. Timbalan Mufti Perlis, Rosli Esa (2012: 1) berkata risalah bertajuk *Forum Hal Ehwal Islam Islam (Mencintai Sahabat Rasulullah)* yang diedar itu turut mengguna pakai nama Jabatan Mufti Perlis sebagai penganjur bagi menggelirukan umat Islam. Menurut beliau lagi, ratusan risalah diedar kumpulan yang disyaki penganut Syiah dari Kedah itu dalam dua majlis anjuran pihaknya di sekitar daerah ini. Beliau yakin kumpulan ini sedang berusaha menerapkan ajaran Syiah ke seluruh Malaysia dan mereka kini mula menyebarkan fahaman berkenaan di negeri Perlis selepas didakwa semakin bertapak kukuh di negeri Kedah. Ini diakui sendiri oleh pihak Jabatan Agama Negeri Kedah (JAIK).

Kewujudan kitab songsang juga boleh mempengaruhi dan akhirnya akan menyelewengkan akidah umat Islam. Menurut Muhammad Rafiq Abdul Rahman (2012: 50-56) bertimbun lambakan kitab songsang di pasaran. Impaknya cukup besar jika terus dibiarkan berleluasa. Yang paling ditakuti, akidah umat Islam terutamanya golongan belia terpesong sehingga menyebabkan wujudnya pelbagai fahaman, ajaran, ikutan dan perbuatan yang menyimpang daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Pemikiran sekularisme kini menjadi masalah global kerana hampir semua negara di seluruh dunia melaksanakan sistem sekularisme, iaitu memisahkan hal ehwal negara daripada nilai-nilai yang ditetapkan oleh Allah SWT. Pemikiran sekularisme menjadi penghalang besar manusia jelata untuk mendapat manfaat yang banyak daripada keadilan dan kesempurnaan hukum hakam dan perundangan Allah SWT. Terdapat penulis yang mencetuskan kontroversi dan cuba untuk mengelirukan umat manusia terutamanya umat Islam melalui buku yang diterbitkan. Penulis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


tersebut ialah Irshad Manji yang merupakan warga Kanada kelahiran Uganda. Beliau cuba untuk mengelirukan dan merosakkan nilai akidah serta syariah Islam melalui bukunya yang bertajuk *Allah, Kebebasan dan Cinta.* Irshad Manji cuba untuk mengelirukan umat Islam dengan hujah-hujahnya yang dangkal tentang agama Islam dan al-Quran. Beliau juga telah menghina al-Quran dan Rasulullah SAW melalui hujahan yang dilakukannya. Hasliza Hassan (2012: 22) menyatakan penulis juga cuba merosakkan nilai akidah dan syariah Islam dengan mencampuradukkan antara Islam dengan fahaman sekularisme. Tiada titik pertemuan antara Islam dan sekularisme kerana fahaman sekularisme meletakkan agama hanya sebagai anutan ritual semata-mata dan menafikan agama untuk bernegara dan mengurus dunia. Menurut Anwar Patho Rohman (2012: 33), Fahaman sekularisme tajaan Barat moden sudah berjaya mensekularisasikan seluruh dunia Islam. Proses sekularisasi ini tidak lain hanya proses pembebasan manusia daripada kongkongan agama dan kawalan metafizik. Menurut beliau lagi, pelbagai bentuk salah laku akhlak yang membimbangkan di Malaysia pada hari ini seperti penagihan dan pengedaran dadah, pelacuran, perzinaan, pembuangan dan pembunuhan bayi, gejala lesbian, gay, biseksual dan transeksual (LGBT), rogol, pecah amanah, rasuah, bunuh dan pelbagai jenayah adalah gambaran proses sekularisasi yang melanda umat Islam.

Dalam pemikiran sekularisme Barat, agama dianggap sebagai satu budaya. Ia dicipta oleh manusia purba. Penciptaan alam tidak wujud dan tidak mewahyukan sebarang hukum-hukum kepada manusia. Norsiah Fauzan dipetik dalam Roslan Ali & Norsiah Fauzan (2007: 26) menyatakan bahawa sekularisme ialah suatu konsep yang amat asing dan bertentangan dengan Islam. Hal ini adalah kerana orientasi tauhid dalam Islam menjurus kepada dasar intergrasi yang tidak mengenal konsepsi dualism.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Istilah duniawi, alami dan zamani yang membawa erti, dunia sebenar tidak mengandungi konsep sekularisme. Islam mencakupi segala kegiatan manusia dan setiap gerak laku Muslim sentiasa terikat dalam lingkungan bidang kuasa syariat, justeru bersifat sakral. Menurut BERNAMA (2012: 11), Kelahiran buku-buku seperti ini jika tidak dikawal oleh pihak-pihak tertentu sudah pasti akan dapat mengelirukan umat Islam di negara ini. Dalam jangka masa panjang, diragui akidah umat Islam akan terpesong dan akan meninggalkan kesan dalam jiwa dan akidah umat Islam seluruhnya. Sekularisme adalah fahaman falsafah yang memisahkan urusan-urusan keduniaan daripada urusan-urusan agama. Umat Islam yang mengagumi dan mengagungkan fahaman sekularisme akhirnya akan terpengaruh dengan segala ciri bawaannya, iaitu materialisme, rasionalisme, sekularisme yang akhirnya akan mengakibatkan umat Islam kehilangan harga diri atau jati diri. Menurut Norsiah Fauzan dipetik dalam Roslan Ali & Norsiah Fauzan (2007),

> Perkara ini juga merujuk kepada peralihan kepercayaan dan aktiviti yang pada suatu masa dahulu dianggap suci kepada aktiviti yang berasaskan sekular semata-mata, dan sekali gus menyediakan isme-isme baharu yang menggantikan tempat agama. Manusia beransur-ansur membuang ciri-ciri sakral daripada alam tabii dan menjurus sedikit demi sedikit kepada anggapan bahawa semuanya dapat diterokai oleh kajian sains empirikal, rasional, dan oleh tanggapan pancaindera. Akhirnya, lahirlah manusia yang tidak percaya kepada kekuasaan Tuhan, sebaliknya mempercayai kuasa *supernatural*.
>
> Roslan Ali & Norsiah Fauzan, 2007: 23-24)

Umat Islam di seluruh dunia juga dipengaruhi oleh fahaman liberalisme terutamanya negara-negara yang sedang berkembang maju, khususnya negara-negara di rantau ASEAN. Liberalisme adalah aliran pemikiran yang bertujuan untuk meningkat kebebasan yang diberi kepada individu. Fahaman ini memberi kebebasan kepada individu tanpa sebarang sekatan atau dengan sekatan yang paling minimum

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dalam bidang ekonomi, politik, penundangan dan sosial. Menurut Ibrahim Abdullah (2012: 22) sebenarnya fahaman ini merupakan idea-idea kebebasan yang berusaha dipromosikan ke seluruh persada dunia yang didukung sepenuhnya oleh Barat. Ia meliputi kebebasan bertingkah laku, kebebasan pemilikan, kebebasan beragama dan kebebasan bersuara. Semua kebebasan yang telah disebutkan di atas akan menyebabkan individu, keluarga, masyarakat dan akhirnya sesebuah negara yang dipengaruhi fahaman liberalisme ini menjadi kucar-kacir. Kebebasan seperti yang disebutkan di atas jika dibiarkan dan diterapkan ke seluruh dunia amat berbahaya bagi kehidupan ummah.

Isu ajaran sesat juga bukanlah merupakan perkara baharu. Kemelut ajaran sesat ini berlaku sebagai akibat daripada kejahilan terhadap ajaran Islam yang suci. Kejahilan terhadap ajaran Islam yang sebenarnya masih lagi menunjangi ruang lingkup kehidupan umat Islam. Kurangnya pengetahuan dalam ilmu agama dan batas iman telah menjerumuskan mereka ke arah kesesatan. Menurut Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2013),

> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menyenaraikan sebanyak 125 kumpulan ajaran sesat yang bertapak di negara ini. Kekeliruan mengenai ajaran sesat menyebabkan berlaku tuduh menuduh hingga ke tahap mempertikaikan akidah dan pegangan masing-masing. Menyedihkan, pendukung ajaran sesat berjaya mempengaruhi masyarakat sekeliling untuk bersama meneruskan kegiatan mereka yang sesat itu. Lebih daripada itu, pendukung ajaran sesat sanggup menuduh serta melabelkan orang beriman yang tidak bersama mereka sebagai sesat dan menyeleweng daripada ajaran yang sebenarnya.
>
> (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, 2013: 33)

Selain itu, jika dilihat daripada penghasilan bahan-bahan bacaan pada masa kini, terutamanya novel-novel remaja yang dihasilkan lebih menjurus kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


penghasilan novel-novel berbentuk popular. Penghasilan novel-novel popular yang kebanyakkannya menceritakan dan menggambarkan percintaan golongan muda-mudi telah menjadikan rakyat Malaysia terutamanya golongan remaja berada dalam keadaan yang melalaikan. Menurut Talib Samat (2013: 215) Kepengarangan pengarang novel popular lebih terarah untuk memenuhi keperluan cita rasa penerbityang menekankan aspek keuntungan material, hiburan dan kepuasan jiwa pembaca yang mahukan cerita-cerita bercorak cinta. Selain itu, novel-novel popular yang dihasilkan tidak banyak membimbing atau memandu golongan remaja ke arah kebaikan. Novel-novel tersebut membawa khalayak ke arah keseronokan semata-mata dan kurang mengajak khalayak agar mendekatkan diri dengan Allah SWT. Menurut Talib Samat (2013: 216-217) Tema dan persoalan novel popular khususnya terbitan Alaf 21, Creative Enterprise dan penerbit yang sealiran dengannya ialah memfokuskan tema percintaan dan segala persoalan yang berkaitan dengan permasalahan cinta. Sepatutnya lebih banyak novel-novel yang bersifat mendidik dihasilkan. Masyarakat perlu diajak agar menjalani kehidupan seperti yang telah disyariatkan oleh Allah SWT. Sikap dan sifat Rasulullah SAW perlu ditonjolkan dalam novel-novel yang dihasilkan agar khalayak yang majoritinya terdiri daripada golongan remaja dapat menjadikan Rasulullah SAW sebagai model atau suri teladan agar perkara-perkara yang tidak diingini dapat dihindarkan dan seterusnya dapat menjadi benteng ampuh supaya dapat mengekang anasir-anasir yang tidak baik daripada meresap masuk dalam fikiran golongan remaja.

Permasalahan-permasalahan yang telah dinyatakan merupakan antara fenomena yang melanda masyarakat negara ini pada masa kini. Fenomena tersebut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dapat mempengaruhi minda dan sikap rakyat Malaysia terutamanya golongan muda atau remaja yang bakal mewarisi kepimpinan pada masa hadapan. Jika minda, pemikiran dan sikap golongan ini tidak diterapkan dengan nilai-nilai yang positif, berkemungkinan golongan ini tidak dapat berkembang dengan sebaik mungkin dan menjadi modal insan yang sangat berguna untuk menjana kemajuan negara pada masa hadapan. Minda dan pemikiran golongan ini perlu diterapkan dengan nilai-nilai yang sesuai agar dapat berkembang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek mereka agar dapat mewarisi kepimpinan dan kemajuan negara ini pada masa akan datang. Oleh itu, pengabaian pendidikan formal dan keagamaan terhadap golongan remaja perlu dikurangkan seminimum mungkin. Pengabaian pendidikan akan menjadikan golongan yang tercicir ini terlibat dengan pelbagai aktiviti yang tidak bermoral yang akhirnya akan terlibat dengan gejala sosial seperti gejala lepak, tidak berminat untuk belajar, lari dari rumah, penyalahgunaan dadah dan yang lebih membimbangkan adalah terlibat dengan pelbagai jenayah juvana yang lebih serius. Keadaan ini sudah tentu amat merugikan negara ini kerana golongan ini boleh diasuh dan dididik menjadi manusia yang berpengetahuan tinggi. Golongan ini jika diberi pendidikan yang sewajarnya akan menjadi modal insan yang berguna kepada negara.

Permasalahan yang dinyatakan boleh juga berlaku disebabkan oleh lemahnya atau pun kurangnya pegangan agama selain kurangnya pengaruh ibu bapa serta sikap kebergantungan remaja tersebut kepada pengaruh rakan sebaya yang belum mampu berfikir dengan waras dan lain-lain lagi. Keadaan ini boleh merencatkan pembentukan jiwa remaja Islam itu sendiri. Kesan gejala sosial ini amat besar impaknya kepada bangsa, agama dan negara kerana golongan ini boleh diasuh dan dididik agar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


berkembang secara seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek dapat menjadi modal insan yang berguna yang dapat membangunkan dan memajukan negara ini ke arah negara maju pada masa hadapan.

Keruntuhan akhlak masyarakat negara ini terutamanya golongan remaja perlu diselesaikan dengan kadar segera. Sekiranya permasalahan yang timbul ini dibiarkan begitu sahaja, keadaan akan menjadi semakin parah dan negara juga akan kehilangan generasi pelapis yang dapat memberi sumbangan terhadap kemajuan negara. Oleh sebab itu, para ibu bapa, pendidik, ahli-ahli politik, tokoh-tokoh agama dan semua pihak yang berkaitan perlu memainkan peranan masing-masing secara lebih tegas dan efisyen serta teratur agar masalah yang timbul ini dapat ditangani dengan baik. Golongan yang berisiko ini perlu diberikan kesedaran agar segera menginsafi diri dan menyedari bahawa sebagai seorang umat Islam dan sebagai hamba Allah SWT, maka segala nikmat yang diberikan oleh Allah SWT perlu disyukuri. Sebagai tanda mensyukuri nikmat Allah SWT, maka pelaksanaan ajaran Islam dalam kehidupan perlu dipraktikkan semaksimum mungkin. Ajaran Islam perlu dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Segala tegahan dan larangan Allah SWT mesti ditinggalkan. Segala suruhan-Nya perlulah ditunaikan secara bersungguh-sungguh dan istiqamah. Begitu juga dengan penulis novel-novel di negara ini. Penghasilan karya yang bersifat mendidik dan bersifat didaktik perlu diutamakan. Selain itu, para pengkarya juga boleh menghasilkan karya-karya yang menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai fokus utama karya yang dihasilkan. Dengan cara ini, secara tidak langsung pengkarya dapat membentuk sikap khalayak pembaca agar dapat menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai modal insan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Prinsip ini mengajak para khalayak agar sentiasa mengesakan dan mentauhidkan Allah SWT dan menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai contoh dalam menjalani kehidupan di dunia ini agar mereka berbahagia di dunia dan di akhirat. Ini kerana Nabi Muhammad SAW merupakan suri teladan yang sangat mulia serta memiliki sifat-sifat yang terpuji. Jika sifat dan sunnah Nabi Muhammad SAW dapat diterap dalam diri golongan ini, maka akan terhindarlah pengaruh-pengaruh yang tidak sihat daripada meresap ke dalam diri golongan ini. Akan terbentuklah golongan remaja yang berwawasan dan kuat semangatnya untuk menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang.

## 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan tiga objektif berikut:

1.4.1 Mengenal pasti ciri-ciri konsep insan Khalifah, insan *Rabbani* dan insan *Kamil*.

1.4.2 Mengenal pasti sifat-sifat kerasulan insan *Kamil* yang ada pada watak Haji Mihad dan Lebai Pa.

1.4.3 Membuktikan bahawa novel *Imam* dan *Mereka yang Tertewas* dapat membantu ke arah pembentukan modal insan *Kamil*.

## 1.5 Soalan Kajian

1.5.1 Apakah ciri-ciri konsep insan Khalifah, insan *Rabbani* dan insan *Kamil*?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


1.5.2 Apakah sifat-sifat kerasulan insan *Kamil* yang dimiliki watak Haji Mihad dan Lebai Pa?

1.5.3 Sejauh manakah Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* dapat diaplikasi terhadap novel *Imam* dan novel *Mereka yang Tertewas*?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk,

1.6.1 menambah khazanah kajian ilmiah yang dihasilkan sebagai rujukan para sarjana dalam bidang kesusasteraan Melayu di samping kajian yang telah sedia ada.

1.6.2 supaya boleh dijadikan panduan dan landasan kepada para pengkarya agar dapat menghasilkan sebuah karya yang berkualiti serta menepati ciri-ciri sebuah karya sastera Islam.

1.6.3 Teori Barat kurang sesuai diaplikasikan dalam karya-karya tempatan kerana teori-teori Barat tidak menepati nilai budaya bangsa Melayu dan umat Islam kerana tidak menitik beratkan soal akidah dan tauhid. Oleh itu, diharapkan ciri-ciri konsep keinsanan ini dapat digunakan oleh pengkarya semasa menghasilkan karya agar dapat membangunkan modal insan.

1.6.4 memberi kesempatan kepada para pengkaji dan sarjana sastera selepas ini untuk membuat kritikan dan menambahbaik kajian ini agar menjadi lebih sempurna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


1.6.5 menjadi bukti bahawa karya sastera yang dihasilkan dengan menggunakan prinsip ini dapat dijadikan sebagai medium untuk menyebarkan dakwah di samping membentuk sikap murni khalayak agar dapat menjadi modal insan yang terbaik.

## 1.7 Batasan Kajian

Kajian ini merupakan kajian kepustakaan. Sumber-sumber kajian ini berupa buku, jurnal dan surat khabar yang telah dipilih terlebih dahulu serta menepati kehendak kajian ini. Pengkaji mengunjungi beberapa buah perpustakaan, perpustakaan universiti dan pusat sumber untuk meneliti jurnal, buku-buku ilmiah, latihan ilmiah, majalah dan yang sesuai dengan kajian ini. Sumber utama kajian ini adalah dua buah novel. Novel pertama yang dipilih dalam kajian ini adalah novel *Imam* (1995) karya Abdullah Hussain. Novel *Imam* diterbitkan oleh Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Novel ini telah memenangi hadiah pertama Hadiah Novel Nasional Utusan Melayu – Public Bank 1992/94 sempena mengenang Allahyarham Pak Sako. Hadiah Novel Nasional ini merupakan kesinambungan tradisi Utusan Publications & Distributors bersama Utusan Melayu – Public Bank yang prihatin terhadap pembangunan sastera tanah air. Abdullah Hussain telah dinobatkan sebagai Sasterawan Negara yang ke-8 pada tahun 1998. Beliau banyak menghasilkan karya sastera yang bercorak Islam.

Novel yang kedua yang dipilih adalah novel *Mereka yang Tertewas* (1991) karya Hasanuddin Md Isa. Novel ini telah memenangi Hadiah Penghargaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sayembara Hadiah Sastera Berunsur Islam anjuran Yayasan Pelajaran Islam dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1988. Novel ini telah dijadikan sebagai teks Sastera Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai tahun 1991 hingga 2001. Pemilihan teks tersebut sebagai teks sastera untuk pelajar SPM membuktikan bahawa novel tersebut merupakan sebuah novel yang sarat dengan nilai-nilai murni dan berunsur didaktik. Hasanuddin Md Isa juga pernah menerima Anugerah Budaya Negeri Pahang pada tahun 1986 dalam Bahagian Penulisan Rencana Budaya. Beliau juga bergiat aktif dalam penulisan novel dan rencana. Hasanuddin Md Isa merupakan penerima Hadiah Sastera Berunsur Islam kali kedua pada tahun 1990 melalui novel *Halangan dan Rintangan* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Sementara itu, novel beliau yang bertajuk *Al-Abrar* juga telah dipilih dalam penilaian peringkat akhir anugerah tersebut. Beliau juga memenangi Hadiah Sastera Nasional anjuran Utusan Publications & Distributors pada tahun 1994, memenangi hadiah utama Pertandingan Penulisan Puisi Tradisional anjuran Permodalan Nasional Berhad 1999 melalui syair *Masyarakat Madani Mengharung Zaman*, memenangi hadiah saguhati pertandingan penulisan Al-Manak 2001 (cerita rakyat: *Puteri Indung Gunung Tahan*) anjuran Nett Space Sdn. Bhd dan Anugerah Pengkaryawan Sastera oleh Dewan Persuratan Melayu Pahang pada tahun 2004.

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan prinsip kedua Teori Takmilah**,** iaitu Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil*. Pengkaji memilih prinsip ini kerana prinsip ini memberi fokus yang sepenuhnya kepada Nabi Muhammad SAW sebagai seorang model kepada seluruh umat manusia. Prinsip ini selari dengan kajian yang dijalankan kerana memberi penumpuan dan penekanan yang sepenuhnya kepada Nabi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Muhammad SAW sebagai seorang nabi dan juga seorang rasul yang mendukung tiga konsep keinsanan, iaitu insan Khalifah, insan *Rabbani* dan insan *Kamil*. Ketiga-tiga konsep keinsanan ini telah menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai seorang insan yang mulia pekertinya dan yang paling penting Nabi Muhammad SAW merupakan insan yang mengesakan Allah SWT.

Selain itu, dalam kajian ini juga pengkaji turut menggunakan sebuah buku yang dihasilkan oleh Kamariah Kamarudin yang bertajuk *Takmilah dalam Novel Melayu* (2011). Buku ini merupakan hasil daripada kajian peringkat Ijazah Doktor Falsafah beliau. Buku ini membincangkan secara mendalam berkaitan dengan konsep sastera Islam, Teori Takmilah, pemikiran dalam karya yang meliputi konsep Khalifah, dakwah dan jihad. Buku ini juga membicarakan berkaitan teknik dan keindahan dalam sesebuah karya yang dihasilkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.8 Definisi Istilah

Berikut dibincangkan istilah-istilah yang digunakan dalam kajian.

### 1.8.1 Rasul

Menurut Abdul Hadi Awang (2007: 6) rasul adalah manusia dan lelaki yang diwahyukan oleh Allah SWT kepadanya dengan syarak dan disuruh menyampaikan kepada umatnya. Mereka yang menjadi rasul juga mencapai martabat nabi. Walau bagaimana pun, mereka yang menjadi nabi tidak semestinya mencapai tahap rasul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.8.2 Insan *Kamil*

Insan *Kamil* merupakan insan yang sempurna. Sakinah Salleh (2011:122) mendefinisikan insan *Kamil*, iaitu insan yang sentiasa mendekatkan dirinya dengan amalan-amalan kebaikan. Insan *Kamil* hanya meletakkan ibadatnya serta segala bentuk perlakuan serta perbuatannya demi Allah SWT semata-mata. Insan *Kamil* ini adalah insan yang hampir sempurna segala-galanya. Insan *Kamil* akan memaparkan dan mempamerkan kejayaan yang sebenar, iaitu yang mempunyai kejayaan hakiki dan abadi. Oleh itu, insan *Kamil* akan sentiasa meletakkan Allah SWT serta akhirat dalam segala aspek di dalam diri serta hidupnya. Setiap individu yang beragama Islam sepatutnya berusaha untuk merebut peluang untuk menjadi insan *Kamil*. Insan *Kamil* juga meletakkan sepenuhnya harapannya bukan sahaja kepada kehidupan di dunia ini, malah kehidupan di akhirat juga kerana kehidupan akhirat merupakan kehidupan yang kekal abadi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Sakinah Salleh (2011: 122) insan *Kamil* adalah insan yang menjadi contoh kepada manusia yang lain. Insan ini adalah *murabbi* atau *dai* atau pendakwah sejati. Dia tidak perlu menguar-uarkan dirinya pendakwah tetapi cukup dengan kata-kata dan perlakuan dirinya sahaja boleh menjadi ikutan yang baik kepada semua. Insan ini meletakkan kejayaan dunia dan akhirat sebagai satu kemestian yang perlu dicapai, bukan memisahkan kedua-duanya kerana dunia dan akhirat perlu seiring.

Laman web www.jakarta45.wordpress.com menyatakan insan *Kamil* ialah manusia sempurna yang berasal daripada perkataan '*al-insan*' yang bererti manusia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dan '*al-kamil*' yang bererti sempurna. Insan *Kamil* merujuk kepada diri Nabi Muhammad SAW sebagai contoh manusia yang ideal seperti yang difirmankan oleh Allah SWT dalam surah *al-Ahzab* ayat 56 yang bermaksud, "*Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat untuk Nabi. Wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kamu untuk Nabi dan ucapkanlah salam dengan penuh penghormatan kepadanya*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 426). Selain itu, jati diri Nabi Muhammad SAW (*al-haqiqah al-Muhammad*) yang demikian itu tidak semata-mata difahami dengan pengertian baginda sebagai utusan Allah SWT tetapi juga sebagai nur (cahaya/roh) Illahi yang menjadi tunjang kehidupan di dunia ini.

### 1.8.3 Modal Insan

Menurut Abang Mohd. Razif Abang Muis (2015: 18) Insan ialah makhluk istimewa (*khalqan akhar*), makhluk *rabbani* yang menerima hembusan Ilahi (*al-Nafkh al-Ilahi*), makhluk yang diciptakan dengan satu tujuan khusus, iaitu mengabdikan diri kepada Ilahi (*Ilya 'budun*). Insan juga ialah makhluk penerima mandat amanah ketuhanan yang diturunkan oleh Allah SWT selaku penciptanya. Ainon Mohd. & Abdullah Hassan (2006: 90) mendefinisikan insan sebagai makhluk, manusia atau orang.

Muhammad 'Uthman El-Muhammady dalam Ismail Hussein (1986: 97) menyatakan bahawa insan adalah puncak piramid alam semesta ini dan makhluk-makhluk lain adalah bahagian-bahagian di bawah piramid itu yang memberi bantuan kepada pembinaan keseluruhannya dan yang menjamin kedudukan puncak itu pada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


puncaknya. Menurut Sheikh Abdul-Majid Subhi (2008: 35) Apa yang dimaksudkan dengan "insan" atau manusia ialah semua Bani Adam. Ini merupakan *nas qath'ie* berkaitan penyamarataan di antara lelaki dan wanita pada awal kejadian; dan hubungan mereka dengan Yang Maha Pencipta; dan kesaksamaan di antara mereka pada ilmu Allah SWT; dan penjagaan Allah SWT itu juga hampir terhadap mereka secara saksama.

Menurut Tajul Ariffin Noordin dalam Abang Mohd. Razif Abang Muis (2015: 8&9), dalam bidang sains sosial, insan atau manusia sering dirujuk sebagai haiwan sosial. Namun demikian, bezanya manusia lebih berakal dan mempunyai tingkah laku yang kompleks berbanding dengan haiwan lain. Manusia pernah dianggap lahir daripada keluarga haiwan. Dari perspektif Islam, kedua-dua pengertian tersebut tidak sesuai digunakan kerana kewujudan penciptaan manusia itu daripada pendekatan evolusi akal yang bertentengan dengan Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.9 Kesimpulan

Manusia merupakan salah satu tema utama dalam kitab suci al-Quran. Ini kerana manusia merupakan sebaik-baik makhluk yang Allah SWT ciptakan. Manusia juga merupakan makhluk Allah SWT yang diberi tanggungjawab untuk menjadi khalifah di muka bumi ini. Adalah menjadi tanggungjawab manusia untuk mentadbir dan memakmurkan muka bumi ciptaan Allah SWT tanpa melakukan sebarang kerosakan. Manusia juga menjadi sasaran utama untuk diturunkan wahyu . Wahyu yang Allah SWT turunkan juga berfokus kepada umat manusia. Melalui wahyu, anusia diajak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


untuk menuju ke jalan yang benar dan diredhai Allah SWT. Segala suruhan-Nya mestilah dipatuhi dan dalam masa yang sama, umat manusia perlulah meninggalkan atau menghindarkan segala larangan-Nya agar tidak menanggung dosa. Firman Allah SWT dalam surah al-An'am ayat 38 bermaksud, "*Dan tidak seekor pun binatang yang ada di bumi dan burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan semuanya merupakan umat-umat (juga) sepertimu. Tiada Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab al-Quran ini, kemudian mereka semuanya akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka (untuk dihisab dan menerima balasan)*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 132). Jelaslah bahawa mesej utama al-Quran adalah untuk memimpin umat manusia ke arah kebenaran yang hakiki.

Namun begitu perlu ditegaskan bahawa tidak semua umat manusia itu layak untuk diiktiraf sebagai khalifah Allah SWT yang berperanan untuk mentadbir dan memakmurkan muka bumi ini. Manusia yang tidak taat dan patuh kepada apa yang Allah SWT sampaikan adalah tidak layak untuk diiktiraf sebagai khalifah Allah SWT. Ini bermaksud bukan semua manusia itu merupakan khalifah Allah SWT. Manusia yang layak untuk diiktiraf sebagai khalifah Allah SWT adalah manusia yang mengesakan Allah SWT serta mencontohi Nabi Muhammad SAW. Allah SWT telah mengutuskan Nabi Muhammad SAW kepada umat manusia seluruhnya untuk diikuti segala ajaran yang Allah SWT wahyukan kepada Baginda SAW. Nabi Muhammad SAW merupakan insan Kamil. Baginda SAW memiliki keperibadian yang mulia dan terpuji. Baginda SAW amat layak dijadikan sebagai suri teladan agar dapat membentuk modal insan yang dapat membantu memakmurkan muka bumi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 2

# SOROTAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan kajian sorotan literatur mengenai kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Melakukan sorotan literatur bermakna membuat bacaan ke atas hasil-hasil kajian atau penulisan terdahulu yang ada kaitan langsung atau tidak langsung dengan permasalahan kajian yang bakal dijalankan (A. Halim Ali, 2019: 26). Bahagian ini menjelaskan mengenai kajian-kajian lalu yang disoroti oleh pengkaji. Kajian-kajian yang disoroti mempunyai kaitan langsung dengan kajian yang dijalankan. Terdapat tiga aspek utama yang disoroti oleh pengkaji dalam bab ini, iaitu kajian lalu yang berkaitan dengan prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil*, kajian lalu mengenai Teori Takmilah dan kajian lalu yang berkaitan dengan modal insan. Sumber kajian yang disoroti terdiri daripada tesis-tesis peringkat Ijazah Doktor Falsafah dan peringkat sarjana. Sumber-sumber lain yang disoroti ialah berupa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


jurnal dan hasil kajian yang dibentangkan serta kertas kerja persidangan yang dibukukan. Tujuan sorotan literatur ini dijalankan adalah untuk melihat dapatan yang diperolehi oleh pengkaji terdahulu berkenaan dengan kajian yang dijalankan.

## 2.2 Sorotan Literatur Berkaitan Prinsip Kerasulan Sebagai Insan *Kamil*

Pengkaji telah melakukan sorotan ke atas kajian lalu berkaitan prinsip kerasulan insan *Kamil* berdasarkan Teori Takmilah yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Pengkaji telah menjalankan sorotan kepustakaan bagi tujuan mengenal pasti kajian yang berkaitan dengan prinsip kerasulan insan *Kamil* dan insan *Kamil* seperti mana yang disarankan dalam Teori Takmilah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan sorotan kepustakaan yang dilakukan ke atas sumber-sumber dalam bentuk kajian di peringkat ijazah doktor falsafah dan sarjana serta artikel jurnal akademik, pengkaji telah menemui hanya tiga kajian berkaitan prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil*. Tiga kajian yang disoroti ini merupakan kajian yang dijalankan pada peringkat sarjana dan juga artikel jurnal akademik. Kajian di peringkat sarjana yang ditemui dan disoroti ialah kajian yang dilakukan oleh Ida Roziana binti Abdullah (2010) dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), manakala sumber dari artikel jurnal akademik adalah hasil kajian yang dilakukan oleh Syarifah Salha Syed Ahmad, Mohd Rosli Saludin dan Adenan Ayob (2019) serta kajian oleh Nurul Hilwany Che Shaffine (2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Syarifah Salha Syed Ahmad, Mohd Rosli Saludin dan Adenan Ayob (2019), dalam kajiannya bertajuk *Aplikasi Teori Takmilah Dalam Fara'id Al-Fawa'id Al-Fikra Fi Al-Imam Al-Mahdi: Satu Analisis Kepimpinan Islam* menggunakan prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* dalam Teori Takmilah sebagai kerangka analisis kajian. Kaedah penyelidikan kualitatif digunakan dalam kajian ini bagi meneliti ketiga-tiga ciri kepimpinan yang dihuraikan dalam teks manuskrip adalah melalui kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini dijalankan untuk meneliti aspek-aspek kepimpinan Islam yang terkandung dalam teks manuskrip kisah Imam al-Mahdi yang berjudul *Fara'id al-Fawa'id al-Fiqra fi al-Imam al-Mahdi* karangan Sheikh Daud al-Fatani r.h.m. Penelitian terhadap aspek-aspek kepimpinan pada seorang pemimpin dianalisis berdasarkan prinsip kedua teori Takmilah, iaitu prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian yang dijalankan ini menemukan ciri-ciri kepimpinan dari sudut khalifah, dakwah dan jihad serta terangkum dalam prinsip Teori Takmilah. Kajian ini mengangkat sifat kerasulan sebagai ciri-ciri manusia yang sempurna atau juga disebut sebagai insan *Kamil* dan berkelayakan diiktiraf sebagai seorang pemimpin. Penegasan terhadap ciri-ciri pemimpin *Kamil* difokuskan ke arah pembentukan sebuah negara yang berdaulat. Penemuan daripada kajian ini sangat penting dari konteks memahami ciri-ciri pemimpin yang dapat dianggap sebagai pemimpin yang sempurna dari sudut kepimpinan, perwatakan dan tindakan sebagaimana yang tergambar pada watak Imam al-Mahdi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Hasil kajian ini juga sangat penting dalam konteks sumbangan kepada pertambahan koleksi khazanah ilmu di Pusat Manuskrip Melayu serta khazanah ilmu yang dapat dijadikan rujukan oleh pengkaji-pengkaji dalam bidang sastera agama kemudiannya. Dapatan kajian yang dibukukan pula dapat dijadikan sumber ilmu yang berguna pada Perpustakaan Negara Malaysia dan dapat memartabatkan khazanah warisan Melayu di Malaysia.

Seterusnya kajian lalu yang disoroti ialah kajian yang dilakukan oleh Nurul Hilwany Che Shaffine (2015) bertajuk *Pemikiran Islam dalam 'Ayn' Karya Kemala* yang diterbitkan dalam Jurnal Melayu Bil. 14 (2). Kajian yang dilakukan oleh Nurul Hilwany Che Shaffine (2015) adalah bertujuan untuk mengkaji kecenderungan pengarang dalam puisi-puisi berunsur berunsur Islam. Kecenderungan pengarang dilihat sangat penting oleh pengkaji dalam genre sastera Islam kerana kecenderungan itu dijadikan asas untuk memahami pemikiran Islam pengarang.

Kajian yang dilakukan oleh Nurul Hilwany Che Shaffine mendapati bahawa pemikiran Islam yang diutarakan oleh pengarang dalam puisi berunsur Islam ini dapat menggambarkan kebesaran, keagungan dan kekuasaan Allah SWT yang diadun dengan indah menggunakan gaya bahasa yang indah. Kajian yang dijalankan ini juga memberi fokus kepada akidah, syariat dan akhlak Islam yang terungkap dalam pemikiran pengarang yang berkait secara langsung dengan kehidupan umat Islam yang akur akan suruhan Allah SWT. Perbincangan terhadap pemikiran Islam dalam artikel ini adalah merujuk kepada *'Ayn'* karya Kemala. Analisis himpunan puisi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


berkenaan memanfaatkan prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil*. Kerangka ini berperanan sebagai pengukur nilai Islam dalam teks yang dikaji. Dapatan kajian menunjukkan bahawa *'Ayn* memperlihatkan kesedaran pengarang sebagai khalifah Allah SWT dalam membawa khalayak menjadi insan *al-kamil* dan sentiasa bertakwa dan beriman kepada Allah SWT.

Sorotan literatur seterusnya merupakan kajian peringkat ijazah sarjana yang dijalankan oleh Ida Roziana binti Abdullah (2010) dari Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian yang dijalankan bertajuk *Pembangunan Modal Insan Dalam Novel Imam*. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis serta membincangkan novel *Imam* karya Abdullah Hussain dari aspek pembangunan modal insan. Kajian ini dilakukan dengan mengaplikasi prinsip kedua Teori Takmilah, iaitu prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil*.

Hasil daripada kajian yang dijalankan telah berjaya membuktikan bahawa watak utama dalam novel *Imam*, iaitu watak Haji Mihad sememangnya memiliki ciri-ciri sebagai insan *Kamil*. Selain memiliki sikap yang mulia dan terpuji, watak Haji Mihad juga telah berjaya membawa perubahan dalam masyarakat di sekelilingnya. Perubahan yang dilakukan oleh watak utama adalah dari sudut agama dan muamalah dengan menjadikan al-Quran, hadis dan sunah Nabi Muhammad SAW sebagai sandaran utama bagi melahirkan sebuah masyarakat yang kaya dengan nilai-nilai murni selari dengan tuntutan agama. Nilai-nilai murni yang terkandung dalam diri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


masyarakat akan membentuk peribadi yang terpuji dan melahirkan modal insan yang berguna.

Watak Haji Mihad digambarkan sebagai seorang yang berperibadi dan berakhlak mulia, mempunyai ilmu agama yang tinggi serta ilmu dunia. Selain itu, watak Haji Mihad juga memiliki semangat patriotik, berpandangan jauh, menekankan kerjasama dan toleransi dalam kalangan masyarakat, menjalankan dakwah secara berhemah dan seorang imam yang sentiasa memberi bimbingan serta nasihat dengan berlandaskan hukum Islam. Dapatan kajian menunjukkan pegangan agama yang teguh seperti yang diterapkan oleh Haji Mihad mampu membentuk masyarakat yang hidup berlandaskan agama dan pegangan tauhid untuk mengukuhkan iman dan jiwa masyarakat agar menjadi insan yang bertakwa kepada Allah SWT. Apabila dirangkumkan semua ini, maka lahirlah sebuah masyarakat yang harmoni.

## 2.3 Sorotan Literatur Berkaitan Teori Takmilah

Pengkaji telah melakukan sorotan terhadap kajian lalu yang menjadikan Teori Takmilah sebagai landasan kajian. Berdasarkan sorotan kepustakaan yang pengkaji jalankan, pengkaji telah menemui empat buah kajian yang menjadikan Teori Takmilah sebagai landasan kajian. Kajian-kajian tersebut berupa artikel jurnal akademik dan juga kajian pada peringkat ijazah sarjana dari universiti tempatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kajian berbentuk artikel jurnal akademik yang ditemui dan disoroti ialah kajian yang dilakukan oleh Kasmaizun Enuni binti Mohd Sarji & Kamariah binti Kamarudin (2017) dari Universiti Putra Malaysia, Siti Faridah Leong binti Abdullah & Bazrul bin Bahaman (2017) dari Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Mohd Haniff Mohammad Yusoff (2019) dari Universiti Teknologi MARA (UITM) Cawangan Perlis. Sementara itu, kajian di peringkat ijazah sarjana yang disoroti ialah kajian yang dilakukan oleh Shamsudin bin Abu Bakar (1996) dari Universiti Putra Malaysia.

Kasmaizun Enuni binti Mohd Sarji & Kamariah binti Kamarudin (2017) dalam kajiannya yang bertajuk *Nilai Islam dalam Teks Misa Melayu* telah menggunakan Teori Takmilah sebagai kerangka analisis kajian. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif bagi mengenal pasti serta menganalisis nilai-nilai Islam yang terkandung dalam teks *Hikayat Misa Melayu* yang dihuraikan melalui kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini tertumpu kepada penerapan nilai-nilai Islam dalam *Hikayat Misa Melayu* yang dapat dijadikan panduan dan pengajaran dalam kehidupan manusia.

Dapatan kajian yang dijalankan telah menemui aspek penting dalam kerangka pemikiran keagamaan, iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Dari aspek akidah, ditemui satu nilai, iaitu kepercayaan kepada Qada' dan Qadar. Selain pemikiran akidah, pemikiran ibadat seperti menunaikan solat lima waktu, doa dan khutbah serta pemikiran akhlak, iaitu sedekah, menghormati golongan yang lebih tua dan adil turut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


ditemui dalam hikayat *Misa Melayu*. Kesemua aspek nilai Islam yang ditemui ini telah dianalisis dengan menggunakan Teori Takmilah. Kajian ini mendapati *Misa Melayu* memenuhi kesemua prinsip Teori Takmilah yang menunjukkan bahawa *Misa Melayu* merupakan sebuah karya yang berunsur Islam dan berlandaskan kepada ketauhidan kepada Allah SWT.

Artikel jurnal kedua yang disorot adalah artikel jurnal yang dihasilkan bersama oleh Siti Faridah Leong binti Abdullah & Bazrul bin Bahaman (2017). Jurnal yang dihasilkan bertajuk *Sulalatus Salatin Sebagai Medium Mendidik Nilai Murni*. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan prinsip ketujuh Teori Takmilah sebagai landasan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membuktikan bahawa *Sulalatus Salatin* sebenarnya berperanan sebagai medium yang dapat mendidik khalayak atau masyarakat. Kajian ini dilakukan dengan menganalisis kisah-kisah yang telah dipilih daripada teks *Sulalatus Salatin*. Kisah-kisah yang telah dipilih ini dianalisis mengikut landasan prinsip ketujuh Teori Takmilah, iaitu Prinsip Khalayak. Kajian ini memberikan fokus terhadap kisah-kisah yang dipilih dalam teks tersebut untuk mempastikan sama ada kisah-kisah tersebut bersifat didaktik serta dapat menyampaikan nilai-nilai murni islamiah.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kisah-kisah yang dipilih dari *Sulalatus Salatin* sememangnya mengandungi pengajaran yang bermakna serta sarat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dengan nilai-nilai murni serta wajar diteladani. Kisah-kisah dari *Sulalatus Salatin* boleh dijadikan bahan penyampai pengajaran untuk membimbing khalayak ke arah pembentukan insan *Kamil.*

Kajian seterusnya yang disoroti adalah artikel jurnal yang dihasilkan oleh Mohd Haniff Mohammad Yusoff (2019) dari Universiti Teknologi MARA (UITM) Cawangan Perlis. Kajian yang dijalankan bertajuk *Penyerlahan Kekerdilan Insan dalam Cerpen Hari yang Bergelar Kematian: Menelusuri Perspektif Takmilah.* Artikel jurnal yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menghuraikan estetika dalam penulisan sesebuah cerpen oleh pengkarya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang disoroti dijalankan dengan berlandaskan prinsip-prinsip yang digariskan dalam Teori Takmilah oleh Shafie Abu Bakar. Pengkaji memilih genre cerpen sebagai subjek kajiannya kerana genre cerpen merupakan genre penulisan kreatif yang dapat menyampaikan pemikiran kepada para khalayak pembaca serta merupakan wadah penyampaian yang lebih pendek jika dibandingkan dengan genre novel.

Cerpen yang bersifat Islamik akan mengutarakan persoalan berkaitan ketuhanan serta menghubungkaitkan hubungan antara umat manusia dengan Allah SWT serta hubungan antara manusia dengan manusia. Cerpen karya Juri Durabi yang merupakan sumber utama kajian ini berjudul '*Hari yang Bergelar Kematian'.* Karya Juri Durabi telah dipilih sebagai sumber utama dalam kajian ini telah disiarkan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


akhbar Mingguan Malaysia pada 12 Mac 2017 dan telah dinobatkan sebagai salah sebuah cerpen yang telah memenangi Hadiah Penghargaan Kategori Cerpen Umum dalam Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) 2017. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa cerpen *'Hari yang Bergelar Kematian'* telah memenuhi prinsip-prinsip yang digariskan oleh Shafie Abu Bakar dalam Teori Takmilah. Cerpen yang dikaji juga telah berjaya menyerlahkan rasa kekerdilan insan sebagai hamba kepada Allah SWT.

Pengkaji juga membuat sorotan terhadap kajian yang dilakukan pada peringkat Ijazah Sarjana. Kajian peringkat Ijazah Sarjana yang disoroti merupakan kajian yang dijalankan oleh Shamsudin bin Abu Bakar (2006) dari Universiti Putra Malaysia. Kajian yang disoroti bertajuk *Analisis Takmilah Cerpen Pemenang Hadiah Sastera Islam.* Pengkaji telah mengaplikasi Teori Takmilah dalam kajian yang beliau jalankan kerana teori ini amat sesuai untuk diaplikasikan dalam kajian yang dijalankan.

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji atau untuk mengetahui sama ada Teori Takmilah yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar benar-benar sesuai untuk diaplikasi terhadap cerpen-cerpen yang berunsur Islam. Hasil analisis yang dijalankan terhadap cerpen-cerpen yang telah memenangi Peraduan Mengarang Cerpen Berunsur Islam telah berjaya membuktikan bahawa cerpen-cerpen yang diaplikasi berdasarkan kepada ketujuh-tujuh prinsip Teori Takmilah sememangnya mendukung ajaran Tauhid. Selain itu, kajian ini juga membuktikan bahawa penghasilan cerpen yang berlandaskan Teori Takmilah dapat meningkatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


rasa ketakwaan dalam diri khalayak pembaca serta bersesuaian dengan konsep sastera Islam. Kajian yang dijalankan ini juga telah membuktikan bahawa tidak semua cerpen yang telah menerima pengiktirafan dan sanjungan kerana memenangi pertandingan dalam Peraduan Mengarang Cerpen Berunsur Islam layak untuk diangkat atau diiktiraf sebagai karya yang bertunjangkan sastera Islam.

## 2.4 Sorotan Literatur Berkaitan Modal Insan

Pengkaji telah melakukan sorotan terhadap kajian-kajian berkaitan dengan modal insan atau pembangunan modal insan yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Berdasarkan sorotan kepustakaan yang dilakukan terhadap sumber-sumber dalam bentuk kajian pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana serta artikel jurnal akademik yang berkaitan modal insan dan pembangunan modal insan, pengkaji telah memilih empat kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Pengkaji telah memilih satu kajian pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah, satu kajian pada peringkat ijazah sarjana dan dua buah artikel jurnal akademik. Kajian pada peringkat ijazah doktor falsafah yang disoroti adalah kajian yang dilakukan oleh Nor Hayati binti Haji Alwi (2002) dari Universiti Kebangsaan Malaysia sementara itu kajian pada peringkat ijazah sarjana adalah kajian yang dilakukan oleh Mohd Faizal bin Said dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Tiga buah artikel jurnal akademik yang dipilih dalam kajian ini telah dijalankan oleh Siti Khairiah Mohd Zubir dan Zaidi bin Ahmad (2014), Maryam Syafiqha binti Mohd Sayuti dan Jamilah binti Omar dari Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Norazimah bt Zakaria (2015) dari Universiti Pendidikan Sultan Idris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Siti Khairiah Mohd Zubir dan Zaidi bin Ahmad (2014) telah menghasilkan artikel jurnal yang bertajuk *Peranan Watak Utama Dalam Novel Jeriji Kasih Pemangkin Modal Insan.* Kaedah penyelidikan kualitatif telah digunakan dalam kajian ini bagi meneliti dan menganalisis watak utama dan peranannya sebagai model modal insan yang terpuji. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih dan menggunakan novel *Jeriji Kasih* yang merupakan novel remaja karya Ramlah Abd. Rashid. Novel *Jeriji Kasih* ini digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu tingkatan 4 dan 5.

Novel *Jeriji Kasih* ini dipilih sebagai sumber utama kajian adalah kerana jalan ceritanya yang sesuai untuk dijadikan contoh dan teladan kepada para pelajar sebagai modal insan. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti ciri-ciri modal insan yang selari dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara yang ingin melahirkan insan yang sempurna dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Hasil kajian ini mendapati bahawa watak utama novel ini amat layak dijadikan sebagai contoh oleh para pelajar yang pada masa yang sama merupakan golongan remaja. Ini kerana watak utama novel ini telah menunjukkan nilai-nilai murni, menunjukkan contoh teladan terbaik kepada khalayak pembaca yang merupakan para pelajar di sekolah menengah sehingga layak untuk diiktiraf sebagai model modal insan dalam pelbagai bidang. Bidang-bidang tersebut adalah bidang ekonomi, bidang sosial, bidang pendidikan dan juga bidang agama. Kajian ini dapat membentuk sifat positif dalam kalangan pelajar sekolah menengah kerana novel ini memiliki nilai-nilai murni yang dapat dicontohi oleh para pelajar. Ini dapat membentuk sebuah masyarakat yang rajin, produktif dan mampu bersaing secara sihat dalam bidang-bidang yang diceburi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kajian pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah yang disoroti merupakan kajian yang telah dijalankan oleh Nor Hayati binti Haji Alwi (2002) dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang menjadikan isu pembangunan modal insan menjadi subjek kajiannya. Tesis yang dihasilkan oleh Nor Hayati binti Haji Alwi berjudul *Pembentukan Model Pembangunan Insan Kamil Dalam Pengajian Sains.* Dalam kajian yang dilakukan, pengkaji berusaha membentuk satu teori dan model pengajian dalam pendidikan Sains yang dapat memperincikan pengajian dan pendidikan Sains KBSR, Sains KBSM dan Sains Tinggi dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Pembentukan model yang dirancang ini agar secara teorinya terdapat kemunasabahan untuk lahirnya insan Sains muslim dalam sistem pendidikan kebangsaan menerusi kurikulum yang digubal. Teori dan model yang dibentuk melalui kajian ini dinamakan sebagai Teori dan Model Pembangunan Insan *Kamil* Dalam Pengajian Sains, sebagai tambahan kepada sukatan sedia ada. Melalui teori dan model ini, pengkaji telah mencadangkan beberapa topik tambahan seperti Pengajian Sains Tabii Islam yang berupaya menjana kelahiran sains muslim yang tepu ilmu, kukuh iman, bersifat kreatif dan inovatif serta berpandangan global.

Mohd Faizal bin Said telah menjalankan kajiannya pada peringkat ijazah sarjana untuk melengkapkan Ijazah Sarjana Sastera dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian yang dijalankan berjudul *Model Modal Insan Dalam Novel-novel Remaja Pilihan.* Antara aspek yang ditekankan dalam pembinaan modal insan model Malaysia ialah usaha berterusan untuk melahirkan individu yang mempunyai minda kelas pertama dan berperibadi unggul. Justeru, kajian ini menganalisis model modal insan yang dipaparkan menerusi watak utama dalam novel-novel remaja pilihan. Bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menyempurnakan kajian, watak protagonis dalam empat buah novel remaja yang memenangi anugerah terutamanya yang menerima Hadiah Sastera Utusan (HSU) telah diteliti oleh pengkaji dalam kajian ini. Watak protagonis yang telah diteliti dalam kajian ini ialah watak Afham dalam novel *Rona Bhosporus* karya Zaid Akhtar, watak Muhammad Ameen dalam *1511H karya* Faizah Tehrani, watak E-Jang dalam novel *Mencari Locus Standi* karya Nisah Hj.Haron dan watak Amira dalam novel *Kembara Amira* karya Amer Hamzah L.Kadir.

Permasalahan kajian yang ingin dijawab dalam kajian ini ialah adakah watak protagonis dalam setiap novel remaja yang dipilih diperlihatkan sebagai model modal insan dengan pengzahiran watak protagonis yang berperibadi unggul dan berminda kelas pertama. Untuk mencapai tujuan tersebut, kerangka konseptual model modal insan yang dibina berdasarkan modal insan yang dihasilkan oleh YAB Perdana Menteri dijadikan landasan kajian.

Analisis yang dibuat telah meneliti sama ada protagonis yang ditonjolkan mempunyai komponen-komponen asas yang dinyatakan dalam model modal insan, iaitu ilmu, nilai, hubungan sosial, ekonomi dan fizikal yang ditunjangi oleh elemen kerohanian, kekuatan akidah dan kepercayaan kepada Tuhan. Dapatan kajian membuktikan bahawa para pengarang novel remaja yang dikaji berjaya mengangkat watak protagonis yang hampir menepati ciri-ciri modal insan berminda kelas pertama dan berperibadi unggul. Kajian ini membuktikan bahawa karya-karya kesusasteraan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


khususnya novel-novel remaja tetap memberi sumbangan kepada pembangunan bangsa, agama dan negara.

Kajian berkaitan modal insan berbentuk artikel jurnal yang disoroti berkaitan dengan modal insan adalah jurnal yang dihasilkan oleh Maryam Syafiqha binti Mohd Sayuti dan Jamilah binti Omar (2017) dari Universiti Pendidikan Sultan Idris. Artikel jurnal yang dihasilkan bertajuk *Nilai Kepimpinan Pembesar Empayar Melayu Melaka Kajian Berasaskan Teks Sulalatus Salatin*. Kajian ini menganalisis nilai-nilai murni yang memberi fokus kepada nilai kepimpinan yang dimiliki oleh pembesar-pembesar Melaka berdasarkan teks *Sulalatus Salatin*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti sejauh mana nilai kepimpinan yang diterapkan dalam teks *Sulalatus Salatin* mampu meninggalkan kesan yang mendalam terhadap khalayak. Kajian ini juga adalah untuk menganalisis nilai-nilai kepimpinan yang dinyatakan dalam teks *Sulalatus Salatin* dan mengkaji nilai-nilai kepimpinan dalan mempertingkatkan modal insan menerusi pembacaan secara teliti teks *Sulalatus Salatin*. Perbincangan dalam kajian ini tertumpu kepada nilai-nilai kepimpinan yang dimiliki oleh beberapa pembesar dalam karya *Sulalatus Salatin* serta dikaitkan dengan pemerintahan masa kini bagi membangunkan negara bangsa. Dapatan kajian ini mendapati ciri-ciri kepimpinan yang diperlihatkan dalam kajian ini dapat dijadikan sebagai iktibar dan panduan kepada khalaya dalam usaha untuk melahirkan modal insan yang taat dan setia kepada pemerintah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Norazimah binti Zakaria (2015) dari Universiti Pendidikan Sultan Idris pula telah menghasilkan jurnal yang bertajuk *Penghayatan Nilai Murni Dalam Pembangunan Modal Insan Melalui Kesusasteraan Melayu Tradisional* dalam Jurnal Peradaban Melayu. Nilai dan budaya Melayu menjadi asas kepada pembentukan masyarakat melalui kesusasteraan Melayu tradisional. Penggunaan gaya bahasa juga memainkan peranan yang penting sebagai salah satu unsur keindahan yang mendasari sesebuah karya sastera. Maka, keunikan masyarakat Melayu terletak pada kesusasteraan Melayu, nilai adat serta adat yang tinggi. Jika adab merupakan satu tatasusila yang membentuk jati diri kepada bangsa itu, maka adat pula boleh diertikan dengan tata cara hidup sesuatu bangsa.

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti nilai-nilai, adat dan adab budaya masyarakat Melayu berteraskan kepada kesusasteraan Melayu seperti sajak, pantun, puisi dan peribahasa. Aspek nilai-nilai yang dikaji boleh dilihat dalam kehidupan masyarakat Melayu. Kesusasteraan Melayu memang terkenal dengan keindahan dan kesenian yang tersendiri malah memiliki unsur-unsur intelek, tersirat dengan emosi dan perasaan, penuh dengan ekspresi dan imaginasi serta kaya dengan sifat-sifat kreativiti. Dalam masa yang jaga turut menitikberatkan pengajaran dan maksud yang mendalam.

Secara khusus, nilai, budaya, adat Melayu menjadi salah satu struktur terpenting kemelayuan dalam masyarakat Melayu. Nilai bahasa dan budaya masyarakat Melayu perlu dipelihara dan dikembangkan untuk membentuk dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


meneruskan masyarakat Malaysia yang harmoni dan sejahtera. Ini kerana kesusteraan Melayu tradisional sememangnya kaya dan sarat dengan nilai-nilai murni. Dalam masa yang sama, kesusasteraan Melayu tradisional turut menyelitkan nasihat yang berguna serta dapat merangsang masyarakat untuk berfikir dengan lebih kreatif dan kritis.

## 2.5 Kesimpulan

Berdasarkan kepada kajian-kajian terdahulu yang disoroti oleh pengkaji pada peringkat ijazah doktor falsafah, ijazah sarjana dan artikel jurnal akademik, pengkaji dapati telah ada pengkaji terdahulu yang telah menjalankan kajian yang dengan berlandaskan prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil*, Teori Takmilah dan juga kajian yang berkaitan dengan modal insan. Secara umumnya, kajian-kajian tersebut tertumpu kepada meneliti aspek-aspek kepimpinan Islam yang terkandung dalam manuskrip, mengkaji kecenderungan pengarang dalam puisi-puisi berunsur berunsur Islam serta mengkaji watak dan perwatakan watak utama selari dengan konsep modal insan. Namun, kajian-kajian terdahulu boleh dijadikan sebagai rujukan oleh para pengkaji.

Justeru, berdasarkan analisis dalam bahagian sorotan literatur ini masih terdapat kelompangan dalam kajian tersebut. Para pengkaji pastinya wujud persamaan dan perbezaan dalam pemikiran masing yang subjektif sifatnya. Namun kajian ini dilihat perlu dilakukan bagi mengimbangi kefahaman khalayak terhadap prinsip kerasulan insan *kamil* dan perlu dimurnikan sekali melalui pandangan serta idea yang lebih jitu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 3

# METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan metodologi kajian. Aspek-aspek penting metodologi yang dibincangkan dalam kajian ini adalah rekabentuk kajian, kaedah kajian, sumber dan analisis data, instrumen kajian dan kerangka teori. Selain itu, kajian ini juga membincangkan kerangka konsep yang digunakan sebagai kerangkan analisis kajian. Turut dibincangkan dalam bab ini ialah prinsip kedua Teori Takmilah, iaitu prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil***.** Dalam bab ini juga, dibincangkan ciri-ciri konsep keinsanan, iaitu konsep insan Khalifah, insan *Rabbani* dan insan *Kamil* seperti yang diperincikan oleh Kamariah Kamarudin dalam bukunya yang bertajuk *Takmilah dalam Novel Melayu* (2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan keseluruhan proses penyelidikan yang dijalankan (A. Halim Ali, 2019: 30). Reka bentuk kajian ini adalah merupakan sebuah kajian berbentuk kualitatif. Penyelidikan berbentuk kualitatif merupakan suatu proses inkuiri untuk memahami sesuatu masalah sosial atau manusia berdasarkan satu gambar rajah yang kompleks dan holistik, terbentuk daripada kata-kata, yang melaporkan pandangan informan secara terperinci dan mendalam dan kajian dilaksanakan dalam keadaan semula jadi (Cresswell. J.W., 2012). Kaedah reka bentuk kajian kualitatif dipilih kerana data kajian adalah dalam bentuk teks dan analisis secara deskriptif. Bagi tujuan kajian ini, tiga kaedah telah digunakan, iaitu kaedah kepustakaan, analisis kandungan dan kaedah deskriptif. Kaedah-kaedah ini amat sesuai dengan jenis data dan sumber data yang digunakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*Rajah 3.1*. Reka Bentuk Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 3.3 Kaedah Kajian

Bagi tujuan mencapai objektif kajian ini, pengkaji telah menggunakan tiga kaedah kajian bertujuan untuk menganalisis, menginterpretasi dan mendeskripsi data kajian. Tiga kaedah tersebut adalah kaedah kepustakaan, analisis kandungan dan kaedah deskriptif. Kaedah kepustakaan digunakan kerana kaedah ini amat sesuai dengan bentuk kajian yang dijalankan. Pengkaji mencari dan meneliti bahan-bahan sedia ada seperti buku, jurnal dan lain-lain lagi. Analisis kandungan dilakukan terhadap dua buah teks yang dipilih, iaitu novel *Imam* (1995) dan novel *Mereka yang Tertewas* (1991). Kedua-dua buah teks tersebut telah dianalisis isi kandungannya secara terperinci. Isi kandungan teks yang diteliti adalah yang berkait dengan konsep keinsanan yang terkandung dalam prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil*, iaitu konsep insan Khalifah, konsep insan *Rabbani* dan konsep insan *Kamil*. Pengkaji turut mencari huraian yang berkaitan dengan konsep keinsanan menurut prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* dalam pelbagai jenis sumber sama ada dalam media cetak dan media elektronik.

### 3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Kajian kepustakaan dipilih kerana bentuk kajian ini amat sesuai dengan jenis data dan analisis yang digunakan dalam kajian ini. Sumber utama kajian ini adalah dalam bentuk teks yang boleh diperolehi daripada sumber kepustakaan, iaitu novel *Imam* (1995) karya Abdullah Hussain dan novel *Mereka yang Tertewas* (1991) karya Hasanuddin Md Isa. Selain itu, sumber berkaitan dengan Teori Takmilah juga merupakan sumber kepustakaan. Pengkaji meneliti maklumat bercetak mengenai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bahan-bahan yang terdapat dalam media massa dan bahan-bahan yang berbentuk penulisan seperti kertas kerja, artikel, buku ilmiah, tesis, jurnal dan sebagainya. Kaedah kepustakaan ini penting kerana melalui kaedah ini, pengkaji mendapat gambaran mengenai konsep, ciri-ciri, kaedah pengolahan dan penganalisisan data agar bersesuaian dengan reka bentuk kajian.

Kaedah kepustakaan ini penting kerana melalui kaedah ini, pengkaji mendapat gambaran yang jelas mengenai konsep, prinsip, kaedah pengolahan dan penganalisisan dokumen-dokumen yang sesuai dengan reka bentuk kajian dan kerangka konsep yang dibentuk. Pengkaji menggunakan kaedah bacaan terperinci untuk mencari serta mengumpulkan bahan-bahan yang berkaitan dan sesuai dengan kajian ini. Data yang diperolehi telah dicatat untuk memudahkan pengkaji untuk merujuk kembali maklumat tersebut pada masa hadapan supaya kajian akan menjadi lebih sempurna dan lengkap. Data yang diperolehi daripada sumber utama dan sumber kedua kajian akan dianalisis dan dibincangkan berpandukan prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil.*

### 3.3.2 Kaedah Analisis Kandungan

Analisis kandungan adalah satu bentuk analisis terhadap bahan media cetak seperti akhbar, majalah, jurnal, buku, al-Quran, laporan bertulis, minit mesyuarat dan sebagainya. Begitu juga dengan bahan-bahan elektronik seperti filem, drama, rancangan radio, televisyen lain-lain lagi. Data yang diperolehi daripada sumber utama dan sumber sekunder dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dalam konteks kajian ini, kaedah analisis kandungan digunakan bagi menganalisis teks, dua buah novel yang bertajuk *Imam* (1995) dan novel *Mereka yang Tertewas* (1991). Aspek kandungan yang dianalisis ialah konsep insan Khalifah, konsep insan *Rabbani* dan konsep insan *Kamil* berdasarkan prinsip kedua Teori Takmilah dan ciri-ciri konsep keinsanan yang diperincikan oleh Kamariah Kamarudin dalam bukunya yang bertajuk *Takmilah dalam Novel Melayu* (2011). Data yang diperolehi dipindahkan daripada sumber ke dalam bentuk jadual dan rajah. Analisis terhadap data yang diperolehi ini adalah bagi menjawab tiga soalan kajian yang telah ditetapkan. Kajian ini lebih kepada analisis yang dijalankan untuk melihat hubungan di antara tiga konsep keinsanan yang terkandung dalam prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil*, iaitu insan Khalifah, insan *Rabbani* dan insan *Kamil* dengan isi kandungan data dalam dua buah novel yang dikaji. Kajian ini akan menghubungkan tiga konsep keinsanan dengan data yang diperolehi daripada novel.

### 3.3.3 Kaedah Deskriptif

Kaedah deskriptif digunakan bertujuan utk menghurai, mendeskripsi data kualitatif yang diperolehi dari sumber kajian. Diskripsi dan penghuraian data kajian disandarkan kepada prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* yang dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar dalamlm Teori Takmilah (1993). Prinsip Kerasulan sebagai insan *Kamil* ini dipilih kerana sesuai dengan permasalahan kajian dan objektif kajian yang berusaha untuk melihat prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* itu mempunyai hubungan yang signifikal dengan watak dan perwatakan yang dikaji dalam novel *Imam* dan *Mereka yangTertewas.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 3.4 Kerangka Konsep

Analisis dalam kajian ini adalah berpandukan kepada konsep keinsanan, iaitu konsep insan Khalifah, konsep insan *Rabbani* dan konsep insan *Kamil* seperti yang terkandung dalam prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil*. Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* ini merupakan prinsip kedua daripada tujuh prinsip yang dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar (1993) dalam Teori Takmilah. Selain itu, dalam kajian ini, pengkaji juga menggunakan ciri-ciri konsep insan Khalifah, konsep insan *Rabbani* dan konsep insan *Kamil* seperti yang diperincikan oleh Kamariah Kamarudin dalam bukunya yang bertajuk *Takmilah dalam Novel Melayu* (2011). Buku tersebut merupakan hasil kajian peringkat Ijazah Doktor Falsafah beliau yang telah dibukukan dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Shafie Abu Bakar telah memperhalus dan memperjelas Teori Takmilah dengan lebih terperinci, iaitu dengan mengutarakan tujuh prinsip utama Teori Takmilah. Menurut Shafie Abu Bakar (1997), Rangka teori 'takmilah' dapatlah dikatakan bersifat holistik yang melibatkan ketuhanan, kenabian, keislaman, keilmuan, karya, pengkarya dan khalayak. Teori ini mempunyai jaringan yang diperkukuhkan dari pelbagai prinsip keislaman dan persuratan merupakan *a part and parcel* daripadanya. Teori ini tidak hanya bersifat keawang-awangan tetapi dapat dibuktikan dari realiti yang berlaku dalam persuratan Islam itu sendiri. Aspek-aspek teori diasaskan kepada sekurang-kurangnya tujuh prinsip:

1. Prinsip ketuhanan bersifat *Kamal*
2. Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil*.
3. Prinsip keislaman yang bersifat *Akmal*.
4. Prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat *takamul.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


5. Prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat *takmilah.*
6. Prinsip pada pengkarya yang seharusnya meng*istikmal*kan diri
7. Prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan *Kamil*.

(Shafie Abu Bakar, 1997: 131)

Dalam kajian ini, pengkaji hanya memilih prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* sebagai landasan kajian kerana prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* ini merupakan satu-satunya prinsip dalam Teori Takmilah yang menumpukan perbincangan sepenuhnya mengenai sifat kerasulan insan *Kamil* yang bersandarkan kepada sifat-sifat Nabi Muhammad SAW sebagai seorang insan *Kamil*. Sikap serta sifat dalaman dan luaran watak dan perwatakan watak utama dalam teks yang dikaji menyerupai sikap dan sifat Nabi Muhammad SAW. Daripada ketujuh-tujuh prinsip yang digariskan oleh Shafie Abu Bakar dalam Teori Takmilah, prinsip inilah yang paling sesuai dipilih dan digunakan untuk mengkaji sifat-sifat insan *Kamil* yang dimiliki oleh watak-watak utama novel yang dipilih sebagai sumber utama kajian. Selain itu, salah satu objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti sifat-sifat insan *Kamil* yang ada pada watak-watak utama dalam teks yang dikaji, iaitu watak Haji Mihad dan watak Lebai Pa. Kedua-dua watak ini mempunyai sifat-sifat terpuji seperti yang dimiliki oleh Nabi Muhammad SAW.

Dalam Teori Takmilah, Shafie Abu Bakar telah memperincikan prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* kepada tiga konsep keinsanan, iaitu konsep insan Khalifah, insan *Rabbani* dan insan *Kamil*. Namun begitu, konsep keinsanan ini telah dihuraikan dan diperinci dengan lebih lanjut lagi oleh Kamariah Kamarudin melalui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kajian beliau pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Beliau telah membukukan hasil kajian peringkat Ijazah Doktor Falsafah beliau dalam bentuk sebuah buku yang bertajuk *Takmilah dalam Novel Melayu* (2011). Dalam buku tersebut, Kamariah Kamarudin telah memperincikan lagi ciri-ciri bagi ketiga-tiga konsep keinsanan yang dijana oleh Shafie Abu Bakar. Secara grafik, perincian yang dilakukan oleh Kamariah Kamarudin dapat ditunjukkan melalui rajah di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*Rajah 3.2*. Kerangka konsep Prinsip kerasulan sebagai Insan *Kamil* seperti yang diperinci oleh Kamariah Kamarudin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kajian ini dijalankan dengan menggunakan prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil*. Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* dipilih kerana prinsip ini memberi fokus yang sepenuhnya kepada Nabi Muhammad SAW sebagai tumpuan utama perbincangan. Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* telah mengemukakan Nabi Muhammad SAW sebagai insan *Kamil*. Menurut Shafie Abu Bakar (1997: 133) Teori Takmilah juga mempunyai pertalian dengan Rasulullah sebagai insan *Kamil* yang akar kata 'Kamil' mempunyai pertalian dengan istilah '*Kamal*' sifat Allah Maha Sempurna. Prinsip ini telah menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai model yang unggul kepada seluruh manusia yang inginkan kehidupan yang sempurna di dunia dan di akhirat. Menurut Shafie Abu Bakar (1997: 133) Dalam falsafah pemikiran Islam, terdapat tiga konsep ideal keinsanan, iaitu insan *Kamil*, insan Khalifah dan insan *Rabbani*. Ketiga-tiga konsep ini merupakan gambaran tahap kedudukan manusia di muka bumi ini dalam usaha untuk menyempurnakan perintah-perintah Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah *Al-Naml* ayat 62 yang bermaksud, "*Bukankah Dia (Allah) memperkenankan doa orang yang dalam kesulitan apabila dia berdoa kepada-Nya, dan menghilangkan kesusahan dan menjadikan kamu (manusia) sebagai khalifah (pemimpin) di bumi?*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan & Tajwid, 2014: 382). Menurut Kamariah Kamarudin (2011: 82) Penyerlahan istilah '*Kamil*' yang dipadukan pada Rasulullah SAW sebagai insan *Kamil* adalah untuk membuktikan kewujudan manusia dengan sebaik-baik kejadian yang seterusnya mempunyai pemimpin yang dapat melaksanakan perintah-Nya.

Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* ini digunakan untuk menganalisis watak dan perwatakan dalam dua buah novel yang dikaji ke arah pembentukan sifat-sifat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


murni agar dapat dijadikan sebagai model ke arah pembentukan modal insan. Prinsip ini mengajak umat manusia agar mengesakan dan mentauhidkan Allah SWT serta menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai contoh ikutan yang terbaik. Ini amat bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah *Al-Ahzab* ayat 21 yang bermaksud, "*Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah SAW itu teladan yang baik bagimu, iaitu bagi orang yang mengharapkan rahmat Allah dan (kedatangan) hari kiamat serta yang banyak mengingati Allah*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan & Tajwid, 2014: 420) dan dalam surah *Al-Qalam* ayat 4 yang bermaksud, "*Dan sesungguhnya engkau memiliki akhlak yang mulia*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan & Tajwid, 2014: 564). Selain untuk membentuk akhlak umat manusia, Nabi Muhammad SAW juga diutuskan sebagai pembawa rahmat kepada seluruh alam dan kepada umat manusia seluruhnya. Firman Allah SWT dalam surah *Al-Anbiya* ayat 107 yang bermaksud, "*Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan & Tajwid, 2014: 331).

Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* menuntut umat manusia untuk mengikuti sunah Nabi Muhammad SAW dalam segala aspek kehidupan seharian. Sunah Nabi Muhammad SAW merupakan segala perkara yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW yang terdiri daripada perkataan (*Qaul*), perbuatan (*Fi'il*) dan pengakuan (*Taqrir*) serta sifat dan riwayat baginda. Firman Allah SWT dalam surah *Al-Nahl* ayat 44 yang bermaksud,

> (Kami mengutuskan mereka) dengan membawa keterangan-keterangan (mukjizat) dan kitab-kitab. Dan Kami turunkan Az-Zikr (al-Quran) kepadamu, agar engkau menerangkan kepada manusia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> apa yang telah diturunkan kepada mereka dan agar mereka memikirkannya.
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan & Tajwid, 2014: 272)

Che Zuina Ismail (2009: 22) menyatakan secara umumnya al-Sunah boleh didefinisikan sebagai sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah SAW sama ada dari segi perkataannya atau perbuatannya atau pengakuannya atau sifat keperibadiannya atau perangainya. Kedudukan al-Sunah dalam pembahagian sumber ajaran Islam adalah berada di tempat kedua selepas al-Quran. Ia dikategorikan di bawah sumber ajaran Islam yang asasi selepas al-Quran kerana ianya bertindak sebagai pentafsir kepada al-Quran. Al-Sunah juga disebut sebagai sumber wahyu kerana Rasulullah SAW tidak bertindak atau menuturkan sesuatu melainkan atas bimbingan wahyu daripada Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah *Al-Nisa* ayat 59 yang bermaksud,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah Allah dan taatilah Rasul (Muhammad), dan ulil amri (pemegang kekuasaan) di antara kamu. Kemudian, jika kamu berbeza pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (Sunnahnya), jika kamu beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu, lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya."
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan & Tajwid, 2014: 87)

## 3.5 Teori Takmilah

Teori Takmilah adalah sebuah teori janaan Shafie Abu Bakar. Beliau merupakan mantan pensyarah yang bertugas di Jabatan Persuratan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau juga merupakan mantan Ahli Dewan Undangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Negeri Selangor bagi Daerah Kajang. Teori ini lahir hasil daripada beberapa siri seminar yang telah dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang membincangkan tentang teori sastera. Pada 29 – 31 Oktober 1992, DBP telah menganjurkan seminar di Port Dickson yang bertemakan "Sastera, Metodologi dan Penetapan Teori." Dalam seminar ini, Shafie Abu Bakar yang cenderung kepada sastera Islam telah membentangkan sebuah kertas kerja yang bertajuk "Sastera Islam: Teori Pengindahan dan Penyempurnaan dalam Rangka Tauhid". Dalam kertas kerja tersebut, Shafie Abu Bakar telah telah menggemukakan konsep Jamal dan Kamal yang menjadi sifat Ilahi. Menurut S. Jaafar Husin (1995: xiv) Dr. Shafie Abu Bakar mengemukakan konsep keindahan (Jamal) dan kesempurnaan (Kamal) melalui kertas kerjanya "*Sastera Islam: Teori Pengindahan dan Penyempurnaan dalam Rangka Tauhid*". Pada ketika ini, Shafie Abu Bakar belum menggunakan istilah Takmilah. Menurut Shafie Abu Bakar dalam Mana Sikana (1997),

> Teori Takmilah ini adalah lahir sebagai hasil dari beberapa siri seminar yang membincangkan tentang teori sastera. Pada peringkat awal, penulis telah diminta membentangkan sebuah kertas kerja anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka bertemakan 'Sastera, Metodologi dan Penetapan Teori' yang berlangsung di Port Dickson dari 29-31 Oktober 1992. Sebagai seorang yang cenderung kepada Sastera Islam, penulis telah membentangkan kertas kerja berjudul "Sastera Islam: Teori Pengindahan dan Penyempurnaan Dalam Rangka Tauhid". Kelihatan pada peringkat ini belum tercetus lagi istilah 'Takmilah', sebagai sebuah rangka teori, tetapi jika dilihat dari penggunaan kata, Teori pengindahan dan penyempurnaan (Tajmilah & takmilah) nyatalah rangka ideanya sudah wujud cuma belum diketemui ketetapan dan ketetapan istilah.
>
> (Mana Sikana, 1997: 125)

Lanjutan daripada seminar tersebut, pada 5 hingga 8 September 1993, UKM dengan kerjasama DBP telah menganjurkan Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu. Shafie Abu Bakar telah membentang sebuah kertas kerja yang bertajuk "Teks

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*Hadiqat al-Azhar Wa al-Rayahin* Sebagai Model Sastera Islam." Shafie Abu Bakar telah menjelaskan rangka idea mengenai Teori Takmilah dalam seminar ini dengan mula menggunakan istilah takmilah dalam pengolahan teks walaupun ianya bukan sebagai judul utama kertas kerja yang dibentangkan. Menurut Shafie Abu Bakar dipetik dalam Mana Sikana (1997),

> Rangka idea mengenai teori di atas dilanjutkan ke dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu III anjuran Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Sastera yang berlangsung di UKM dari 5-8 September 1993. Kali ini penulis membentangkan kertas kerja yang berjudul 'Teks Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin: Sebagai Model Sastera Islam .'Pada kali ini, istilah takmilah mulai digunakan dalam pengolahan teks di atas tetapi bukan sebagai judul utama kertas kerja.
>
> (Mana Sikana, 1997:125-126)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kertas kerja ini kemudiannya telah diterbitkan sebagai salah sebuah artikel dalam buku yang berjudul *Teks Cerminan Nilai Budaya Bangsa.* Buku ini telah diselenggara oleh Othman Puteh dan diterbitkan oleh DBP Kuala Lumpur dalam tahun 1994.

Penggunaan istilah Takmilah mula digunakan oleh Shafie Abu Bakar ketika beliau membentangkan kertas kerja dalam Nadwah Sastera Islam Antarabangsa anjuran DBP di Balai Seminar DBP. Menurut Shafie Abu Bakar dipetik dalam Mana Sikana (1997),

> Penggunaan istilah 'takmilah' mula-mula dilakukan penulis sebagai judul kertas kerja bila membentang kertas kerja yang berjudul "Takmilah: Teori Sastera Islam" dalam Nadwah Sastera Islam Antarabangsa anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka yang berlangsung di Balai Seminar Dewan Bahasa dan Pustaka dari 1-3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Disember 1993. Selanjutnya aplikasi teori ini telah dibuat terhadap kumpulan puisi 'Kau dan Aku' karya A. Aziz Deraman dengan judul kertas kerja 'Kau dan Aku: Analisis Takmilah.' Kertas kerja ini dibentangkan dalam Majlis Diskusi Buku Sempena Minggu Sastera Malaysia 1994 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka yang berlangsung di Sudut Penulis Dewan Bahasa dan Pustaka pada 14 September 1994.
>
> (Mana Sikana, 1997: 126)

Shafie Abu Bakar telah memperhalus dan memperjelas Teori Takmilah dengan lebih terperinci, iaitu dengan mengutarakan tujuh prinsip utama. Dari segi falsafah Islam, Teori Takmilah dengan ketujuh-tujuh prinsipnya berkaitan dengan pertalian tauhid kerana melibatkan hubungan dengan manusia dengan Allah SWT dan hubungan manusia dengan alam. Menurut Kamariah Kamarudin (2011),

> Dalam hal ini, Teori Takmilah diperhatikan dari segi falsafah Islam, mempunyai pertalian dengan tauhid kerana ketujuh-tujuh prinsipnya menggariskan hubungan manusia dengan Allah (*Habl min Allah*) yang bersifat *vertical* dan hubungan manusia dengan alam (*Habl min al-Nas*) yang bersifat *horizontal*. Berdasarkan kepada ajaran dan pegangan ilmu Islam sebagai ad-Din, Teori Takmilah mengarahkan kepada kesempurnaan hidup. Sehubungan itu, Teori Takmilah memperincikan hubungan pengkarya-karya-khalayak sejajar dengan pengkajian karya sastera yang berunsur Islam dalam genre novel. Walaupun istilah-istilah yang digunakan bagi ketujuh-tujuh prinsip mempunyai perbezaan daripada segi sebutan, iaitu *Kamal, Kamil, Akmal, Takamul, Takmilah* dan *Istikmal* sebagai mana menurut kesesuaian penggunaan ketujuh-tujuh prinsipnya, namun fungsinya tetap satu. Kesemuanya mengarah kepada pencapaian kesempurnaan dalam berkarya.
>
> (Kamariah Kamarudin, 2011: 80)

Menurut Abdul Halim Ali (2011: 110) teori ini dianggap satu-satunya teori sastera Islam di Malaysia yang memberi penekanan analisis dan kritikan bersandarkan secara langsung kepada konsep tauhid. Kemunculan teori ini telah membuka jalan alternatif kepada para sarjana dan pengkritik untuk melakukan kajian, analisis, ulasan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dan kritikan berasaskan prinsip-prinsip keislaman. Menurut Abdul Halim Ali (2006: 156-157) Pendekatan Takmilah juga boleh disebut sebagai pendekatan kesyumulan berasaskan kepada prinsip-prinsip teori Takmilah yang diketengahkan oleh Shafie Abu Bakar. Menurut Shafie Abu Bakar dipetik dalam Samsina Haji Abd. Rahman (2001: 14) Dalam konteks penghasilan sesebuah karya sastera, penggunaan Teori Takmilah ini akan menjadikannya sebuah karya yang sempurna terutama apabila memenuhi prinsip-prinsip yang digariskan.

Teori Takmilah sesuai untuk diaplikasikan terhadap pelbagai jenis karya sasteradengan tujuan untuk mengesan nilai-nilai keislaman yang terdapat dalam sesebuah karya sastera. Menurut Shafie Abu Bakar dalam Maniyamin bin Haji Ibrahim (2005:24) Teori Takmilah boleh digunakan ke atas semua karya sastera untuk mengesan nilai keislamannya. Teori Takmilah berperanan sebagai pengukur nilai Islam dalam sesebuah karya. Dalam membina teori sastera Islam, Shafie Abu Bakar melihat kepentingan dan keutamaan ‘pengindahan dan penyempurnaan’ sebagai dua faktor utama sebagai teori pengembangan sastera Islam. Menurut S. Jaafar Hussin (1995: xiv) Bertitik tolak daripada Teori Pengindahan dan Penyempurnaan ini, Shafie Abu Bakar telah membuat kesimpulan bahawa dari sudut agama Islam, sastera merupakan sesuatu yang amat perlu. Ini kerana sastera membantu menyampaikan amanat, pengajaran, pendidikan dan unsur didaktik yang lain.

### 3.5.1 Prinsip Kerasulan Sebagai Insan *Kamil*

Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* merupakan prinsip kedua Teori Takmilah. Prinsip ini telah memberi tumpuan sepenuhnya kepada keperibadian Rasulullah SAW

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



sebagai modal insan *Kamil.* Ini adalah kerana jiwa baginda Rasulullah SAW sememangnya sangat dekat dengan Allah SWT. Menurut Shafie Abu Bakar (1997: 133),

> Teori Takmilah juga mempunyai pertalian dengan Rasulullah sebagai insan Kamil yang kata akar kata '*Kamil*' mempunyai pertalian dengan istilah 'Kamal' sifat Allah Maha Sempurna.Dalam falsafah pemikiran Islam, terdapat tiga konsep ideal keinsanan, iaitu insan *Kamil,* insan Khalifah dan insan *Rabbani*.
>
> (Shafie Abu Bakar. 1997: 133)

Menurut Shafie Abu Bakar dalam Samsina Haji Abd. Rahman (2001: 17), dalam falsafah pemikiran Islam terdapat tiga konsep ideal keinsanan, iaitu insan *Kamil,* insan Khalifah dan insan *Rabbani*. Ketiga-tiga konsep ini terbukti dalam sejarah Islam dimiliki oleh baginda Rasulullah SAW sehingga baginda diberikan gelaran sebagai *al-Amin* (yang jujur dan yang benar), *al-Mustafa* (yang terpilih) dan *habibullah* (kekasih Allah SWT). Menurut Maniyamin Haji Ibrahim (2005: 29), Insan Khalifah merujuk kepada manusia sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi. Rasulullah SAW merupakan seorang khalifah yang memimpin dan memandu manusia menuju ke arah jalan yang benar, jalan yang diredhai Allah SWT. Segala tindakan dan perbuatan Rasulullah SAW wajar dicontohi kerana sikap, perbuatan dan tindakan baginda SAW tidak menyalahi perintah Allah SWT malah ianya merupakan tindakan yang diredhai oleh Allah SWT. Ini amat bersesuaian dengan gelaran *habibullah* yang dianugerahkan kepada baginda. Konsep ideal keinsanan tersebut dapat ditunjukkan melalui rajah 3 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*Rajah 3.3*. Prinsip Kerasulan Sebagai Insan *Kamil*

Menurut Samsina Haji Abd. Rahman (2001: 17), Rasulullah SAW dari segi insan Khalifah baginda ialah seorang pentadbir, pemimpin, hakim dan panglima perang yang tiada tandingan. Menurut Maniyamin Haji Ibrahim (2005: 29), insan *Rabbani* merujuk kepada peningkatan ketakwaan manusia sebagai khalifah Allah SWT. Dengan peningkatan ketakwaan akan mendekatkan kerohanian manusia dengan Allah SWT. Menurut Samsina Haji Abd. Rahman (2001: 17), dari segi insan *Rabbani* baginda ialah Rasul yang mempunyai tahap kerohanian yang tinggi, iaitu jiwanya yang amat hampir dengan Allah SWT dan sebagai insan *al-Kamil* (manusia sempurna), Rasulullah SAW memiliki peribadi yang terpuji dengan segala sifat istimewa dan luar biasa semenjak baginda masih kanak-kanak sehingga ke saat kewafatannya.

Maniyamin Haji Ibrahim (2005: 30) menyatakan gabungan insan *Khalifah* dengan insan *Rabbani* akan membentuk insan *Kamil* yang ber*takmilah*, sebagaimana tercermin pada diri Rasulullah SAW. Dalam hal ini, sastera sebagai santapan jiwa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


manusia berupaya mendukung amanah Allah SWT membentuk insan Khalifah dan insan *Rabbani* yang lebih *ahsan.* Rasulullah SAW ialah seorang insan *Kamil*. Oleh itu, pembangunan modal insan yang dibangunkan oleh Nabi Muhammad SAW adalah merupakan revolusi kemanusiaan yang mengkagumkan pernah tercatat dalam sejarah manusia. Baginda SAW berjaya membentuk individu yang sanggup berkorban nyawa dan harta untuk berdakwah ke seluruh dunia menggambarkan kehebatan Islam dalam membangunkan manusia dan kemanusiaan. Rasulullah SAW berjaya membangunkan sumber manusia yang mantap.

Rasulullah SAW ialah seorang insan *Kamil*. Oleh itu, pembangunan modal insan yang dibangunkan oleh Nabi Muhammad SAW adalah merupakan revolusi kemanusiaan yang mengkagumkan pernah tercatat dalam sejarah manusia. Mereka juga menyatakan bahawa Rasulullah SAW dalam usaha membina modal insan, menjadikan Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap dan sempurna dari segi kaedah serta modus operandinya. Sejak permulaan dakwah Islam di Mekah, Nabi Muhammad SAW menegaskan Islamlah satu-satunya jalan (syariah) dan *manhaj* yang sesuai untuk membangunkan manusia yang telah dilanda keruntuhan nilai-nilai kemanusiaan di seluruh alam khususnya pada abad ke-6. Baginda berjaya membentuk individu yang sanggup berkorban nyawa dan harta untuk berdakwah ke seluruh dunia menggambarkan kehebatan Islam dalam membangunkan manusia dan kemanusiaan. Rasulullah SAW berjaya membangunkan sumber manusia yang mantap pegangan Islam dan imannya. Khalifah Rasyidin (r.a) merupakan model modal insan yang mendapat didikan secara langsung daripada Rasulullah SAW serta berjaya merubah peta dunia yang dicemari kejahilan kepada kehidupan yang penuh cahaya dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kebahagiaan. Sebagai kesimpulannya, modal insan yang dibangunkan oleh Rasulullah SAW adalah insan yang berjiwa Islam sejati, iaitu hidup dan matinya adalah untuk menegakkan syiar Islam.

Di samping itu juga, Nabi Muhammad SAW membangunkan modal insan dengan memberi keutamaan dan penekanan kepada pendidikan tauhid. Nabi Muhammad SAW menegaskan bahawa menuntut ilmu itu adalah suatu kewajipan kepada semua manusia. Sehubungan dengan itu, ajaran tauhid merupakan alat utama untuk menuntut ilmu. Sifat Islam sebagai agama ilmu jelas kelihatan pada dasar dan sistem kepercayaan, iaitu Rukun Iman dalam agama Islam. Islam pada hakikatnya menolak keimanan atas dasar ikutan semata-mata tanpa ditunjangi oleh ilmu. Oleh itu, terdapat hubungan yang rapat antara tauhid dengan ilmu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, dalam pembangunan modal insan, Nabi Muhammad SAW menekankan pembentukkan sahsiah sebagai salah satu komponen asas Islam, iaitu akidah, syariah dan akhlak. Oleh itu, ini telah menimbulkan kedudukan yang sangat penting sebagai salah satu daripada tunjang Islam itu sendiri. Akhlak sebenarnya berkait rapat dengan aspek kejiwaan dan dalaman manusia. Akhlak yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW adalah bersifat menyeluruh serta meliputi segenap segi hubungan dalam kehidupan manusia seperti akhlak dengan Allah SWT, akhlak dengan rasul-Nya, akhlak dengan diri sendiri dan akhlak dengan manusia lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dalam pembangunan modal insan dari aspek pembangunan siasah, Nabi Muhammad SAW menekankan prinsip-prinsip asas siasah Islam. Selain itu, pembangunan modal insan dari aspek pembangunan siasah dimantapkan dengan pelaksanaan undang-undang syariat Islam. Nabi Muhammad SAW turut memberi penekanan penting tentang perpaduan ummah. Baginda SAW menegaskan bahawa semua manusia adalah bersaudara. Hal ini kerana Nabi Muhammad SAW sedar akan kekuatan modal insan bergantung kepada perpaduan ummah. Malah persaudaraan ummah juga adalah satu fitrah yang sudah ada dalam diri insan yang tidak boleh hidup tanpa berinteraksi. Maka, aspek penting yang ditekankan oleh Nabi Muhammad SAW adalah dalam pembangunan diri manusia seperti mendidik jiwa, hati dan kerohaniaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu juga, isi sesebuah karya berunsurkan Islam pada dasarnya perlulah membawa nilai yang baik dan positif serta dapat memberi teladan kepada seluruh umat Islam khasnya. Penyampaian unsur-unsur positif di dalam sesebuah karya sastera itu tidak semestinya bersifat langsung tetapi juga dapat disampaikan secara halus namun dapat memberi impak kepada khalayak. Oleh itu, isi sesebuah karya sastera itu dapat membantu di dalam usaha men*takmilah*kan sesebuah karya sastera dan memberi kesan takmilah kepada individu serta masyarakat yang menghayatinya.

Berdasarkan tinjauan dari aspek takmilah diyakini hanya tema yang baik sahaja yang dapat memperbaiki dan men*takmilah*kan jiwa seseorang individu dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


seterusnya jiwa masyarakat. Namun begitu, ini tidak bererti bahawa tema yang buruk akan mengarah kepada imej yang buruk semata-mata. Ianya terpulang dari sudut pandangan pengarang sehingga secara halus unsur-unsur kejahatan membuatkan khalayak berfikir serta berpihak kepada kebaikan. Sehubungan dengan itu, tema-tema yang dekat dengan nilai-nilai keislaman lebih diutamakan dalam usaha men*takmilah*kan masyarakat. Selain itu, dari aspek watak dan perwatakan pula, seseorang pengarang itu haruslah dapat memaparkan watak dan perwatakan yang dapat menunjukkan nilai-nilai Islam sebagai *takmilah* di dalam sastera Islam yang dihasilkan. Begitu juga dengan aspek lain seperti sudut pandangan dan mesej haruslah dapat menjurus ke arah pandangan keislaman dan bersifat positif selaras dengan nilai-nilai Islam yang men*takmilah*kan seseorang insan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 3.5.1.1 Konsep Insan Khalifah

Insan Khalifah merujuk kepada keupayaan dan kemampuan seseorang insan (manusia) untuk menjadi pemimpin di muka bumi ciptaan Allah SWT. Manusia merupakan ciptaan Allah SWT yang istimewa kerana kelebihan-kelebihan yang Allah SWT anugerahkan. Menurut Ahmad Yakob (2015),

> Perkataan khalifah bererti penyambung, penghubung dan yang diamanahkan untuk menyampaikan atau mengerjakan sesuatu amanah. Perkataan ini juga bermaksud pengganti bahkan disebut khalifah sebagai ketua agama dan raja di sesebuah negara Islam. Seterusnya menjadi Khalifah Allah di muka bumi bermaksud menjadi wakil yang dilantik oleh Allah SWT untuk mentadbir dan menguruskan bumi ini di samping memakmurkannya supaya menjadi tempat tinggal yang baik untuk didiami oleh seluruh penghuni.
>
> (Ahmad Yakob, 2015: 17)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


H. Jalaluddin (2003: 12) menyatakan bahawa manusia merupakan karya Allah SWT yang paling istimewa, bila dilihat dari sosok diri serta beban dan tanggungjawab yang diamanatkan kepadanya. Menurut beliau lagi, manusia merupakan satu-satunya makhluk yang perbuatannya mampu mewujudkan bagian tertinggi dari kehendak Tuhan yang mampu menjadi sejarah dan mendapat kemenangan. Firman Allah SWT dalam al-Quran melalui surah *Al-Maidah* ayat 56 yang bermaksud, "*Dan barang siapa menjadikan Allah, rasul-Nya dan orang-orang yang beriman sebagai penolongnya, maka sesungguhnya, pengikut (agama) Allah itulah yang menang*" ( Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 117). Selain daripada makhluk ciptaan Allah SWT yang istimewa, manusia juga merupakan makhluk ciptaan Allah SWT yang tertinggi dan merupakan sebaik-baik kejadian. Firman Allah SWT dalam surah *Al-Tin* ayat 4 yang bermaksud, "*Sesungguhnya, Kami telah ciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 597). Keistimewaan inilah yang menyebabkan manusia telah dilantik sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini. Menurut Al-Syaibany dalam H. Jalaluddin (2003: 13) Manusia diciptakan oleh Allah sebagai makhluk yang paling mulia kerana kesempurnaan bentuk dan kelebihan akal fikiran yang ikut membedakannya dari makhluk lainnya.

Tanggungjawab manusia sebagai khalifah merupakan suatu amanah yang amat besar dan berat. Oleh sebab itulah, maka ciptaan Allah SWT yang lain tidak sanggup untuk menerima tanggungjawab untuk menjadi khalifah di muka bumi ini. Menurut Abang Mohd. Razif Abang Muis (2015: 72) Kesediaan manusia untuk menjadi khalifah di muka bumi digambarkan melalui kesanggupannya untuk memikul amanah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang enggan dipikul oleh makhluk lain seperti langit, bumi dan gunung-ganang. Firman Allah SWT dalam al-Quran melalui surah *Al-Ahzab* ayat 72 yang bermaksud,

> Kami telah menawarkan amanat kepada langit, bumi dan gunung-ganang, tetapi semuanya enggan untuk memikul amanat itu dan mereka bimbang tidak mampu melaksanakannya (berat), lalu dipikullah amanat itu oleh manusia. Sesungguhnya, manusia itu sangat zalim dan sangat bodoh.
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 427)

Atas kesanggupan manusia untuk memikul tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi ini, maka manusia dikehendaki untuk mentadbir alam ini ke arah yang diredhai oleh Allah SWT. Tugas dan tanggungjawab kekhalifahan manusia ini terbukti melalui firman Allah SWT dalam al-Quran dalam surah *al-Baqarah* ayat 30 yang bermaksud,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

> Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat, "Aku hendak menjadikan khalifah di muka bumi." Mereka berkata, "Adakah Engkau hendak menjadikan orang yang akan merosakkan dan menumpahkan darah di sana, sedangkan kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?" Allah berfirman, "Sesungguhnya, Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui."
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 6)

Manusia pertama yang dicipta dan diturunkan oleh Allah SWT ke muka bumi ini ialah Nabi Adam AS. Nabi Adam AS menggalas tugas sebagai khalifah pertama di muka bumi ini. Tugas yang diamanahkan kepada baginda adalah untuk mewujudkan kemakmuran di muka bumi. Firman Allah SWT dalam surah *Hud* ayat 61 yang bermaksud,

> Dan kepada kaum Tsamud (Kami utuskan) saudara mereka, Soleh. Dia berkata, "Wahai kaumku! Sembahlah Allah, tidak ada Tuhan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> bagimu selain-Nya. Dia telah menciptakanmu daripada bumi (tanah) dan menghendakimu memakmurkannya, oleh itu mohonlah keampunan kepada-Nya, kemudian bertaubatlah kepada-Nya. Sesungguhnya Tuhanku sangat dekat (rahmat-Nya) dan memperkenankan (doa hamba-Nya)".
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 228)

Selain itu, baginda juga berperanan untuk mewujudkan kebahagian hidup di dunia ini. Perkara ini telah diterangkan melalui firman Allah SWT dalam al-Quran melalui surah *Al Ra'd* ayat 29 yang bermaksud, "*Orang-orang yang beriman dan beramal soleh, mereka memperoleh kebahagiaan dan tempat kembali yang baik*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 253) dan melalui surah *Al-Ma'idah* ayat 16 yang bermaksud, "*Dengan kitab itulah Allah memberi petunjuk kepada orang yang mengikuti keredhaan-Nya ke jalan yang selamat, dan dengan (kitab itu juga) Allah mengeluarkan mereka daripada gelap-gelita kepada cahaya dengan izin-Nya dan menunjukkan ke jalan yang lurus.*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 110). Semua ini didasarkan pada tugas manusia sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi yang berperanan untuk memakmurkan kehidupan di muka bumi dengan menjadikan al-Quran sebagai pedoman untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT. Melalui pedoman yang termuat dalam al-Quran, diharapkan manusia akan mampu mencipta suatu keadaan hidup yang selamat, aman dan sejahtera. Kehidupan yang demikian itu merupakan gambaran daripada kebahagiaan hidup yang didukung oleh keimanan dan amal saleh.

Menurut Samsina Haji Abd. Rahman (2001: 14) Rasulullah dari segi insan Khalifah, baginda ialah seorang pentadbir, pemimpin, hakim dan panglima perang yang tiada tandingan. Haron Din (2010: 19) menyatakan bahawa manusia sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


hamba Allah telah dilantik untuk memegang jawatan khalifah Allah. Perlantikan itu adalah kerana keupayaan dan kelayakan manusia untuk memegang jawatan tersebut. Menurut Abang Mohd. Razif Abang Muis (2015: 73) dalam usaha untuk mentadbir alam ke arah keredhaan Allah SWT, manusia dikehendaki mempunyai pengetahuan tentang jalan yang diredhai dan arah tuju perjalanan hidup ini. Sekali lagi, ilmu agama diperlukan sebagai asas dalam pembinaan tamadun yang diredhai oleh Allah SWT. Menurut Abang Mohd. Razif Abang Muis (2015),

> Dalam usaha membangunkan alam, manusia juga perlu mengetahui cara atau kaedah yang betul dan tepat agar pembangunan tersebut dapat dilaksanakan. Oleh yang demikian, manusia perlu mengetahui ilmu berkaitan alam dan sistem yang mengaturnya seperti ilmu perubatan, Sains dan teknologi, ekonomi dan segala urusan yang berkaitan dengannya. Begitu juga keperluan manusia kepada teknologi terkini untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat dan negara harus dipelajari dan dipraktikkan demi kesejahteraan hidup. Kesemua ilmu ini ialah sebahagian ilmu yang bukan sahaja wajib dipelajari malah perlu diamalkan oleh sebahagian manusia Muslim yang turut dikenal sebagai ilmu dalam kategori fardu kifayah.
>
> (Abang Mohd. Razif Abang Muis, 2015: 73-74)

Untuk menjadi seorang pemimpin atau khalifah, maka seseorang insan itu perlulah memenuhi segala syarat yang telah ditetapkan. Antara syarat-syarat yang perlu ada pada seseorang insan yang ingin dilantik atau diiktiraf sebagai seorang pemimpin ialah mempunyai ilmu yang tinggi dan berkeperibadian tinggi. Firman Allah SWT dalam surah *Al-An'am* ayat 165 yang bermaksud,

> Dan Dialah yang menjadikan kamu sebagai khalifah-khalifah di bumi dan Dia mengangkat (darjat) sebahagian daripada kamu di atas yang lain, untuk mengujimu atas (kurniaan) yang diberikan-Nya kepadamu. Sesungguhnya Tuhanmu sangat cepat memberi hukuman dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 150)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Allah SWT melalui kitab al-Quran dengan jelas telah mengakui bahawa salah satu daripada asas yang terpenting untuk melayakkan seseorang itu diiktiraf sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini ialah manusia yang mempunyai dua jenis ilmu. Menurut Haron Din (2010: 21) Ilmu yang dimaksudkan ialah ilmu tentang alam benda demi untuk menguasai alam benda bagi dipergunakan untuk melaksanakan tugas khalifah dan untuk melaksanakan konsep pengabdian dan penyerahan. Ilmu yang kedua yang dimaksudkan ialah ilmu tentang alam ghaib yang menjadi asas penting kepada manusia dalam menjalankan tugas khalifah, yang menjadi panduan dan penghubung dengan Allah SWT yang telah meletakkan tugas amanah khalifah**.** Menurut Haron Din (2010: 21) Pertama ilmu tentang alam syahadah, kedua ilmu tentang alam ghaib atau ilmu tentang alam fizik dan ilmu tentang alam metafizik atau ilmu tentang alam benda dan ilmu tentang pencipta alam benda. Hal ini telah diterangkan oleh Allah SWT dalam surah *Al-Rahman* ayat 1-4 yang bermaksud, "*(Allah) Maha Pengasih. Yang telah mengajarkan Al Quran. Dia menciptakan manusia. Dia mengajarnya pandai berbicara*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 531). Menurut Abang Mohd. Razif Abang Muis (2015),

> Manusia mempunyai peranan dan tanggungjawab yang sepenuhnya dalam perkara yang berikut:
> (a) Sentiasa melakukan amal kebaikan dalam seluruh kehidupannya untuk dipersembahkan kepada Allah SWT.
> (b) Memanfaatkan dan menggunakan waktu secara efisen dan efektif agar memperoleh keberkatan hidup.
> (c) Melaksanakan kerja dengan bersungguh-sungguh dan kreatif untuk menghasilkan sesuatu yang bermanfaat bukan sahaja untuk kegunaan diri sendiri tetapi juga mendatangkan manfaat kepada masyarakat.
> (d) Sentiasa berusaha untuk membina hubungan, pergaulan dan komunikasi yang baik sesama manusia demi mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.
> (e) Berusaha untuk menjaga dan memelihara alam dengan baik. Pada masa yang sama, manusia tidak seharusnya merosakkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> alam kerana manusia juga yang akan berhadapan dengan bencana kerosakan tersebut.
>
> (Abang Mohd. Razif Abang Muis, 2015: 78)

Walaupun umat manusia telah dinyatakan oleh Allah SWT sebagai khalifah di muka bumi, namun begitu tidak semua umat manusia itu layak untuk diangkat dan diiktiraf sebagai khalifah Allah SWT yang berperanan untuk mentadbir dan memakmurkan muka bumi ini. Terdapat kriteria-kriteria yang perlu dipenuhi sebelum seseorang manusia itu dapat diangkat dan diiktiraf sebagai khalifah Allah SWT yang sebenarnya. Jelas di sini bahawa bukan semua hamba Allah SWT atau manusia itu dengan sendirinya menjadi khalifah Allah SWT. Walau pun pada hakikatnya manusia itu merupakan hamba Allah SWT, namun jika manusia tersebut tidak melaksanakan konsep pengabdian kepada Allah SWT dalam kehidupan mereka, maka manusia tersebut adalah tidak layak untuk diiktiraf sebagai khalifah Allah SWT.

Manusia yang layak untuk diiktiraf sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini ialah manusia yang menerima dan mengakui kehambaan dirinya serta melaksanakan konsep-konsep pengabdian atau konsep penyerahan diri hanya kepada Allah SWT**.** Kesimpulannya, hanya dengan Islam sahaja manusia layak dan berhak untuk menjadi khalifah Allah SWT. Tanpa mengikut ajaran Islam, manusia sebenarnya telah menentang dan memberontak ke atas kekuasaan pemerintahan dan kehakiman Allah SWT. Berkenaan dengan perkara ini, Haron Din (2010) menyatakan bahawa,

> Hanya dengan Islam yang berpandukan kepada dua jenis ilmu tadi manusia mencapai kesejahteraan yang menjadi saripati tamadun umat manusia. Tanpa ilmu, manusia tidak akan mencapai hakikat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> tamadun kerana antara Islam dengan erti kesejahteraan tidak dapat dipisahkan. Hakikat akan lebih jelas dirasakan manakala Allah menegaskan kepada umat manusia bahawa Islam itu adalah *fitratullah* atau *sunnatullah* pada alam ciptaan-Nya. Islam itu jugalah fitrah manusia dan fitrah alam semesta, penafian dan keingkaran manusia kepada Islam sebagai asas falsafah tamadunnya adalah bertentangan dengan sifat fitrah kemanusiaannya, yang pasti akan mengakibatkan kerosakan dan penderitaan manusia sendiri.
>
> (Haron Din, 2010: 22)

Sebagai khalifah di muka bumi ini, sudah tentu manusia perlu menggalas dan memikul tanggungjawab yang datang bersama dengan perlantikan itu sendiri. Khalifah merupakan suatu peranan yang sangat penting yang diberikan kepada manusia berdasarkan amanah yang diterimanya daripada Allah SWT. Antara amanah yang perlu dipikul sebagai khalifah adalah tugas dan tanggungjawab ke atas manusia untuk memakmurkan bumi ciptaan Allah SWT dengan baik mengikut ketetapan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT berdasarkan unsur akal yang telah dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia**.** Allah SWT telah berfirman dalam surah *Al-An'am* ayat 164 yang bermaksud,

> Katakanlah (Muhammad), "Patutkah aku mencari tuhan selain Allah, padahal Dialah Tuhan bagi segala sesuatu. Setiap perbuatan dosa, hanya diri seseorang itu yang bertanggungjawab. Dan seseorang tidak akan memikul dosa orang lain. Kemudian kepada Tuhanmulah tempat kamu kembali, dan akan dijelaskan kepadamu apa yang dahulu kamu perselisihkan.
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid 2014: 150)

Sebagai kesimpulannya, manusia sebagai khalifah berperanan untuk memakmurkan bumi ini secara berhemah dan bertanggungjawab di samping perlu mengerah segala potensi dan kelebihan yang dianugerahkan oleh Allah SWT. Semua kelebihan yang dianugerahkan sama ada kelebihan dari segi akal fikiran, tenaga,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


rezeki, kesihatan dan ilmu mestilah digunakan semaksimum mungkin untuk menegakkan agama Allah SWT di muka bumi ini. Tindakan ini dapat memenuhi fungsi manusia sebagai khalifah di muka bumi secara hakiki. Setiap perkara yang telah dinyatakan tentang peranan dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah di atas telah diterangkan dengan jelas di dalam al-Quran.

Peranan dan tanggungjawab manusia untuk sentiasa melakukan amal kebaikan dalam seluruh kehidupannya untuk dipersembahkan kepada Allah SWT telah disebutkan oleh Allah SWT dalam surah *al-An'am* ayat 165 yang bermaksud "*Katakanlah (Muhammad), "Sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan seluruh alam*"(Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 150). Begitu juga dengan peranan dan tanggungjawab manusia untuk memanfaatkan dan menggunakan waktu secara efisen dan efektif agar memperoleh keberkatan hidup. Firman Allah SWT dalam surah *al-Asr* ayat 1 hingga 3 yang bermaksud, "*Demi masa. Sesungguhnya manusia berada dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan kebajikan serta saling menasihati dengan kebenaran dan saling menasihati dengan kesabaran*." (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 601).

Dalam usaha untuk melaksanakan kerja dengan bersungguh-sungguh dan kreatif untuk menghasilkan sesuatu yang bermanfaat bukan sahaja untuk kegunaan diri sendiri tetapi juga mendatangkan manfaat kepada masyarakat. Firman Allah SWT dalam surah *al-Kahfi* ayat 30 yang bermaksud, "*Sesungguhnya, mereka yang beriman*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*dan beramal soleh, Kami tidak akan mensia-siakan pahala orang yang melakukan amalan baik.*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 297). Tanggungjawab untuk sentiasa berusaha untuk membina hubungan, pergaulan dan komunikasi yang baik sesama manusia demi mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Firman Allah SWT dalam surah *Taha* ayat 44 yang bermaksud, "*Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya (Firaun) dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan dia sedar atau takut*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 314). Akhir sekali, tanggungjawab yang berkaitan dengan usaha untuk menjaga dan memelihara alam dengan baik dan pada masa yang sama, manusia tidak seharusnya merosakkan alam kerana manusia juga yang akan berhadapan dengan bencana akibat kerosakan tersebut. Firman Allah SWT dalam surah *al Syu'ara* ayat 183 yang bermaksud, "*Dan janganlah kamu merugikan manusia dengan mengurangkan hak-haknya dan janganlah membuat kerosakan di bumi*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 374).

Penerangan di atas dengan jelas telah memberikan panduan kepada umat manusia yang juga merupakan khalifah di muka ini tentang peranan dan tangggungjawab yang perlu dilakukan agar kita semua tidak menyimpang daripada fungsi kita sebagai khalifah di muka bumi ini. Manusia perlu menggunakan segala pemberian dan kelebihan yang Allah SWT anugerahkan secara optimum demi untuk menegakkan agama Allah SWT di muka bumi ini. Semua peranan dan tanggungjawab di atas dapat membantu manusia untuk menjalankan tugas sebagai khalifah di muka bumi ini secara hakiki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.5.1.2 Konsep Insan *Rabbani*

Insan *Rabbani* merujuk kepada insan yang mempunyai sifat patuh, tunduk dan taat kepada Allah SWT. Allah SWT turut menceritakan tentang insan *Rabbani* beberapa kali di dalam al-Quran. Antaranya, firman Allah SWT dalam surah *Ali Imran* ayat 79 yang bermaksud,

> "Tidak mungkin bagi seseorang yang telah diberi kitab oleh Allah, serta hikmah dan kenabian, kemudian dia berkata kepada manusia, "Jadilah kamu penyembahku, bukan penyembah Allah," tetapi (dia berkata), "Jadilah kamu pengabdi-pengabdi Allah, kerana kamu mengajarkan kitab dan kerana kamu mempelajarinya!"
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 60)

Ayat al-Quran di atas bermaksud, insan *Rabbani* akan mengabdikan diri kerada Allah SWT mengajak umat manusia agar menyembah Allah SWT. Menurut Kamariah Kamarudin (2011: 82) Insan *Rabbani* merujuk kepada pengabdian diri dan rohani manusia kepada Allah SWT dengan khusyuk. Dengan ini, maka akan terserlahlah kualiti insan atau manusia itu sebagai insan yang berwibawa dan cemerlang serta dapat mengangkat martabat dan kedudukan Islam di muka bumi ini. Ini bermaksud, insan *Rabbani* merupakan insan yang sentiasa tunduk dan patuh terhadap perintah Allah SWT, menjalankan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Firman Allah SWT dalam surah *Al-Ma'idah* ayat 44 yang bermaksud,

> Sesungguhnya, Kami yang menurunkan Kitab Taurat, di dalamnya (ada) petunjuk dan cahaya. Yang dengan kitab itu para nabi yang berserah diri kepada Allah memberi keputusan atas perkara orang Yahudi, demikian juga para ulama dan pendeta-pendeta mereka, oleh kerana mereka diperintahkan memelihara kitab-kitab Allah dan mereka menjadi saksi terhadapnya. Oleh itu janganlah kamu takut kepada manusia, (tetapi) takutlah kepada-Ku. Dan janganlah kamu jual ayat-ayat-Ku dengan harga murah. Barang siapa tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> memutuskan dengan apa yang diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang kafir.
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 115)

Menurut Sidek Baba (2006: 30) konsep hamba di sini memberi asas *Rabbani*, iaitu jiwa yang patuh, akur, tunduk dan taat. Telah diterangkan di dalam al-Quran tentang tujuan asal manusia dan jin diciptakan adalah untuk melakukan ibadah seperti yang diperintahkan oleh Allah SWT. Manusia yang layak diangkat sebagai insan *Rabbani* yang sebenar-benarnya ialah Nabi Muhammad SAW. Ini kerana baginda merupakan seorang insan yang benar-benar mengabdikan dirinya dan rohaninya hanya kepada Allah SWT dengan cara menjalankan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Menurut Samsina Haji Abd. Rahman (2001: 14) dari segi insan *Rabbani*, baginda ialah Rasul yang mempunyai tahap kerohanian yang tinggi, iaitu jiwanya amat hampir dengan Allah. Sementara itu, Sidek Baba (2006) menyatakan bahawa,

> Mengukuhkan keyakinan terhadap *Rab* bermakna memberi pengiktirafan bahawa adanya Pencipta. Darinya manusia menerima ilmu, petunjuk, perisyaratan, peringatan khabar gembira dan batasan-batasan supaya manusia terus berada dalam keadaan fitrah. *Rab* juga mengatur asas-asas untuk membantu kehidupan manusia yang sentiasa bergantung kepada faktor-faktor rabbani, iaitu sebagai hamba dan khalifah.
>
> (Sidek Baba, 2006: 30)

Sifat *Rabbani* sebenarnya menerangkan tentang tugas manusia sebagai hamba Allah SWT. Fitrah manusia sebagai hamba Allah SWT telah diterangkan oleh Allah SWT dalam al-Quran, iaitu dengan sentiasa melakukan ibadah terhadap Allah SWT seperti apa yang telah diperintahkan oleh *Rab*nya atau Allah yang Maha Esa. Fitrah seorang hamba yang memiliki kualiti ibadah yang baik mestilah sentiasa patuh,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


tunduk, akur dan taat terhadap Allah SWT di samping menjauhi serta meninggalkan segala larangan-Nya. Selain itu, fitrah manusia juga perlu sentiasa tunduk terhadap sunnatullah. Menurut Sidek Baba (2006: 31) Keseiringan faktor sunnatullah dan fitrah menyebabkan faktor-faktor *rabbani* menjadi lebih teguh dan kukuh. Menurut beliau lagi, faktor *rabbani* juga telah memberikan landasan akidah antara pencipta, yakni Allah SWT dengan makhluk ciptaan-Nya. Apabila hubungan ini menjadi teguh dan mantap, maka apa sahaja pertimbangan manusia sama ada niat, kata-kata, perbuatan dan tingkah laku mereka pasti sentiasa mengambil pertimbangan *Rab* sebagai faktor utama. Ini kerana manusia sedar tidak ada suatu pun yang terlepas dari pengetahuan Allah SWT. Untuk tujuan itu, maka manusia sebagai makhluk ciptaan Allah SWT perlu sentiasa bersyukur terhadap segala kurniaan-Nya dan manusia perlu menggunakan segala anugerah dan pemberian-Nya dengan sebaik mungkin. Dengan cara ini, maka tidak akan terputuslah hubungan manusia dengan Allah SWT atau *Rab*. Hubungan manusia dengan Allah SWT tidak boleh terputus sama sekali. Jika ini berlaku, maka umat manusia sudah pasti akan melakukan penyelewengan dan kemusnahan terhadap bumi ciptaan Allah SWT ini. Menurut Sidek Baba (2006),

> Kendurnya hubungan rohaniah antara manusia dengan *Rab* boleh menyebabkan mereka lupa serta menyimpang dari tujuan asal kejadiannya. Kufur terhadap nikmat Allah umpama kendurnya tali rabbani malah boleh menyebabkannya terputus. Keadaan ini boleh menyebabkan manusia asyik dalam kekufuran, kemungkaran, kefasadan dan kegiatan lain yang bercanggah dengan fitrah.
>
> (Sidek Baba, 2006: 31)

Insan *Rabbani* pasti sedar dan faham tentang alam kehidupan asas sebagai manusia, iaitu makhluk ciptaan Allah SWT. Apabila berbicara mengenai alam kehidupan manusia, sudah pastinya tidak dapat dipisahkan dengan rahmat dan nikmat yang Allah SWT kurniakan kepada manusia. Manusia juga perlu sedar bahawa roh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dan jasad ini juga adalah milik Allah SWT yang dipinjamkan kepada manusia. Sekiranya manusia benar-benar sedar akan perkara ini sudah pastilah dalam masa yang sama manusia akan meyakini dengan sepenuhnya terhadap kekuasaan Allah SWT. Ini akan menyebabkan manusia berusaha untuk memiliki tahap ketakwaan dan tahap kepatuhan yang tinggi terhadap penciptanya, iaitu Allah SWT. Asas ini sangat penting kerana dengan asas inilah maka manusia akan sentiasa tunduk, taat dan sujud hanya kepada Allah SWT. Ini amat bersesuaian dengan tujuan asal penciptaan dan kejadian seluruh makhluk ciptaan-Nya, iaitu untuk menyembah dan mengabdikan diri kepada Allah SWT. Maka tiada sebab untuk manusia berasa angkuh, sombong, takbur, riak dan lain-lain lagi. Dengan kesedaran itu, maka akan wujudlah keimanan dan ketakwaan dalam diri manusia tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketakwaan yang tinggi akan membolehkan manusia sentiasa memiliki ihsan yang tinggi. Ini menyebabkan manusia yakin bahawa segala perbuatan yang mereka lakukan akan dilihat dan dinilai oleh Allah SWT pada setiap masa dan walau di mana sahaja manusia itu berada. Jika perasaan ini wujud dalam diri manusia, sesungguhnya mereka akan menjadi insan rabbani di mana segala niat, perbuatan dan iktikad manusia di dunia ini adalah semata-mata untuk mencari dan mendapatkan keredhaan Allah SWT. Manusia juga akan menjadikan Allah SWT sebagai pedoman dan sumber utama untuk mendapatkan petunjuk.

Insan *Rabbani* menjadikan al-Quran sebagai sumber petunjuk utama untuk memahami diri manusia, pencipta, persekitaran, rahmat dan nikmat Allah SWT,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


ketentuan Allah SWT sama ada ketentuan tersebut merupakan ketentuan yang baik atau sebaliknya. Insan *Rabbani* yakin dengan sepenuhnya bahawa segala-segalanya adalah daripada Allah SWT. Ini kerana al-Quran merupakan sumber maklumat, sumber ilmu, petunjuk dan hikmah bagi umat manusia seluruhnya. Al-Quran menjadi sumber pendidikan yang sangat penting kerana kekuatan akal manusia agak terbatas untuk mengenali secara sepenuhnya diri serta ciptaan Allah SWT yang lainnya. Selain itu, Nabi Muhammad SAW sendiri merupakan insan yang menjadikan al-Quran sebagai pegangan hidup baginda. Baginda SAW juga telah membersihkan rohani dan akal masyarakat jahiliah pada zaman baginda dengan akhlak al-Quran.

Sebagai kesimpulannya, insan *Rabbani* merupakan seorang insan yang jiwa dan rohaninya sangat rapat dengan Allah SWT. Insan *Rabbani* sangat patuh, sentiasa tunduk, taat dan menyerahkan segala-galanya kepada penciptanya yang Maha Mengetahui, iaitu Allah SWT. Insan *Rabbani* merupakan insan yang sentiasa tunduk dan patuh terhadap perintah Allah SWT, menjalankan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Insan *Rabbani* juga merupakan insan yang sentiasa bersyukur dan menggunakan sebaik mungkin segala anugerah atau pemberian-Nya pada jalan Allah SWT di samping berusaha untuk memakmurkan bumi Allah SWT. Dengan cara ini, maka tidak akan terputuslah hubungan manusia dengan *Rab*nya, iaitu Allah SWT. Ini dapat mengelakkan manusia daripada melakukan penyelewengan yang akhirnya akan menyebabkan berlakunya kemusnahan ke atas muka bumi ini. Insan *Rabbani* juga menetapkan segala niat, perbuatan dan iktikad mereka adalah semata-mata untuk mencari dan mendapatkan keredhaan Allah SWT dan mereka menjadikan Allah SWT sebagai pedoman dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sumber utama untuk mendapatkan petunjuk ke arah jalan yang benar. Oleh itu, usaha untuk membangunkan manusia yang beriman dan beramal soleh atau insan *Rabbani* seperti Rasulullah SAW merupakan salah satu tindakan yang terbaik bagi membangunkan umat manusia keseluruhannya. Sekiranya nilai *rabbani* ini diwarisi atau dicontohi oleh seluruh umat manusia, maka akan terbentuklah insan yang taat, patuh, akur, tunduk terhadap Allah SWT serta menjadikan al-Quran sebagai pegangan utama mereka. Ini juga dapat membangunkan pemikiran insan ke arah kehidupan yang diredhai oleh Allah SWT.

### 3.5.1.3 Konsep Insan *Kamil*

Konsep Insan *Kamil* merupakan ideal keinsanan ketiga menurut falsafah pemikiran Islam. Insan *Kamil* merupakan satu tahap kualiti yang tertinggi dalam tahap seseorang insan. Insan yang diberikan gelaran sebagai insan *Kamil* ini perlulah terlebih dahulu mencapai tahap keinsanan ideal sebagai insan Khalifah dan juga insan *Rabbani*. Menurut Kamariah Kamarudin (2011: 82) Insan *Kamil* ialah gabungan antara insan Khalifah dengan insan *Rabbani*. Hal ini kerana insan *Kamil* berupaya menampilkan kemurnian akhlak dan merupakan kemuncak tahap kedudukan manusia di atas muka bumi ini. Insan yang paling layak diangkat sebagai insan *Kamil* ialah Nabi Muhammad SAW. Ini kerana Nabi Muhammad SAW merupakan insan yang sangat mulia. Perkara ini dapat dibuktikan melalui gelaran-gelaran yang diberikan kepada baginda oleh masyarakat Arab di kota Mekah pada masa tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Nabi Muhammad SAW merupakan insan *Kamil* kerana baginda mempunyai kemampuan yang sangat tinggi untuk menjadi seorang pentadbir yang sangat cekap dan dihormati. Selain itu, baginda SAW juga merupakan seorang pemimpin yang disegani bukan hanya oleh para pengikut baginda malah oleh musuh-musuh baginda juga. Nabi Muhammad SAW juga amat terkenal sebagai seorang panglima perang yang sangat berani dan bijak menyusun strategi peperangan. Namun begitu, perkara yang paling penting dan utama adalah ketaatan baginda SAW terhadap perintah Allah SWT. Firman Allah SWT dalam al-Quran. Antaranya adalah dalam surah *Al-Nisa* ayat 170 yang bermaksud,

> "Wahai manusia! Sesungguhnya, telah datang Rasul (Muhammad) kepadamu dengan (membawa) kebenaran daripada Tuhanmu, maka berimanlah (kepada-Nya), itu lebih baik bagimu. Dan jika kamu kafir, (itu tidak merugikan Allah sedikit pun) kerana sesungguhnya milik Allah-lah apa yang di langit dan di bumi. Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."

(Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 104)

Konsep insan *Kamil* merupakan suatu konsep yang mempunyai pertalian dengan Rasulullah SAW. Insan *Kamil* bererti manusia yang sempurna. Insan *Kamil* di sini adalah merujuk kepada diri Nabi Muhammad SAW. Baginda SAW merupakan contoh manusia yang ideal. Firman Allah SWT dalam surah *al-Ahzab* ayat 56 yang bermaksud, "*Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat untuk Nabi. Wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kamu untuk Nabi dan ucapkanlah salam dengan penuh penghormatan kepadanya*." (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 426). Nabi Muhammad SAW bukan sahaja sebagai utusan Allah SWT yang berperanan untuk membawa manusia ke jalan yang benar, malah baginda

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


juga merupakan cahaya yang merupakan tunjang kehidupan di dunia ini. Menurut Baharuddin Ahmad (1993),

> Insan yang paling mulia dan suci ini telah memperlihatkan sifat-sifat yang luar biasa, malah semenjak masih kanak-kanak lagi sifat-sifat luar biasa ini telah terserlah pada diri Nabi Muhammad SAW. Sungguhpun dalam usia yang muda, baginda merupakan seorang yang berperibadi mulia, iaitu terkenal dengan sifat lemah-lembutnya dan sabar, cinta akan kedamaian serta kesunian. Sifat-sifat sebegini begitu sinonim dengan junjungan besar Nabi Muhammad SAW.
>
> (Baharuddin Ahmad, 1993: 4)

Dalam falsafah pemikiran Islam, insan *Kamil* merupakan gabungan ketiga-tiga konsep keinsanan, iaitu insan Khalifah, insan *Rabbani* dan insan *Kamil*. Menurut Samsina Haji Abd. Rahman (2001) Ketiga-tiga konsep ini terbukti dalam sejarah Islam dimiliki oleh Rasulullah SAW sehingga baginda mendapat pelbagai gelaran seperti *Al-Amin* (yang jujur dan yang benar), *Al-Mustafa* (yang terpilih) dan *habibullah* (kekasih Allah). Nabi Muhammad SAW diutuskan kepada umat manusia dan alam ini sebagai rahmat. Firman Allah SWT dalam surah *al-Anbiya'* ayat 107 yang bermaksud, "*Dan Kami tidak mengutuskan engkau (Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi seluruh alam*." (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 331). Nabi Muhammad SAW sebagai insan *Kamil* pasti memiliki akhlak yang mulia dan terpuji. Menurut Samsina Haji Abd. Rahman (2001: 14) sebagai insan *Kamil* (manusia sempurna), Rasulullah memiliki peribadi yang mulia dan akhlak yang terpuji dengan segala sifat istimewa dan luar biasa semenjak Baginda masih kanak-kanak sehingga ke saat kewafatannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kelahiran Nabi Muhammad SAW sebagai insan *Kamil* berkait dengan ketauhidan di mana baginda telah dipilih untuk memimpin umat manusia yang berada dalam alam jahiliah menuju ke alam yang penuh dengan cahaya Islam. Baginda juga berjaya memimpin umat manusia sehingga mengenali erti kemanusiaan dan hidup dalam kasih sayang. Maka dapatlah disimpulkan di sini, bahawa dengan kelahiran dan kedatangan Nabi Muhammad SAW sebagai insan *Kamil* telah membawa bersama baginda segala nilai murni dan mulia yang selama ini tidak wujud dalam zaman jahiliah. Baginda juga telah membawa ajaran suci yang membolehkan umat manusia mengenali Allah SWT dengan sebenar-benarnya dan menunjukkan ke mana destinasi umat manusia yang sebenarnya. Nabi Muhammad SAW telah berjaya memperlihatkan keesaan dan ketauhidan Allah SWT serta kesempurnaan sifat-Nya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 3.6 Ciri-ciri Konsep Keinsanan Menurut Pandangan Kamariah Kamarudin

Ramai tokoh yang membincangkan tentang Teori Takmilah. Antara tokoh yang membincangkan tentang Teori Takmilah ialah Kamariah Kamarudin. Prof Madya Dr. Kamariah Kamarudin merupakan tenaga pengajar di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang. Beliau telah menjalankan kajian berkaitan dengan Teori Takmilah. Dalam bukunya yang bertajuk *Takmilah dalam Novel Melayu* (2011), beliau telah menggariskan ciri-ciri insan Khalifah, insan *Rabbani* dan insan *Kamil* secara terperinci. Buku beliau yang bertajuk *Takmilah dalam Novel Melayu* (2011) merupakan buku hasil kajian ilmiah beliau terhadap novel-novel yang dikategorikan sebagai karya berunsur Islam yang telah memenangi sayembara menulis novel Islam sepanjang tahun 1990-an. Sebanyak 16 buah novel yang dipilih dalam kajiannya berdasarkan penyertaan pengarang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


masing-masing dalam empat peraduan, iaitu Anugerah Sastera Darul Iman (ASDI) anjuran GAPENA dan PELITA; kedua, Peraduan Mengarang Novel Islam anjuran Yayasan Islam Terengganu; ketiga, Hadiah Sastera Berunsur Islam anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan Yayasan Pelajaran Islam Malaysia; dan keempat, Peraduang Mengarang Novel Islam anjuran Bahagian Jabatan Perdana Menteri Sempena Abad ke-15 Hijrah.

Dalam bab 4 buku *Takmilah dalam Novel Melayu* (2011), Kamariah Kamarudin telah membincangkan tajuk Pemikiran Dalam Karya: Konsep Khalifah, Dakwah dan Jihad. Dalam bab ini, beliau telah membincangkan tentang konsep-konsep khalifah dan memperincikan ciri-ciri insan *Kamil*, insan *Rabbani* dan insan Khalifah berdasarkan novel-novel yang dipilih dalam kajian beliau.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 3.6.1 Ciri-ciri Konsep Insan Khalifah

Setiap manusia yang hidup di muka bumi ini merupakan khalifah. Semua manusia tanpa mengira sama ada terdiri daripada golongan agama atau pun golongan manusia biasa adalah khalifah. Menurut Kamariah Kamarudin (2011: 286) penelitian terhadap insan Khalifah merangkumi setiap manusia di muka bumi ini secara menyeluruh. Manusia sebagai khalifah adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan perintah-perintah Allah. Menurut Kamariah Kamarudin (2011),

> Insan Khalifah ialah penelitian terhadap kepimpinan manusia sebagai "manusia yang bertanggungjawab" menguruskan amanahnya sebagai manusia. Dengan kata lain, insan Khalifah memperlihatkan kesemua manusia di atas muka bumi ini perlu menggalas amanah yang dipertanggungjawabkan terhadap mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT sebagai Yang Maha Mencipta.
>
> (Kamariah Kamarudin, 2011: 286)

Sebagai insan Khalifah, umat manusia yang haruslah melaksanakan segala peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Dalam masa yang sama, umat manusia juga perlu menjauhi segala perbuatan yang dilarang Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah *Sad* ayat 26 yang bermaksud, "Wahai Daud! Sesungguhnya Kami jadikan engkau khalifah di bumi, maka berilah keputusan di antara manusia dengan adil dan janganlah engkau mengikut hawa nafsu yang akan menyesatkan engkau dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan mendapat azab yang berat, kerana mereka melupakan hari perhitungan" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 454)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara umumnya, insan Khalifah menumpukan penelitian terhadap kepimpinan manusia sebagai manusia yang menggalas tanggungjawab bagi menguruskan amanah Allah SWT. Menurut Kamariah Kamarudin (2011: 286) Insan Khalifah merupakan golongan yang harus melaksanakan peraturan-peraturan-Nya bagi memakmurkan kehidupan. Setiap manusia di muka bumi ini merupakan memikul tugas sebagai insan Khalifah. Menurut Kamariah Kamarudin (2011: 287) Insan Khalifah merangkumi setiap manusia di muka bumi ini secara menyeluruh. Dalam bukunya yang berjudul *Takmilah dalam Novel Melayu* (2011), Kamariah Kamarudin telah menggariskan lapan ciri berkaitan dengan insan Khalifah berdasarkan novel-novel yang dikaji. Ciri-ciri insan Khalifah tersebut dapat membantu ke arah pembentukan modal insan dalam masyarakat dan negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.6.1.1 Pemimpin Keluarga

Insan Khalifah dalam sesebuah novel adalah merupakan seorang pemimpin dalam keluarga sama ada seorang suami atau seorang anak yang menjadi harapan keluarga. Sebagai pemimpin keluarga, watak utama ini memainkan peranan sebagai seorang yang bertanggungjawab menjaga keharmonian keluarganya dan dalam masa yang sama menjadi idola kepada ahli keluarganya. Seorang anak boleh diangkat sebagai seorang pemimpin keluarga sekiranya watak utama tersebut merupakan anak sulung dalam sebuah keluarga yang kematian bapa. Sebagai pemimpin keluarga, watak akan menjadi contoh kepada adik-adiknya yang lain untuk berjaya dalam hidup.

Bagi memperkukuh dan memantapkan lagi penampilan sebagai ketua keluarga, watak utama biasanya memiliki daya kepimpinan yang tegas, berdisiplin dan bertanggungjawab. Watak utama biasanya merupakan insan yang dipercayai dan mempunyai kebolehan untuk mengurus atau mentadbirkan sesebuah institusi atau keluarganya.

### 3.6.1.2 Bijak Menangani Permasalahan Keluarga

Sebagai insan Khalifah, watak memiliki daya kepimpinan yang unggul yang dapat dilihat melalui hubungannya dengan kelompok manusia lain dan juga hubungannya dengan ahli keluarganya sendiri. Sebagai ketua keluarga, watak digambarkan memiliki kematangan dalam menangani setiap permasalahan yang melingkari kehidupan keluarganya sendiri. Daya kepimpinannya sebagai ketua keluarga dan dalam masa yang sama merupakan pemimpin masyarakat, watak utama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


memperlihatkan kematangannya untuk menangani dan mencuba sedaya upayanya untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan yang timbul dengan cara yang terbaik dan berkesan. Watak berusaha untuk menyelesaikan kekusutan dan keresahan yang timbul dengan pelbagai cara yang difikirkan sesuai tanpa melukai perasaan ahli keluarganya. Watak berperanan sebagai penyambung ikatan dalam keluarga. Keberkesanan watak utama menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam keluarganya dengan berkesan telah menyerlahkan lagi daya kepimpinannya serta dapat meningkatkan keyakinan ahli keluarga terhadapnya.

#### 3.6.1.3 Bersikap Positif Menyelesaikan Permasalahan Masyarakat

Sebagai khalifah atau pemimpin masyarakat, watak utama akan menunjukkan daya kepimpinan yang tinggi dan daya pemikirannya yang tajam. Ciri-ciri istimewa yang dimiliki ini akhirnya membantu watak untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan yang timbul dalam keluarga dan masyarakat dengan tenang serta menepati syariat Islam. Watak biasanya akan mengadakan perbincangan atau memberikan nasihat serta tunjuk ajar kepada ahli masyarakat berkaitan dengan hukum-hakam agama Islam agar permasalahan tersebut dapat diselesaikan dengan kadar segera dan dalam keadaan yang baik. Dalam masa yang sama, watak juga menjalankan tanggungjawabnya mendidik rohani masyarakat agar dapat memperkukuhkan lagi pemahamaan agama masyarakat yang terlibat dalam permasalahan tersebut. Watak sentiasa bersifat positif dalam mengandalikan permasalahan yang timbul dalam masyarakat yang dapat memperlihatkan peranannya sebagai insan khalifah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.6.1.4 Membentuk Keharmonian Masyarakat

Insan Khalifah akan memainkan peranan utama dalam usaha membentuk keharmonian masyarakat melalui persoalan fikrah. Watak insan Khalifah digambarkan sentiasa bijak menggunakan akal dan fikiran yang tajam bagi melaksanakan hukum-hakam yang diperintahkan Allah SWT dalam kehidupan seharian. Watak-watak insan Khalifah biasanya bijak menghujahkan pengetahuan ilmu agama yang dimiliki berkaitan persoalan yang timbul dalam keluarga dan juga masyarakat dalam kehidupan seharian. Watak biasanya bijak mengeluarkan hujah berdasarkan pengetahuan ilmu agamanya kepada watak lain. Ketinggian ilmu agama yang dimiliki akan digunakan sebaiknya untuk menangani permasalahan yang timbul dalam masyarakat sehinggalah permasalahan tersebut dapat diselesaikan dengan baik. Ini akan dapat membantu ke arah pembentukakan masyarakat yang harmoni.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 3.6.1.5 Bijak Menyelesaikan Masalah Fikah dan Muamalat

Watak insan Khalifah digambarkan memiliki kebijaksanaan dan kecergasan dalam menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam masyarakat terutamanya permasalahan yang berkaitan dengan hukam-hakam Islam khususnya mengenai hal-hal yang berkaitan dengan fikah, muamalat, perniagaan dan lain-lain. Sebagai seorang yang memiliki ilmu agama yang tinggi, watak dapat menangani sesuatu permasalahan yang berlaku dalam masyarakat dengan menjelaskan butiran ilmu agama bagi menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 3.6.1.6 Membawa Perubahan Dalam Masyarakat

Sebagai insan Khalifah, watak memiliki daya kepimpinan yang tinggi sehingga dapat membawa perubahan kepada keluarga dan masyarakat yang selama ini meninggalkan nilai agama Islam dalam kehidupan mereka. Masyarakat dibimbing ke arah penghayatan agama Islam yang sebenarnya. Daya kepimpinan yang dimiliki membolehkan insan Khalifah memulihkan kepincangan akhlak dalam masyarakat dengan menerapkan nilai-nilai Islam serta menyampaikan nasihat. Watak juga memperlihatkan daya usahanya untuk memulihkan kepincangan akhlak keluarga serta masyarakat. Watak membimbing serta memandu keluarga dan masyarakat ke arah penghayatan agama. Keadaan ini dapat membuktikan peranan watak sebagai insan Khalifah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 3.6.1.7 Mendidik Rohani

Insan Khalifah juga memiliki daya kepimpinan yang terpuji dalam usaha memakmurkan masyarakat setempat. Insan Khalifah digambarkan dapat menangani kemelut keluarga dan masyarakat yang dangkal ilmu agamanya. Dalam usahanya untuk memakmurkan masyarakat, insan Khalifah berperanan memberikan nasihat bagi mendidik rohani masyarakat. Sebagai orang agama, watak memperlihatkan konsep insan Khalifah dan nilai usrah dengan menjadi tempat rujuk masyarakat untuk menangani kemelut kehidupan yang timbul. Pandangan yang diberikan dapat membimbing masyarakat agar dapat hidup dalam suasana sejahtera.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 3.6.1.8 Memakmurkan Masyarakat

Pengkarya menampilkan watak insan Khalifah yang berani melakukan perubahan dalam keluarga dan masyarakat. Dengan berbekalkan ilmu agama yang dimiliki, watak berusaha untuk melakukan perubahan dalam kehidupan keluarga dan masyarakat sekelilingnya. Perubahan yang dilakukan oleh watak membuktikan bahawa watak memiliki konsep khalifah dengan nilai fikrah dan usrah. Hasrat untuk melakukan perubahan dalam masyarakat timbul akibat rasa tidak puas hati dengan keadaan masyarakat yang tidak mematuhi peraturan kehidupan Islam. Dengan kedudukannya yang merupakan golongan agama, watak mengeluarkan hujah dan pendapat untuk mengatasi permasalahan yang membelenggu keluarga dan masyarakat. Keperibadian watak berjaya mempengaruhi dan meyakinkan keluarga dan masyarakat agar mendengar serta menerima hujah yang disampaikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 3.6.2 Ciri-ciri Konsep Insan *Rabbani*

Insan *Rabbani* merupakan insan yang menjani kehidupan sehariannya dengan menjalankan segala suruhan dan perintah Allah SWT seperti yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW. Menurut Kamariah Kamarudin (2011: 267) Insan *Rabbani* membawa maksud “manusia cemerlang”, iaitu mengutamakan kehidupan yang bersumberkan ajaran Illahi. Ini bermakna segala aspek kehidupan insan *Rabbani* ini adalah menepati syariat Islam sepenuhnya. Dalam pandangan Islam, insan *Rabbani* merujuk kepada kemampuan manusia di atas muka bumi ini mempamerkan keperibadian murni bagi memimpin masyarakat berdasarkan pengabdiannya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


(*ubudiyyah*) yang tulus dan luhur terhadap Allah SWT (Kamariah Kamarudin, 2011: 268).

### 3.6.2.1 Golongan Agama

Ciri utama insan *Rabbani* adalah melibatkan golongan beragama sebagai watak utama dalam karya yang dihasilkan. Pengkarya akan mengangkat kedudukan golongan beragama ini sebagai manusia cemerlang yang dapat memimpin dan membawa perubahan dalam diri individu dan juga masyarakat. Golongan beragama ini sememangnya mempunyai keperibadian yang murni dan akhlak yang mulia bagi memperlihatkan konsep insan *Rabbani* yang ada pada diri watak-watak tersebut. Keperibadian mereka yang sentiasa tenang dalam menghadapi pelbagai situasi dalam kehidupan bermasyarakat telah melonjakkan kedudukan mereka dalam masyarakat. Pandangan dan nasihat mereka sentiasa dinanti-nantikan ketika masyarakat menghadapi sesuatu permasalahan baru dalam masyarakat. Golongan beragama ini juga berperanan menangani urusan-urusan agama di surau dan masjid. Selain itu, juga berperanan dalam membimbing dan menasihati golongan muda dalam masyarakat agar meninggalkan kehidupan mereka yang mementingkan keseronokan semata-mata kepada kehidupan yang menepati syiar Islam. Pemikiran golongan agama ini disalurkan sepenuhnya untuk mengubah sikap dan tingkah laku yang tidak sepatutnya dalam masyarakat. Menurut Kamariah Kamarudin (2011: 268), Rata-rata pengarangnya mengangkat kedudukan golongan beragama seperti "tok guru", "imam", "lebai", "ustaz" dan "pegawai agama" sebagai manusia cemerlang yang dapat memimpin seterusnya mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan dalam masyarakat walaupun mengalami beberapa konflik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Golongan beragama ini berperanan dalam membimbing, mendidik dan memimpin masyarakat agar kembali harmoni dan sejahtera setelah mereka menghadapi pelbagai situasi. Masyarakat yang semakin lalai dalam menjalankan ajaran Islam dalam kehidupan mereka akan diajak dan dibimbing agar kembali kepada syiar Islam.

#### 3.6.2.2 Penyediaan Pendidikan Agama

Ciri insan *Rabbani* yang kedua adalah watak utama sentiasa memberi sumbangan terhadap kemajuan masyarakat khususnya dalam penyediaan pendidikan agama yang menyeluruh dan bersepadu. Penyediaan pendidikan agama ini meliputi semua golongan. Namun begitu, tumpuan utamanya adalah terhadap golongan anak-anak muda kerana golongan ini mudah terpengaruh dengan anasir-anasir luar yang tidak sihat. Watak utama turut memberikan sumbangan murni dengan sanggup mengorbankan masanya dalam memberi tumpuan terhadap pengajaran dan pembelajaran ilmu agama terhadap masyarakat. Watak utama memberikan sumbangan terhadap kemajuan pendidikan agama dalam masyarakat tanpa mempedulikan tentangan yang diterima dari orang lain yang tidak berpuas hati dengan usha yang dijalankan untuk memberikan pendidikan agama kepada masyarakat. Walaupun watak utama menghadapi pelbagai rintangan dan halangan daripada masyarakat tertentu yang berasakan kedudukan mereka terancam dengan apa yang berlaku, namun dengan semangat juang yang tinggi yang dimiliki oleh watak utama sebagai insan *Rabbani*, watak utama tetap meneruskan usaha murninya itu. Watak utama sebagai orang agama tetap berusaha untuk menyampaikan ilmu yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bermanfaat agar dapat memastikan pendidikan agama dapat diterapkan dalam masyarakat.

### 3.6.2.3 Mempertingkat Syiar Islam

Manusia sebagai khalifah di muka bumi bertanggungjawab menguruskan perkara-perkara yang bersangkutan dengan agama dan kemasyarakatan agar dapat mencapai tahap insan *Rabbani*. Menurut Kamariah Kamarudin (2011: 271) watak ini ditampilkan dengan perwatakan yang mempunyai pemikiran positif dalam menangani sesuatu perkara yang berkaitan dengan peningkatan agama Islam dalam masyarakat. Watak utama selalunya digambarkan sebagai guru agama yang mempunyai pemikiran yang tajam serta semangat juang yang tinggi untuk mengangkat orang muda untuk menjadi pemimpin agama. Watak utama sentiasa berfikiran positif dan berusaha untuk menyediakan generasi pelapis dalam menguruskan kepimpinan pendidikan Islam. Watak utama sedar bahawa golongan muda akan menjadi pelapis yang dapat memastikan peningkatan syiar Islam dalam masyarakat setempat. Watak utama juga sedar bahawa golongan muda memiliki ilmu agama yang mantap dapat memberikan sumbangan penting terhadap usaha-usaha peningkata agama Islam dalam masyarakat pada masa hadapan. Golongan ini merupakan generasi pewaris kepada gerakan yang watak utama jalankan.

### 3.6.2.4 Membina Keyakinan Watak Lain

Watak utama sebagai insan *Rabbani* merupakan insan yang mempunyai daya kepimpinan yang tinggi sehingga dapat membina keyakinan watak sampingan. Daya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kepimpinan yang dapat membina keyakinan watak sampingan adalah merupakan sesuatu yang sangat perlu dimiliki oleh watak utama kerana dengan kelebihan inilah watak utama dapat membimbing golongan pelapis yang dapat membantu dalam usaha untuk mengembangkan syiar Islam dalam masyarakat. Dalam usahanya untuk membimbing masyarakat agar patuh kepada ajaran Islam, watak utama menggunakan pelbagai pendekatan untuk menarik minat serta memberi kesedaran tentang kepada masyarakat. Daya kepimpinan yang dimiliki dan pendekatan usrah serta fikrah yang digunakan akhirnya berjaya membina keyakinan watak sampingan dan masyarakat terhadap tuntutan agama. Keadaan ini menyebabkan timbulnya kesedaran dalam diri watak sampingan dan masyarakat.

#### 3.6.2.5 Mewujudkan Masyarakat Yang Sejahtera

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Insan *Rabbani* juga memainkan peranan penting dalam mewujudkan masyarakat yang sejahtera dan harmoni. Suasana masyarakat yang sejahtera dan harmoni akan memudahkan usaha insan *Rabbani* untuk mewujudkan masyarakat yang sejahtera. Untuk tujuan itu, insan *Rabbani* perlu menyusun program-program yang difikirkan sesuai untuk diterapkan dalam masyarakat. Antara program yang dijalankan oleh insan *Rabbani* adalah dengan mengadakan kelas-kelas pengajian agama dan kuliah subuh. Program seperti ini mampu memberikan kefahaman yang jelas kepada masyarakat tentang perkara-perkara yang dituntut dan perkara-perkara yang dilarang. Program-program ini juga membantu masyarakat mempelajari dan mendalami ilmu agama. Apabila ilmu-ilmu agama telah terisi dalam diri masyarakat, maka akan wujudlah masyarakat yang sejahtera.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Selain mengadakan program-program bercorak keagamaan di surau atau masjid, insan *Rabbani* juga boleh mewujudkan pusat-pusat pengajian atau madrasah sebagai pusat penyebaran agama Islam kepada masyarakat setempat. Pusat-pusat pengajian ini boleh dijadikan sebagai tempat mempelajari dan mendalami ilmu-ilmu berkaitan agama Islam serta menjadikan golongan remaja atau muda mudi sebagai sasaran. Sekiranya jiwa dan fikiran golongan ini telah dipenuhi dengan ilmu-ilmu agama, maka akan wujudlah masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

#### 3.6.2.6 Mengembalikan Kegemilangan Islam

Watak utama yang merupakan insan *Rabbani* berperanan sebagai penyebar dakwah kepada masyarakat di sekelilingnya. Watak utama yang merupakan golongan agama yang terdiri daripada imam, lebai, ustaz, pegawai agama dan sebagainya sememangnya mempunyai ilmu agama yang tinggi. Golongan agama ini memikul tanggungjawab untuk menyebarkan syiar Islam kepada masyarakat. Usaha menyebarkan syiar Islam yang dijalankan secara bersungguh-sungguh dan dilakukan secara istiqamah akhirnya telah membuahkan hasil apabila masyarakat mula menerima seruan dakwah yang mereka sampaikan. Kejayaan usaha penyebaran syiar Islam yang dijalankan dapat dilihat melalui pertambahan jumlah jemaah di masjid semasa solat fardhu dan solat Jumaat dijalankan. Kejayaan menyebarkan syiar Islam juga dapat dilihat melalui perubahan yang berlaku terhadap golongan sasar.

Insan *Rabbani* menjalankan dakwah terhadap masyarakat yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur. Antara golongan yang menjadi tumpuan insan *Rabbani* adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


golongan muda yang mudah tertarik dengan hiburan-hiburan yang melekakan dan golongan dewasa yang telah lalai dan leka daripada menjalankan ajaran Islam. Usaha insan *Rabbani* menyebarkan syiar Islam ini telah berjaya menarik masyarakat agar kembali kepada ajaran Islam yang sebenarnya dan dalam masa yang sama turut mengembalikan kegemilangan Islam dalam masyarakat.

#### 3.6.2.7 Memiliki Disiplin Yang Tinggi

Insan *Rabbani* merupakan insan yang memiliki jiwa yang sentiasa mengingati dan mengesakan Allah SWT. Setiap apa yang dilakukan oleh insan *Rabbani* merupakan terjemahan sikap yang menunjukkan ketaatannya kepada Allah SWT. Oleh sebab itu, insan *Rabbani* semestinya memiliki disiplin yang tinggi dalam apa yang dilakukan. Insan *Rabbani* memiliki disiplin yang tinggi dalam beribadat dan dalam usaha menyebarkan mengembangkan syiar Islam dalam kalangan masyarakat yang semakin lalai akibat pengaruh luar yang menular dalam kalangan masyarakat. Disiplin yang tinggi yang dimiliki oleh insan *Rabbani* dapat dilihat melalui program-program bercorak keagamaan yang dijalankan dalam masyarakat setempat. Program-program yang dijalankan tersebut dilakukan secara istiqamah dan dijalankan secara berterusan mengikut masa yang telah ditetapkan. Dengan cara ini, masyarakat dapat mengikuti program yang dijalankan secara lebih teratur dan tersusun.

Selain itu, pemilihan kitab-kitab yang sesuai dengan keperluan masyarakat juga dititik beratkan oleh insan *Rabbani*. Kitab-kitab yang dipilih adalah bersesuaian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dengan keperluan dan tahap golongan sasar. Program-program tersebut akan dapat menanam semula bibit keimanan dalam diri masyarakat.

### 3.6.2.8 Melayan Ahli Keluarga Dengan Baik

Insan *Rabbani* bukan sahaja seorang imam, lebai, guru agama dan lain-lain lagi. Dalam masa yang sama juga, insan *Rabbani* juga merupakan sebagai seorang suami atau anak dalam sesebuah keluarga dan merupakan ketua keluarga. insan *Rabbani* akan melayan ahli keluarga dengan baik dan penuh kesopanan. insan *Rabbani* sama ada sebagai seorang suami atau anak yang mempunyai ilmu agama yang tinggi sudah pasti memiliki sikap yang terpuji dan menghormati ahli keluarga yang lain. Dalam masa yang sama, insan *Rabbani* akan berusaha untuk membentuk keluarganya agar mengamalkan kehidupan beragama. Sebagai seorang suami, sudah pasti insan *Rabbani* akan mengutamakan keluatga dalam membuat sesuatu keputusan. Pandangan dan pendapat dari setiap ahli keluarga akan didengari dan diteliti sebelum sesuatu keputusan itu dibuat. Walaupun memiliki kuasa untuk membuat sesuatu keputusan, insan *Rabbani* pasti akan berbincang dengan ahli keluarga demi menjaga hati dan perasaan ahli keluarga.

### 3.6.2.9 Meningkatkan Pemahaman Agama

Insan *Rabbani* memiliki keperibadian yang tinggi dan bersungguh-sungguh dalam usaha dakwah demi memastikan perkembangan syiar Islam dalam masyarakat. Watak insan *Rabbani* sentiasa berusaha untuk meningkatkan pemahaman masyarakat setempat tentang mengenai agama Islam. Kesan daripada perjuangannya yang tegas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


telah menyebabkan jumlah jemaah di masjid semakin bertambah dari semasa ke semasa.

Selain itu, insan *Rabbani* juga memiliki impian dan semangat untuk memperjuangkan perkembangan agama Islam dengan membuka pusat pengajian berbentuk pondok. Melalui sIstem pendidikan pondok yang lebih bersistematik, pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih sistematik. Demi untuk memperjuangkan perkembangan agama Islam, insan *Rabbani* sanggup berkorban masa dan hartanya demi memastikan syiar Islam dapat diperkembangkan dan diperkukuhkan dalam masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 3.6.3 Ciri-ciri Konsep Insan *Kamil*

Insan *Kamil* merupakan insan yang sempurna. Menurut Kamariah Kamarudin (2011: 82) Pemilikan sifat "*Kamil*" yang ada pada diri Rasulullah SAW itu mempunyai pertalian dengan sifat "*Kamal*" Allah SWT sebagai Yang Maha Sempurna. Menurut beliau lagi, penyerlahan istilah "*Kamil*" yang dipadukan pada Rasulullah SAW sebagai insan *Kamil* adalah bertujuan untuk membuktikan kewujudan manusia dengan sebaik-baik kejadian yang seterusnya menjadi *role model* dalam merealisasikan kehidupan dengan lebih baik dan sempurna seperti kehendak Allah SWT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.6.3.1 Manusia Sempurna

Insan *Kamil* merupakan insan yang sempurna yang taat kepada Allah SWT serta memiliki segala kebaikan untuk mengurus dan mentadbir kehidupan di muka bumi. Menurut Kamariah Kamarudin (2011: 259) Insan *Kamil* dalam Islam merupakan "manusia sempurna" atau "manusia lengkap" yang dijadikan oleh Allah SWT bagi mengurus sebuah kehidupan berdasarkan ketaatan yang utuh kepada Yang Maha Pencipta. Firman Allah SWT dalam surah *al-Nahl* ayat 43 dan 44 yang bermaksud,

> Dan Kami tidak mengutuskan sebelum engkau (Muhammad), melainkan lelaki yang Kami sampaikan wahyu kepada mereka: maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui. (Kami mengutus mereka) dengan membawa keterangan-keterangan (mukjizat) dan kitab-kitab. Dan Kami turunkan Az-Zikr (al-Quran) kepadamu, agar engkau menerangkan kepada manusia apa yang telah diturunkan kepada merekadan agar mereka memikirkannya."
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 272)

### 3.6.3.2 Hanya dicapai Oleh Para Nabi dan Rasul

Tahap insan *Kamil* tidak dapat dicapai oleh insan biasa. Tahap keinsanan ini hanya boleh dicapai oleh para nabi dan rasul. Menurut Kamariah Kamarudin (2011: 260) Golongan ini merupakan manusia yang telah diangkat tarafnya oleh Allah SWT sebagai "manusia sempurna" berdasarkan proses peribadatan melalui keimanan dan ketakwaan mereka yang tinggi terhadap-Nya. Taraf insan *Kamil* ini adalah berbeza sama sekali dengan insan Khalifah dan insan *Rabbani*. Ini kerana taraf insan Khalifah dan insan *Rabbani* ini mampu dicapai oleh golongan manusia biasa yang kuat amal ibadat dan ketaatan serta mengabdikan diri sepenuhnya kepada Allah SWT. Untuk diiktiraf sebagai insan *Kamil*, seseorang itu perlulah terlebih dahulu mencapai konsep

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


insan Khalifah dan insan *Rabbani*. Insan *Kamil* merupakan gabungan antara insan Khalifah dengan insan *Rabbani*. Ini kerana insan *Kamil* berupaya untuk menampilkan akhlak yang murni. Insan *Kamil* merupakan kemuncak tahap kedudukan manusia di muka bumi ini. Menurut Kamariah Kamarudin (2011: 261),

> Dalam konteks Teori Takmilah, Insan *Kamil* ialah usaha untuk mengangkat keimanan dan ketakwaan manusia yang memegang amanah sebagai "Insan *Khalifah*" dan "Insan *Rabbani*" ke arah menjadi "Insan *Kamil*". Oleh yang demikian, dalam hal ini Nabi Muhammad SAW merupakan contoh teladan (al-uswah hasanah) sebagai "Insan *Kamil*" kepada manusia lain di muka bumi ini berdasarkan keperibadian, akhlak dan keistimewaan baginda.
>
> (Kamariah Kamarudin, 2011: 261)

Nabi Muhammad SAW merupakan insan *Kamil*. Keistimewaan Nabi Muhammad SAW sebagai insan *Kamil* dapat dilihat melalui gelaran yang diberikan kepada Nabi Muhammad SAW. Menurut Kamariah Kamarudin (2011: 83) Contoh paling ideal ialah sifat Rasulullah SAW yang digelar sebagai "*al-Amin*" (yang jujur dan benar), "*al-Mustafa*" (yang terpilih) dan "*al-Habib*" (kekasih Allah)"**.** Firman Allah SWT dalam surah *al-Qalam* ayat 4 yang bermaksud yang bermaksud, "*Dan sesungguhnya engkau memiliki akhlak yang mulia.*"(Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 564).

## 3.7 Pengertian Nabi dan Rasul

Perkataan nabi dari sudut bahasa diambil daripada perkataan *al-Naba'* yang membawa maksud membawa khabar atau berita. Namun dari segi bahasa, nabi bermaksud pembawa khabar atau berita daripada Allah SWT. Sementara itu, maksud nabi dari segi istilah pula ialah lelaki pilihan Allah SWT yang diberikan wahyu oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Allah SWT atau pun menerima syariat seperti hukum-hakam untuk diamalkan oleh dirinya sendiri sahaja. Nabi tidak wajib untuk menyampaikan apa sahaja yang diterimanya daripada Allah SWT kepada orang lain. Nabi hanya perlu mengamalkan apa yang Allah SWT wahyukan kepadanya tanpa perlu menyebarkan atau menyampaikan wahyu tersebut kepada orang lain.

Perkataan rasul pula membawa maksud yang berbeza daripada maksud perkataan nabi. Dari sudut bahasa, perkataan rasul bermaksud berturut-turut. Dari sudut istilah pula, rasul bermaksud lelaki yang dipilih oleh Allah SWT serta diberi wahyu oleh Allah SWT. Rasul wajib untuk menyampaikan segala wahyu dan syariat yang diberikan atau diturunkan oleh Allah SWT kepada orang lain. Ini bermaksud seorang rasul mempunyai tugas atau memikul amanah yang lebih berat daripada seorang nabi kerana rasul perlu berhadapan dengan masyarakat yang mempunyai pelbagai pegangan, pandangan serta kepercayaan yang telah mereka warisi daripada nenek moyang mereka sejak sekian lama. Berdasarkan pengertian dan maksud perkataan nabi dan rasul dari segi istilah dan bahasa, maka dapat disimpulkan di sini bahawa nabi lebih bersifat umum jika dibandingkan dengan maksud perkataan rasul. Setiap rasul itu mestilah seorang nabi. Namun begitu, seorang nabi itu tidak semestinya juga seorang rasul. Menurut Haron Din (2010: 84), Orang yang menerima wahyu daripada Allah disebut Nabi. Nabi diperintahkan oleh Allah menyampaikan wahyu itu dalam bentuk syari'at disebut Rasul Allah (utusan Allah atau Rasul Allah).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sebagai seorang manusia, kita memerlukan seorang rasul. Ini kerana manusia tidak mampu mengetahui perkara-perkara yang berhubung dan berkaitan dengan Allah SWT serta sifat-sifat-Nya dengan akal semata-mata. Manusia juga memerlukan rasul kerana manusia tidak mampu memikirkan perkara-perkara yang ghaib seperti syurga, neraka, hisab dan sebagainya. Begitu juga dengan syariat yang berperanan memandu dan memimpin kehidupan manusia dan hari akhirat. Oleh sebab itulah, maka manusia memerlukan perantara, iaitu para rasul yang dapat membantu umat manusia untuk memahami syariat Islam sepenuhnya. Pentingnya peranan yang dimainkan oleh seorang rasul dalam kehidupan manusia dapat digambarkan melalui firman Allah SWT dalam surah *al-Baqarah* ayat 213 yang bermaksud,

> Manusia itu (dulunya) merupakan satu umat. Lalu Allah mengutuskan para nabi (untuk) menyampaikan khabar gembira dan peringatan. Dan Allah turunkan bersama mereka Kitab yang terkandung kebenaran, untuk memberi jawapan kepada manusia tentang perkara yang mereka perselisihkan, Dan hanya orang-orang yang telah diberi (Kitab) yang berselisih faham, setelah bukti-bukti yang nyata telah sampai kepada mereka, kerana kedengkian di antara mereka sendiri. Maka dengan kehendak-Nya, Allah berikan petunjuk kepada mereka yang beriman tentang kebenaran yang mereka perselisihkan. Allah memberi petunjuk kepada sesiapa yang Dia kehendaki ke jalan yang lurus.
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 33)

Allah SWT juga mengutuskan para rasul kepada umat manusia adalah untuk membantu umat manusia agar memahami isi kitab suci yang Allah SWT turunkan kepada rasul-Nya. Para rasul juga membantu umat manusia agar berada di jalan yang lurus dan benar serta diredhai Allah SWT di samping dapat membimbing manusia yang tersesat ke jalan yang benar. Menurut Haron Din (2010),

> Para rasul telah menjalankan tugas mereka untuk mentauhidkan Allah yang Maha Esa yang penuh berkuasa atas segala makhluk-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Nya dan mereka telah menyampaikan segala hukum dan undang-undang Allah yang wajib dipatuhi dan segala larangan mesti dijauhi dan wajiblah dipercayai bahawa mereka semua telah menyampaikan seruan Allah dengan penuh kejujuran.
>
> (Haron Din, 2010: 85)

Para rasul akan membawa manusia keluar dari kegelapan dan kesesatan ke arah hidup yang penuh cahaya yang terang benderang. Firman Allah SWT dalam surah *al-Maidah* ayat 15 dan 16 yang bermaksud,

> Wahai Ahli Kitab! Sesungguhnya, Rasul Kami telah datang kepadamu, menjelaskan kepadamu banyak hal daripada (isi) kitab yang kamu sembunyikan, dan banyak (juga) yang dibiarkannya. Sesungguhnya, telah datang kepadamu cahaya daripada Allah dan Kitab yang menjelaskan. Dengan Kitab itulah Allah memberi petunjuk kepada orang yang mengikuti keredhaan-Nya ke jalan yang selamat, dan (dengan kitab itu juga) Allah mengeluarkan mereka daripada gelap-gelita kepada cahaya dengan izin-Nya dan menunjukkan ke jalan yang lurus.
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 110)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 3.7.1 Beriman Kepada Para Rasul

Beriman kepada rasul merupakan salah satu daripada Rukun Iman. Oleh sebab itu, adalah wajib bagi seseorang umat Islam beriman kepada rasul dan nabi. Menurut Abdul Hadi Awang (2007: 7) Sekiranya tidak beriman, muslim menjadi kafir. Firman Allah SWT dalam surah *al-Baqarah* ayat 285 yang bermaksud, "Rasul (Muhammad) beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya (al-Quran) daripada Tuhannya, demikian pula orang-orang yang beriman. Semua beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, dan rasul-rasul-Nya. (Mereka berkata), "Kami tidak membeza-bezakan seorang pun daripada rasul-rasul-Nya." Dan mereka berkata, Kami

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dengar dan kami taat. Ampunilah kami, ya Tuhan kami, dan kepada-Mu tempat (kami) kembali." (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 49).

Oleh itu, setiap umat Islam yang telah cukup umur dan diwajibkan mematuhi hukum-hakam Islam wajib beriktikad atau pun menaruh penuh keyakinan kepada Allah SWT yang mengutus rasul-rasul untuk umat manusia seluruhnya. Para rasul menyampaikan berita-berita gembira dengan ganjaran pahala daripada Allah SWT serta memberi amaran mengenai balasan dosa yang akan diberikan atas setiap perbuatan yang melanggar perintah serta syariat yang telah ditetapkan-Nya. Para rasul juga menyampaikan segala perintah yang Allah SWT tetapkan kepada umat manusia dengan cara yang sebaik-baiknya. Seorang rasul yang dipilih dan diutuskan oleh Allah SWT ini sudah tentu mempunyai peranan dan tanggungjawab yang perlu mereka pikul dan jalankan sebagai suatu amanah daripada Allah SWT. Menurut Rosmawati binti Ali@Mat Zin (2014), Para rasul yang diutuskan oleh Allah SWT mempunyai peranan tertentu. Antara peranan para rasul adalah seperti berikut:

- Menyeru manusia supaya beriman kepada Allah SWT dan menjauhi segala bentuk amalan yang menyekutukan Allah SWT.
- Membimbing manusia dengan ajaran yang benar.
- Mengajar manusia beribadat kepada Allah SWT dengan cara yang betul seperti sembahyang, puasa dan ibadat haji.
- Membawa petunjuk kepada manusia tentang sesuatu perkara seperti menjelaskan hukum-hakam yang berkaitan dengan amalan kehidupan seharian.
- Menyeru umatnya memahami perkara-perkara yang tidak dapat dicapai oleh akal dan pancaindera manusia seperti kewujudan malaikat, jin, iblis, roh dan hari kiamat.
- Menyampaikan khabar gembira daripada Allah SWT kepada mereka yang beriman dan ancaman terhadap mereka yang ingkar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


(Rosmawati binti Ali@Mat Zin, 2010: 67-68)

Allah SWT telah memilih di kalangan hamba-hamba-Nya segolongan manusia yang mampu dijadikan contoh kemuliaan serta kesempurnaan sifat manusia. Para rasul pilihan ini sangat layak untuk membawa petunjuk daripada Allah SWT serta mampu memimpin manusia seluruhnya ke arah kesejahteraan yang abadi. Allah SWT juga memuliakan para rasul-Nya dengan sifat kenabian yang telah melayakkan mereka menjadi pemimpin kepada umat manusia dalam segala urusan agama dan dunia. Sebagai umat Islam, maka adalah wajib membenarkan para rasul. Umat Islam juga perlu bersama-sama berusaha untuk menegakkan kalimah Allah SWT serta menjadikan para rasul ini sebagai ikutan. Selain itu, sebagai umat Islam, kita mestilah percaya bahawa para nabi dan rasul ini telah diberikan mukjizat tertentu yang menjadi salah satu daripada tanda-tanda kebenaran mereka. Menurut Haron Din (2010: 85), Mu'jizat itu ialah perkara luar biasa yang menakjubkan akal fikiran manusia kerana ia berlaku di luar kekuasaan manusia tanpa mengikut undang-undang lojik dan undang-undang ilmu.

Perlantikan seseorang rasul dan nabi itu merupakan kurniaan Allah SWT semata-mata terhadap manusia lelaki yang menjadi pilihan Allah SWT. Kerasulan dan kenabian tidak dapat diusahakan oleh manusia dengan melazimkan ibadah kepada Allah SWT semata-mata. Ini kerana tugas dan amanah yang diterima oleh para nabi dan rasul tidak dapat disamakan dengan tugas-tugas pemimpin yang dilantik oleh manusia. Pemimpin-pemimpin yang dilantik manusia tidak akan mampu menjalankan tugas dan amanah Allah SWT. Menurut Abdul Hadi Awang (2007: 16),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Nabi dan rasul tidak dapat disamakan dengan ahli falsafah ataupun pendeta. Ini kerana ilmu falsafah berdasarkan pandangan manusia yang bersifat lemah dan tidak dapat memijak ke alam ghaib. Malah, ia tidak selamat daripada kesilapan dan tidak memberi kesan yang mendalam kepada iman dan Islam serta kepatuhan yang sebenarnya, kerana lumrah manusia tidak mudah mematuhi secara *ubudiyyah* (penyembahan) kepada sesama manusia. Mereka beribadat kepada apa yang diiktikadkan dan dianuti kepada Tuhan yang menguasai, yang memberi manfaat dan mudarat bagi mereka.

Rasul menerima agama daripada Allah SWT dan mereka menyampaikannya kepada umat manusia dengan penuh amanah tanpa sebarang penambahan atau pengurangan di mana-mana. Mereka juga tidak berhak sama sekali untuk memberikan pandangan kecuali dalam sempadan yang telah Allah SWT telah tetapkan. Ini berbeza sekali dengan ahli-ahli falsafah. Mereka hanya berpegang kepada akal semata-mata sedangkan akal manusia biasa tidak mampu secara sepenuhnya membawa ajaran yang memimpin manusia.

Para rasul merupakan manusia lelaki istimewa pilihan Allah SWT untuk membawa, menyampai serta menyebarluaskan ajaran-Nya. Mereka terpelihara daripada melakukan sebarang kejahatan atau kekejian. Ini memang bersesuaian sekali dengan tugas dan amanah yang mereka pikul, iaitu memimpin dan memandu manusia ke arah ajaran-ajaran Allah SWT. Para rasul juga berperanan untuk memberi peringatan kepada umat manusia. Firman Allah SWT dalam surah *al-Ghasyiah* ayat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


21 dan 22 yang bermaksud, "*Maka berilah peringatan kerana sesungguhnya kamu hanyalah orang yang memberi peringatan, engkau bukanlah orang yang berkuasa di atas mereka*." (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 592). Menurut Abdul Hadi Awang (2007),

> Para nabi berjaya membentuk umat yang beriman dengan ajaran mereka ke arah kebahagiaan dan kemuliaan, kebebasan dan kedaulatan, selagi ajaran yang disampaikan oleh mereka diamalkan dan diiltizamkan. Oleh itu, para ulama dan orang-orang yang berfikir dengan seadil-adilnya mengakui martabat para nabi dan mengakui betapa wajibnya manusia mengambil ajaran yang dibawa oleh mereka.
>
> (Abdul Hadi Awang, 2007: 19)

Tidak ada jalan lain untuk menuju ke arah kebahagiaan dan kemenangan semasa di dunia dan juga di akhirat melainkan mengikuti sepenuhnya apa yang disampaikan oleh para rasul. Kita juga tidak dapat mengetahui perbezaan antara yang baik mahu pun yang jahat secara terperinci melainkan daripada para rasul. Keredhaan Allah SWT dapat dicapai hanya melalui ajaran yang para rasul sampaikan. Menurut Abdul Hadi Awang (2007: 19-20) Dengan mengikut mereka, kita dapat membezakan ahli *huda* (petunjuk) dan ahli *dholalah* (sesat). Perlunya para rasul dalam kehidupan manusia lebih besar daripada perlunya badan kepada nyawa, mata kepada penglihatan, roh kepada hidupnya dan apa sahaja yang diperlukan tidak boleh dibandingkan dengan perlunya manusia kepada rasul. Oleh itu, kita wajib menyedari betapa pentingnya ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Kita wajib mengetahui, menjadi pengikut baginda yang setia serta bersama-sama berusaha untuk menegakkan kalimah Allah SWT yang telah diperjuangkan oleh Rasulullah SAW sehingga ke akhir hayat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Para rasul mempunyai darjat dan kelebihan yang berbeza di antara mereka. Dalam kalangan para rasul ini, terdapat rasul yang mempunyai kelebihan yang Allah SWT kurniakan melebihi rasul yang lain. Begitu juga dalam kalangan para nabi. Terdapat nabi-nabi yang Allah SWT berikan kelebihan dari segi darjat. Firman Allah SWT dalam surah *al-Baqarah* ayat 253 yang bermaksud,

> Rasul-rasul itu Kami lebihkan sebahagian mereka daripada sebahagian yang lain. Dalam kalangan mereka ada yang (secara langsung) Allah berfirman dengan mereka dan sebahagian yang lain pula ada yang ditinggikan beberapa darjat. Dan Kami berikan Isa putera Mariam beberapa mukjizat dan Kami perkuatkannya dengan *Ruhul-Qudus*. Jika Allah kehendaki, nescaya orang-orang setelah mereka tidak akan saling membunuh, setelah sampai bukti-bukti kepada mereka. Tetapi mereka bertelingkah, maka ada dalam kalangan mereka yang beriman dan ada (pula) yang kafir. Jika Allah kehendaki, mereka tidaklah saling membunuh. Tetapi Allah melakukan apa yang dikehendaki-Nya.
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 42)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Para rasul yang diberikan kelebihan oleh Allah SWT telah diberikan gelaran khas, iaitu gelaran *Ulul Azmi*. Para rasul yang diberikan gelaran *Ulul Azmi* ini sebenarnya mempunyai darjat yang lebih tinggi daripada yang lain-lain. Menurut Abdul Hadi Awang (2007: 22) Mereka lebih tinggi darjatnya daripada yang lain. Mereka juga dianggap sebagai pemimpin kepada nabi-nabi. Allah memuji mereka dengan pujian yang mulia dan memerintahkan supaya kita mencontohi perjuangan dan kesabaran mereka. Perkara ini telah dijelaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah *al-Ahqaf* ayat 35 yang bermaksud, "*Maka bersabarlah seperti Ulul Azmi di kalangan rasul-rasul*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 506). Para rasul yang diberikan gelaran sebagai *Ulul Azmi* ini sebenarnya mempunyai kelebihan serta terpaksa menghadapi pelbagai rintangan dalam usaha mereka untuk menyebar serta mengembangkan syariat Islam. Menurut Abdul Hadi Awang (2007),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> *Ulul Azmi* bermaksud orang-orang yang mempunyai keteguhan hati. Mereka diberi gelaran itu kerana hati mereka mempunyai azam yang teguh, sabar menghadapi ujian dalam perjuangan dan perjuangan mereka amat sukar dan pahit. Di kalangan mereka, terdapat orang yang sabar menghadapi bala dan pembohongan daripada kaumnya dalam masa yang panjang sehingga beberapa kurun dan generasi yang silih berganti.
>
> Oleh sebab usianya yang panjang, perjuangannya menjadi panjang dan sepanjang hidupnya menghadapi ujian. Ada antara mereka yang dihukum dengan kejamnya dan ada pula yang diburu oleh kaumnya. Mereka adalah Nuh, Ibrahim, Musa, Isa dan Muhammad.
>
> (Abdul Hadi Awang, 2007: 22)

Kekentalan semangat yang dimiliki oleh *Ulul Azmi* ini telah menyebabkan mereka tidak menjadi lemah atau mengalah dengan tekanan, tentangan yang mereka hadapi daripada musuh-musuh atau pengikut mereka sendiri. Firman Allah SWT dalam surah *Ali Imran* ayat 146 yang bermaksud, "*Mereka tidak menjadi lemah kerana bencana yang melanda mereka di jalan Allah dan tidak lesu dan tidak pula menyerah (kepada musuh) dan Allah kasihkan orang-orang yang sabar.*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 68). Cabaran dan dugaan yang dihadapi oleh *Ulul Azmi* adalah pelbagai dan berbeza antara satu sama lain. Nabi Ibrahim AS berdepan dengan ujian yang berat daripada kaumnya, Maharaja Namrud dan Pemerintahan Babil. Nabi Musa AS pula terpaksa menghadapi Firaun serta sikap Bani Israel yang memang terkenal dengan sikap mereka yang suka berdolak-dalih dan bermuka-muka. Sementara itu, Nabi Isa AS pula dilahirkan tanpa mempunyai bapa. Ini menyebabkan penderitaan yang amat dahsyat yang terpaksa dihadapi oleh ibu baginda, iaitu Maryam. Nabi Isa AS dilahirkan pada zaman pemerintahan Herodus yang memang amat terkenal dengan sikap kejam dan zalim. Selain itu, Nabi Isa AS juga terpaksa menghadapi para ulama pada zaman tersebut yang banyak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menyeleweng. Para ulama pada zaman tersebut telah meminda syariat yang telah dibawa oleh Nabi Musa AS pada zaman sebelumnya.

### 3.7.2 Nabi Muhammad SAW

Nabi Muhammad SAW merupakan nabi terakhir yang diutuskan untuk umat manusia seluruhnya. Baginda merupakan makhluk ciptaan Allah SWT yang paling sempurna dan merupakan kekasih Allah SWT (*habib* Allah). Menurut Seyyed Hossein Nasr dipetik dalam Baharuddin Ahmad (1993),

> Nabi Muhammad S.A.W dilahirkan di Makkah pada 17hb. Atau mengikut beberapa riwayat lain pada 12hb. Rabiulawal dalam Tahun Gajah kira-kira Tahun 570M (apabila tentera Abbasinia yang menyerang Makkah dikalahkan). Nabi, 'perhiasan segala lapisan makhluk' ini juga dinamai Ahmad, *Mustafa*, 'Abdallah, Abu'l-Qasim dan juga digelar *al-Amin*, iaitu yang benar atau dipercayai. Setiap nama dan gelaran yang diberikan kepada Baginda merupakan pancaran satu aspek daripada dirinya yang terpuji itu. Kewujudan Baginda junjungan s.a.w melambangkan makna etimologi Muhammad dan Ahmad, iaitu terpuji atau yang disanjung; Baginda digelar *Mustafa* iaitu yang terpilih dan 'Abdallah iaitu hamba Allah yang paling sempurna dan kemudiannya sebagai ayah kepada Qasim. Baginda dikenali sebagai Abu'l Qasim. Baginda bukan sahaja seorang Nabi dan Rasul tetapi juga kekasih Allah (habib ul-Llah) dan juga sebagai rahmat yang diturunkan ke alam ini.
>
> (Baharuddin Ahmad, 1993: 2)

Nabi Muhammad SAW merupakan nabi dan rasul terakhir yang Allah SWT utuskan untuk umat manusia seluruhnya. Allah SWT telah menurunkan kalam-Nya, iaitu al-Quran yang juga merupakan mukjizat terakhir daripada Allah SWT yang masih kekal sehingga ke hari ini. Dengan turunnya al-Quran yang selengkapnya kepada Nabi Muhammad SAW, maka tiada lagi kitab yang akan diturunkan untuk umat manusia sehinggalah tibanya hari kiamat kelak. Terdapat dalil yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


membuktikan bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan nabi yang paling mulia dan baginda SAW merupakan ketua kepada nabi-nabi yang telah Allah SWT utuskan untuk umat manusia. Perkara ini telah Allah SWT jelaskan sejelas-jelasnya dalam surah *Ali Imran* ayat 81 yang bermaksud,

> Dan ingatlah, ketika Allah mengambil perjanjian daripada para nabi, "Manakala Aku memberikan kitab dan Hikmah kepadamu lalu datang kepada kamu seorang rasul yang membenarkan apa yang ada pada kamu, nescaya kamu akan sesungguh-sungguhnya beriman kepadanya dan menolongnya." Allah berfirman, "Adakah kamu setuju dan menerima perjanjian dengan-Ku atas demikian itu?" Mereka menjawab, "Kami setuju." Allah berfirman, "Jika demikian bersaksilah kamu (para nabi) dan Aku menjadi saksi bersama kamu."
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 60)

Nabi Muhammad SAW sangat mulia dan suci. Nasab keturunan Nabi Muhammad SAW adalah dari nasab yang mulia dan agung. Menurut Adil bin Ali Al-Shafi (2012: 43), Nasab Nabi Muhammad SAW adalah dari Abu Al-Qasim, Muhammad bin Abdullah bin Abdul Mutalib bin Hisyam bin Abdul Manaf bin Qushai bin Kilab bin Murrah bin Ka'ad bin Luay bin Ghalib bin Fihir bin Malik bin Nadhar bin Kinanah bin Khuzaimah bin Mudrikah bin Lllyas bin Mudhar bin Nizar bin Ma'ad bin 'Adnan. Telah disepakati bahawa inilah nasab Nabi Muhammad SAW dan 'Adnan berasal daripada keturunan Nabi Ismail AS. Nabi Muhammad SAW juga mempunyai pelbagai nama. Menurut Adil bin Ali Al-Shafi (2012),

> Dari Jubair bin Muth'im RA, Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda, 'sesungguhnya aku mempunyai beberapa nama; antaranya adalah Muhammad, Ahmad, Al-Mahi yang Allah Subhanahu wa Ta'ala menghapuskan kekafiran denganku, aku adalah Al-Hasyir yang manusia digiring di atas dua telapak tanganku, dan aku adalah Al-'Aqib yang tidak ada seorang pun (dari) nabi setelah aku."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


(Adil bin Ali Al-Shafi, 2012: 44)

Nabi Muhammad SAW berasal daripada Bani Hasyim dan keluarga besar suku Quraisy. Secara nasabnya, baginda adalah daripada bangsa Arab yang paling mulia. Nabi Muhammad SAW berasal dari kota Mekah yang merupakan kota yang paling dicintai oleh Allah SWT. Perkara ini telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam surah *Al-An'am* ayat 124 yang bermaksud, "*Dan apabila datang suatu ayat kepada mereka, mereka berkata, "Kami tidak akan percaya (beriman) sebelum diberikan kepada kami seperti apa yang diberikan kepada Rasul-rasul Allah*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 143). Allah SWT lebih mengetahui di mana Dia meletakkan tugas kerasulannya. Orang-orang yang berdosa, akan ditimpa kehinaan di sisi Allah SWT dan azab yang keras kerana tipu daya yang mereka lakukan." Menurut Adil bin Ali Al-Shafi (2012: 45), Antara tanda kesucian nasab Baginda Rasul, sesungguhnya Allah *subhanahu wa Ta'ala* telah memelihara kedua orang tuanya dari perbuatan zina. Maka Baginda SAW dilahirkan dari pernikahan yang sah dan bukan terlahir dari perzinaan.

Nabi Muhammad SAW telah terkenal sejak sebelum baginda diutus menjadi nabi di kalangan kaumnya dengan sifat jujur dan amanah. Di antara mereka, baginda dikenali dengan gelaran *Al-Amin*, iaitu gelaran yang tidak akan dimiliki oleh sesiapa juga kecuali bagi seseorang yang telah mencapai puncak dalam sifat kejujuran dan amanah. Menurut Adil bin Ali Al-Shafi (2012),

> Sesungguhnya kejujuran Baginda dan sifat amanahnya membuatkan kaum musyrikin yang memusuhi Baginda terpaksa mencipta pelbagai tuduhan bagi menyekat pengaruh perkembangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Islam yang dibawa oleh Baginda, mereka mendakwa bahawa Baginda sebagai tukang sihir, penyair yang mengarang al-Quran, dukun dan sebagainya sehingga sanggup menuduh Baginda sebagai gila. Namun, di kalangan orang kafir, terjadi juga pertelagahan di antara mereka, kerana ada di antara mereka tidak boleh menerima tuduhan yang melampau itu, kerana melihatkan kejujuran sifat Baginda, ianya adalah suatu gelaran yang amat buruk untuk diletakkan kepadanya, kerana sepanjang pengalaman mereka bergaul dengan Baginda, mereka tidak pernah pun dapati ada sifat-sifat buruk tersebut.
>
> (Adil bin Ali Al-Shafi, 2012: 53-54)

Nabi Muhammad SAW merupakan semulia-mulia dan setinggi-tinggi rasul dari segi darjat dan martabatnya. Baginda juga merupakan nabi dan rasul yang terakhir yang diutuskan oleh Allah SWT kepada umat manusia sama juga seperti al-Quran yang merupakan kitab terakhir yang diturunkan untuk umat manusia. Firman Allah SWT dalam surah *al-Ahzab* ayat 40 yang bermaksud, "*Muhammad itubukanlah bapa seseorang antara kamu, tetapi baginda adalah utusan Allah dan penutup para nabi dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014:423). Allah SWT telah memberikan kemenangan kepada baginda dan menerangi dada orang-orang yang beriman dengan seruan dakwahnya. Mereka beriman kepada baginda, membenarkannya, menolong serta membantu baginda sehinggalah kalimah tauhid berjaya ditingkatkan. Serentak dengan itu, maka tersebarlah agama Islam di Timur dan Barat.

Kelahiran Nabi Muhammad SAW merupakan satu anugerah daripada Allah SWT terhadap umat manusia. Kelahiran baginda SAW telah memberi erti yang amat besar dalam sejarah kehidupan dan ketamadunan manusia. Nabi Muhammad SAW telah membawa perubahan dari segi ketamadunan manusia melalui tiga aspek utama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dalam kehidupan manusia, iaitu melalui akidah yang unggul, syariat yang syumul dan akhlak yang luhur. Dalam soal akidah, Nabi Muhammad SAW telah membawa perubahan besar kepada seluruh umat manusia dengan mengangkat martabat dan kemuliaan manusia daripada kehidupan jahiliah yang dipengaruhi hawa nafsu dan menyembah berhala kepada suatu kehidupan yang suci dengan mentauhidkan dan mengesakan Allah SWT serta menyerah diri hanya kepada Allah SWT. Baginda SAW membawa ajaran yang tauhid yang diiktiraf oleh Allah SWT yang dapat menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Inilah tugas utama para rasul demi untuk membimbing umat manusia agar mentauhidkan dan mengesakan Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah *al-Anbiya* ayat 25 yang bermaksud, "*Dan Kami tidak mengutus seorang rasul pun sebelum engkau (Muhammad), melainkan Kami wahyukan kepadanya, bahawa tidak ada Tuhan yang berhak disembah selain Aku, maka sembahlah Aku*". (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 324). Nabi Muhammad SAW telah membawa umat manusia ke arah akidah yang benar dan jalan yang lurus dengan penuh kebijaksanaan. Dengan kebijaksanaan Nabi Muhammad SAW ini, maka agama Islam telah berjaya mengharungi perubahan zaman dan mampu bertahan sehingga kini. Malah agama Islam semakin berkembang pada zaman ini setelah pelbagai tohmahan dan fitnah dilemparkan kepada umat Islam di serata dunia.

Dalam aspek syariah pula, Nabi Muhammad SAW telah membawa kehidupan manusia ke arah suatu sistem kehidupan yang bertamadun. Nabi Muhammad SAW telah berusaha bersungguh-sungguh sehingga agama Islam dapat berkembang dengan pesat sehinggalah agama Islam dapat ditegakkan sebagai sebuah sistem yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sempurna dan terbaik untuk diamalkan dalam kehidupan manusia. Firman Allah SWT dalam surah *al-Maidah* ayat 3 yang bermaksud, *"Pada hari ini telah Aku sempurnakan agamamu untukmu, dan telah Aku sempurnakan nikmat-Ku bagimu, dan telah Aku redhakan Islam sebagai agamamu*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 107). Syariat Islam yang telah dibawa oleh Nabi Muhammad SAW ini merupakan satu sistem kehidupan yang komprehensif yang merangkumi segala aspek kehidupan manusia sama ada dalam pentadbiran, kewangan, perundangan dan sebagainya.

Islam telah menetapkan satu *standard* kehidupan yang terbaik dalam mengatur perjalanan hidup manusia di muka bumi ini sejak dari saat kelahiran ke dunia ini sehinggalah seseorang umat manusia itu meninggal dunia. Syariat Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW telah menetapkan aturan-aturan yang perlu dipatuhi oleh seluruh umat manusia. Ianya termasuklah hubungan antara manusia dengan Allah SWT dan hubungan antara manusia dengan manusia itu sendiri. Segalanya telah diatur dengan penuh keseimbangan. Apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW adalah perkara-perkara yang bermanfaat dan mempunyai makna yang luas dalam kehidupan manusia seluruhnya demi kesejahteraan ummah dan kesejahteraan alam seluruhnya. Oleh sebab itu, telah menjadi kewajipan kita sebagai umat Islam untuk beriman hanya kepada Allah SWT serta mengaplikasikan keseluruhan hidup kita di bawah naungan syariat Islam dan bukannya dengan hanya mengambil sebahagian sahaja daripada keseluruhan ajaran yang telah disampaikan dan meninggalkan yang selebihnya. Firman Allah SWT dalam surah *al-Baqarah* ayat 208 yang bermaksud, "*Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah ke dalam Islam secara*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*keseluruhannya, dan janganlah kamu ikuti langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya, dia adalah musuh yang nyata bagimu*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 32).

Dari segi akhlak pula, Nabi Muhammad SAW telah berjaya mendidik umat manusia yang selama ini hidup dalam keadaan jahil, zalim dan degil kepada kehidupan yang mulia, adil dan bertimbang rasa. Nabi Muhammad SAW telah menjadi teladan yang sempurna sepanjang zaman mencakupi semua aspek kehidupan bagi kebahagiaan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Nabi Muhammad SAW layak diangkat dan diiktiraf sebagai model manusia unggul dalam ketaatannya kepada Allah SWT. Ketaatan baginda SAW kepada Allah SWT tiada batas sempadannya. Firman Allah SWT dalam surah *al-Ahzab* ayat 21 yang bermaksud, "*Sesungguhnya, telah ada pada diri Rasulullah SAW itu teladan yang baik bagimu iaitu bagi orang yang mengharapkan rahmat Allah dan (kedatangan) hari kiamat serta yang banyak mengingati Allah*." (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 420). Berdasarkan ayat al-Quran tersebut, jelaslah kepada kita bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan suri teladan yang terbaik untuk dicontohi dalam segenap segi.

Rasulullah SAW berperanan untuk menyempurnakan akhlak manusia sesuai mengikut ajaran Islam. Rasulullah SAW mengajar umat manusia untuk berbudi pekerti tinggi dan berkasih sayang serta menyantuni masyarakat sekeliling. Dalam masa yang sama, Rasulullah SAW mengajar umat manusia untuk menolak sebarang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


keganasan dan kekerasan. Keganasan dan kekerasan tiada tempat dalam ajaran Islam. Selain mengajak umat manusia agar berbuat baik terhadap sesama manusia, Rasulullah SAW juga mendidik umat manusia agar berbuat baik terhadap makhluk-makhluk lainnya yang diciptakan oleh Allah SWT. Ini termasuklah bersikap baik terhadap alam sekitar kita.

Risalah Nabi Muhammad SAW telah menjadi rahmat kepada seluruh umat manusia selepas kewafatan baginda SAW. Walau pun syariat yang Allah SWT turunkan kepada Nabi Muhammad SAW pada mulanya kelihatan aneh dan ganjil pada pandangan dan penilaian manusia yang kurang imannya, namun akhirnya terbukti bahawa risalah tersebut telah membawa rahmat kepada ketamadunan manusia secara keseluruhannya. Oleh itu, sebagai umat Islam, kita mestilah berpegang teguh dengan peninggalan Rasulullah SAW, iaitu al-Quran dan sunnahnya yang menjadi teras utama dan sebagai panduan utama kepada umat Islam di seluruh dunia. Dengan berpegang teguh kepada kedua-dua peninggalan Rasulullah SAW itu, bukan bermakna umat Islam hanya meyakini tetapi yang lebih penting adalah bagaimana umat Islam menterjemah ajaran syariah al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian umat Islam itu sendiri.

Nabi Muhammad SAW telah membawa ajaran Islam kepada seluruh umat manusia. Baginda SAW telah berjuang selama 13 tahun di Mekah dalam usaha baginda untuk menyebarkan agama Islam sebelum baginda SAW berhijrah ke Madinah. Agama Islam yang baginda SAW bawa telah menuntut umat manusia agar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bertakwa kepada Allah SWT. Baginda mengajak penduduk di kota Mekah dan Madinah supaya mengesakan diri kepada Allah SWT. Allah SWT telah mengutuskan Nabi Muhammad SAW kepada seluruh umat manusia bagi menunjukkan cara yang sempurna kepada manusia agar umat manusia dapat hidup berakidah, bersyariat dan menjadikan al-Quran dan sunah Nabi Muhammad SAW sebagai pegangan hidup mereka.

Sebagai umat Islam, kita hendaklah patuh dan mengikut apa sahaja yang dibawa dan disampaikan oleh Rasulullah SAW. Umat Islam juga perlu menjauhi larangan yang baginda sampaikan tanpa mengabaikan dan mempertikaikan apa yang disampaikan. Ini kerana Rasulullah SAW membawa rahmat kepada seluruh alam. Firman Allah SWT telah dalam surah *al-Hasyr* ayat 7 yang bermaksud,

> Dan apa juga yang diberikan oleh Rasulullah SAW kepada kamu, maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang-Nya untuk kamu lakukan maka patuhilah larangan-Nya. Bertakwalah kamu kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksanya."
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 546)

### 3.7.3 Keistimewaan Dakwah Para Nabi dan Rasul

Islam adalah agama dakwah yang telah mewajibkan penganutnya untuk mengajak seluruh manusia dengan menggunakan pelbagai media agar mereka menerima kebenaran agama Allah SWT ini selain mengajak umat manusia agar meyakini dan mengamalkannya dalam seluruh aspek kehidupan. Tujuan utama menyampaikan dakwah adalah untuk membawa rahmat kepada seluruh alam semesta. Ianya tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


hanya terbatas kepada umat manusia sahaja. Nabi Muhammad SAW merupakan pembawa risalah terakhir daripada Allah SWT dan merupakan untuk semua umat manusia di dunia ini. Dakwah yang disampaikan oleh para nabi dan rasul mempunyai keistimewaannya tersendiri. Dakwah Nabi Muhammad SAW dan para nabi serta rasul sebelum baginda adalah istimewa. Sebagai umat Islam, kita perlu memahami tentang keistimewaan dakwah para rasul dan nabi utusan Allah SWT ini agar kita faham mengapa ajaran para nabi dan rasul ini wajib kita ikuti dengan sepenuh hati.

#### 3.7.3.1 Dakwah *Rabbaniyah*

Dakwah *Rabbaniyah* bermaksud dakwah yang berasal daripada Allah SWT. Dakwah yang dibawa dan disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW, para nabi dan rasul sebelumnya adalah daripada sumber yang sama, iaitu bersumberkan wahyu daripada Allah SWT. Rasulullah SAW, para nabi dan rasul menyampaikan dakwah berdasarkan hanya daripada wahyu yang mereka terima daripada Allah SWT melalui perantaraan malaikat. Dakwah yang disamapaikan itu bukanlah merupakan teori-teori yang dicipta oleh mereka dan bukan juga merupakan hasil daripada revolusi sosial yang berlaku pada zaman tersebut. Segalanya adalah bersumber daripada wahyu yang Allah SWT turunkan dan para nabi serta rasul diperintahkan untuk menyampaikannya kepada umat manusia atas perintah-Nya juga. Menurut Abdul Hadi Awang,

> Dakwah itu lahir daripada wahyu dan *taklif* (tanggungjawab) daripada Allah, bukan lahir daripada kehendak mereka semata-mata. Ia bukan lahir kerana tuntutan masyarakat disebabkan berlakunya kezaliman dan penindasan walaupun itu perkara yang ditentang oleh mereka dan bukan juga hasil daripada pemikiran mereka yang mendalam ataupun diilhamkan daripada penderitaan yang dialami oleh manusia.
>
> (Abdul Hadi Awang, 2007: 50)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sebenarnya, apa yang telah didakwahkan oleh para rasul adalah bersumberkan wahyu daripada Allah SWT. Apa yang disampaikan oleh para nabi dan rasul adalah perkara yang sama. Firman Allah SWT dalam surah *Yunus* ayat 16 yang bermaksud, "*Katakanlah (Muhammad), "Jika Allah menghendaki, nescaya aku tidak membacakannya kepadamu dan Allah tidak (pula) memberitahunya kepadamu*." *Aku telah tinggal bersamamu beberapa lama sebelumnya (sebelum turun al-Quran). Mengapa kamu tidak memikirkannya?"* (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 210). Para rasul yang dipilih adalah untuk menyampaikan segala ajaran-Nya dan untuk mengingatkan umat manusia bahawa tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah *al-Nahl* ayat 2 yang bermaksud, "*Dia menurunkan para malaikat membawa wahyu dengan perintah-Nya kepada sesiapa yang Dia kehendaki di antara hamba-hamba-Nya, (dengan berfirman) iaitu, "Peringatkanlah (hamba-hamba-Ku), bahawa tiada tuhan selain Aku, maka hendaklah kamu bertakwa kepada Aku*." (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 267).

Para nabi dan rasul juga tidak sekali-kali tunduk terhadap sebarang tekanan sama ada dari dalam jiwanya sendiri, situasi-situasi semasa mahupun kehendak masyarakat. Apa yang disampaikan merupakan apa yang terdapat dalam al-Quran. Ini dapat dibuktikan melalui firman Allah SWT dalam surah *al-Najm* ayat 2 dan 3 yang bermaksud, "*Kawanmu (Muhammad) tidak sesat dan tidak (pula) menyimpang. Dan tidaklah yang diucapkannya itu (al-Quran) mengikut kemahuannya*." (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 526). Para nabi dan rasul juga tidak sesekali melakukan pindaan atau pun menambah apatah lagi mengurangkan risalah dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


hukum-hakam yang Allah SWT telah wahyukan. Inilah yang menjadikan para nabi dan rasul itu amat istimewa. Mereka tidak mudah dipengaruhi oleh keadaan sekeliling. Ini berbeza sekali dengan tokoh-tokoh atau para pemimpin manusia yang biasanya mudah dipengaruhi dan mudah pula hanyut mengikut kehendak manusia dan juga kepentingan politik yang mereka dukung. Mereka boleh melakukan tawar-menawar dengan mana-mana golongan yang mereka sukai demi memenuhi kehendak dan kepentingan duniawi mereka semata-mata. Dalam kata lain, mereka tidak memikirkan tentang dosa atau pahala yang mereka raih daripada tindakan yang mereka lakukan. Firman Allah SWT dalam surah *Yunus* ayat 15 yang bermaksud,

> Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami dengan jelas, orang-orang yang tidak mengharapkan pertemuan dengan Kami berkata, "Datangkanlah kitab selain al-Quran ini atau gantikanlah." Katakanlah (Muhammad), "Tidaklah layak bagiku menggantikannya mengikut kemahuanku sendiri. Aku hanya mengikuti apa yang diwahyukan kepadaku. Aku benar-benar takutkan azab pada hari yang besar (kiamat) jika menderhakai Tuhanku."
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 210)

Para nabi dan rasul tidak sekali-kali menerima sebarang tawaran dalam urusan dakwah walau apa sekali pun yang ditawarkan kepada mereka. Hati dan keimanan mereka amat teguh terhadap Allah SWT. Tidak ada sebarang bentuk ganjaran atau hadiah yang mampu menggugat keimanan serta keyakinan mereka terhadap Allah SWT. Menurut Abdul Hadi Awang (2007: 54), Orang-orang musyrikin pernah menawarkan Rasulullah dengan jawatan sebagai raja dan ketua, begitu juga dengan harta dan wanita dengan syarat beliau menghentikan dakwah ataupun meninggalkan sikap dan ucapan yang menentang berhala. Namun Rasulullah tetap menolak tawaran yang dijanjikan kepada baginda. Jelas di sini bahawa tidak ada sesuatu pun yang dapat menghalang para rasul daripada menyampaikan ajaran Allah SWT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.7.3.2 Ikhlas Mengabdikan Diri Kepada Allah SWT

Para nabi dan rasul merupakan insan yang ikhlas mengabdikan diri mereka kepada Allah SWT. Para nabi dan rasul juga mengajak manusia agar mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT. Seruan yang mengajak manusia agar mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT telah mula dilakukan sejak dari zaman Nabi Adam AS lagi sehinggalah ke zaman Nabi Muhammad SAW. Manusia diajak untuk mengikut agama Allah SWT semata-mata, melarang dan menentang sistem pengabdian diri kepada sesama makhluk serta melarang umat manusia daripada mengikuti agama ciptaan manusia yang terkenal dengan sifat lemah dan serba kekurangan. Selain itu, umat manusia juga dituntut agar melaksanakan solat serta menunaikan zakat. Perkara ini telah diterangkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran dalam surah *al-Bayyinah* ayat 5 yang bermaksud,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Padahal mereka hanya diperintahkan menyembah Allah, dengan ikhlas mentaati-Nya, semata-mata kerana (menjalankan) agama, dan juga agar melaksanakan solat dan menunaikan zakat, dan yang demikian itulah agama yang lurus (benar).
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 598)

Umat manusia mestilah mentaati segala perintah Allah SWT dengan seikhlas hati. Bukannya mengharapkan mengharapkan pujian atau pun sanjungan daripada manusia lain yang merupakan makhluk ciptaan Allah SWT. Manusia adalah makhluk ciptaan Allah SWT yang serba kekurangan dan semestinya akan melakukan kesalahan dalam tindakan dan perbuatan. Ini amat berbeza dengan sifat para nabi dan rasul yang merupakan utusan Allah SWT untuk membimbing umat manusia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.7.3.3 Membawa Ajaran Yang Mudah

Keistimewaan dakwah para rasul juga dapat dilihat daripada peranan mereka yang membawa ajaran yang mudah. Para rasul dikatakan membawa ajaran yang mudah kerana mereka membawa ajaran yang sesuai dengan fitrah manusia dan dengan menggunakan kata-kata atau dengan menggunakan ucapan yang mampu difahami sesuai dengan kemampuan akal fikiran manusia. Menurut Abdul Hadi Awang (2007: 57), Manusia tidak dibebankan dengan ajaran yang tidak mampu dilaksanakan ataupun ucapan yang tidak difahami. Malah para rasul menyampaikan agama Allah dengan penuh bijaksana seperti yang diperintahkan Allah. Firman Allah SWT dalam surah *an-Nahl* ayat 125 yang bermaksud,

> Serulah (manusia) ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu, yang lebih mengetahui siapa yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui siapa yang mendapat petunjuk.
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 281)

Dalam usaha untuk memastikan dakwah yang disampaikan berjaya mencapai matlamatnya, para rasul melaksanakan dakwah mereka dengan cara yang mudah difahami oleh semua golongan sasaran yang terdiri daripada pelbagai golongan seperti golongan tua, muda, alim mahu pun yang jahil. Mereka menyampaikan agama Allah SWT dengan bersungguh-sungguh dan dengan menggunakan kaedah yang mudah difahami demi untuk mengelakkan berlakunya salah tafsir atau timbulnya kekeliruan terhadap apa yang disampaikan. Mereka tidak mengada-adakan pembohongan atau pun bermain-main semasa menyampaikan dakwah. Para rasul menjalankan tugas menyebarkan dakwah dengan bersungguh-sungguh. Firman Allah SWT dalam surah *Sad* ayat 86 yang bermaksud, *Katakanlah (Muhammad), "Aku tidak meminta bayaran*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*sedikit pun kepadamu atas dakwahku, dan aku bukanlah termasuk orang-orang yang mengada-adakan*." (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 458).

### 3.7.3.4 Matlamat Yang Jelas dan Nyata

Dakwah yang disampaikan oleh para rasul mempunyai matlamat yang amat jelas. Selain itu, dakwah yang disampaikan juga mempunyai pemikiran yang nyata, tidak keliru dan tidak kusut. Firman Allah SWT dalam surah *Yusuf* ayat 108 yang bermaksud, "*Katakanlah (Muhammad), "Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang mengikutiku mengajak (kamu) kepada Allah dengan yakin, Maha Suci Allah, dan aku tidak termasuk golongan yang musyrik*." (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 248). Dakwah yang disampaikan itu membawa umat manusia ke jalan yang lurus dan diredhai Allah SWT. Para rasul tidak sekali-kali membawa umat manusia ke jalan yang salah dan jalan yang dimurkai Allah SWT.

### 3.7.3.5 Penumpuan Kepada Akidah Tauhid

Dakwah para rasul memberikan penumpuan utama kepada akidah tauhid. Kesemua rasul menumpukan dakwah kepada mentauhidkan dan mengesakan Allah SWT yang Maha Esa. Allah SWTlah yang menciptakan dan mentadbir dunia ini. Tiada Tuhan yang patut dan wajib disembah selain Allah SWT. Hanya Allah SWT tuhan yang sebenarnya dan merupakan tempat umat manusia mengabdikan diri serta mengikhlaskan ibadat hanya kepada-Nya. Perbuatan mengaku bahawa adanya kuasa lain yang setara dengan Allah SWT merupakan perbuatan yang syirik dan tergolong dalam dosa-dosa besar. Umat manusia mestilah menolak dan menentang apa juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bentuk syirik kepada Allah SWT kerana ia merupakan dosa besar. Firman Allah SWT dalam surah *al-Mukminun* ayat 23 yang bermaksud, "*Dan sesungguhnya, Kami telah mengutuskan Nabi Nuh a.s kepada kaumnya, lalu dia berkata. "Wahai kaumku! Sembahlah Allah, kerana tidak ada tuhan yang berhak disembah bagimu selain Dia. Maka mengapa kamu tidak bertakwa kepada-Nya?*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 343).

Jelaslah di sini bahawa setiap rasul membawa ajaran yang sama, iaitu mengajak umat manusia agar mengesakan Allah SWT. Mereka menyeru umat manusia agar menyembah Allah SWT dan mereka memperingatkan umat manusia bahawa tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah SWT. Perbuatan menyekutukan Allah SWT dengan kuasa-kuasa lain merupakan perbuatan syirik dan ianya merupakan dosa besar. Begitu juga dengan Nabi Muhammad SAW yang merupakan nabi dan rasul Allah SWT yang terakhir yang diutuskan kepada umat manusia seluruhnya. Tiada lagi nabi atau pun rasul yang akan diutuskan kepada umat manusia selepas Nabi Muhammad SAW.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 3.8 Sifat-sifat Para Nabi dan Rasul

Umat manusia wajib beriman kepada Allah SWT dan dengan sifat-sifat kesempurnaan-Nya. Umat Islam juga wajib beriman dengan kekuasaan Allah SWT secara mutlak yang menjadikan alam zahir yang dapat kita lihat dan nikmati dengan mata kasar. Sebagai umat manusia, kita juga wajib beriman dengan kewujudan alam ghaib yang tidak dapat kita gapai dengan menggunakan pancaindera yang Allah SWT

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kurniakan kepada kita. Kita juga wajib beriman bahawa Allah SWT Maha Adil dan Maha Pengasih. Maka dengan sebab itu, kita perlu yakin bahawa Allah SWT tidak akan membiarkan kita sebagai umat manusia hidup di dunia ini dengan sendirinya tanpa sebarang panduan dan pedoman serta tanpa petunjuk daripada-Nya sebagai pencipta. Justeru, Allah SWT telah mengutuskan kepada umat manusia yang amat disayangi-Nya para nabi dan rasul yang berperanan sebagai penunjuk yang benar di samping memandu dan membimbing umat manusia seluruhnya ke arah jalan yang benar serta diredhai oleh Allah SWT. Allah SWT juga memberikan kitab-kitab suci kepada para utusan-Nya sebagai panduan yang menentukan pengajaran-pengajaran demi kesejahteraan umat manusia seluruhnya.

Para rasul merupakan manusia istimewa yang menjadi pilihan Allah SWT. Nabi dan rasul merupakan manusia istimewa yang diamanahkan oleh Allah SWT untuk menerima wahyu dan membawa wahyu tersebut serta menyampaikan dakwah Allah SWT untuk umat manusia seluruhnya. Menurut Abdul Hadi Awang (2007),

> Rasul-rasul adalah manusia pilihan Allah yang membawa amanah wahyu dan menyampaikan dakwah dan risalah Allah kepada hamba-hamba-Nya. Jadi mereka mesti terdiri daripada manusia paling sempurna kemanusiaannya daripada segi ilmu, akhlak dan keturunan.
>
> (Abdul Hadi Awang, 2007: 69)

Pemilihan para nabi dan rasul merupakan hak mutlak Allah SWT. Allah SWT berhak untuk memilih dan mengangkat sesiapa sahaja daripada kalangan makhluk ciptaan-Nya untuk menjadi nabi dan juga rasul. Para nabi dan rasul telah ditarbiayah di bawah pemeliharaan Allah SWT. Dalam ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kenabian dan kerasulan, Allah SWT telah mengurniakan pujian yang sangat tinggi kepada para nabi dan rasul kerana mereka telah Allah SWT pilih dan merupakan makhluk pilihan Allah SWT untuk membawa hidayah dan melakukan pembaikan serta menjadi pemimpin manusia seluruhnya. Para nabi dan rasul juga diamanahkan untuk memandu umat manusia ke arah kebahagiaan dan keselamatan hidup di dunia dan juga di akhirat. Firman Allah SWT dalam surah *al-Anbiya'* ayat 73 yang bermaksud,

> Dan Kami jadikan mereka itu sebagai pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah Kami dan Kami wahyukan kepada mereka agar membuat kebaikan, mendirikan solat dan menunaikan zakat dan hanya kepada Kami mereka menyembah.
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 328)

Terjemahan ayat al-Quran di atas dengan jelas menunjukkan kepada kita bahawa para rasul yang Allah SWT utuskan itu merupakan para pemimpin yang memandu umat manusia agar mematuhi segala perintah Allah SWT serta menjauhi segala larangan-Nya. Para rasul juga mengajak serta membimbing umat manusia agar sentiasa mengesakan Allah SWT serta tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu yang lain.

Rosmawati binti Ali@Mat Zin (2010: 71) menyatakan bahawa para nabi dan rasul mempunyai sifat khusus yang melayakkan mereka untuk dipilih oleh Allah SWT sebagai nabi dan rasul kepada umat manusia. Sifat-sifat khusus para nabi ini boleh dibahagiakan kepada tiga, iaitu sifat-sifat wajib, sifat-sifat mustahil dan sifat-sifat harus. Para nabi dan rasul mempunyai empat sifat wajib, iaitu *siddiq* (benar), amanah, *tabligh* (menyampaikan) dan *fatanah* (bijaksana).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Rasul-rasul merupakan manusia pilihan Allah SWT yang diamanahkan untuk membawa wahyu dan menyampaikan dakwah serta risalah Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya. Dengan sebab itu, maka para rasul mestilah terdiri daripada manusia paling sempurna kemanusiaannya daripada segi ilmu, akhlak dan keturunannya. Para rasul sentiasa berada di bawah pemeliharaan Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah *al-Thur* ayat 48 yang bermaksud, "*Dan bersabarlah (Muhammad) menunggu ketetapan Tuhanmu, kerana sesungguhnya engkau berada di dalam pemeliharaan Kami, dan berzikirlah dengan memuji Tuhanmu ketika engkau bangun*." (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 525 ). Allah SWT juga mengurniakan pujian yang tinggi kepada mereka yang telah diberikan amanah tersebut. Ini kerana para rasul telah dipilih untuk membawa hidayah dan *islah* (pembaikan) serta menjadi pemimpin umat manusia ke arah kebahagiaan di dunia dan juga di akhirat. Perkara ini dapat dibuktikan melalui firman Allah SWT dalam surah *al-Anbiya'* ayat 73 yang bermaksud,

> Dan Kami menjadikan mereka mereka itu sebagai pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah Kami dan Kami wahyukan kepada mereka agar membuat kebaikan, mendirikan solat dan menunaikan zakat dan hanya kepada Kami mereka menyembah.
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 328)

Allah SWT juga memberi pengiktirafan bahawa para rasul ini mempunyai ilmu yang tinggi serta mempunyai akhlak yang terpuji. Ini bertujuan untuk mengingatkan umat manusia tentang akhirat. Para rasul juga mempunyai kedudukan yang amat mulia di sisi Allah SWT. Perkara ini telah diterangkan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah *Sad* ayat 45 hingga 48 yang bermaksud,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Dan ingatlah hamba-hamba Kami, Ibrahim, Ishak dan Yaakub yang mempunyai kekuatan-kekuatan yang besar dan ilmu-ilmu (yang tinggi). Sesungguhnya, Kami menyucikan mereka dengan menganugerahkan akhlak yang tinggi kepadanya, iaitu selalu mengingatkan (manusia) kepada negeri akhirat. Dan sesungguhnya di sisi Kami mereka termasuk orang-orang pilihan yang paling baik. Dan ingatlah, Ismail, Ilyasa' dan Zulkifli. Semuanya termasuk orang-orang yang paling baik.
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 456)

Begitulah Allah SWT menggambarkan tentang sifat-sifat mulia, akhlak terpuji serta kesempurnaan para rasul dalam al-Quran. Ini dapat membuktikan ketinggian martabat dan kemuliaan mereka. Dengan sebab itulah, maka Allah SWT telah memilih dan mengangkat mereka sebagai utusan-utusan-Nya bagi menyampaikan petunjuk serta menjadi suri teladan kepada umat manusia seluruhnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Para rasul juga sudah pastinya menyampaikan apa yang telah diperintahkan kepada mereka walaupun kadang-kala ianya menyinggung perasaan mereka. Perkara ini dapat dibuktikan melalui firman Allah SWT dalam surah *Abasa* ayat 1 dan 2 yang bermaksud, "*Dia (Muhammad) berwajah masam dan berpaling. Kerana seorang buta (Abdullah bin Ummi Maktum) telah datang kepadanya.*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 585). Allah SWT juga turut menceritakan tentang sifat rasul yang menyampaikan wahyu dalam surah *Al-Maidah* ayat 67 yang bermaksud,

> Wahai Rasul! Sampaikanlah apa yang diturunkan Tuhanmu kepadamu. Jika tidak engkau lakukan (apa yang dperintahkan itu) bererti engkau tidak menyampaikan amanah-Nya. Dan Allah memelihara engkau daripada (gangguan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang kafir.
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 119)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 3.8.1 *Siddiq*

*Siddiq* bermaksud benar. Sifat *siddiq* ini wajib dimiliki oleh para rasul. Sifat *siddiq* ini merupakan sifat mutlak bagi para rasul yang Allah SWT pilih sebagai utusan-Nya. Perkara ini dapat dibuktikan melalui firman Allah SWT dalam surah *An-Najm* ayat 2 hingga 4 yang bermaksud, "*Kawanmu (Muhammad) tidak sesat dan tidak (pula) menyimpang. Dan tidaklah yang diucapkannya itu (al-Quran) mengikut kemahuannya. Tidak lain (al-Quran itu) adalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 526). Sifat *siddiq* ini merupakan sifat fitrah para rasul. Menurut Rosmawati binti Ali @ Mat Zin (2010: 71) Benar bermaksud sesuatu berita yang disampaikan sentiasa bertepatan dengan hakikat atau sesuatu perkara menurut sepatutnya. Benar juga bermaksud tepat terhadap apa yang disampaikan daripada Allah SWT kepada manusia seperti pengajaran, hukum-hakam dan syariat. Para rasul bersifat *siddiq* dalam semua perkara sama ada dalam perjanjian, percakapan, perbuatan dan hati mereka sesuai dengan taraf mereka yang merupakan utusan Allah SWT untuk menyebarkan agama Allah SWT kepada umat manusia. Perkara ini dapat dibuktikan melalui firman Allah SWT dalam surah *al-Haqqah* ayat 40 hingga ayat 48 yang bermaksud,

> Sesungguhnya ia (al-Quran) benar-benar wahyu (yang diturunkan kepada) Rasul yang mulia. Dan ia (al-Quran) bukanlah perkataan seorang penyair. Tetapi sedikit sekali kamu beriman terhadapnya. Dan bukan pula perkataan tukang tilik. Namun sedikit sekali kamu mengambil pengajaran daripadanya. Ia (al-Quran) adalah wahyu yang diturunkan dari Tuhan seluruh alam. Sekiranya dia (Muhammad) ada-adakan perkataan di atas (nama) Kami. Kami pasti pegang tangan kanannya. Kemudian potong urat jantungnya. Maka tidak seorang pun daripada kamu yang dapat menghalang (Kami untuk menghukumnya). Dan sesungguhnya, al-Quran itu adalah pengajaran bagi orang-orang yang bertakwa.
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 568)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sifat *siddiq* para rasul juga dapat dilihat daripada pandangan dan pendapat yang telah diberikan oleh para sahabat yang bersama-sama berjuang untuk menegakkan syariat dan syiar Islam. Menurut Abdul Hadi Awang (2007: 80), Rasulullah sentiasa bergaul dengan para sahabatnya di dalam majlis mereka sama ada majlis ibadat seperti sembahyang berjemaah, makan minum dan juga semasa musafir. Ada di kalangan para sahabat yang pernah bersama-sama Rasulullah sebelum menjadi nabi dan bergaul pula selepas menjadi nabi dalam masa puluhan tahun. Para sahabat Rasulullah SAW mempunyai pandangan yang luas. Para sahabat telah membuktikan perkembangan ilmu dan akal mereka selepas Rasulullah SAW mangkat. Para sahabat dapat memerintah negeri yang luas dan dengan keadaan masyarakat yang majmuk. Mereka telah menjadikan Islam sebagai tali yang berjaya mengikat masyarakat majmuk sebagai sebuah masyarakat yang kukuh. Pengakuan para sahabat kepada kebenaran Rasulullah SAW telah diakui oleh Allah SWT dalam firman-Nya dalam surah *al-A'raf* ayat 157 yang bermaksud,

> (Iaitu) orang-orang yang mengikut rasul, nabi yang ummi (tidak pandai membaca dan menulis) yang (namanya) mereka dapati tertulis di dalam Taurat dan Injil yang ada pada mereka, yang menyuruh mereka melakukan makruf dan mencegah daripada kemungkaran, dan yang menghalalkan segala yang baik bagi mereka dan mengharamkan segala yang buruk bagi mereka, dan membebaskan beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka. Ada pun orang-orang yang beriman kepadanya, memuliakannya, menolongnya dan mengikuti cahaya yang terang-benderang yang diturunkan kepadanya (al-Quran), mereka itu adalah orang-orang beruntung.
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 170)

Seorang rasul wajib bersifat *siddiq* atau benar dalam segala lintasan hati, perbuatan, perkataan dan janji yang dilafazkannya. Ini membawa maksud bahawa seseorang rasul dan nabi itu akan bersifat benar dalam segala apa juga yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


disampaikannya seperti perintah Allah SWT serta larangan-Nya, berita ghaib, berita tentang hari kiamat dan lain-lain lagi. Perkara ini dapat dibuktikan melalui firman Allah SWT dalam surah *Al-Ahzab* ayat 22 yang bermaksud,

> Dan ketika orang-orang mukmin melihat golongan-golongan (yang bersekutu) itu, mereka berkata, "Inilah yang dijanjikan Allah dan rasul-Nya kepada kita. Dan benarlah Allah dan rasulnya. Demikian itu menambah keimanan dan keislaman mereka.
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 420)

Seorang rasul sudah pastinya merupakan seorang yang *siddiq*. Adalah sesuatu yang mustahil bagi seseorang rasul itu bersifat dusta atau berbohong. Ini kerana dusta atau bohong itu merupakan sifat yang amat bercanggah dengan sifat *siddiq* yang dimiliki oleh para rasul. Adalah mustahil bagi para rasul untuk berbohong sama ada secara sengaja atau pun tidak sengaja dan secara sedar atau pun ketika lupa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 3.8.2 Amanah

Semua nabi dan rasul merupakan hamba Allah SWT yang amanah. Amanah bermaksud benar-benar boleh dipercayai. Semua nabi dan rasul bersifat amanah, iaitu boleh dipercayai dalam semua perkara. Para Rasul amat amanah apabila menerima wahyu daripada Allah SWT. Mereka menyampaikan segala perintah Allah SWT dan juga larangan-Nya kepada umat manusia tanpa melakukan walaupun sedikit penambahan atau pengurangan terhadap wahyu tersebut. Mereka amat patuh kepada perintah Allah SWT. Hal ini telah diterangkan oleh Allah SWT dalam surah *al-Ahzab* ayat 38 dan 39 yang bermaksud,

> Tidak ada keberatan apa pun pada nabi tentang apa yang telah ditetapkan Allah baginya. (Allah telah menetapkan yang demikian)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> sebagai sunnah Allah pada nabi-nabi yang terdahulu. Dan ketetapan Allah itu suatu ketetapan yang pasti berlaku. Iaitu orang-orang yang menyampaikan risalah-risalah Allah, mereka takut kepada-Nya dan tidak merasa takut kepada siapa pun selain Allah. Dan cukuplah Allah sebagai pembuat perhitungan.
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 423)

Setiap wahyu dan perintah yang Allah SWT sampaikan kepada para nabi dan juga rasul telah dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Oleh kerana sifat amanah yang dimiliki oleh Rasulullah SAW, maka baginda telah digelar dengan gelaran "*Al-Amin"* oleh penduduk Mekah. Perkara ini berlaku ketika baginda diangkat sebagai seorang nabi dan rasul lagi. Penduduk Mekah amat meyakini dan mempercayai apa sahaja yang Rasulullah SAW sampaikan kepada mereka. Ini adalah kerana baginda memang terkenal dengan sikapnya yang amanah serta tidak pernah sekali pun berdusta. Sifat baginda yang anamah ini telah digambarkan oleh Allah SWT dalam surah *Al-A'raf* ayat 68 yang bermaksud, "*Aku menyampaikan kepadamu amanah Tuhanku dan pemberi nasihat yang dipercayai kepada kamu.*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 159). Menurut Dr. Adil bin Ali Al-Shafi daalam Syeikh Abu Muhammad Arfah Al Jaafari (2012: 51), Nabi Muhammad SAW terkenal sejak sebelum diutus menjadi nabi di kalangan kaumnya dengan sifat jujur dan amanah. Baginda dikenali di antara mereka dengan gelaran *Al-Amin*, iaitu gelaran yang tidak dimiliki kecuali orang yang mencapai puncak dalam kejujuran dan amanah.

### 3.8.3 *Tabligh*

*Tabligh* bermaksud menyampaikan. Sifat *tabligh* yang ada pada para nabi dan rasul dapat dilihat melalui sifat mereka yang telah menyampaikan segala wahyu yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


diterima daripada Allah SWT. Sifat *tabligh* ini merupakan salah satu sifat istimewa yang ada pada setiap rasul. Perkara ini telah dinyatakan oleh Allah SWT dalam surah *Al-Jinn* ayat 28 yang bermaksud, *"Supaya dia mengetahui, bahawa rasul-rasul itu telah menyampaikan risalah-risalah-Nya, sementara (ilmu-Nya) meliputi apa yang ada pada mereka, dan Dia menghitung segala sesuatu satu persatu."* (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 573). Menurut Rosmawati binti Ali @ Mat Zin (2010: 71 -72), Sifat menyampaikan bermaksud semua para nabi dan rasul yang diutuskan oleh Allah SWT menyampaikan segala syariat dan wahyu yang diterima daripada-Nya kepada manusia. Contohnya mengajar dan memberi petunjuk kepada manusia supaya mereka mendapat kebahagian yang hakiki di dunia dan di akhirat. Para rasul tetap menyampaikan wahyu walaupun mereka terpaksa menghadapi kezaliman dan kekejaman manusia. Sifat *tabligh* yang dimiliki oleh Nabi Nuh AS telah Allah terangkan dalam firman-Nya dalan surah *al-A'raf* ayat 61 dan 62 yang bermaksud,

> Dia (Nuh) menjawab, "Wahai kaumku! Aku tidak sesat, tetapi aku ini seorang rasul daripada Tuhan seluruh alam. Aku menyampaikan kepadamu amanah Tuhanku, memberi nasihat kepadamu, dan aku mengetahui daripada Allah apa yang tidak kamu ketahui.
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 158)

Selain daripada cerita tentang sifat *tabligh* Nabi Nuh AS, Allah SWT juga ada menceritakan tentang sifat *tabligh* beberapa orang rasul dan nabi lagi dalam al-Quran. Allah juga menceritakan tentang kisah Nabi Syuib AS juga dalam surah *al-A'raf* ayat 93 yang bermaksud,

> Maka Syuib meninggalkan mereka sambil berkata, "Wahai kaumku! Sesungguhnya, aku telah menyampaikan amanah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Tuhanku kepadamu dan aku telah menasihatimu. Maka, bagaimana aku akan bersedih hati terhadap orang-orang kafir?
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 162)

Semua rasul menyampaikan dan mengistiharkan dengan berterus-terang dan secara bersemuka bahawa mereka telah menyampaikan perintah Allah SWT. Nabi Muhammad SAW juga telah menerima perintah daripada Allah SWT untuk menyampaikan perintah Allah SWT kepada umat manusia. Ini dapat dibuktikan dengan firman Allah SWT dalam surah *al-Maidah* ayat 67 yang bermaksud,

> Wahai Rasul! Sampaikanlah apa yang diturunkan Tuhanmu kepadamu. Jika tidak engkau lakukan (apa yang diperintahkan itu) bererti engkau tidak menyampaikan amanah-Nya. Dan Allah memelihara engkau daripada (gangguan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang kafir.
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 119)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rasulullah SAW juga tidak berasa takut terhadap ancaman-ancaman pihak musuh semasa menyampaikan risalah Allah SWT. Para rasul sentiasa menerima tentangan, ancaman dan ugutan daripada orang-orang kafir semasa menyebarkan dakwah Islam. Ini dapat dibuktikan dengan adanya nabi yang dibunuh semasa menyampaikan dakwah kepada kaum mereka. Antara nabi yang dibunuh oleh kaum mereka sendiri ialah Nabi Zakaria AS dan Nabi Yahya AS.

Para rasul juga sudah pastinya menyampaikan apa yang telah diperintahkan kepada mereka walaupun kadang-kala ianya menyinggung perasaan mereka. Perkara ini dapat dibuktikan melalui firman Allah SWT dalam surah *Abasa* ayat 1 dan 2 yang bermaksud, "*Dia (Muhammad) berwajah masam dan berpaling. Kerana seorang buta*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*(Abdullah bin Ummi Maktum) telah datang kepadanya.*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 585). Allah SWT juga turut menceritakan tentang sifat rasul yang menyampaikan wahyu dalam surah *Al-Maidah* ayat 67 yang bermaksud,

> Wahai Rasul! Sampaikanlah apa yang diturunkan Tuhanmu kepadamu. Jika tidak engkau lakukan (apa yang dperintahkan itu) bererti engkau tidak menyampaikan amanah-Nya. Dan Allah memelihara engkau daripada (gangguan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang kafir.
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 119)

Selain itu, dalam usaha menyampaikan wahyu daripada Allah SWT, para rasul tidak akan meminda, mengurangkan atau pun menambahkan walau satu huruf daripada apa yang Allah SWT wahyukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 3.8.4 *Fatanah*

*Fatanah* bermaksud bijaksana atau cerdik. Para rasul yang diutuskan oleh Allah SWT memiliki kecerdasan dan kebijaksanaan dalam segala aspek seperti berilmu, mahir berhujah, petah bercakap dan tajam pemikiran. Sifat *fatanah* ini amat berkait rapat dengan dengan tabligh para rasul dan nabi. Para rasul dan nabi yang menyampaikan wahyu Allah SWT perlulah bersifat *fatanah* kerana mereka terpaksa menghadapi pelbagai perbahasan dan perbincangan yang sengit dengan musuh-musuh Allah SWT yang tidak jemu-jemu berusaha untuk melemahkan akidah umat manusia terhadap agama Islam. Sifat *fatanah* ini memudahkan para rasul menyampaikan dakwah dengan berkesan dan mereka akan dapat mematahkan segala hujah golongan yang masih ragu-ragu dengan dakwah yang disampaikan. Dengan memiliki sifat *fatanah*,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


maka wajarlah bagi mereka untuk melaksanakan perintah Allah SWT. Perkara ini telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam surah *al-Nisa'* ayat 165 yang bermaksud,

> Rasul-rasul itu adalah sebagai pembawa berita gembira dan pemberi peringatan agar tidak ada alasan bagi manusia untuk membantah Allah setelah rasul-rasul itu diutus. Allah Maha Perkasa, lagi Maha Bijaksana.
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 104)

Tanpa sifat *fatanah* dan bijaksana ini, perkara-perkara yang baik akan menjadi sia-sia sahaja. Oleh itu, para rasul yang merupakan orang yang bertanggungjawab menerima dan menyampaikan wahyu daripada Allah SWT kepada umat manusia wajib memiliki sifat *fatanah* sama ada dalam ucapan dan tindakan mereka. Sekiranya tidak, maka segala dakwah yang disampaikan oleh mereka akan menjadi tidak sempurna serta gagal difahami oleh umat manusia. Menurut Abdul Hadi Awang (2007),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Sekiranya kita mengkaji *sirah* (perjalanan hidup) Rasulullah, kita dapati beliau seorang yang bijak dan dapat memberi ucapan yang jelas serta hujah yang kuat. Tidak ada sesiapa pun yang dapat menandinginya. Walaupun al-Quran adalah mukjizat yang tidak dapat ditandingi dan ditegah oleh sesiapapun hingga Hari Kiamat, tetapi hadis-hadis yang dilaporkan daripada Rasulullah juga menjadi hujah yang kuat.
>
> (Abdul Hadi Awang, 2007: 126)

Rasulullah juga bersifat *fatanah* atau cerdik dalam percakapan dan juga ucapannya. Menurut Abdul Hadi Awang (2007: 129) Rasulullah juga bijak dalam percakapannya, sehingga setiap ucapannya, walaupun yang paling pendek tetap mengandungi makna yang padat serta sampai kepada maksud yang dikehendaki. Ia juga dapat difahami oleh semua peringkat manusia menurut kadar akal dan ilmu yang ada pada diri masing-masing. Perkara ini dengan jelas telah menunjukkan bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Nabi Muhammad SAW bersifat *fatanah* dalam ucapan dan kata-katanya kerana kata-katanya amat bernas, jelas dan tidak sama dengan kata-kata manusia yang lain. Sifat cerdik dan bijaksana Nabi Muhammad SAW ini dapat dibuktikan dengan firman Allah SWT dalam al-Quran melalui surah *Al-Nahl* ayat 125 yang bermaksud,

> Serulah (manusia) ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu yang lebih mengetahui siapa yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui siapa yang mendapat petunjuk.
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 281)

## 3.9 Kesimpulan

Berdasarkan kepada kerangka konsep yang diterangkan dalam bab ini dapat memberi satu gambaran berkenaan dengan kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini. Prinsip kerasulan sebagai insan Kamil yang dipilih daripada tujuh prinsip Teori Takmilah dan perincian yang diberikan oleh Kamariah Kamarudin dijadikan landasan untuk menganalisis data kajian. Prinsip ini telah diperincikan kepada tiga ciri keinsanan, iaitu insan Khalifah, insan *Rabbani* dan insan *Kamil* berdasarkan penghuraian ke atas prinsip kerasulan insan *Kamil* yang diberikan oleh Kamariah Kamarudin. Ketiga-tiga konsep keinsanan yang telah diperincikan oleh Kamariah Kamarudin dapat melahirkan modal insan terpuji dengan berlandaskan ketauhidan kepada Allah SWT. Insan yang beriman kepada Allah SWT sudah pasti memiliki jiwa dan peribadi yang kaya dengan nilai-nilai murni selari dengan tuntutan Islam.

Keperibadian yang terpuji ini juga merupakan contoh teladan yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW selaku *role model* kepada seluruh umat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


manusia di muka bumi ini. Sekiranya umat manusia menjadikan sifat-sifat yang terpuji seperti yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW, maka kehidupan umat manusia akan berada dalam keadaan aman dan sentosa kerana tiada unsur-unsur negatif yang akan ditonjolkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 4

# PRINSIP KERASULAN SEBAGAI INSAN KAMIL MEMBENTUK MODAL INSAN DALAM NOVEL *IMAM* DAN *MEREKA YANG TERTEWAS*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan analisis terhadap dua buah novel yang merupakan sumber utama kajian ini, iaitu novel *Imam* (1995) karya Abdullah Hussain dan novel *Mereka yang Tertewas* (1991) karya Hasanudin Md Isa. Pengkaji menjalankan analisis terhadap dua buah novel tersebut dengan menggunakan ketiga-tiga konsep keinsanan yang termuat dalam Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil*. Dalam analisis ini, pengkaji turut menganalisis kedua-dua buah novel tersebut dengan mempraktikkan ciri-ciri konsep keinsanan seperti yang diperinci oleh Kamariah Kamarudin dalam bukunya yang bertajuk *Takmilah dalam Novel Melayu* (2011). Konsep keinsanan dalam prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* ini terdiri daripada konsep insan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Khalifah, konsep insan *Rabbani* dan konsep insan *Kamil*. Ketiga-tiga konsep keinsanan ini memiliki ciri-ciri tersendiri berdasarkan perincian yang telah dikemukakan oleh Kamariah Kamarudin.

## 4.2 Ciri-ciri Konsep Keinsanan Menurut Pandangan Kamariah Kamarudin

Kamariah Kamarudin dalam bukunya yang bertajuk *Takmilah dalam Novel Melayu* (2011) telah membincangkan tentang insan Khalifah, insan *Rabbani* dan insan *Kamil*. Selain itu, beliau turut memperhalusi serta memperinci ciri-ciri konsep keinsanan tersebut. Perincian tersebut telah dilakukan apabila beliau membincangkan bab 4 yang bertajuk *Pemikiran dalam Karya: Konsep Khalifah, Dakwah dan Jihad*. Dalam bab tersebut, Kamariah Kamarudin telah menghuraikan berkaitan konsep khalifah yang meliputi insan *Kamil*, insan *Rabbani* dan insan Khalifah. Dalam bab ini, beliau membincangkan mengenai ciri-ciri insan Khalifah, insan *Rabbani* dan insan *Kamil* berdasarkan novel-novel yang telah beliau kaji.

Kamariah Kamarudin telah memperincikan ketiga-tiga konsep keinsanan yang terkandung dalam prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil*. Beliau telah memperincikan ciri-ciri khas bagi setiap konsep keinsanan tersebut. Kamariah Kamarudin telah meletakkan lapan ciri utama bagi konsep insan Khalifah, iaitu insan Khalifah sebagai ketua atau pemimpin keluarga, bijak menangani masalah keluarga, bijak menangani permasalahan masyarakat, membentuk keharmonian dalam masyarakat, menangani masalah fikah dan muamalat, membawa perubahan dalam masyarakat, mendidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


rohani dan ciri yang terakhir adalah memakmurkan masyarakat. Ciri-ciri insan Khalifah dapat digambarkan melalui jadual di bawah.

Jadual 4.1

*Ciri-ciri Insan Khalifah Menurut Pandangan Kamariah Kamarudin*

| **Bil.** | **Ciri-ciri Insan Khalifah** |
|---|---|
| **1.** | Pemimpin keluarga |
| **2.** | Bijak menangani permasalahan keluarga |
| **3.** | Bersikap positif menyelesaikan permasalahan masyarakat |
| **4.** | Membentuk keharmonian dalam masyarakat |
| **5.** | Menangani masalah fikah dan muamalat |
| **6.** | Membawa perubahan dalam masyarakat |
| **7.** | Mendidik rohani |
| **8.** | Memakmurkan masyarakat |

Bagi konsep insan *Rabbani* pula, Kamariah Kamarudin telah meletakkan sembilan ciri utama sebagai mewakili ciri-ciri insan *Rabbani*. Ciri-ciri tersebut adalah golongan agama, penyediaan pendidikan agama, mempertingkatkan syiar Islam dalam masyarakat, membina keyakinan watak lain, mewujudkan masyarakat sejahtera, mengembalikan kegemilangan Islam, disiplin yang tinggi, layanan yang baik terhadap keluarga dan peningkatan agama Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 4.2

*Ciri-ciri Insan Rabbani Menurut Pandangan Kamariah Kamarudin*

| Bil. | Ciri-ciri Insan *Rabbani* |
|---|---|
| **1.** | Golongan agama |
| **2.** | Penyediaan pendidikan agama |
| **3.** | Mempertingkat syiar Islam |
| **4.** | Membina keyakinan watak lain |
| **5.** | Mewujudkan masyarakat yang sejahtera |
| **6.** | Mengembalikan kegemilangan Islam |
| **7.** | Memiliki disiplin yang tinggi |
| **8.** | Melayan ahli keluarga dengan baik |
| **9.** | Meningkatkan pemahaman agama |

Bagi konsep insan *Kamil*, Kamariah Kamarudin telah meletakkan dua ciri bagi mewakili ciri-ciri utama insan *Kamil*. Ciri-ciri tersebut adalah taraf insan *Kamil* hanya boleh dicapai oleh golongan para nabi dan rasul sahaja dan ciri kedua insan *Kamil* adalah manusia sepurna. Taraf manusia sempurna ini hanya mampu dicapai oleh insan-insan tertentu sahaja yang dipilih oleh Allah SWT bagi tujuan menyampaikan seruan-Nya dan menyebarkan syiar Islam kepada seluruh umat manusia. Rajah di bawah merupakan ciri-ciri insan *Kamil* seperti yang diperincikan oleh Kamariah Kamarudin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 4.3

*Ciri-ciri Insan Kamil Menurut Pandangan Kamariah Kamarudin*

| Bil. | Ciri-ciri Insan *Kamil* |
|---|---|
| **1.** | Hanya mampu oleh para nabi dan rasul. |
| **2.** | Manusia sempurna |

## 4.3 Analisis Terhadap Novel *Imam* dan *Mereka yang Tertewas* Berdasarkan Ciri-ciri Insan Khalifah

Dalam bab ini, pengkaji memulakan analisis kajian terhadap novel *Imam* (1995) karya Abdullah Hussain dan novel *Mereka yang Tertewas* (1991) karya Hasanudin Md Isa berdasarkan konsep insan Khalifah. Pengkaji meneliti ciri-ciri konsep insan Khalifah pada watak dan perwatakan watak utama kedua-dua buah novel yang dipilih. Watak utama dalam novel *Imam* (1995) ialah watak Haji Mihad dan watak utama dalam novel *Mereka yang Tertewas* (1991) ialah watak Lebai Pa. Pengkaji menganalisis watak-watak dan perwatakan watak utama ini dengan meneliti ciri-ciri insan Khalifah berdasarkan perincian yang dibuat oleh Kamariah Kamarudin dalam buku yang bertajuk *Takmilah dalam Novel Melayu* (2011). Bagi konsep insan Khalifah, Kamariah Kamarudin telah meletakkan lapan ciri khas seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 4.4

*Analisis Terhadap Watak Utama Novel Imam dan Mereka yang Tertewas Berdasarkan Ciri-ciri Insan Khalifah*

| Bil. | Ciri-ciri Insan Khalifah | Haji Mihad | Lebai Pa |
|---|---|---|---|
| **1.** | Pemimpin keluarga | √ | √ |
| **2.** | Bijak menangani permasalahan masyarakat | √ | √ |
| **3.** | Bersikap positif menyelesaikan permasalahan masyarakat | √ | √ |
| **4.** | Membentuk keharmonian masyarakat | √ | √ |
| **5.** | Menangani permasalahan fikah dan muamalat | √ | √ |
| **6.** | Membawa perubahan dalam masyarakat | √ | √ |
| **7.** | Mendidik rohani | √ | √ |
| **8.** | Memakmurkan masyarakat | √ | √ |

05-4506 bupsi

Berdasarkan analisis yang dijalankan, pengkaji dapati kedua-dua watak utama dalam novel yang dikaji, iaitu watak Haji Mihad dan watak Lebai Pa memiliki semua ciri-ciri insan Khalifah seperti yang diperincikan oleh Kamariah Kamarudin seperti yang digambarkan dalam jadual 1 di atas.

### 4.3.1 Pemimpin Keluarga

Dalam novel *Imam* (1995) dan *Mereka yang Tertewas* (1991), pengkarya telah menampilkan watak-watak utama yang memiliki ciri-ciri insan Khalifah. Ciri-ciri insan Khalifah yang pertama adalah ciri sebagai pemimpin keluarga atau ketua keluarga. Dalam novel *Imam* (1995), Abdullah Hussain telah menampilkan watak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Haji Mihad sebagai watak utama. Beliau merupakan seorang pemimpin keluarga yang berjaya membimbing akidah keluarganya ke jalan yang benar dan diredhai Allah SWT. Isteri beliau yang bernama Siti Nur Aisyah sebenarnya merupakan seorang mualaf. Namun sebagai pemimpin keluarga yang beriman, beliau telah berjaya membimbing isterinya itu menjadi seorang muslimah yang taat kepada perintah Allah SWT dan menjalankan segala suruhan-Nya. Anak perempuan Haji Mihad yang bernama Nurulnisa juga merupakan seorang yang bukan sahaja taat kepada ibu dan bapanya tetapi juga taat pada perintah Allah SWT hasil didikan Haji Mihad. Ciri sebagai pemimpin atau ketua keluarga yang dimiliki oleh Haji Mihad dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

> Haji Mihad nampak wajah isteri dan anaknya. Mereka itu walaupun bukan tinggal di kota besar tetapi sebagai orang yang merdeka mempunyai harga diri, mempunyai pandangan hidup yang bebas, walaupun tingkah laku dan gerak-gerinya tetap sebagai wanita yang bersopan santun. Isterinya walaupun orang baru dalam Islam tetapi imannya dan taqwanya, setakat yang dia ketahui, susah juga mahu dicari bandingan dengan wanita-wanita yang sudah memang Islam asal sekali pun.
>
> "Saya tidak boleh buat keputusan sendiri," kata Haji Mihad. "Saya mesti balik ke sana dahulu dan berbincang.
>
> (Abdullah Hussain, 1995: 520)

Petikan di atas berlaku antara Haji Abdul Rahman dan Haji Mihad apabila Haji Abdul Rahman telah memberikan cadangan kepada Haji Mihad agar segera pulang dan seterusnya menetap di Kampung Anggerik Desa setelah sekian lama Haji Mihad merantau. Haji Abdul Rahman mahu Haji Mihad menjadi imam di Kampung Anggerik Desa bagi menggantikan tempatnya. Ini kerana Haji Abdul Rahman sudah semakin tua dan uzur. Tambahan pula, Haji Mihad mempunyai sebuah rumah pusaka peninggalan ibu dan bapanya di kampung tersebut. Rumah tersebut terbiar tanpa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


penjagaan selepas penyewa rumah tersebut berpindah ke tempat lain. Namun begitu, Haji Mihad berasa serba salah untuk membuat keputusan tersebut. Ini kerana beliau tidak tahu perasaan isteri dan anak perempuannya tentang perkara tersebut. Sebelum membuat sesuatu keputusan yang besar seperti itu, Haji Mihad ingin meminta pandangan dan pendapat isteri dan anaknya terlebih dahulu. Walaupun Haji Mihad merupakan ketua keluarga dan beliau berhak membuat sesuatu keputusan yang difikirkan betul, namun beliau tetap ingin berbincang serta meminta pandangan anak dan isterinya terlebih dahulu. Ini menunjukkan bahawa Haji Mihad merupakan seorang ketua keluarga atau pemimpin keluarga yang baik dan bertanggungjawab.

Dalam novel *Mereka yang Tertewas* pula, watak utamanya, iaitu Lebai Pa turut digambarkan sebagai seorang ketua keluarga yang memiliki sifat baik dan bertanggungjawab. Beliau tidak menggunakan kuasanya sebagai seorang pemimpin keluarga atau ketua keluarga secara sewenang-wenangnya sebelum membuat sesuatu keputusan yang melibatkan ahli keluarganya. Beliau pasti meminta pendapat dan pandangan isterinya sebelum membuat sesuatu keputusan. Sikap Lebai Pa ini dapat mengelakkan timbulnya perasaan tidak puas hati isterinya. Sikap Lebai Pa yang membuktikan bahawa beliau seorang pemimpin keluarga yang baik dan bertanggungjawab. Perkara ini dibuktikan melalui petikan di bawah.

> Hasrat Lebai Pa untuk berjumpa dengan Mat Yasin tiba-tiba tumpul. Dia merasakan bahawa tidak wajar dia menyatakan kepada Mat Yasin hasratnya itu sebelum isterinya dibawa berbincang dahulu. Jemilah perlu diberitahu. Jemilah adalah isterinya yang amat setia, isteri yang menjadi tiang sokong kepada penghidupannya.
>
> (Hasanuddin Md Isa, 1991: 49)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Petikan di atas berlaku apabila watak Lebai Pa ingin segera pergi bertemu dengan Mat Yasin berkaitan dengan urusannya untuk mengembalikan kegemilangan penyebaran syiar Islam di Kampung Bukit Setugal. Lebai Pa mahu memberitahu niatnya itu kepada Mat Yasin agar Mat Yasin juga dapat bersama-sama dengannya menjayakan hasrat murni tersebut. Namun begitu, Lebai Pa membatalkan niatnya kerana beliau belum meminta pendapat isterinya, iaitu Jemilah. Ini kerana selama ini Jemilahlah yang sering memberikan pendapat dan pandangannya kepada Lebai Pa sebelum sesuatu keputusan itu dibuat. Lebai Pa tidak pernah membelakangkan isterinya dalam setiap keputusan yang dibuatnya. Sikap Lebai Pa menunjukkan beliau adalah seorang ketua keluarga yang baik dan bertanggungjawab terhadap keluarganya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan petikan daripada novel *Imam* dan *Mereka yang Tertewas* di atas, jelas menunjukkan bahawa watak Haji Mihad dan Lebai Pa memiliki ciri-ciri sebagai pemimpin keluarga atau ketua keluarga yang baik, amanah dan bertanggungjawab. Kedua-dua watak utama tersebut sentiasa mengutamakan ahli keluarga dalam setiap tindakan yang bakal diambil. Sikap Haji Mihad dan Lebai Pa merupakan sikap yang terpuji dan patut dicontohi demi memastikan keharmonian dan kesejahteraan hidup berkeluarga dapat dipertahankan. Walaupun kedua-dua watak tersebut merupakan pemimpin keluarga dan layak membuat sesuatu keputusan, namun pandangan dan pendapat ahli keluarga tetap diutamakan. Sikap ini patut dicontohi kerana sikap ini dapat melahirkan modal insan yang amanah dan bertanggungjawab.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 4.3.2 Bijak Menangani Permasalahan Masyarakat

Dalam novel *Imam*, watak Haji Mihad digambarkan sebagai seorang yang memiliki kematangan dalam usahanya untuk menangani permasalahan yang timbul dalam masyarakat. Sifat bijak dalam menangani permasalahan yang timbul dalam masyarakat ini perlu ada dalam diri Haji Mihad kerana sebagai seorang imam, beliau merupakan antara individu yang akan dirujuk sekiranya timbul sabarang permasalahan dalam masyarakat. Oleh itu, Haji Mihad perlu menjalankan tanggungjawabnya dan berusaha sedaya-upaya untuk mencari jalan penyelesaian kepada segala permasalahan yang timbul dalam masyarakat di sekelilingnya. Sifat bijak dalam menangani permasalahan yang wujud dalam masyarakat yang dimiliki oleh Haji Mihad dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

> Hari Jumaat berikutnya sesudah selesai solat, Haji Mihad memberitahu semua jemaah bahawa satu mesyuarat akan diadakan dalam masa yang singkat untuk menyusun pentadbiran masjid dan melantik ahli jawatan kuasa serta pegawai-pegawai masjid yang tetap. Dia meminta supaya semua ahli jemaah hadir dalam mesyuarat yang akan diadakan itu nanti dan diharap dapat memberikan cadangan bagi memperbaiki perjalanan bagi memakmurkan masjid sebagai pusat akhirat.
>
> (Abdullah Hussain, 1995: 544)

Petikan di atas telah memaparkan sikap bijak dan matang watak Haji Mihad sebagai insan Khalifah dalam menangani keadaan Masjid Haji Salih yang pada pandangan Haji Mihad masih boleh ditambahbaik agar lebih ceria, bersih dan mesra jemaah. Bagi tujuan itu, Haji Mihad ingin mengadakan mesyuarat khas bertujuan untuk menambahbaik pengurusan dan pentadbiran Masjid Haji Salih. Haji Mihad menjalankan mesyuarat tersebut selepas solat Jumaat kerana beliau yakin ramai ahli

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kariah yang akan terus tinggal di masjid tersebut selepas menunaikan solat Jumaat kerana mereka juga ada rasa tanggungjawab terhadap keadaan masjid tersebut.

Dalam mesyuarat tersebut, Haji Mihad menyatakan hasratnya untuk mewujudkan beberapa jawatan baru selain jawatankuasa masjid yang telah sedia ada bagi tujuan untuk menyokong pentadbiran masjid agar segala program untuk memakmurkan masjid dapat dijalankan seperti dirancang. Selain itu, jawatankuasa baru ini akan bertanggungjawab untuk memastikan agar bangunan masjid dan persekitarannya sentiasa dijaga dan dipelihara supaya sentiasa bersih dan ceria agar solat-solat fardhu berjemaah dapat ditunaikan dalam keadaan yang selesa. Untuk tujuan itu, maka jawatan-jawatan seperti ketua seksi perawatan masjid, ketua seksi pengawasan persekitaran masjid dan ketua seksi kegiatan memakmurkan masjid telah diwujudkan. Dengan wujudnya jawatankuasa baru tersebut, keadaan Masjid Haji Salih telah berubah menjadi masjid yang bersih, ceria dan mesra pengguna.

Dalam novel *Mereka Yang Tertewas*, watak Lebai Pa juga digambarkan sebagai seorang yang bijak serta memiliki kematangan dalam menangani permasalahan yang timbul dalam masyarakat. Dalam usaha untuk menyampaikan dakwah Islam kepada masyarakat di Kampung Bukit Setugal, Lebai Pa sering mengingatkan masyarakat setempat agar sentiasa mengamalkan hidup cara Islam. Ini kerana hidup cara Islam akan menjamin kebahagiaan dan keselamatan umat Islam di dunia dan juga di akhirat. Beliau sering menasihatkan masyarakat agar menjauhkan diri daripada cara hidup yang salah yang tidak dianjurkan oleh ajaran Islam. Antara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sifat yang perlu dijauhi oleh umat Islam adalah seperti sifat tamak, dengki, riak, ujub dan lain-lain lagi. Lebai Pa juga mengingatkan bahawa umat Islam perlu bersabar terhadap usaha yang mereka curahkan pada jalan Allah SWT. Ini kerana Lebai Pa sangat pasti bahawa pelbagai dugaan akan diberi sebelum memperolehi sesuatu kejayaan. Petikan di bawah dapat membuktikan bahawa Lebai Pa merupakan seorang Insan Khalifah yang bijak menangani permasalahan yang timbul dalam masyarakat.

> Lebai Pa berkata lagi. "Begitulah … kamu pun tahu, sudah 10 tahun dakwah Islam tidak berkumandang di Bukit Setugal ini. Selama 10 tahun itu, sifat-sifat tamak, dengki, ujub, riak, gila pangkat, gila kuasa, angkuh, bongkak, takbur, suka dipuji, menyalahgunakan kuasa dan bermacam-macam lagi kemungkaran mendekati lalu menjadi sebahagian daripada cara hidup masyarakat di sini. Setelah 10 tahun itu berlalu barulah kita memulakan semula seruan ke jalan kebenaran, menyerang kembali penyakit hati, yang sudah terlalu parah merosakkan batang tubuh pesakitnya. Tentu … tentu kita berasa sukar pada permulaannya untuk mendapatkan kepercayaan daripada masyarakat yang sedangan tenat itu; bahawa apa yang telah kita bawa ini lebih baik daripada apa yang sedang mereka kecapi. Tapi percayalah. Tuhan Maha Adil, kemenangan di pihak kita akan tetap tercapai jika kita bersabar dan berusaha. Percayalah."
>
> (Hasanuddin Md Isa, 1991: 138)

Petikan perbualan di atas merupakan perbualan di antara Lebai Pa dengan Mat Yasin. Perbualan tersebut tercetus apabila selepas sahaja selesai solat Isyak, Lebai Pa bertanya kepada Mat Yasin tentang ketidakhadiran Uda Puat ke surau seperti selalu. Ini kerana selain Mat Yasin, Uda Puat juga merupakan orang kuat dan orang harapan Lebai Pa untuk membantunya dalam usaha untuk menyebar syiar Islam dan membantu masyarakat di Kampung Bukit Setugal agar kembali mengamalkan cara hidup seperti yang dianjurkan dalam ajaran Islam. Mat Yasin menyatakan bahawa usaha yang mereka lakukan selama ini untuk mendakwahkan masyarakat di Kampung Bukit Setugal telah menjadi semakin susah dan berliku. Mat Yasin juga menyatakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bahawa beliau amat risau sekiranya usaha yang telah mereka mulakan selama ini akan terkubur begitu sahaja. Ini kerana selepas Lebai Pa menegur kelemahan Pak Soh dalam memilih tapak untuk pembinaan sebuah masjid baharu di Kampung Bukit Setugal dan selepas Lebai Pa mengumpulkan anak-anak muda untuk belajar agama di surau tua Kampung Bukit Setugal, sejak dia mula menegur aturan kehidupan masyarakat Bukit Setugal yang telah jauh menyimpang daripada ajaran Islam yang sebenarnya serta banyak melanggar hukum-hakam agama, maka sejak itulah pelbagai kata-kata yang tidak sedap didengar terus menerus dilemparkan oleh masyarakat Kampung Bukit Setugal yang jahil serta tidak mahu meninggalkan keseronokan hidup yang dilalaui selama ini. Selain itu, usaha dakwah Lebai Pa turut ditentang oleh kumpulan-kumpulan yang mengambil kesempatan dengan kelekaan dan kejahilan masyarakat Kampung Bukit Setugal. Keadaan ini sedikit sebanyak melemahkan semangat Uda Puat dan Mat Yasin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Petikan di atas jelas membuktikan kebijakan dan kegigihan Lebai Pa dalam usahanya untuk mendakwahkan masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Beliau mahu masyarakat Kampung Bukit Setugal hidup dengan cara hidup Islam yang sebenarnya. Dalam petikan di atas, Lebai Pa memujuk Mat Yasin agar tidak lemah semangat dengan sikap dan kata-kata yang dilemparkan oleh masyarakat sekeliling kepada usaha yang dijalankan untuk mengajak masyarakat agar mengamalkan kehidupan yang dianjurkan oelh ajaran Islam. Lebai Pa menegaskan bahawa sememangnya kerja-kerja dakwah ini memerlukan kesabaran dan para pendakwah ini akan diuji dengan pelbagai ujian dan dugaan. Lebai Pa tidak mahu Mat Yasin lemah semangat dengan situasi yang melanda. Beliau ingin melihat masyarakat Kampung Bukit

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Setugal kembali hidup seperti sepuluh tahun yang lalu seperti semasa arwah imam Resat masih hidup. Pada masa tersebut, masyarakat di Kampung Bukit Setugal memang mengamalkan cara hidup Islam. Pelbagai program dijalankan untuk memastikan masyarakat sentiasa menjalankan perintah Allah SWT. Lebai Pa ingin zaman kegemilangan tersebut kembali berulang. Beliau mahu membuang segala sifat-sifat tidak baik yang telah menjadi darah daging masyarakat Kampung Bukit Setugal selama lebih sepuluh tahun ini. Beliau ingin mengikis sifat-sifat tidak baik seperti tamak, dengki, ujub, riak gila kuasa, bongkak, takbur, suka dipuji dan pelbagai lagi sifat tidak baik serta kemungkaran yang berlaku dan menjadi amalan masyarakat di situ. Lebai Pa juga mengingatkan Mat Yasin bahawa mereka perlu merawat penyakit hati yang telah lama menyerang dan menjadi darah daging sebahagian masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Beliau menasihatkan Mat Yasin agar jangan patah semangat kerana pada tahap permulaan proses dakwah dijalankan, memang agak sukar untuk mendapatkan kembali kepercayaan serta keyakinan masyarakat. Mereka memerlukan masa untuk membuktikan dakwah yang mereka bawa itu adalah lebih baik daripada apa sahaja yang sedang masyarakat kecapi pada masa kini. Lebai Pa juga menyakinkan Mat Yasin bahawa perjuangan mereka untuk membawa masyarakat ke jalan Allah SWT pasti akan berjaya akhirnya kerana Allah SWT itu Maha Adil.

Jelaslah di sini bahawa watak Haji Mihad dan Lebai Pa memiliki sifat bijak dan matang dalam menangani permasalahan masyarakat dalam kawasan masing-masing. Petikan di atas dengan jelas menunjukkan bahawa kedua-dua watak utama mempunyai ciri Insan Khalifah, iaitu bijak menangani permasalahan yang timbul dalam masyarakat. Sifat-sifat Haji Mihad dan Lebai Pa yang bijak menangani

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


permasalahan yang timbul dalam masyarakat di kawasan tempat tinggal masing-masing patut dicontohi dan dapat melahirkan modal insan yang berguna kepada bangsa dan agama.

### 4.3.3 Bersikap Positif Menyelesaikan Permasalahan Masyarakat

Bersikap positif semasa menghadapi sesuatu permasalahan merupakan sikap yang terpuji dan perlu dicontohi. Ciri ketiga konsep insan Khalifah adalah sentiasa bersikap positif semasa mengendalikan permasalahan masyarakat. Watak Haji Mihad digambarkan sebagai insan yang memiliki sifat ini. Haji Mihad sentiasa positif ketika mengendalikan permasalahan yang timbul dalam masyarakat di Kampung Anggerik Desa. Watak Haji Mihad sentiasa berusaha untuk melayan setiap kerenah masyarakat tanpa mengira lapisan umur dalam usahanya untuk menarik minat masyarakat agar mengamalkan kehidupan seperti yang dianjurkan oleh Islam. Sikap Haji Mihad yang sentiasa bersikap positif dalam usahanya untuk mengendalikan masalah masyarakat dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

> Sebelum menghadapi Allah Yang Maha Agung, anggota-anggota ini mesti bersih. Anggota-anggota yang selalu terdedah. Muka kita yang pertama kita tunjukkan kepada orang kita bersihkan. Tangan yang selalu kita gunakan pegang bermacam-macam benda yang kotor atau yang najis kita bersihkan. Mesti dicuci. Kemudian mulut. Mulut kita selalu berbau kerana makan dan minum atau kerana tidak makan, kerana selalu bercakap biasanya sedikit yang baik. Cuci dan berkumur-kumur. Pada waktu itu juga sunat dimasukkan air ke dalam lubang hidung. Bersihkan dari segala habuk dan segala bau yang kita cium melaluinya.
>
> (Abdullah Hussain, 1995: 66)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dialog di atas merupakan dialog antara Haji Mihad dengan Razali setelah mereka selesai menunaikan solat berjemaah di Masjid Kampung Anggerik Desa. Razali merupakan anak muda berumur sepuluh tahun. Haji Mihad mahu menunjukkan cara-cara berwuduk yang betul kepada Razali setelah beliau melihat cara Razali mengambil wuduk sebelum solat berjemaah tadi adalah tidak sempurna. Haji Mihad menerangkan bahawa cara Razali berwuduk tadi adalah belum sempurna. Menurut Haji Mihad, jika wuduk tidak sempurna, maka solat yang ditunaikan menjadi sia-sia. Razali meminta Haji Mihad menunjukkan cara-cara berwuduk yang betul dan sempurna. Semasa Haji Mihad menerangkan tentang cara-cara berwuduk yang betul, beberapa orang lagi jemaah lain turut sama-sama mendengar penerangan dan tunjuk ajar yang Haji Mihad berikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam petikan di atas, Haji Mihad sudi melayan dan menunjukkan cara-cara yang betul untuk berwuduk kepada seorang kanak-kanak. Haji Mihad sanggup melayan seorang kanak-kanak dan memberikan tunjuk ajar agar kasalahan yang dilakukan oleh Razali tidak berulang lagi pada masa hadapan. Haji Mihad sanggup melayan permintaan Razali demi memastikan Razali melakukan tindakan yang betul seperti yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW. Sikap Haji Mihad yang positif dalam menyelesaikan permasalahan dalam masyarakat wajar dicontohi. Haji Mihad tetap melayan semua lapisan masyarakat tanpa mengira lapisan umur membuktikan bahawa beliau memiliki ciri-ciri insan Khalifah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Watak Lebai Pa juga digambarkan sebagai seorang yang sentiasa bersikap positif dalam usahanya untuk menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam masyarakat. Watak Lebai Pa turut menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam masyarakat terutamanya yang berkaitan dengan hal-hal keagamaan. Ini memang sesuai sekali dengan kedudukan Lebai Pa yang memiliki ilmu agama yang tinggi dan dalam masa yang sama dipandang tinggi dalam masyarakat. Tindakan Lebai Pa yang sentiasa bersikap positif menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

> "Begini Saadun." Lebai Pa mengemaskan silanya. Saadun tersandar ke dinding. Dia bagaikan telah bersedia mendengar ceramah pendek Lebai Pa itu. "Segala beras-petas, gula, garam, wang ringgit dan segala harta yang ditinggalkan oleh arwah Senah itu adalah harta pusakanya. Harta pusaka tidak boleh kita buat sewenang-wenangnya tanpa izin-izin pewarisnya yang sah. Berdosa kita memakan harta pusaka yang belum mendapat izin daripada mereka. Kalau harta-harta itu sudah dibahagikan kepada pewaris-pewarisnya secara faraid, barulah harta-harta itu boleh digunakan.
>
> (Hasanuddin Md Isa, 1991: 59-60)

Dialog di atas berlaku di antara Lebai Pa dengan Saadun, iaitu adik kepada arwah Senah ketika Lebai Pa pergi ke rumah arwah Senah yang baru meninggal dunia. Saadun telah menyambut ketibaan Lebai Pa telah meminta isterinya, Bedah agar Lebai Pa menghidangkan minuman kepada Lebai Pa. Lebai Pa menolak hasrat Saadun kerana barang-barang dan harta yang ditinggalkan oleh arwah Senah merupakan harta pusakanya. Jika ingin menggunakan barang-barang tersebut, Saadun perlu meminta kebenaran daripada anak-anak arwah Senah terlebih dahulu. Keadaan ini berlaku kerana kurangnya ilmu agama yang dimiliki oleh Saadun. Oleh itu, Lebai Pa mengambil kesempatan tersebut untuk menerangkan kepada Saadun tentang kedudukan harta-harta yang ditinggalkan oleh arwah Senah. Harta yang telah menjadi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


harta pusaka perlu diagih-agihkan secara faraid kepada waris-waris yang layak. Selepas dibahagikan menurut hukum-hakam yang ditetapkan, barulah harta tersebut dapat digunakan setelah mendapat keizinan pemilik baru harta tersebut.

Tindakan Lebai Pa yang memberikan penerangan yang jelas tentang harta peninggalan arwah Senah kepada Saadun telah berjaya menimbulkan kesedaran kepada Saadun dan masyarakat di situ. Sikap Lebai Pa yang sentiasa positif dalam memberi penerangan dan menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam masyarakat wajar dicontohi agar dapat mengelakkan daripada berlakunya sikap zalim terhadap waris-waris yang ditinggalkan. Ini merupakan salah satu ciri Insan Khalifah. Sikap Lebai Pa yang menerangkan perkara yang benar dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat di kawasan tempat tinggalnya patut dicontohi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 4.3.4 Membentuk Keharmonian Dalam Masyarakat

Ciri-ciri insan Khalifah seterusnya adalah berusaha membentuk keharmonian dalam masyarakat. Watak dan perwatakan Haji Mihad juga digambarkan gigih membentuk keharmonian dalam masyarakat kerana masyarakat yang sejahtera akan memudahkan lagi usaha untuk membentuk keharmonian dalam masyarakat. Mereka menggunakan ketinggian ilmu agama yang dimiliki untuk membentuk keharmonian dalam masyarakat. Ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

> Pintu dan tingkap masjid dibuka sejak subuh dan ditutup sesudah solat isyak. Bila-bila masa saja orang boleh datang ke masjid untuk beriktikaf tidak seperti kebanyakan masjid yang biasa kita jumpa kalau kita pergi ke satu-satu tempat. Tidak saja pintu dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> jendelanya terus tertutup tetapi juga pintu pagar. Dibuka seminggu sekali. Masjid Haji Salih sejak kebelakangan ini betul-betul menjadi rumah Allah, terbuka hampir 24 jam sehari semalam. Hari-hari tertentu ada tadika, ada pengajian agama. Petang-petang hari ada orang bermain olahraga di gelanggang olahraganya.
>
> (Abdullah Hussain, 1995: 266)

Petikan di atas menggambarkan keadaan Masjid Haji Salih setelah Haji Mihad dilantik sebagai pengerusi masjid tersebut. Masjid tersebut yang sebelum ini agak tidak terurus dan tidak mesra jemaah telah berubah wajah apabila Haji Mihad menjadi pengerusi. Tingkap dan pintu masjid dibiarkan terbuka sejak solat Subuh sehinggalah para jemaah selesai menunaikan solat Isyak. Sesiapa sahaja yang ingin beriktikaf atau singgah ke masjid bagi menunaikan solat fardhu atau solat sunat, bebas untuk keluar masuk serta menggunakan kemudahan yang terdapat di masjid tersebut. Keadaan kawasan masjid yang sebelum ini dipenuhi dengan samak samun juga telah bertukar wajah. Kawasan tanah kosong di sekitar masjid yang ditumbuhi semak-samun telah diterangkan. Pokok-pokok buah-buahan dan pokok bunga telah ditanam di kawasan masjid selain disediakan kerusi agar dapat digunakan oleh jemaah sementara menunggu masuknya waktu solat fardhu. Selain itu, isteri Haji Mihad juga telah membuka tadika untuk anak-anak di kampung tersebut. Ini menyebabkan kawasan masjid sentiasa digunakan dan dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti yang dirancang. Gelanggang sukan juga telah dibina di kawasan masjid. Maka ramailah golongan muda yang menghabiskan masa mereka dengan bersukan di situ. Apabila masuk waktu solat Asar, mereka akan berhenti bermain bagi menghormati waktu. Ada di antara golongan muda yang turut menunaikan solat Asar secara berjemaah. Keadaan ini menyebabkan jemaah semakin ramai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Tindakan Haji Mihad telah berjaya membentuk keharmonian masyarakat di Kampung Anggerik Desa. Golongan muda yang selama ini menghabiskan masa mereka dengan berpeleseran di bandar telah mengubah haluan mereka. Mereka tidak lagi membuang masa dengan melepak di bandar. Sebaliknya, mereka menghabiskan masa mereka dengan bersukan di kawasan masjid. Anak-anak muda dari kaum lain juga turut serta bermain di gelanggang tersebut. Secara tidak langsung, ini dapat membentuk keharmonian dalam masyarakat Kampung Anggerik Desa yang berbilang kaum. Sikap Haji Mihad yang menceriakan dan membuka pintu masjid kepada golongan muda telah berjaya membentuk keharmonian dalam masyarakat di Kampung Anggerik Desa. Ini menunjukkan bahawa Haji Mihad memiliki ciri-ciri insan Khalifah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Begitu juga dengan watak Lebai Pa. Sebagai seorang yang amat dihormati dan disanjung oleh masyarakat di Kampung Bukit Setugal kerana ketinggian ilmu agamanya, maka Lebai Pa juga bertanggungjawab dalam membentuk keharmonian dalam masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Lebai Pa menggunakan hujah dan kata-katanya yang sopan dan berdiplomasi bagi menarik minat masyarakat agar mendengar apa yang ingin disampaikannya terutamanya perkara-perkara yang berkaitan dengan dakwah. Lebai Pa terpaksa menggunakan kaedah ini kerana masyarakat di Kampung Bukit Setugal telah lama hidup dalam kejahilan akibat terpengaruh dengan budaya-budaya asing yang datang bersama kemajuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dalam usahnya untuk menarik masyarakat di Kampung Bukit Setugal agar hidup dalam suasana harmoni, maka Lebai Pa perlu berusaha untuk memujuk dan menarik minat Imam Min. Imam Min telah dilantik menggantikan arwah Imam Resat.Lebai Pa ingin menggunakan kedudukan Imam Min untuk manarik masyarakat agar hidup dalam keadaan harmoni. Untuk tujuan itu, maka masyarakat Kampung Bukit Setugal perlu diajak agar meninggalkan segala perkara yang tidak baik yang mereka amalkan sejak lebih sepuluh tahun yang lalu. Untuk tujuan itu, Lebai Pa sentiasa berusaha untuk mencari jalan bagaimana untuk menjayakan hasratnya bagi menghidupkan kembali majlis-majlis keagamaan yang telah lama terkubur di Kampung Bukit Setugal akibat kematian arwah Imam Resat. Amalan solat berjemaah amat susah untuk dihidupkan semula kerana sikap dan kesedaran yang amat kurang dalam diri penduduk di Kampung Bukit Setugal kerana mereka terlalu sibuk dengan urusan dunia. Oleh itu, Lebai Pa cuba memujuk dan mengajak Imam Min untuk bersama-sama beliau dan beberapa orang lagi penduduk Kampung Bukit Setugal yang selama ini banyak membantu Lebai Pa menyebarkan dakwah. Lebai Pa memerlukan sokongan dan bantuan Imam Min kerana Imam Minlah sepatutnya memainkan peranan penting dan utama untuk mengajak penduduk Kampung Bukit Setugal agar kembali mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan mereka. Sifat Lebai Pa yang berusaha untuk membentuk keharmonian dalam masyarakat dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

> "Kata-kata Lebai itu memang benar. Saya juga pernah berfikir begitu tapi saya sendiri pun tidak nampak jalan penyelesaiannya."
>
> "Penyelesaiannya dengan menyatakan tanpa takut dan ragu-ragu akan kebenaran Islam yang bersumberkan kepada kepada al-Quran dan Sunah Baginda Rasulullah s.a.w. Kita didik anak-anak yang masih kecil mendekati al-Quran, memujuk anak-anak muda supaya kembali kepada penghidupan Islam dan memenuhi kehidupan mereka dengan menuntut ilmu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> membangkitkan kembali semangat kepada orang-orang dewasa dan orang-orang tua supaya membentuk kembali akhlak yang mampu menjadi contoh kepada anak-anak mereka." Lebai Pa bertegas. Segala kata-katanya itu telah dikarang untuk diluahkan sejak semalam lagi. Imam Min mesti ditarik bersama-sama memperjuangkan ajaran Islam yang mempunyai matlamat yang jelas itu.
>
> (Hasanuddin Md Isa, 1991: 72-73)

Petikan perbualan di atas merupakan perbualan antara Lebai Pa dengan Imam Min. Perbualan tersebut berlaku pada suatu pagi di rumah Imam Min. Tujuan Lebai Pa pergi ke rumah Imam Min adalah untuk bertanyakan khabar Imam Min kerana Imam Min telah mulai kurang mengunjungi surau tua Kampung Bukit Setugal untuk solat berjemaah terutamanya ketika solat subuh. Selain itu, Lebai Pa juga membawa bersamanya hasrat yang menggunung, iaitu untuk mengajak Imam Min bersama-sama dengan beliau dan beberapa orang kepercayaan Lebai Pa untuk menghidupkan kembali amalan keagamaan di Kampung Bukit Setugal seperti solat berjemaah, mewujudkan kembali kelas-kelas mengaji al-Quran, memujuk dan menarik minat golongan muda-mudi supaya kembali kepada kehidupan Islam dan memenuhi kehidupan mereka dengan menuntut ilmu dunia dan akhirat. Selain itu, Lebai Pa juga ingin membangkitkan kembali semangat orang-orang dewasa dan orang-orang tua di Kampung Bukit Setugal supaya sama-sama membentuk kembali akhlak anak-anak mereka dengan cara menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak mereka yang mulai dipengaruhi oleh pengaruh-pengaruh luar yang tidak sihat. Lebai Pa juga berasa risau dengan perbuatan maksiat yang semakin menjadi-jadi di Kampung Bukit Setugal pada masa kini. Golongan muda di kampung itu hidup dalam keadaan bebas dan melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Perkara ini berlaku kerana sejak pemergian arwah Imam Resat lebih sepuluh tahun yang lalu, masyarakat di Kampung Bukit Setugal seolah-olah hilang haluan dan pedoman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Perbuatan Lebai Pa pergi berjumpa dengan Imam Min merupakan salah satu langkah yang dilakukan oleh Lebai Pa untuk membentuk keharmonian di Kampung Bukit Setugal. Lebai Pa ingin melihat penduduk Kampung Bukit Setugal kembali mengamalkan kehidupan yang dianjurkan oleh agama Islam. Beliau ingin melihat golongan muda dan tua di situ saling bantu membantu untuk menghidupkan semula kegemilangan Islam yang pernah terjadi semasa Imam Resat masih hidup. Sikap Lebai Pa menunjukkan bahawa beliau ingin membentuk keharmonian dalam masyarakat di Bukit Setugal. Sikap beliau jelas menunjukkan bahawa beliau memiliki ciri-ciri sebagai seorang insan Khalifah.

### 4.3.5 Menangani Masalah Berkaitan Fikah dan Muamalat

Watak Haji Mihad dan Lebai Pa mempunyai ilmu agama yang tinggi serta pengalaman hidup yang luas. Bersandarkan kepada ilmu yang dimiliki serta pengalaman yang ada, kedua-dua watak utama ini berusaha untuk menyelesaikan segala permasalahan yang timbul dalam masyarakat setempat. Sifat ini bertepatan dengan kedudukan mereka sebagai seorang khalifah dalam masyarakat.

Dalam novel *Imam*, watak Haji Mihad telah berusaha untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat di Kampung Anggerik Desa. Masyarakat di Kampung Anggerik Desa menghadapi masalah kekurangan air untuk mengairi kawasan kebun getah dan sawah padi. Situasi ini menyebabkan masyarakat di Kampung Anggerik Desa tidak mahu mengusahakan tanah masing-masing kerana hasil yang diperolehi sangat kurang dan tidak berbaloi dengan usaha yang mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


curahkan. Oleh itu, Haji Mihad berusaha mencari jalan untuk memujuk agar masyarakat di Kampung Anggerik Desa kembali mengusahakan tanah masing-masing. Kebijaksanaan Haji Mihad yang berusaha untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

> Haji Mihad lalu menganjurkan kepada orang kampung itu bekerja dan berusaha walaupun getah sudah jatuh harga tetapi mereka tidak boleh berhenti daripada menoreh getah itu, walaupun pokok padi kini kering menjadi lalang tetapi mereka tidak boleh berputus asa membiarkannya musnah, mesti berusaha untuk menyelamatkannya. Ataupun berusaha menggantikan tanaman itu dengan tanaman yang sesuai dengan musim kemarau tetapi usaha mesti diteruskan kerana Allah lebih suka rezeki itu diturunkan melalui tangan hamba-Nya.
>
> Haji Mihad mengajak orang kampung berusaha dengan menunjukkan contoh bahawa dia sendiri setiap pagi turun ke kebun getahnya dan membersihkan kebun itu, kemudian menoreh sedikit-sedikit walaupun kekok kerana sudah lama tidak memegang pisau getah tetapi lambat-laun kebiasaan yang sudah lama terpendam itu akhirnya kembali menjadi biasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Abdullah Hussain, 1995: 559-560)

Dalam petikan di atas, Haji Mihad digambarkan cuba untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk Kampung Anggerik Desa. Akibat cuaca kemarau, kebanyakan penduduk kampung mula membiarkan kebun getah dan sawah padi mereka. Ini kerana hasil yang diperolehi semakin berkurangan akibat kekurangan air. Keadaan inilah yang menjadi penyebab utama penduduk kampung tidak mahu mengusahakan kebun getah dan tanah sawah masing-masing. Haji Mihad mahu menanamkan semangat juang dalam diri masyarakat Kampung Anggerik Desa agar mengusahakan tanah masing-masing. Beliau tidak mahu penduduk kampung cepat berputus asa dengan apa yang terjadi. Untuk tujuan itu, Haji Mihad telah mengorak langkah dengan menunjukkan menarik minat masyarakat di Kampung Anggerik Desa. Haji Mihad mula turun ke kebun getahnya pada setiap pagi dan mula melakukan kerja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


membersihkan semak samun dalam kebun getahnya itu. Beliau juga mula menoreh getah walaupun beliau agak kekok untuk melakukan kerja-kerja tersebut kerana sudah lama tidak melakukannya. Namun begitu, beliau meneruskan usahanya dengan harapan penduduk kampung akan mengikuti jejaknya.

Sikap yang ditunjukkan oleh Haji Mihad menunjukkan kesungguhan sikap Haji Mihad menyelesaikan permasalahan berkaitan muamalat yang dihadapi oleh masyarakat di Kampung Anggerik Desa. Perbuatan Haji Mihad telah berjaya membuka mata masyarakat yang selama ini membiarkan sahaja tanah mereka ditumbuhi lalang. Sikap yang Haji Mihad tunjukkan merupakan salah satu ciri Insan Khalifah. Sikap Haji Mihad yang gigih mengusahakan kebun walau pun usianya agak lanjut wajar diikuti dan dicontohi kerana sikap ini dapat membentuk modal insan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Watak Lebai Pa juga memiliki pendekatannya sendiri dalam usahanya untuk menyelesaikan masalah berkaitan fekah dan muamalat yang dihadapi oleh masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Lebai Pa menyedari bahawa masyarakat di Kampung Bukit Setugal telah meninggalkan kehidupan seperti yang dianjurkan dalam Islam terutamanya sejak sepuluh tahun yang lalu selepas kematian arwah Imam Resat. Sejak itu, masyarakat di Kampung Bukit Setugal seperti hilang arah. Mereka mulai meninggalkan amalan yang mereka lakukan semasa arwah Imam Resat masih hidup. Amalan solat berjemaah di surau dan solat Jumaat di masjid semakin terhakis daripada hidup masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Situasi ini telah menimbulkan kesedaran dalam diri Lebai Pa untuk mengingatkan dan mengajak masyarakat di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kampung Bukit Setugal agar kembali menjalani kehidupan seperti yang dianjurkan oleh agama Islam. Kebijaksanaan yang dimiliki oleh Lebai Pa untuk mengatasi masalah fekah dan muamalat ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

Lebai Pa mengabadikan hidupnya untuk menyampaikan dakwah dan menanam keimanan serta ketakwaan di hati masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Beliau sentiasa menggunakan akalnya untuk memikirkan cara bagi memastikan golongan muda mudi dan remaja khasnya agar dapat mengenali ajaran Islam dengan sebaik-baiknya. Beliau juga menggunakan akalnya agar masyarakat Kampung Bukit Setugal sentiasa menjadikan al-Quran dan sunah Nabi Muhammad SAW sebagai pedoman hidup mereka. Pelbagai program yang beliau rancangkan agar dapat memantapkan keimanan di hati masyarakat Kampung Bukit Setugal. Antara rancangan yang beliau rancangkan adalah mengadakan kelas mengaji al-Quran untuk anak-anak penduduk Kampung Bukit Setugal. Usaha Lebai Pa ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

> Biarlah … biarlah budak-budak itu berteriak sampai terjelir lidahnya untuk menghafal dan mengenal huruf al-Quran itu. Biar mereka benar-benar kenal dan faham. Moga-moga dengan itu akan mudahlah mereka mengenal baris atas, baris bawah, baris depan, baris dua di atas, baris dua di bawah, baris dua di depan, sabdu, tanwin, mad dan huruf-huruf qalqalah. Semoga dengan itu akan mudah mereka mengingati akan huruf izhar, idgham, ikpak dan iqlab juga seluruh peraturan tilawatul al-Quran.
>
> Seminggu sekali … murid-murid yang baru mengenal erti Islam itu perlu juga diajar cabang-cabang fikah yang asas, cabang-cabang akidah yang asas, cabang-cabang muamalah yang asas. Biar mereka benar-benar faham akan kaedah-kaedah mandi hadas besar, kaedah-kaedah mengambil wuduk, kaedah-kaedah sembahyang dan puasa. Biar mereka faham sifat-sifat yang wajib dan mustahil bagi Allah, bagi malaikat-Nya, bagi rasul-rasul-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Nya dan seluruh seluruh apa yang terkandung di dalam rukun Iman. Biar mereka benar-benar mengakui akan Rububiyah dan Uluhiyyah Allah Taala. Soal muamalat, murid-murid itu perlu didedahkan dengan menjaga hubungan diri dengan Allah dan hubungan diri dengan manusia juga tanahair.
>
> (Hasanuddin Md Isa, 1991: 89)

Petikan di atas merupakan monolog dalam diri Lebai Pa tentang hasratnya untuk mengadakan kelas mempelajari dan mengaji al-Quran untuk anak-anak penduduk di Kampung Bukit Setugal. Monolog ini tercetus selepas Lebai Pa dan rakan-rakannya gagal untuk mengadakan majlis kenduri doa selamat di surau tua Kampung Bukit Setugal. Majlis tersebut terpaksa dibatalkan kerana orang-orang kuat yang menyokong usaha Lebai Pa terpaksa menyelesaikan hal-hal pribadi masing-masing. Beberapa hari sebelum tibanya tarikh 10 Muharram tersebut, Uda Puat terpaksa menghantar dan menjaga isterinya di hospital selama beberapa hari. Mat Yasin pula terpaksa ke Paya Jaras kerana dijemput oleh sepupunya untuk menyelesaikan masalah harta pusaka peninggalan bapanya kerana tarikh untuk diadakan bicara kuasa akan berlangsung tidak lama lagi. Maka terpaksalah majlis doa selamat di surau tua itu dibatalkan. Walaupun sedih dengan kegagalan rancangannya itu, Lebai Pa tetap yakin bahawa semua yang berlaku itu adalah dengan kehendak Allah SWT jua.

Selepas kegagalan majlis tersebut, Lebai Pa telah bertemu semula dengan Uda Puat, Mat Yasin dan Pudin untuk berbincang tentang rancangan mereka yang seterusnya. Selepas pertemuan tersebut, mereka berjaya membuka kelas mengaji al-Quran di rumah Lebai Pa. Seramai 14 orang murid lelaki anak watan Kampung Bukit

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Setugal telah menghadiri kelas tersebut yang diajar sendiri oleh Lebai Pa, Mat Yasin dan Uda Puat. Sementara seramai 15 orang murid perempuan anak watan Bukit Setugal turut menyertai kelas mengaji tersebut yang diajar oleh Jemilah, isteri Lebai Pa. Sikap Lebai Pa yang gigih untuk mengembangkan syiar Islam dengan mengajarkan anak-anak watan Kampung Bukit Setugal mengaji al-Quran merupakan salah satu usaha yang baik kerana dengan membaca dan mendalami al-Quran, kita akan mendapat ilmu pengetahuan selain ianya menjadi petunjuk dan rahmat. Tindakan Lebai Pa ini juga membolehkan golongan muda Kampung Bukit Setugal dapat mengenali Islam dengan lebih mendalam. Allah SWT amat menyukai umatnya yang pandai membaca al-Quran kerana dengan membaca al-Quran, mereka akan mendapat pengetahuan dan rahmat Allah SWT. Ini dapat dibuktikan melalui firman Allah SWT dalam surah *al-A'raf* ayat 52 yang bermaksud, *"Sesungguhnya, Kami telah mendatangkan kitab (al-Quran) kepada mereka, yang Kami jelaskan atas ilmu pengetahuan, sebagai petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang beriman."*(Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 157).

Berdasarkan petikan-petikan di atas, jelas menunjukkan bahawa Haji Mihad dan Lebai Pa mempunyai akal yang bijaksana. Mereka menggunakan akal mereka untuk menyelesaikan masalah dan persoalan yang timbul. Haji Mihad menggunakan akalnya yang sihat untuk menyelesaikan permasalahan yang ditimbulkan oleh individu yang iri hati dengan tindakan yang beliau dan isterinya usahakan. Isteri Haji Mihad telah difitnah sehingga menyebabkan isterinya jatuh sakit. Haji Mihad menggunakan akalnya untuk menyelesaikan masalah ini. Haji Mihad telah berusaha untuk menggumpulkan maklumat berkaitan dengan apa yang berlaku. Apabila beliau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


telah menemui punca berlakunya permasalahan tersebut, beliau telah menjelaskan perkara yang sebenar kepada mereka yang terlibat. Kesannya, permasalahan tersebut telah dapat diselesaikan dengan baik. Begitu juga dengan Lebai Pa. Beliau telah menggunakan akalnya untuk memastikan golongan anak-anak muda dan golongan orang dewasa atau tua di Kampung Bukit Setugal mendapat pendidikan dan ajaran Islam dengan sebaik mungkin. Untuk tujuan itu, beliau telah menjalankan beberapa program yang beliau rancangkan agar dapat memantapkan keimanan di hati masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Antara rancangan yang beliau rancangkan adalah mengadakan kelas mengaji al-Quran untuk anak-anak muda Bukit Setugal. Jelas di sini bahawa Haji Mihad dan Lebai Pa menggunakan akal mereka yang fatanah untuk menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Mereka ini boleh dijadikan sebagai modal insan yang berperwatakan terpuji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 4.3.6 Membawa Perubahan Dalam Masyarakat

Watak Haji Mihad dan Lebai Pa mempunyai daya kepimpinan sebagai ketua keluarga dan ketua masyarakat yang mampu membawa keluarga dan masyarakat ke arah penghayatan agama Islam dalam kehidupan. Daya kepimpinan yang mereka miliki mampu membawa perubahan serta dapat meningkatkan nilai kehidupan beragama dalam keluarga dan masyarakat selain dapat memulihkan kepincangan akhlak yang berlaku.

Dalam novel *Imam*, Haji Mihad memperlihatkan konsep daya kepimpinan yang dapat membawa perubahan dalam masyarakat di Kampung Anggerik Desa yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


selama ini telah meninggalkan nilai kehidupan beragama. Watak Haji Mihad dapat memandu masyarakat ke arah kehidupan yang lebih baik dengan memulihkan kepincangan akhlak yang berlaku dalam masyarakat. Ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

> Kadang-kadang terasa olehnya akan kebaikan Haji Mihad. Anak-anak muda yang liar seperti Syawal ini sekarang dengan tidak payah dipaksa telah kembali ke masjid dan sudah tidak menjadi kutu pekan lagi.
>
> (Abdullah Hussain, 1995: 36)

Monolog yang tercetus apabila Abu Had yang dalam perjalanan ke masjid telah terserempak dengan Syawal. Syawal merupakan anak muda Kampung Anggerik Desa yang sebelum ini memang terkenal sebagai anak muda yang tidak pernah datang ke masjid untuk solat fardhu dan solat Jumaat. Syawal selalu menghabiskan masanya bersama-sama rakan-rakannya yang lain di bandar. Syawal selalu bermain alat muzik bersama-sama kumpulan kugirannya di bandar. Monolog di atas dapat membuktikan bahawa daya kepimpinan yang dimiliki oleh Haji Mihad sebagai seorang insan khalifah. Beliau telah berjaya mengubah sikap dan pendirian Syawal yang selama ini terkenal dengan kenakalannya dan sering ke bandar untuk bermain alat muzik. Syawal telah berubah menjadi baik dan meninggalkan kehidupannya sebelum ini. Atas nasihat yang diberikan oleh Haji Mihad, timbul kesedaran dalam diri Syawal dan berusaha untuk berubah dengan menerima nilai kehidupan beragama. Kini, Syawal tidak lagi perlu diajak untuk berjemaah dan menunaikan solat Jumaat di masjid.

Lebai Pa juga telah menunjukkan nilai kepimpinannya sebagai seorang insan khalifah dengan berusaha menyedarkan masyarakat di Kampung Bukit Setugal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


tentang kepentingan menuntut ilmu agar dengan ilmu tersebut dapat membantu masyarakat untuk memulihkan kepincangan akhlak yang wujud dalam diri masyarakat. Lebai Pa sedar bahawa dengan ilmu, masyarakat dapat berkembang dan akan menjadi lebih maju serta lebih berdaya saing. Dengan sebab itulah maka Lebai Pa tidak pernah berasa jemu untuk menyampaikan ilmu terutamanya ilmu agama kepada masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Lebai Pa yakin bahawa dengan ilmu, manusia akan menjadi lebih bertamadun serta selamat di dunia dan di akhirat nanti. Petikan di bawah dapat membuktikan usaha Lebai Pa yang tidak jemu-jemu membawa perubahan kepada masyarakat di Kampung Bukit Setugal untuk menuntut ilmu agama. Tindakan Lebai Pa yang berusaha untuk membawa perubahan dalam masyarakat dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

> Selesai bersalam-salaman, anak-anak muda yang hendak belajar mengaji al-Quran bergegas menuju para-para untuk mendapatkan muqaddam. Berteriaklah mereka menyebut bunyi huruf, membunyikan baris atas, baris bawah, baris depan, sabdu, baris dua atas, baris dua bawah, baris dua di depan dan segala susunan tanda-tanda bacaan. Lebai Pa mendengar bacaan anak-anak muda itu dengan teliti, begitu juga dengan Mat Yasin. Hati Lebai Pa amat lapang dengan adanya di antara anak-anak muda itu yang terang hatinya, cepat mengenal huruf dan mampu melangkau susunan pelajaran mengeja tanpa tergganggu untuk terus membaca pada pelajaran yang lebih tinggi.
>
> (Hasanuddin Md. Isa, 1991: 135-136)

Petikan di atas berlaku pada suatu malam selepas Lebai Pa, Mat Yasin, Uda Puat, Pudin serta beberapa orang anak muda Kampung Bukit Setugal menunaikan solat Maghrib. Sebaik selesai menunaikan solat Maghrib secara berjemaah, anak-anak muda yang mahu belajar membaca al-Quran mengambil muqaddam dan mula membaca muqaddam dengan dipantau oleh Lebai Pa. Lebai Pa sedar bahawa anak-anak muda inilah yang bakal menjadi pemimpin di Kampung Bukit Setugal pada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


masa hadapan. Golongan inilah yang bakal mewarisi segala jawatan yang sedia wujud di Kampung Bukit Setugal pada masa kini. Sedar dengan situasi itulah, maka Lebai Pa tidak pernah berasa jemu untuk membimbing golongan muda ini agar mereka dilengkapi dengan ilmu agama yang cukup agar mereka dapat keluar daripada kejahilan yang selama ini melingkari kehidupan masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Lebai Pa tidak mahu melihat masyarakat di Kampung Bukit Setugal terus menerus hidup dalam keadaan leka dan lalai. Lebai Pa berharap agar segala bentuk kejahilan akan ditingggalkan dan masyarakat di Kampung Bukit Setugal akan kembali mengamalkan hidup bersyariat. Lebai Pa sangat mengharapkan berlakunya perubahan dalam masyarakat di Kampung Bukit Setugal terutamanya golongan remaja. Ini kerana golongan inilah yang akan mewarisi kegemilangan di Kampung Bukit Setugal pada masa hadapan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 4.3.7 Mendidik Rohani

Dalam usaha untuk membawa perubahan dalam masyarakat, antara perkara utama yang perlu diambil perhatian adalah pegangan agama masyarakat. Rohani masyarakat perlu terlebih dahulu dikuatkan dengan kefahaman agama yang kukuh agar minda masyarakat tidak mudah diperkotak-katikkan. Masyarakat dapat mempertimbangkan apa yang betul dan apa yang salah agar masyarakat dapat menangkis elemen-elemen yang tidak sihat yang cuba diresapkan dalam kehidupan masyarakat.

Sifat Haji Mihad sentiasa berusaha untuk mendidik rohani masyarakat tidak terbatas kepada suatu golongan sahaja. Haji Mihad cuba mendidik rohani setiap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


golongan masyarakat di Kampung Anggerik Desa. Ini amat sesuai dengan kedudukannya sebagai seorang imam yang memiliki ilmu agama yang tinggi. Sifat Haji Mihad yang berusaha mendidik rohani masyarakat dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

> "Bagaimana dengan kumpulan kugiran kau?"
> "Masih macam biasa, tapi kami nak ubah stailnya."
> "Stail bagaimana? Tanya Abu Had. Dia tidak begitu faham dengan maksud Syawal.
> "Kata pak imam muzik dan lagu itu boleh dijadikan dakwah. Kami ingat bagus juga ikut kata pak imam itu, daripada macam sekarang ini. Hairan ya, Pak Abu? Pak imam sekarang ini suka muzik, tak macam tuk imam kita dulu."
>
> (Abdullah Hussain, 1995: 37)

Dialog di bawah berlaku di antara Abu Had dengan Syawal. Abu Had berasa terperanjat melihat perubahan Syawal. Syawal sebelum ini merupakan seorang anak muda yang sangat meminati muzik dan sering menghabiskan masanya dengan bermain alat muzik bersama rakan-rakannya di bandar. Jarang sekali dia datang ke masjid untuk berjemaah sama ada ketika solat fardhu mahu pun ketika solat Jumaat. Namun setelah, Haji Mihad pulang ke Kampung Anggerik Desa dan dilantik sebagai imam, sikap dan perangai Syawal telah berubah. Syawal tidak lagi perlu diajak ke masjid ke masjid untuk solat berjemaah dan juga solat Jumaat.

Perubahan yang berlaku kepada Syawal adalah kesan daripada nasihat-nasihat yang telah diberikan oleh Haji Mihad. Haji Mihad banyak meluangkan masanya untuk beri nasihat sehinggalah Syawal berubah. Kini Syawal tidak pernah tinggal solat berjemaah di masjid. Selain itu, kumpulan muziknya di bandar juga telah berubah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kumpulan tersebut telah mula menyanyikan lagu-lagu bercorak dakwah. Jelas di sini bahawa Haji Mihad berusaha bersungguh-sungguh untuk mengubah sikap dan mendidik rohani masyarakat Kampung Anggerik Desa tanpa mengira golongan dan lapisan umur. Sifat Haji Mihad ini merupakan salah satu sifat insan Khalifah.

Lebai Pa juga memainkan peranannya dalam mendidik rohani masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Haji Mihad sentiasa berusaha untuk mengubah sikap masyarakat Kampung Bukit Setugal kerana masyarakat Kampung Bukit Setugal telah banyak berubah setelah kematian Imam Resat. Masyarakat Kampung Bukit Setugal telah mula meninggalkan kehidupan beragama. Solat berjemaah di surau telah mula dilupakan, kelas-kelas agama juga kurang mendapat sambutan. Golongan muda pula mulai terpengaruh dengan budaya-budaya luar yang negatif. Rasa hormat terhadap golongan tua turut terhakis. Ini menjadikan masyarakat di Kampung Bukit Setugal leka serta lalai dengan tuntutan agama. Oleh itu, Lebai Pa cuba untuk membawa kembali masyarakat di Kampung Bukit Setugal agar kembali kepada kehidupan Islam yang sebenarnya. Untuk tujuan itu, Lebai Pa berusaha untuk mendidik rohani masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Perkara ini dapat dibuktikan dalam petikan di bawah.

> "Sejak saya membuka kitab-kitab arwah Imam Resat di surau pagi tadi, saya merasakan bahawa saya perlu membuka kembali kuliah agama di surau, mengajak penduduk Kampung Bukit Setugal ini kembali kepada ajaran Islam. Sekarang ini, saya perhatikan budak-budak muda yang bakal mewarisi usia tua orang-orang tua yang ada di sini sudah banyak tidak tahu mengaji, jauh sekali untuk memahami isi kandungan kitab suci al-Quran." Lebai Pa menyatakan apa yang terbuku di dalam hatinya.
>
> (Hasanuddin Md Isa, 1991: 53-54)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Petikan di atas merupakan dialog antara Lebai Pa dengan isterinya, Jemilah. Dalam dialog tersebut, Lebai Pa menceritakan tentang perasaannya yang ingin mendidik rohani masyarakat di Kampung Bukit Setugal yang pada pandangannya telah terpesong jauh dari kehidupan Islam yang sebenarnya. Untuk tujuan itu, Lebai Pa bercadang untuk menghidupkan kembali kuliah agama di surau seperti yang pernah dilakukan oleh arwah Imam Resat suatu ketika dahulu. Hasrat ini timbul apabila Lebai Pa melihat keadaan masyarakat di Kampung Bukit Setugal yang tidak mengamalkan cara hidup yang sebenarnya. Golongan tua pula gagal mendidik dan menunjukkan sikap yang baik kepada golongan muda. Ini kerana ada golongan tua juga tidak menjalankan kehidupan seperti yang dianjurkan oleh Islam. Kebanyakan golongan muda yang tidak pandai membaca al-Quran apatah lagi memahami isi kandungan kitab suci tersebut. Ini berlaku kerana golongan ini dibiarkan hidup bebas. Golongan ini terus hanyut dalam arus kemodenan. Sesuai dengan ilmu agama yang dimilikinya serta kedudukannya di Kampung Bukit Setugal, Lebai Pa rasa terpanggil untuk mendidik rohani masyarakat Kampung Bukit Setugal agar mereka kembali mengamalkan kehidupan yang dianjurkan oleh Islam. Sikap Lebai Pa yang berusaha untuk mendidik rohani masyarakat Kampung Bukit Setugal merupakan sifat insan Khalifah. Sifat mulia ini jika diamalkan akan dapat membentuk modal insan.

### 4.3.8 Memakmurkan Masyarakat

Haji Mihad dan Lebai Pa memiliki daya kepimpinan yang tinggi dan terpuji untuk memakmurkan masyarakat. Dengan kedudukan mereka sebagai ahli agama, Haji Mihad dan Lebai Pa menjalankan tanggungjawab membimbing masyarakat yang dangkal ilmu agamanya ke jalan yang benar. Mereka berusaha untuk mengingatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


masyarakat tentang tujuan manusia diciptakan adalah untuk beribadah kepada Allah SWT.

Haji Mihad menjalankan tanggungjawabnya sebagai khalifah dengan berusaha untuk mengingatkan dan membawa masyarakat di Kampung Anggerik Desa agar kembali mengamalkan kehidupan beragama. Masyarakat Kampung Anggerik Desa menjadi leka dan asyik dengan urusan dunia menyebabkan mereka melalaikan dan meremehkan urusan agama. Masyarakat di Kampung Anggerik Desa lebih mementingkan urusan dunia semata-mata. Oleh yang demikian, Haji Mihad memperlihatkan usahanya memberikan peringatan kepada masyarakat agar kembali menjalani kehidupan yang seimbang dan sejahtera. Usaha Haji Mihad untuk memakmurkan masyarakat dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Mereka mesti dibawa kembali melihat jalan yang benar, mereka mesti diperkenalkan kembali kepada diri sendiri sebagai makhluk yang hidup menumpang di dalam dunia Allah ini hanya untuk satu waktu yang singkat. Mereka mesti diperingatkan lagi, seperti dia memperingatkan dirinya akan perintah Allah di dalam al-Quran tentang umat yang telah musnah kerana melakukan bencana di muka bumi. Tidak ada orang yang hidup menongkat langit, pada zaman dulu ada nabi-nabi yang berumur beribu dan beratus tahun tetapi mati juga. Hidup dalam dunia ini hanya secebis rahmat daripada Allah untuk kebahagiaan akhirat tetapi walaupun demikian Allah memperingatkan supaya jangan lupa megenai urusan dunia, berbuat baik terhadap sesama manusia dan jangan jadi perosak.
>
> (Abdullah Hussain, 1995: 31)

Haji Mihad berusaha untuk membawa masyarakat di Kampung Anggerik Desa agar kembali ke jalan yang benar. Mereka perlu menjalankan segala amalan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Untuk tujuan itu, Haji Mihad menggunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kedudukannya sebagai imam di Masjid Haji Salih untuk memberi kesedaran dan peringatan tentang hakikat hidup di dunia ini. Haji Mihad telah mengambil pendekatan yang drastik dengan mengarang sendiri teks khutbah solat Jumaat. Beliau tidak lagi menggunakan teks yang dibekalkan oleh majlis agama kerana isi teks yang disediakan tidak meninggalkan kesan kepada para jemaah. Isu yang dibincangkan masih berlegar tentang perkara-perkara yang sama sahaja sejak bapanya menjadi imam di Masjid Haji Salih suatu ketika dahulu.

Dalam teks khutbahnya, Haji Mihad mengingatkan jemaah bahawa nikmat hidup di dunia ini hanya sedikit daripada rahmat yang Allah SWT kurniakan kepada umat manusia. Haji Mihad sedar bahawa manusia memerlukan ilmu untuk mengetahui akan hakikat hidup di dunia ini. Tindakan Haji Mihad yang berusaha untuk memakmurkan masyarakat merupakan salah satu daripada sifat insan Khalifah yang patut dicontohi kerana sifat ini dapat membentuk modal insan dalam masyarakat.

Lebai Pa juga sentiasa berusaha untuk memakmurkan masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Ini kerana fikiran masyarakat di Kampung Bukit Setugal telah dipengaruhi oleh anasir-anasir luar yang datang bersama arus kemodenan. Masyarakat Kampung Bukit Setugal sudah tidak mempedulikan adat resam orang Timur. Mereka juga melanggar norma-norma kehidupan beragama. Sikap Lebai Pa yang berusaha untuk memakmurkan masyarakat dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> "Itu kitab tafsir milik arwah Imam Resat, kitab tafsir itu saya gunakan untuk menjadi panduan dari semasa ke semasa jika ada kerumitan menjawab soalan-soalan daripada penduduk kampung."
>
> Osman dan Mahat mengangguk-anggukkan kepala mereka tanda faham. "Mana kitab-kitab yang Lebai gunakan untuk mengajar penduduk kampung?" tanya Mahat juga. "Kitab *Matan al-Baldrin* ini saya ajarkan kepada pemuda-pemuda kampung ini pada malam Isnin, kitab *Hadiyatul Salikin* ini pula saya ajarkan pada malam Selasa**.** Kitab *Aqidatul Muslim* ini diajarkan pada malam Rabu dan Kitab tajwid al-Quran saya ajarkan pada malam-malam yang lainnya." Lebai Pa memberikan penjelasan sambil menunjukkan kitab-kitab yang sering digunakan itu. Osman dan Mahat meneliti beberapa buah lagi kitab yang ada di atas rak-rak tersebut. Beberapa buah kitab yang dianggap penting oleh mereka dikeluarkan daripada susunan kitab-kitab yang ada di situ.
>
> (Hasanuddin Md Isa, 1991: 111-112)

Petikan perbualan di atas merupakan perbualan di antara dua orang pegawai dari Majlis Agama, iaitu Encik Osman dan Encik Mahat yang telah diarahkan oleh Tuan Kadi Daerah Kalisendung untuk menjemput Lebai Pa ke pejabat Majlis Agama pada pagi tersebut juga. Tuan Kadi Daerah Kalisendung menjemput Lebai Pa ke pejabat Majlis Agama dengan tujuan untuk mendapatkan penjelasan daripada Lebai Pa tentang kandungan surat layang yang telah dihantar ke pejabat Majlis Agama oleh seorang penduduk Kampung Bukit Setugal. Dalam surat layang tersebut, Lebai Pa telah dituduh mengajar ajaran sesat serta bertentangan dengan ajaran Islam kepada masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Selain itu, terdapat tiga lagi tuduhan yang telah dilemparkan kepada Lebai Pa, iaitu pertama, Lebai Pa dituduh cuba memecahbelahkan masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Kedua, Lebai Pa dituduh memutarbelitkan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW dan yang ketiganya, Lebai Pa dituduh mengajar ilmu tarekat yang bercampur-aduk dengan ilmu kebatinan yang berlawanan dengan ajaran agama Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dalam petikan perbualan di atas, Encik Osman dan Encik Mahat dapat mengetahui kitab-kitab yang telah digunakan oleh Lebai Pa untuk mengajar masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Kitab-kitab tersebut dijadikan sebagai rujukan Lebai Pa semasa mengajar. Antara kitab-kitab yang beliau gunakan semasa kuliah dijalankan ialah Kitab *Matan al Badrin*, Kitab *Hadiyatul Salikin*, Kitab *Aqidatul Muslim* dan kitab tajwid. Kitab-kitab tersebut diajar kepada golongan yang berbeza. Kitab *Matan al Badrin* digunakan oleh Lebai Pa untuk mengajar pemuda-pemuda kampung pada setiap malam Isnin. Kitab *Hadiyatul Salikin* pula Lebai Pa ajarkan pada malam Selasa**.** Kitab *Aqidatul Muslim* diajarkan pada malam Rabu dan Kitab tajwid al-Quran Lebai Pa gunakan untuk mengajar pada malam-malam yang lainnya**.**

Jelas menunjukkan bahawa Lebai Pa berusaha untuk memakmurkan masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Lebai Pa memakmurkan masyarakat dengan menyampaikan syariat Islam dengan mengadakan kelas-kelas agama kepada masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Kelas-kelas agama tersebut adalah untuk semua golongan atau lapisan masyarakat. Seluruh masyarakat di Kampung Bukit Setugal menjadi fokus utama Lebai Pa. Selain itu, Lebai Pa mengajar pelbagai ilmu agama. Beliau tidak memberi tumpuan hanya kepada satu bidang sahaja malah mempelbagaikan disiplin ilmu yang diajarkannya agar sesuai dengan khalayaknya. Lebai Pa tidak meminggirkan golongan muda dalam usaha untuk menyebarkan dakwah. Beliau tidak meminggirkan golongan ini kerana merekalah yang akan mewarisi pemerintahan dan pentadbiran di Kampung Bukit Setugal pada masa hadapan. Oleh itu, mereka perlu dibekalkan dengan ilmu agama yang secukupnya agar dapat memandu mereka ke jalan yang benar serta diredhai Allah SWT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Petikan-petikan di atas telah membuktikan bahawa Haji Mihad dan Lebai Pa telah menyampaikan kuliah agama atau kelas-kelas agama dalam usaha mereka untuk menyebarkan dakwah kepada masyarakat di kawasan tempat tinggal masing-masing. Haji Mihad menyampaikan kuliah Subuh pada setiap minggu kepada masyarakat di Kampung Anggerik Desa. Sementara itu, Lebai Pa pula mengadakan kelas-kelas agama pada malam Isnin, malam Selasa, malam Rabu dan malam-malam yang lainnya. Lebai Pa mengadakan kelas-kelas agama untuk pelbagai golongan. Sikap *tabligh* Haji Mihad dan Lebai Pa merupakan sikap yang baik dan perlu dicontohi agar dapat usaha menyebarkan dakwah kepada masyarakat dapat kita teruskan. Sikap tabligh Haji Mihad dan Lebai Pa sangat wajar dicontohi dan dapat membentuk modal insan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 4.4 Analisis Terhadap Novel *Imam* dan *Mereka Yang Tertewas* Berdasarkan Ciri-ciri Insan *Rabbani*

Dalam bab ini, pengkaji menjalankan analisis terhadap novel *Imam* dan *Mereka yang Tertewas* berdasarkan konsep insan *Rabbani*. Menurut Kamariah Kamarudin (2011: 267-268) Insan *Rabbani* membawa maksud manusia cemerlang, iaitu mengutamakan kehidupan yang bersumberkan ajaran Illahi. Pengkaji menganalisis konsep insan *Rabbani* ini dengan menggunakan ciri-ciri insan *Rabbani* yang diperincikan oleh Kamariah Kamarudin dalam bukunya yang bertajuk *Takmilah dalam Novel Melayu* (2011). Menurut Kamariah Kamarudin Insan *Rabbani* mestilah terdiri daripada golongan agama, menyediakan pendidikan agama, berusaha meningkatkan syiar Islam melalui amalan mendidik, berusaha membina keyakinan watak-watak lain, mewujudkan masyarakat sejahtera, berusaha mengembalikan kegemilangan Islam,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mempunyai disiplin yang tinggi dalam beribadat, memberi layanan yang baik terhadap keluarga dan meningkatkan pemahaman agama kepada masyarakat. Ciri-ciri insan *Rabbani* ditunjukkan seperti jadual di bawah.

Jadual 4.5

*Analisis Terhadap Watak Utama Novel Imam dan Mereka yang Tertewas Berdasarkan Ciri-ciri Insan Rabbani*

| Bil. | Ciri-ciri Insan *Rabbani* | Haji Mihad | Lebai Pa |
|---|---|---|---|
| **1.** | Golongan agama | √ | √ |
| **2.** | Penyediaan pendidikan agama | √ | √ |
| **3.** | Mempertingkatkan syiar Islam dalam masyarakat | √ | √ |
| **4.** | Membina keyakinan watak-watak lain | √ | √ |
| **5.** | Mewujudkan masyarakat yang sejahtera | √ | √ |
| **6.** | Mengembalikan kegemilangan Islam | √ | √ |
| **7.** | Memiliki disiplin yang tinggi | √ | √ |
| **8.** | Memberi layanan yang baik terhadap keluarga | √ | √ |
| **9.** | Meningkatan pemahaman agama Islam dalam masyarakat | √ | √ |

### 4.4.1 Golongan Agama

Golongan agama di sini bermaksud orang-orang yang mempunyai gelaran seperti imam, lebai, tok guru, ustaz dan lain-lain lagi yang berkait dengan agama Islam. Golongan agama merupakan golongan yang berperanan penting dalam menyebarkan syiar Islam dan agama Islam. Watak Haji Mihad merupakan watak dari golongan agama kerana Haji Mihad merupakan imam di Kampung Anggerik Desa. Haji Mihad

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


memiliki ilmu agama yang tinggi di mana beliau belajar agama hingga ke Mekah. Selain mahir dalam ilmu agama, beliau juga mahir berbahasa Arab. Petikan di bawah dapat membuktikan bahawa Haji Mihad merupakan golongan agama.

> Aku tahu dia seorang yang layak. Ilmu agamanya cukup. Sewaktu dia tinggal di rumah aku kami selalu bercakap tentang agama. Dia menceritakan kepadaku tentang sekolahnya di di Jombang, Jawa Timur dan di Aceh. Aku tahu Aceh itu Serambi Makkah. Sejak dulu lagi telah menjadi pusat penyebaran agama Islam yang pesat. Aku tahu kerana waktu di Tanah Suci dulu banyak bergaul dengan dengan orang Aceh, mereka banyak bermastautin di Makkah. Haji Mihad memang faham tentang hukum-hakam apatah lagi pernah belajar di Makkah.
>
> (Abdullah Hussain, 1995: 144)

Dalam petikan di atas, Haji Abdul Rahman bercerita tentang ilmu agama yang dimiliki oleh Haji Mihad. Berdasarkan petikan tersebut, jelas terbukti bahawa Haji Mihad merupakan insan yang tergolong dalam golongan agama kerana memiliki ilmu agama yang tinggi dan dalam masa yang sama juga, beliau merupakan seorang imam di Kampung Anggerik Desa. Ilmu agama yang tinggi membantu Haji Mihad menjadi seorang yang berfikiran jauh dan matang.

Lebai Pa merupakan insan yang paling penting dan paling utama di Kampung Bukit Setugal yang menjalankan usaha-usaha untuk membimbing masyarakat di Kampung Bukit Setugal agar kembali menjalani kehidupan yang diredhai Allah SWT. Tugas untuk memandu masyarakat di Kampung Bukit Setugal ke jalan yang benar amat sesuai dipikul oleh Lebai Pa kerana beliau merupakan orang agama. Beliau mempunyai ilmu agama yang tinggi. Ilmu tersebut beliau perolehi semasa beliau menjadi murid kepada Imam Mat Bukit Keledang yang memang terkenal sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


seorang yang tinggi ilmu agamanya. Petikan di bawah merupakan bukti yang jelas bahawa Lebai Pa memiliki ilmu agama yang tinggi.

> Ilmu tajwid, balaghah, mantik, fikah, tauhid, tassawuf, sirah an-Nabawiyah, tafsir, muamalah, jinayah, jihad dan seluruh isi kandung al-Quran dan sunah Baginda Rasulullah s.a.w. berkembang subur di jiwa Tapa. Hati dan lidahnya tidak lagi keletihan menyebut nama Allah, mengingati kebesaran Allah dan meningkatkan keimanan kepada Allah.
>
> (Hasanuddin Md Isa, 1991: 37)

Petikan di atas menunjukkan ilmu-ilmu agama yang telah dikuasai oleh Tapa atau Lebai Pa semasa beliau belajar di Madrasah Bukit Keledang. Apabila gurunya, iaitu Imam Mat Bukit Keledang benar-benar yakin dengan ilmu agama yang dimiliki Tapa atau Lebai Pa benar-benar mantap, barulah beliau membenarkan Lebai Pa meninggalkan madrasah tersebut untuk memulakan hidupnya dalam masyarakat. Berbekalkan ilmu agama tersebut, Lebai Pa memulakan hidupnya dengan masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Dengan ilmu agama tersebut juga, Lebai Pa berusaha untuk mengubah cara hidup masyarakat di Kampung Bukit Setugal yang hanyut dibuai arus kemodenan. Ilmu agama yang mantap yang dimiliki oleh Lebai Pa juga telah menjadi benteng kepada Lebai Pa sehingga beliau dapat menepis anasir-anasir luar yang menyerap masuk bersama arus kemodenan. Keadaan ini menyebabkan Lebai Pa menjadi insan yang paling sesuai untuk mengetuai usaha mengembalikan syiar Islam di Kampung Bukit Setugal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 4.4.2 Penyediaan Pendidikan Agama

Seseorang insan *Rabbani* sememangnya memikul tanggungjawab yang besar, iaitu menyampaikan pesanan tentang cara hidup yang dianjurkan oleh Islam. Ini kerana cara hidup Islam merupakan cara hidup yang paling sempurna, seimbang dan harmoni dalam semua keadaan. Agama Islam menganjurkan umatnya agar menjaga hubungan dengan Allah SWT dan dalam masa yang sama, manusia juga perlu menjaga hubungan dengan manusia lain yang membentuk sebuah komuniti dan negara. Jika hubungan antara manusia dengan Allah SWT itu baik, maka sudah pasti akan baiklah hubungan seseorang manusia atau sekelompok manusia itu dengan manusia-manusia yang lainnya. Selain itu, agama Islam juga telah menggariskan hak-hak manusia yang hidup dalam sesebuah komuniti itu. Antara hak-hak yang perlu diberi perhatian oleh seseorang manusia itu adalah hak sebagai jiran, hak sebagai ahli masyarakat, hak seorang manusia kepada manusia yang lain. Oleh sebab itu, sebagai insan *Rabbani* sudah tentu berperanan untuk menyampaikan pesanan tentang cara hidup Islam yang sebenarnya. Pesanan yang disampaikan kepada ahli masyarakat akan menyuburkan nilai-nilai murni agama Islam. Allah SWT telah menjelaskan kepada umat manusia tentang bagaimana caranya untuk menjaga agama-Nya dalam al-Quran melalui ayat 55 dan 56 dalam surah *al-Maidah* yang bermaksud,

> Sesungguhnya penolongmu hanyalah Allah, rasul-Nya dan orang-orang yang beriman yang melaksanakan solat dan menunaikan zakat sambil tunduk (kepada Allah). Dan barang siapa yang menjadikan Allah, rasul-Nya dan orang-orang yang beriman sebagai penolongnya, maka sesungguhnya pengikut (agama) Allah itulah yang menang.
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid,2014: 117)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sebagai insan *Rabbani*, Haji Mihad mementingkan penyediaan pendidikan agama. Pendidikan agama yang berterusan akan memantapkan lagi kefahaman masyarakat dan seterusnya dapat memantapkan lagi pengetahuan ilmu agama masyarakat. Haji Mihad menyampaikan menyampaikan pendidikan agama kepada masyarakat bukan sahaja secara formal seperti kuliah selepas solat dan sebagainya lagi, tetapi juga secara tidak formal. Beliau akan memberikan penerangan kepada masyarakat di Kampung Anggerik Desa secara terus sekiranya timbul sesuatu permasalahan berkaitan ilmu agama. Petikan di bawah merupakan bukti bahawa Haji Mihad menyediakan pendidikan agama kepada masyarakat di Kampung Anggerik Desa.

> "Abang tidak boleh menghalang kau ke masjid, tetapi untuk muslihat lebih baik kau tidak usah pergi dulu. Duduk di sini saja buat sementara waktu, nanti sesudah kuliah subuh abang balik."
>
> (Abdullah Hussain, 1995: 598)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Petikan di atas merupakan dialog antara Haji Mihad dengan Debok. Perbualan tersebut berlaku apabila Debok yang telah lama menghilang, kini telah pulang semula ke Kampung Anggerik Desa. Dalam perbualan tersebut, Haji Mihad menyatakan bahawa beliau akan segera pulang ke rumah sebaik sahaja selesai kuliah subuh pada pagi tersebut. Kuliah subuh yang disampaikan merupakan salah satu cara Haji Mihad menyampaikan ilmu atau pendidikan agama kepada seluruh masyarakat di Kampung Anggerik Desa. Kuliah subuh yang disampaikan itu, sudah pasti dapat memantapkan lagi ilmu agama di dada masyarakat di Kampung Anggerik Desa. Jelaslah bahawa Haji Mihad menyediakan pendidikan agama kepada masyarakat di Kampung Anggerik Desa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sebagai seorang yang mempunyai ilmu agama yang tinggi, Lebai Pa juga menyediakan pendidikan agama kepada masyarakat di Kampung Bukit Setugal dengan tujuan untuk menarik masyarakat agar kembali kepada cara hidup yang dianjurkan oleh Islam. Untuk menarik masyarakat agar kembali menjalani kehidupan yang diredhai Allah SWT, Lebai Pa telah mengadakan kembali kelas-kelas mengaji al-Quran dan kelas-kelas agama yang telah hampir sepuluh tahun tidak dijalankan di Kampung Bukit Setugal, iaitu selepas kematian Imam Resat. Demi untuk merealisasikan pendidikan agama yang tersusun dapat dilaksanakan di Kampung Bukit Setugal, Lebai Pa sanggup mengorbankan harta benda dan wang ringgit kepunyaan dirinya dan milik isterinya. Idea untuk membina madrasah untuk masyarakat di Kampung Bukit Setugal timbul apabila beliau mendapati keadaan masyarakat di Kampung Bukit Setugal terutamanya golongan muda-mudi mula terpengaruh dengan pengaruh negatif yang datang bersama-sama arus permodenan. Keadaan menjadi semakin tenat apabila Imam Resat yang selama ini bertanggungjawab mendakwahkan masyarakat di Kampung Bukit Setugal telah meninggal dunia. Sejak itu, tiada lagi program-program yang bercorak keagamaan diadakan di Kampung Bukit Setugal walaupun ada imam baru yang dilantik bagi menggantikan tempat yang ditinggalkan oleh imam terdahulu. Ini menjadikan hidup dan pegangan agama masyarakat Kampung Bukit Setugal mulai goyah. Akibatnya ramai yang mula terpengaruh dengan pengaruh-pengaruh yang tidak baik. Apa yang membimbangkan lagi adalah apabila golongan muda-mudi di Kampung Bukit Setugal mula terpengaruh dan menjadi leka dengan pelbagai jenis hiburan. Keadaan inilah yang memberikan idea kepada Lebai Pa untuk mewujudkan pusat pengajian Islam yang berkonsepkan pondok. Perkara ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Tanah datar di rusuk kanan rumah masih lagi dijelajahi oleh Lebai Pa. Rimpunan perdu-perdu pisang, anak-anak langsat dan durian yang membayangi kemakmuran bumi Bukit Setugal diteliti satu persatu oleh Lebai Pa. Akan didirikan pondok-pondok untuk budak-budak yang hendak belajar di situ. Lebai Pa mencongak daripada pengalamannya berapakah keluasan tanah yang akan diperlukan untuk tujuan tersebut.
>
> (Hasanuddin Md Isa, 1991: 132)

Dalam petikan di atas digambarkan Lebai Pa sedang meninjau-ninjau tanah kosong di sekeliling rumahnya. Beliau meninjau tanah tersebut kerana beliau ingin mewakafkan tanah tersebut untuk membina pondok-pondok sebagai tempat tinggal para pelajar lelaki dan pelajar perempuan yang akan belajar di pusat pengajian yang akan beliau wujudkan nanti. Beliau ingin membina pusat pengajian agama yang berkonsepkan pondok yang sistematik. Semua pelajar yang menuntut dengan beliau akan tinggal di pondok-pondok tersebut. Selain itu, Lebai Pa juga ingin mewakafkan tanah kosong miliknya itu untuk pembinaan sebuah madrasah bagi kegunaan para pelajar yang menuntut di pusat pengajian yang bakal dibinanya itu. Lebai Pa mendapat idea untuk membina pusat pengajian tersebut kerana masih belum terdapat pusat pengajian agama yang didirikan di Kampung Bukit Setugal sebelum ini. Pusat ini merupakan pusat pengajian agama pertama yang didirikan di Kampung Bukit Setugal. Beliau sanggup korbankan tanahnya itu demi memastikan masyarakat di Kampung Bukit Setugal tidak terus-menerus hidup dalam keadaan sesat. Selain sanggup mengorbankan tanahnya itu untuk dibangunkan dengan sebuah madrasah dan pondok-pondok tempat tinggal, beliau juga sanggup mengorbankan pokok buah-buahan yang telah ditanamnya selama ini walaupun pokok tersebut akan mengeluarkan hasilnya tidak lama lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Selain itu, Lebai Pa juga akan menyediakan sebuah kawasan tanah lapang yang akan digunakan sebagai kawasan berkebun dan bercucuk tanam bagi para penuntut pusat pengajian itu nanti. Tanah rata tersebut akan digunakan oleh para pelajar untuk menanam sayur-sayuran. Hasil daripada tanaman yang diusahakan oleh para pelajar itu boleh dijual kepada penduduk kampung. Selain untuk mendidik para pelajar lelaki dan perempuan bercucuk tanam dan berjual beli, kebun tersebut dapat membantu para pelajar untuk beriadah dan menggunakan masa lapang mereka dengan aktiviti yang berfaedah.

### 4.4.3 Mempertingkat Syiar Islam Dalam Masyarakat

Sesuai dengan konsep insan *Rabbani*, Haji Mihad dan Lebai Pa berusaha untuk meningkatkan syiar Islam dalam kalangan masyarakat di kawasan masing-masing. Dalam kedua-dua novel yang dikaji, kedua-dua watak utama, iaitu Haji Mihad dan Pak Ya telah menyampaikan dan menerangkan tentang kepentingan menuntut ilmu kepada masyarakat di kawasan masing-masing. Ini menunjukkan bahawa agama Islam amat mementingkan ilmu pengetahuan. Insan yang mempunyai ilmu juga telah dijanjikan ketinggian darjat oleh Allah SWT. Selain itu, insan yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi terutamanya ilmu keagamaan menjadi kebal dan dapat menepis segala anasir-anasir yang tidak sihat yang boleh menggugat keharmonian masyarakat dan negara. Watak Haji Mihad dan Lebai Pa berjaya menjaga diri mereka daripada terpengaruh dengan anasir-anasir luar kerana mereka mempunyai ilmu agama yang tinggi. Dengan cara ini, mereka tidak akan terjebak atau tidak akan mudah terpengaruh dengan pengaruh-pengaruh luar yang tidak sihat. Ini kerana dengan ilmu yang tinggi, mereka dapat mengelak daripada terlibat dengan gejala-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


gejala yang tidak sihat yang boleh menjejaskan akidah umat Islam. Menurut Abang Mohd. Razif Abang Muis, (2015: 88 & 89).

> Ilmu yang dituntut oleh Islam ialah gabungan antara ilmu fardu ain dengan ilmu fardu kifayah. Umat Islam sering didorong supaya sentiasa memantapkan diri dengan ilmu yang tidak hanya terbatas kepada ilmu agama. Malahan, setiap umat-Nya digalakkan untuk mengkaji sebanyak mungkin ilmu yang berkaitan dengan hal keduniaan, antaranya termasuklah ilmu Sains, Matematik, perubatan dan ekonomi.
>
> (Abang Mohd. Razif Abang Muis, 2015: 88 & 89)

Haji Mihad ingin menyedarkan masyarakat di Kampung Anggerik Desa agar meningkatkan lagi amalan mereka dengan menuntut ilmu agar mereka tahu apa yang perlu dilakukan semasa hidup di dunia ini. Haji Mihad juga ingin menyedarkan masyarakat tentang kehidupan selepas mati agar masyarakat di Kampung Anggerik Desa tidak terus hidup dalam kesesatan. Petikan di bawah dapat membuktikan sifat Haji Mihad yang berusaha untuk meningkatkan syiar Islam masyarakat Kampung Anggerik Desa melalui amalan mendidik. Perkara ini dapat digambarkan dalam petikan di bawah.

> Dia mahu memberitahu mereka tentang kegunaan menuntut ilmu dan bekerja kuat. Dengan ilmu kita dapat mengenali diri, kita ini siapa dan mahu pergi ke mana sesudah ini. Dia mahu cuba memujuk mereka kembali mengenali diri dan melihat kepentingan diri sendiri secara wajar. Dia mahu tarik mereka. Dengan bekerja kuat kita dapat mengecapi nikmat syurga Allah yang mengalir sungai di dalam taman-Nya. Dengan kejahilan dan kemalasan kita akan merasa seksaan neraka jahanam yang memang benar adanya, batu dan manusia akan menjadi kayu pembakarnya. Begitulah bentuk khutbahnya kepada jemaah masjidnya sejak dia membuat sendiri teks itu.
>
> (Abdullah Hussain, 1995: 33)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Petikan di atas adalah monolog Haji Mihad berkaitan keinginannya untuk meningkatkan syiar Islam dalam kalangan masyarakat di Kampung Anggerik Desa melalui amalan mendidik. Haji Mihad mahu menyedarkan masyarakat tentang tujuan umat manusia dihidupkan dan tentang tugas dan peranan manusia sebagai makhluk Allah SWT. Haji Mihad mahu masyarakat di Kampung Anggerik Desa bekerja kuat dan dalam masa yang sama tidak memandang remeh usaha untuk menuntut ilmu. Ini kerana dengan ilmulah manusia dapat mengenali diri dan ke manakah arah tujuan hidup ini. Haji Mihad mahu menyedarkan masyarakat sedar bahawa sifat malas dan kurang ilmu akan menyebabkan umat manusia akan dihumban ke dalam neraka.

Dengan kesedaran yang mendalam serta keinginan untuk melihat perubahan dalam masyarakat di Kampung Anggerik Desa, maka Haji Mihad berusaha untuk mengarang teks khutbah Jumaatnya sendiri. Dengan cara itu, Haji Mihad dapat mengingatkan masyarakat setiap kali beliau menyampaikan khutbah. Haji Mihad sedar bahawa beliau bertanggungjawab untuk mendidik masyarakat agar kembali kepada cara hidup yang diredhai Allah SWT. Sifat yang ditunjukkan ini merupakan salah satu sifat insan *Rabbani*. Sifat ini jika diamalkan akan berupaya melahirkan modal insan yang bersifat mulia.

Lebai Pa juga menjalankan usaha untuk meningkatkan syiar Islam dalam kalangan masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Beliau ingin menyedarkan masyarakat tentang perbuatan-perbuatan yang dilarang oleh Allah SWT. Perbuatan tersebut akan menimbulkan kemurkaan Allah SWT. Oleh itu, memang menjadi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


tugasnya untuk meningkatkan kefahaman masyarakat dengan meningkatkan syiar Islam dalam kalangan masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Usaha beliau untuk meningkatkan syiar Islam dalam kalangan masyarakat di Kampung Bukit Setugal dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

> Biar nanti masyarakat Bukit Setugal akan tunduk kepada hukum Allah. Tentu. Tentu mereka akan memperakui kata-katanya selama ini bahawa arak itu haram, judi itu haram, pergaulan bebas dengan yang bukan muhrim itu haram, mendedahkan aurat kepada orang-orang yang bukan muhrim itu haram, dan segala yang wajib, sunat, harus, makruh dan haram itu akan tetap pada hukumnya walaupun zaman bertukar dan manusia silih berganti hidup dan mati.
>
> (Hasanuddin Md Isa, 1991: 115)

Petikan di atas adalah monolog Lebai Pa tentang kepincangan masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Masyarakat Kampung Bukit Setugal telah meninggalkan kehidupan yang bersyariatkan Islam. Banyak perbuatan yang dipraktikkan dalam kehidupan seharian mereka merupakan perbuatan menyalahi hukum Allah SWT. Antara perbuatan yang menyalahi hukum Allah SWT yang dilakukan oleh masyarakat di Kampung Bukit Setugal adalah seperti berjudi, minum arak, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim dan lain-lain lagi. Keadaan inilah yang amat merisaukan Lebai Pa. Beliau ingin menyedarkan masyarakat tentang perbuatan-perbuatan mereka yang menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenarnya. Beliau ingin masyarakat tahu dan faham apa yang haram dan apa yang betul agar kesalahan yang dilakukan oleh masyarakat sebelum ini tidak diteruskan oleh golongan muda. Jika sikap ini tidak dibetulkan, maka masyarakat akan terus hidup dalam kemurkaan Allah SWT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sikap Lebai Pa yang berusaha untuk membenteras salah laku masyarakat di Kampung Bukit Setugal merupakan salah satu sikap insan *Rabbani*. Sikap ini jika dipraktikkan mampu melahirkan insan yang berperibadi murni serta dapat menjadi modal insan yang berguna kepada masyarakat dan negara.

### 4.4.4 Membina Keyakinan Watak Lain

Sebagai seorang imam, setiap tindakan yang diambil oleh Haji Mihad perlu menunjukkan bahawa ianya merupakan satu tindakan yang bijaksana. Suatu tindakan yang dilakukan dengan cara bijaksana pasti akan menghasilkan sesuatu yang baik dan bermanfaat kepada masyarakat, agama dan negara. Tindakan-tindakan yang diambil oleh Haji Mihad selalunya meninggalkan kesan yang mendalam terutamanya kepada masyarakat di Kampung Anggerik Desa. Ini kerana setiap tindakan yang akan diambil itu telah difikirkan baik atau buruk kesannya terhadap masyarakat dan perkembangan agama Islam. Sikap Haji Mihad yang bijaksana dalam tindakannya yang dapat membina keyakinan watak lain dapat dilihat dalam petikan di bawah.

> Encik ada lihat? Sekarang Haji Mihad sudah ajak dia orang buat kerja. Saya dengar dalam khutbahnya, dia selalu bilang dan ajak orang cari ilmu dan buat kerja. Orang tani dia suruh tanam padi, tanam sayur, tanam kopi, tanam koko dan tanam apa saja secara sungguh-sungguh. Orang yang pandai tukang, dia suruh buat kerja tukang betul-betul, ajar orang lain yang tidak tahu dan buat kerja tukang macam orang Cina. Orang berniaga, dia suruh betul-betul berniaga macam Sufi, macam Panjang, macam Mohidin dan kalau boleh mesti lebih maju lagi. Orang perempuan yang pandai itu sulam, itu kraf tangan suruh buat betul-betul sampai boleh jual. Yang pandai nyanyi juga dia suruh betul-betul nyanyi, sampai boleh cari makan seperti Syawal. Saya fikir itu betul. Itu orang yang makan gaji dia suruh kerja betul-betul, jujur, amanah, jangan curi tulang walaupun orang tidak tahu tetapi itu Allah tahu. Dia suruh buat kerja sungguh-sungguh dan cinta dengan kita punya kerja, baru boleh maju dan dapat *satisfaction*. Saya fikir itu betul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Sekarang encik tengok. Sudah banyak orang yang sudah buat kerja sawah, hasilnya juga sudah baik.
>
> (Abdullah Hussain, 1995: 286-287)

Petikan di atas berlaku semasa intervieu yang dilakukan oleh pegawai Majlis Agama ke atas James Burtons@ Ahmad Burtons. James Burtons atau Ahmad Burtons merupakan Pengurus Estet Bukit Kuda. Beliau berumur 72 tahun dan telah memeluk agama Islam. Interviu tersebut dijanlankan di banglo Ahmad Burtons yang terletak di tengah-tengah estet di atas sebuah anak bukit. Interviu ini dijalankan dengan tujuan untuk menyiasat tentang kes aduan terhadap Haji Mihad. Dalam interviu tersebut, Ahmad Burtons telah bercerita tentang pembaharuan yang telah dibuat oleh Haji Mihad di Kampung Anggerik Desa yang pada pandangannya merupakan satu tindakan yang bijak serta telah berjaya mencapai matlamat yang telah diharapkan. Salah satu tindakan Haji Mihad yang disentuh oleh Ahmad Burtons adalah tentang tindakan Haji Mihad yang menasihati penduduk Kampung Anggerik Desa agar dapat membina keyakinan masyarakat agar melakukan sesuatu pekerjaan yang mereka mahir dengan bersungguh-sungguh. Haji Mihad telah menasihati masyarakat Kampung Anggerik Desa yang bertani seperti penanam padi, penanam sayur, kopi koko dan lain-lainnya agar menjalankan tugas mereka dengan bersungguh-sungguh. Bagi penduduk yang bertukang, berniaga, yang menghasilkan kraf tangan, yang menyanyi dan yang makan gaji perlu menjalankan tugas mereka dengan sebaik mungkin dan sentiasa bersikap jujur dan amanah. Dengan cara ini, barulah mereka dapat mencapai kejayaan dalam hidup di dunia dan akhirat. Namun begitu, dalam masa yang sama mereka juga perlu sentiasa ingat dan taat akan perintah Allah SWT. Hasil daripada tindakan yang Haji Mihad lakukan itu telah dapat dilihat kesannya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dalam masyarakat di Kampung Anggerik Desa. Para pesawah sudah mula menuai hasil daripada usaha yang mereka jalankan malah hasilnya juga semakin baik.

Selain itu, menurut Ahmad Burtons lagi, Haji Mihad juga telah melakukan suatu tindakan yang sangat besar demi membantu dan menjamin pendapatan penduduk Kampung Anggerik Desa. Haji Mihad telah meluahkan hasratnya untuk membina irigasi di Kampung Anggerik Desa bagi mengairi kawasan pertanian bagi membantu para petani di kampung tersebut mengairi sawah dan kebun mereka terutamanya ketika menghadapi musim kemarau yang panjang. Walau pun hasrat Haji Mihad mendapat pelbagai reaksi daripada para penduduk dan golongan yang berkuasa di kampung tersebut, namun begitu akhirnya irigasi tersebut dapat juga direalisasikan. Dalam usaha untuk menyiapkan irigasi tersebut, Haji Mihad juga memperlihatkan sikapnya yang murni di mana beliau sanggup mengorbankan tanah miliknya untuk memastikan hasrat untuk membina irigasi tersebut menjadi kenyataan. Tindakan ini telah membantu golongan petani terutamanya golongan pesawah padi dan para pekebun. Mereka dapat mengusahakan sawah padi dan kebun mereka walaupun pada musim kemarau yang panjang.

Tindakan Haji Mihad yang bijaksana itu tidak terhenti di situ sahaja. Menurut Ahmad Burtons lagi, Haji Mihad juga telah menasihatkan para penoreh getah supaya tetap turun ke kebun untuk menoreh pokok-pokok getah mereka walau pun ketika itu harga getah jatuh. Haji Mihad telah mencadangkan agar pekebun getah terus menoreh pokok-pokok getah mereka dan hasil yang diperolehi itu disimpan di koperasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Apabila harga getah di pasaran telah mula meningkat, maka mereka bolehlah menjual getah-getah tersebut. Nasihat dan cadangan yang Haji Mihad berikan itu telah diikuti oleh para pekebun getah. Mereka mula menoreh pokok-pokok getah mereka walaupun semasa harga getah merosot. Jelaslah di sini bahawa Haji Mihad merupakan seorang yang bersifat *rabbani* dalam sesuatu tindakannya. Sikap Haji Mihad yang sanggup mengorbankan tanah miliknya merupakan suatu tindakan yang mulia bagi menjamin kesejahteraan masyarakat.

Lebai Pa juga sememangnya memiliki ilmu agama yang tinggi. Ilmu agama yang dimilikinya telah menjadikan Lebai Pa seorang yang bijaksana dalam tindakan yang diambil. Ilmu agama yang dimilikinya telah membolehkan beliau menggunakan ilmu tersebut untuk mengubah segala perilaku yang tidak baik yang telah melingkari hidup dan kehidupan masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Ilmu agamanya yang tinggi telah membolehkan Lebai Pa untuk bertindak dengan bijaksana untuk memujuk golongan muda yang selama ini hidup dalam pengaruh luar yang tidak sihat agar mula mendekatkan diri mereka dengan institusi surau. Beliau juga bertindak sebagai pendidik dan mendidik masyarakat di Kampung Bukit Setugal terutamanya golongan muda agar berjinak-jinak dengan ilmu agama, berjinak-jinak dengan surau dalam masa yang sama beliau cuba untuk membimbing golongan muda agar kembali taat dan lebih tekun menjalankan suruhan Allah SWT serta mengajak mereka agar meninggalkan segala perbuatan yang sia-sia. Lebai Pa telah membuka seluas-luasnya peluang kepada golongan muda yang ingin belajar ilmu agama dengannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Lebai Pa menjadi tumpuan para penduduk Kampung Bukit Setugal yang ingin mendalami ilmu agama serta ingin belajar mengaji dengannya. Ini kerana para penduduk di Kampung Bukit Setugal sedar akan ketinggian ilmu agama yang dimiliki oleh Lebai Pa. Tindakan Lebai Pa yang bijaksana dengan membuka peluang dan ruang yang seluas-luasnya kepada sesiapa sahaja yang ingin belajar mengaji dan belajar ilmu agama dengannya merupakan tindakan yang bijak dan amat dinanti-nantikan oleh sebahagian penduduk Kampung Bukit Setugal. Lebai Pa mahu membantu masyarakat khususnya golongan muda agar mereka yakin dengan keesaan Allah SWT. Tindakan Lebai Pa yang berusaha untuk membina keyakinan watak lain kepada kebenaran Islam dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

> "Kawan-kawan saya datang hendak belajar agama dari ayah Lebai." Pudin bersuara. Anak-anak muda yang duduk berlonggok di serambi surau itu berdiri lalu berjalan ke arah Lebai Pa.
>
> Lebai Pa membuka seluruh pintu hatinya menadah kesyukuran ke hadrat Allah. Moga-moga datangnya anak-anak muda itu menggabungkan diri dalam barisan manusia yang cintakan ilmu dan kesejahteraan hidup merupakan petanda bangkitnya kembali kegemilangan syiar Islam di Bukit Setugal. Lebai Pa amat faham akan sunah jatuh dan bangunnya Islam. Sejarah masuknya anak-anak muda ke dalam barisan Rasulullah s.a.w. pada zaman awal Islam seperti Sayidina Bilal r.a., Sayidina Ali bin Abi Talib r.a., Sayidina Hamzah r.a., Sayidina Saad bin Abi Waqas dan lain-lain para sahabat Nabi s.a.w. yang mulia itu. Mereka itulah daya penggerak yang memecahkan tembok jahiliah yang menebal dalam kehidupan masyarakat Makkah.
>
> "Alhamdulillah." Terlontar segala pujian kepada Allah daripada mulut Lebai Pa. "Selepas isyak nanti kita mula belajar."
>
> (Hasanuddin Md Isa, 1991: 91-92)

Petikan perbualan di atas adalah perbualan antara Lebai Pa dengan Pudin. Pudin merupakan anak muda Kampung Bukit Setugal yang selama ini turut berjuang bersama-sama Lebai Pa dan beberapa orang yang lain berusaha untuk memulihkan kembali keadaan masyarakat di Kampung Bukit Setugal yang mulai berubah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


terutamanya selepas kematian arwah Imam Resat di samping pengaruh anasir luar yang datang bersama-sama dengan arus pemodenan. Lebai Pa mahu membina keyakinan golongan muda agar sentiasa taat kepada Allah SWT. Dalam petikan di atas, Pudin telah membawa beberapa orang rakannya yang merupakan golongan muda di Kampung Bukit Setugal ke surau tua Kampung Bukit Setugal itu kerana mereka ingin belajar mengaji al-Quran dan mendalami ilmu agama daripada Lebai Pa. Mereka dengan rela hati datang bertemu sendiri dengan Lebai Pa di surau tua Kampung Bukit Setugal itu. Kedatangan kawan-kawan Pudin yang ingin belajar mengaji dan mempelajari ilmu agama daripada Lebai Pa itu telah disambut baik oleh Lebai Pa. Beliau menerima hasrat dan niat golongan muda itu dengan hati terbuka kerana beliau sedar bahawa golongan muda inilah yang bakal menjadi pemimpin pada masa hadapan dan merekalah yang akan meneruskan segala apa yang telah diusahakan pada masa kini. Jika baik ilmu yang ada di dada golongan muda ini, maka akan baiklah apa yang akan dilaksanakan oleh golongan muda ini pada masa hadapan. Tiada sebarang penolakan yang mereka terima daripada Lebai Pa. Lebai Pa terus bersetuju untuk mengajarkan ilmu agama kepada mereka selepas mereka selesai menunaikan solat Isyak pada malam itu. Akhirnya niat Lebai Pa untuk mendakwahkan masyarakat di Kampung Bukit Setugal telah mula menampakkan hasilnya. Tindakan Lebai Pa menerima hasrat golongan muda ini untuk belajar mengaji al-Quran dan belajar ilmu agamanya merupakan suatu tindakan yang bijak dan patut dicontohi.

Petikan-petikan di atas dengan jelas telah membuktikan bahawa Haji Mihad dan Lebai Pa merupakan insan yang bijaksana dalam tindakan yang diambil dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


uasaha untuk membina keyakinan watak lain atau masyarakat. Haji Mihad telah menyeru para penduduk Kampung Anggerik Desa agar melakukan jenis-jenis pekerjaan yang mereka mahir dengan bersungguh-sungguh. Beliau telah meminta agar semua golongan petani agar mengusahakan tanaman mereka secara bersungguh-sungguh. Begitu juga dengan orang yang bertukang, berniaga, sulam-menyulam, menghasilkan kraftangan, bernyanyi dan sebagainya agar terus berusaha sehingga berjaya dalam bidang masing-masing. Bagi golongan yang makan gaji pula perlu bekerja dengan amanah dan rajin. Selain itu, tindakan Haji Mihad yang mengajak masyarakat Kampung Anggerik Desa membina irigasi juga telah menunjukkan kesannya apabila dapat membekalkan air untuk mengairi kawasan pertanian mereka. Begitu juga dengan Lebai Pa yang memiliki sifat sebagai seorang insan *Rabbani* dalam mengambil sesuatu tindakan. Tindakan Lebai Pa telah berjaya menarik minat golongan muda untuk belajar dan mendalami ilmu agama dengan beliau. Kedatangan golongan anak muda ke surau tua Kampung Bukit Setugal tanpa dipaksa dengan jelas menunjukkan kebijaksanaan Lebai Pa dalam usahanya untuk menyebarkan syiar Islam di Kampung Bukit Setugal. Jelaslah di sini bahawa Haji Mihad dan Lebai Pa amat sesuai untuk diangkat sebagai model insan yang berperwatakan terpuji. Tindakan mereka yang berusaha untuk membina keyakinan watak lain itu amat sesuai untuk dijadikan contoh ikutan.

### 4.4.5 Mewujudkan Masyarakat Yang Sejahtera

Insan *Rabbani* juga berperanan untuk mewujudkan masyarakat yang sejahtera dan harmoni. Masyarakat yang harmoni akan melahirkan suasana yang aman dan sentosa dalam masyarakat. Masyarakat yang sejahtera juga akan memudahkan tugas Haji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Mihad sebagai seorang imam untuk menyusun program-program berkaitan agama Islam di Kampung Anggerik Desa. Untuk maksud itu, maka Haji Mihad melakukan banyak perubahan di Kampung Anggerik Desa yang tujuannya adalah untuk melahirkan masyarakat yang sejahtera dan dalam masa yang sama patuh pada perintah Allah SWT. Tindakan Haji Mihad yang dapat mensejahterakan masyarakat dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

> Subhanal-Lah! Gelanggang itu bukan di dalam masjid. Nun, di bawah kaki bukit, dekat dengan simpang lebuh raya dan jalan tanah merah. Tanah itu dulu hutan senduduk dan lalang. Tapi sekarang sudah bersih ditaruh simen. Orang sudah mulai nampak akan gunanya tanah dulunya yang terbiar. Lagi pula budak-budak itu main badminton atau sepak raga bukan waktu orang beribadat. Lepas asar, siapa lagi yang ada di masjid? Kalau mereka main pun, bila sampai waktu solat mereka berhenti dan yang pentingnya budak-budak itu yang dulu yang tidak pernah kenal masjid sudah ikut bersolat. Anak Cina dan anak Hindu kalau mereka tak balik mereka tunggu sampai lepas isyak. Duit lampu mereka yang bayar sendiri bukan masjid bayar. Bukankah itu boleh membina satu adat yang baik? Mengajar mereka yang bukan Islam itu menghormati ibadat kita?
>
> (Abdullah Hussain, 1995: 196)

Petikan di atas dapat membuktikan tindakan yang dilakukan oleh Haji Mihad untuk mewujudkan masyarakat yang sejahtera. Haji Mihad telah menggunakan tanah lapang milik Masjid Haji Salih yang selama ini terbiar sebagai gelanggang sepak raga dan badminton. Dengan adanya gelanggang tersebut, maka anak-anak muda pelbagai kaum yang selama ini banyak menghabiskan masa lapang mereka di bandar telah beralih arah. Mereka mulai bermain di gelanggang yang dibina itu. Apabila masuk waktu solat Asar, golongan anak muda ini akan berhenti bermain sebagai menghormati waktu solat. Malah ada di antara golongan anak muda ini yang mula menunaikan solat Asar berjemaah di masjid tersebut semasa masuknya waktu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sembahyang Asar. Pembinaan gelanggang tersebut secara tidak langsung telah menarik golongan muda agar kenal masjid atau mula berjinak-jinak dengan masjid. Kesan jangkan panjangnya, golongan ini akan mulai rasa selesa untuk ke masjid. Tindakan Haji Mihad juga dapat membantu pembentukan masyarakat majmuk yang saling hormat-menghormati.

Watak Lebai Pa juga berusaha untuk mewujudkan masyarakat yang sejahtera di Kampung Bukit Setugal. Untuk tujuan itu, Lebai Pa untuk membangunkan sebuah tempat yang dapat memberi pendidikan agama yang lengkap kepada anak-anak remaja di Kampung Bukit Setugal dan juga untuk kawasan sekitarnya yang berminat untuk mendalami ilmu agama. Petikan di bawah dapat membuktikan bahawa Lebai Pa ingin mewujudkan kesejahteraan dalam masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Lebai Pa bercadang untuk membangunkan sebuah madrasah yang lebih baik susunannyadaripada apa yang telah dibangunkan oleh arwah Imam Mat di Bukit Keledang. Lebai Pa tidak mahu menjadikan madrasah itu nanti hanya setakat tempat membahaskan cabang-cabang ilmu dalam Islam, tetapi biarlah madrasah itu menjadi pusat penyebaran agama Islam di kampung Bukit Setugal atau jika mampu, ia akan menampung semua pelajar dari seluruh daerah Kalisendung yang ingin mendalami ilmu agama. Biarlah madrasah yang bakal dibangunkan nanti akan menerapkan gabungan iman, ilmu dan amal sekaligus.
>
> (Hasanuddin Md Isa, 1991: 153)

Petikan di atas merupakan cita-cita yang tertanam dalam diri Lebai Pa. Lebai Pa ingin membangunkan sebuah madrasah yang tersusun dan lengkap. Beliau telah menjadikan Madrasah Imam Mat di Bukit Keledang tempat beliau mendalami ilmu agama suatu ketika dahulu sebagai penanda arasnya. Lebai Pa juga bercadang mahu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menjadikan madrasah tersebut sebagai pusat penyebaran agama Islam di Kampung Bukit Setugal dan bukan hanya membahaskan cabang-cabang ilmu dalam Islam semata-mata. Jika ada kemampuan, beliau ingin menjadikan madrasah tersebut sebagai tempat mempelajari dan mendalami ilmu-ilmu berkaitan agama Islam yang khusus bukan hanya untuk anak-anak Kampung Bukit Setugal sahaja, malah turut menampung pelajar-pelajar dari seluruh Daerah Kalisendung yang ingin menuntut di madrasah tersebut. Lebai Pa mahu menerapkan iman, ilmu dan amal kepada para pelajar yang menuntut di madrasah tersebut. Cita-cita Lebai Pa merupakan cita-cita yang mulia dan boleh dicontohi dalam usaha untuk melahirkan modal insan yang memiliki ilmu yang seimbang untuk kehidupan di dunia dan akhirat.

### 4.4.6 Mengembalikan Kegemilangan Islam

Sebagai insan *Rabbani* yang jiwanya sentiasa dekat dengan Allah SWT, adalah menjadi tugas utama Haji Mihad untuk mengembalikan kegemilangan Islam di Kampung Anggerik Desa. Haji Mihad telah melihat keadaan masyarakat di Kampung Anggerik Desa yang pada pandangannya telah mula menyimpang dari jalan yang dianjurkan oleh Islam. Tindakan Haji Mihad yang berusaha untuk mengembalikan kegemilangan Islam di Kampung Anggerik Desa dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

> Bagi tujuan itulah katanya, Masjid Haji Salih ini perlu ada satu badan pentadbir yang tetap selain daripada imam, khatib, bilal dan siak. Perlu ada satu jawatankuasa pentadbir dan seksi-seksi kecil yang mengatur segala macam kegiatan bagi memakmurkan masjid. Masjid ini mesti menjadi tempat tumpuan kita setiap hari dan tempat yang boleh menimbulkan rasa bangga sebagai orang Islam sebab itulah kita mesti menjaga dan merawatnya dengan bersungguh-sungguh. Kita mesti menjaga bangunannya supaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> selalu dalam keadaan baik, kita mesti menjaga keadaan persekitarannya supaya bersih dan menyenangkan mata memandang, kita mesti membuat kegiatan-kegiatan agama selain daripada solat lima waktu.
>
> (Abdullah Hussain, 1995: 547)

Sebaik sahaja dilantik sebagai imam di Masjid Haji Salih di Kampung Anggerik Desa, Haji Mihad terus melakukan perubahan yang drastik terhadap organisasi Masjid Haji Salih. Ini dilakukan kerana pada pandangan Haji Mihad, organisasi Masjid Haji Salih masih belum lengkap. Ada beberapa jawatankuasa kecil yang perlu diwujudkan selain jawatankuasa yang sedia ada agar organisasi masjid menjadi lebih lengkap dan lebih menyeluruh. Dengan sebab itu, Haji Mihad telah mengadakan mesyuarat untuk membentuk beberapa jawatankuasa kecil bagi melicinkan lagi perjalanan masjid tersebut. Jawatankuasa yang baru diwujudkan itu dapat menjadi pelengkap kepada jawatankuasa sedia ada. Dengan wujudnya jawatankuasa masjid yang baharu itu, keadaan Masjid Haji Salih telah berubah rupa dan pengurusan masjid menjadi lebih teratur. Keadaan sekitar masjid telah menjadi semakin ceria dan bersih. Masjid juga telah berfungsi hampir 24 jam sehari. Masjid boleh dikunjungi oleh masyarakat pada bila-bila masa sahaja. Pintu dan tingkap masjid sentiasa terbuka bertujuan untuk memudahkan orang yang bermusafir yang ingin singgah di masjid tersebut.

Kawasan masjid yang sebelum ini agak terbiar. Pintu dan tingkap masjid hanya akan dibuka sekiranya ada majlis yang dianjurkan di masjid tersebut, semasa solat fardhu dan pada hari Jumaat sahaja. Selain itu, pintu dan tingkap masjid akan sentiasa ditutup. Namun begitu, keadaan ini telah berubah semenjak Haji Mihad

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dilantik menjadi imam di Masjid Haji Salih. Pelbagai jenis pokok telah ditanam di kawasan masjid agar kawasan masjid menjadi lebih ceria. Kerusi-kerusi diletakkan di bawah pokok agar dapat digunakan oleh para jemaah sementara menunggu masuknya waktu solat. Kerusi-kerusi tersebut juga dapat digunakan oleh orang ramai yang melalui kawasan masjid tersebut atau ketika mereka berhenti di kawasan masjid tersebut untuk menunaikan solat.

Haji Mihad juga membina gelanggang sukan di kawasan lapang berdekatan Masjid Haji Salih yang terbiar dan telah ditumbuhi semak-samun sebelum ini. Pembinaan gelanggang sukan tersebut telah berjaya menarik perhatian golongan muda. Mereka menggunakan gelanggang sukan tersebut untuk memenuhi masa lapang mereka dengan bersukan. Apabila masuk waktu solat, ada di antara mereka akan turut menunaikan solat fardhu secara berjemaah di masjid. Dengan itu, jumlah jemaah yang menunaikan solat fardhu secara berjemaah semakin ramai.

Selain itu, isteri Haji Mihad, iaitu Siti Nur Aisyah telah membuka tadika untuk anak-anak penduduk Kampung Bukit Setugal di masjid tersebut. Keadaan ini telah menjadikan kawasan masjid tidak sunyi seperti sebelum ini. Perubahan yang dilakukan oleh Haji Mihad telah berjaya menjadikan Masjid Haji Salih, Kampung Anggerik Desa menjadi tumpuan masyarakat pada sepanjang masa dan dalam masa yang sama dapat mengembalikan kegemilangan Islam di Kampung Anggerik Desa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Lebai Pa juga sentiasa berjuang untuk mengembalikan kegemilangan Islam di Kampung Bukit Setugal. Ini kerana orang yang sepatutnya bertanggungjawab untuk memastikan syiar Islam terus berkembang mantap di Kampung Bukit Setugal, iaitu Imam Min tidak menjalankan amanah dan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya. Oleh itu, tanggungjawab ini telah diambil alih oleh Lebai Pa. Leba Pa dan beberapa orang kepercayaannya yang selama ini berusaha untuk menghidupkan kembali surau tua di Kampung Bukit Setugal. Mereka bersama-sama telah mengorak langkah untuk berjuang bagi mengembalikan kegemilangan Islam di Kampung Bukit Setugal. Tindakan Lebai Pa yang berjuang untuk mengembalikan kegemilangan agama Islam di Kampung Bukit Setugal dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

> "Pak Soh kenalah fikir. Soal mendirikan masjid tidak sama dengan mendirikan rumah, balai raya atau pun reban ayam. Masjid itu rumah Allah, tempat manusia meletakkan dahinya sujud untuk menyatakan ketundukan mereka kepada Allah. Oleh kerana mulianya masjid itu, tidaklah wajar tapak masjid itu menjadi pertikaian sepanjang masa. Kerana itulah, kerana itulah sejak ura-ura masjid baru akan didirikan di kampung ini, saya telah cadangkan tanah wakaf arwah Imam Resat dijadikan tapak masjid itu."
>
> (Hasanuddin Md Isa, 1991: 99)

Dialog di atas merupakan dialong antara Lebai Pa dengan Pak Soh, iaitu ketua Kampung Bukit Setugal. Dialog ini timbul kerana sebuah masjid baharu akan dibina di Kampung Bukit Setugal. Pak Soh mahu masjid tersebut dibina di sebidang tanah lapang yang terletak di tepi jalan besar masuk ke kampung itu. Namun begitu, Lebai Pa tidak bersetuju dengan cadangan Pak Soh. Begitu juga dengan penduduk Kampung Bukit Setugal yang tidak bersetuju dengan cadangan Pak Soh kerana tempat yang Pak Soh cadangan itu kurang sesuai. Ini kerana walaupun tanah tersebut terletak di tepi jalan besar, namun begitu keluasan tanah tersebut tidak memenuhi syarat yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


ditetapkan untuk pembinaan sesebuah masjid baharu seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Agama Negeri. Selain itu, dibimbangi jika masjid baharu tersebut dibina di tepi jalan besar itu, tidak ramai jemaah yang bersolat fardhu di sana jika dibandingkan dengan tanah yang diwakafkan oleh Imam Resat. Tanah tersebut terletak di tengah-tengah kampung serta memudahkan penduduk kampung untuk mengimarahkan masjid baharu tersebut apabila siap dibina nanti.

Tindakan Lebai Pa menentang cadangan Pak Soh adalah kerana beliau ingin memastikan masjid yang baharu dibina itu nanti akan benar-benar dapat dimanfaatkan oleh para penduduk Kampung Bukit Setugal. Pelbagai program dapat dijalankan di masjid baharu tersebut selain solat Jumaat yang dijalankan pada setiap minggu. Beliau tidak mahu melihat sebuah masjid yang tersergam indah namun tidak diimarahkan oleh masyarakat sekeliling kerana kedudukannya yang tidak sesuai serta menyukarkan masyarakat untuk mengimarahkan masjid tersebut. Sikap Lebai Pa merupakan sifat Insan Rabbani yang berusaha untuk mengembalikan kegemilangan agama Islam di Kampung Bukit Setugal. Beliau tidak mempolitikkan urusan pembinaan masjid baharu itu. Niat beliau adalah untuk mencari keredhaan Allah SWT. Sikap Lebai Pa ini merupakan contoh ikutan terbaik dan dalam masa yang sama dapat membentuk modal insan yang terpuji.

### 4.4.7 Memiliki Disiplin yang Tinggi

Sebagai insan *Rabbani*, seseorang itu mestilah mempunyai disiplin yang tinggi dalam apa sahaja yang dilakukan di jalan Allah SWT. Begitu juga dengan watak Haji Mihad

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dan Lebai Pa. Haji Mihad memiliki disiplin yang sangat tinggi dalam usahanya untuk menyebarkan syiar Islam kepada masyarakat di Kampung Anggerik Desa. Haji Mihad menyampaikan syiar Islam bukan hanya kepada masyarakat Islam. Beliau juga menyampaikannya kepada semua golongan dan kaum yang ada di Kampung Anggerik Desa. Ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

> Saya punya bapa sudah sikit-sikit faham. Dia sudah mula percaya sama Haji Mihad. Dia banyak tanya. Haji Mihad pun banyak sabar. Tiap-tiap hari dia datang jumpa saya punya bapa dan bercakap-cakap. Saya lihat saya punya bapa sudah mau belajar sembahyang.
>
> (Abdullah Hussain, 1995: 278)

Dialog di atas merupakan interviu antara pegawai Majlis Agama dengan Lau Ping Sum atau nama timangannya ialah Sufi Lau. Interviu tersebut dijalankan kerana terdapat laporan dari penduduk Kampung Anggerik Desa terhadap Haji Mihad. Dalam interviu tersebut, Sufi Lau menceritakan bagaimana layanan dan perhatian yang telah diberikan oleh Haji Mihad terhadap bapanya. Sufi Lau menyatakan bahawa bapanya memeluk agama Islam kerana takut kepada tentera Jepun yang pada masa tersebut menjajah Tanah Melayu. Disebabkan bimbang akan keselamatan dirinya dan ahli keluarganya tergugat, akhirnya bapa Sufi Lau dan Sufi Lau memeluk agama Islam dan tinggal dalam komuniti Melayu kerana tentera Jepun tidak mengganggu masyarakat Melayu.

Dalam petikan di atas, jelas membuktikan bahawa Haji Mihad mempunyai disiplin yang tinggi dalam usahanya untuk mengembangkan syiar Islam di Kampung Anggerik Desa. Watak Haji Mihad telah berjaya membantu watak lain, iaitu bapa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sufi Lau agar menjadi muslim yang taat pada perintah Allah SWT dan membuang segala tabiat buruknya. Bapa Sufi Lau telah memeluk Islam sejak sekian lama, namun tidak mengamalkan cara-hidup Islam sepenuhnya. Beliau juga akan minum arak pada setiap malam sebelum tidur. Namun atas kegigihan dan disiplin yang tinggi, Haji Mihad berjaya mengubah sikap dan pendirian bapa Sufi Lau. Haji Mihad selalu berjumpa dengan bapa Sufi Lau dan mengajaknya agar mengamalkan cara hidup Islam yang sebenarnya. Setelah sekian lama berusaha, akhirnya Haji Mihad berjaya membawa bapa Sufi Lau agar mengamalkan ajaran Islam. Bapa Sufi Lau telah mulai sembahyang, berhenti minum arak dan telah menunaikan solat Jumaat di Masjid Haji Salih sebelum meninggal dunia. Disiplin yang tinggi yang dimiliki oleh Haji Mihad patut dicontohi agar dapat melahirkan modal insan yang berperibadi mulia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Begitu juga dengan Lebai Pa. Sebagai orang agama, Lebai Pa juga mempunyai disiplin yang tinggi dalam menyebarkan syiar Islam dalam masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Sifat disiplin tinggi yang dimiliki oleh Lebai Pa dapat dilihat dari kelas-kelas agama yang dijalankan oleh beliau kepada masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Beliau mengadakan kelas-kelas agama yang tetap mengikut hari-hari yang telah ditetapkan. Beliau telah menetapkan jadual bagi setiap kelas yang dijalankan. Dengan cara itu, masyarakat Kampung Bukit Setugal dapat mengikuti kelas-kelas agama yang dijalankan itu dengan istiqamah. Petikan di bawah merupakan membuktikan bahawa Lebai Pa memiliki disiplin yang tinggi dalam menyebarkan syiar Islam dalam masyarakat di Kampung Bukit Setugal.

> "Kitab *Matan al-Baldrin* ini saya ajarkan kepada pemuda-pemuda kampung ini pada malam Isnin, kitab *Hadiyatul Salikin* ini pula saya ajarkan pada malam Selasa. Kitab *Aqidatul Muslim* ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> diajarkan pada malam Rabu dan kitab tajwid al-Quran saya ajarkan pada malam-malam yang lainnya." Lebai Pa memberikan penjelasan sambil menunjukkan kitab-kitab yang sering digunakan itu.
>
> (Hasanuddin Md Isa, 1991: 112)

Dalam petikan di atas, jelas menunjukkan bahawa Lebai Pa merupakan seorang yang mempunyai disiplin yang tinggi dalam pengajaran dalam usahanya untuk menyebarkan syiar Islam dalam masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Disiplin yang tinggi adalah sangat penting kerana tanpa disiplin yang tinggi, sudah tentu usaha murninya sukar untuk direalisasikan. Oleh itu, Lebai Pa memastikan program-program untuk menanam semula benih keimanan dalam diri masyarakat dapat berjalan dengan lancar tanpa menghadapi sebarang masalah. Untuk tujuan itu, Lebai Pa telah mengadakan jadual yang lengkap kelas-kelas agama yang beliau rancangkan kepada masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Dalam petikan di atas, Lebai Pa telah menyatakan jadual program kelas agamanya. Pada malam Isnin, Lebai Pa akan mengajar golongan pemuda dengan menggunakan Kitab *Matan al-Baldrin,* pada malan Selasa beliau mengajar menggunakan kitab *Hadiyatul Salikin,* pada malam Rabu, beliau mengajar menggunakan kitab *Aqidatul Muslim* dan kitab tajwid al-Quran, Lebai Pa ajarkan pada malam-malam yang lainnya. Dengan jadual program agama yang tersusun, maka Lebai Pa dapat memastikan masyarakat setiap golongan masyarakat di Kampung Bukit Setugal akan dapat mempelajari ilmu agama yang pelbagai mengikut giliran yang telah ditetapkannya. Ini dapat memudahkan masyarakat di Kampung Bukit Setugal menyusun jadual harian mereka. Sikap Lebai Pa merupakan sikap yang terpuji. Beliau sangat layak dijadikan sebagai model insan yang berperwatakan terpuji dan dapat dijadikan sebagai model yang dapat membentuk modal insan yang berkualiti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 4.4.8 Memberi Layanan Yang Baik Terhadap Keluarga

Sebagai seorang yang memiliki ilmu agama yang tinggi, watak Haji Mihad telah digambarkan sebagai seorang ketua keluarga dan sebagai seorang suami yang sentiasa memberikan layanan yang baik dan mesra terhadap isterinya. Isteri Haji Mihad , iaitu Siti Nur Aisyah sentiasa diberikan layanan yang baik oleh Haji Mihad. Haji Mihad tidak pernah membuat sesuatu keputusan yang melibatkan keluarganya tanpa meminta pandangan daripada isterinya. Ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

> "Tapi anak dan isteri saya mesti saya tanya dalu pendapat mereka," kata Haji Mihad kemudian. "Saya tidak tahu mereka mau pindah atau tidak. Kalau mereka tidak mau saya tidak boleh buat apa-apa."
>
> (Abdullah Hussain, 1995: 519)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbualan dalam petikan di atas merupakan perbualan di antara Haji Mihad dengan Haji Abdul Rahman, imam satu di Masjid Haji Salih, Kampung Anggerik Desa. Dalam perbualan tersebut, Haji Abdul Rahman dan isterinya mencadangkan Haji Mihad bersama isteri dan anaknya agar pulang dan tinggal di kampung tersebut. Haji Abdul Rahman mahu Haji Mihad menggantikan tempatnya sebagai imam di Masjid Haji Salih kerana beliau semakin tua dan uzur. Selain itu, Haji Mihad juga merupakan penduduk asal kampung tersebut. Haji Mihad juga memiliki sebuah rumah pusaka yang ditinggalkan untuknya selain tanah kebun getah. Walaupun Haji Mihad boleh menggunakan kuasanya sebagai seorang suami dan ketua keluarga untuk memutuskan perkara tersebut, namun Haji Mihad tetap ingin meminta pandangan isteri dan anak perempuannya sebelum membuat keputusan tersebut. Demi menjaga hati dan untuk mengelakkan rasa tidak puas hati dalam diri isteri dan anaknya, Haji Mihad tidak terburu-buru memutuskan perkara tersebut. Ini jelas menunjukkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bahawa Haji Mihad amat menghargai isterinya, menghormati pandangannya dan dalam masa yang sama memberikan layanan yang baik terhadap isterinya.

Lebai Pa juga memiliki sikap mulia seperti Haji Mihad dalam memberikan layanan terhadap isterinya. Lebai Pa memberikan layanan yang baik terhadap isterinya, Jemilah. Beliau amat menyayangi isterinya walaupun mereka tidak dikurniakan anak. Sikap Lebai Pa yang memberi layanan yang baik terhadap isterinya dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

> "Saya hendak ke pejabat agama di bandar Kalisendung. Tidak pasti pula bila akan pulangnya. Milah ada duit belanja di rumah?"
>
> "Ada. Tapi kenapa Pa tidak beritahu Milah sejak semalam lagi tentang hal ini?"
>
> "Saya dijemput oleh tuan kadi pagi ini dengan cara yang tergesa-gesa."
>
> "Mengapa?"
>
> Lebai Pa mendiamkan diri. Dia tidak sanggup untuk menanamkan benih-benih kedukaan ke dalam hati isterinya itu. Jemilah merenung wajah Lebai Pa yang keruh pada pagi itu. Hatinya bagai dicuit-cuit untuk mengetahui perkara sebenar yang telah terjadi kepada suaminya.
>
> (Hasanuddin Md Isa, 1991: 112-113)

Perbualan di atas tercetus apabila dua orang pegawai dari pejabat agama Kalisendung datang ke rumah Lebai Pa. Mereka ingin menjemput Lebai Pa ke pejabat agama di Bandar Kalisendung kerana dijemput oleh tuan kadi. Dalam perbualan di atas, Lebai Pa telah memberikan layanan yang baik terhadap isterinya, Jemilah. Lebai Pa dengan sedaya upayanya cuba untuk menjaga hati dan perasaan isterinya. Dalam perbualan di atas, jelas membuktikan bahawa Lebai Pa berusaha untuk mengelak dari menimbulkan perasaan sedih dan cemas dalam diri isterinya. Beliau tidak mahu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


isterinya berasa sedih dan risau terhadap apa yang berlaku kepada dirinya. Oleh sebab itulah, Lebai Pa cuba untuk merahsiakan sebarang peristiwa yang berlaku yang boleh menimbulkan kesedihan dan kerisauan isterinya. Sikap dan tindakan Lebai Pa membuktikan bahawa beliau sentiasa menjaga perasaan isterinya dan memberikan layanan yang baik terhadap isterinya.

### 4.4.9 Meningkatkan Pemahaman Agama Islam dalam Masyarakat

Sebagai seorang yang memiliki ciri-ciri insan *Rabbani*, Haji Mihad telah memainkan peranannya dalam usaha untuk meningkatkan pemahaman keagamaan dalam masyarakat di Kampung Anggerik Desa. Beliau sentiasa berusaha agar masyarakat di Kampung Anggerik Desa agar benar-benar memahami ilmu agama serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Hasil daripada usaha-usaha yang dilakukan Haji Mihad, jumlah jemaah yang datang menunaikan solat Jumaat makin bertambah dari semasa ke semasa. Kejayaan Haji Mihad meningkatkan pemahaman agama dalam masyarakat setempat dapat dibuktikan dalam petikan di bawah.

> Sekarang ini jemaah di masjid itu makin bertambah ramai kelihatannya. Pada masa dia mula-mula menjadi imam dahulu, hendak genapkan empat puluh orang pun agak susah, terpaksa tunggu kadang-kadang sampai setengah jam. Selalu sahaja diikuti dengan solat zohor sesudah solat Jumaat kerana tidak pernah cukup korum. Sekarang masjid ini sudah terasa kecil pula, ada muka-muka baru yang bukan berasal dari kariah ini datang bersolat Jumaat.
>
> (Abdullah Hussain, 1995: 25)

Petikan di atas merupakan monolog Haji Mihad berkenaan dengan jumlah jemaah masjid tersebut semasa solat Jumaat dijalankan. Haji Mihad sedar dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


perubahan jumlah jemaah yang datang untuk menunaikan solat Jumaat sebelum-sebelum ini jika dibandingkan dengan sekarang. Semasa Haji Mihad mula-mula menjadi imam di Masjid Haji Salih, bilangan jemaah sangat sedikit. Untuk mengcukupkan jumlah seramai 40 orang jemaah pun menjadi sukar. Keadaan ini menyebabkan mereka terpaksa menunaikan solat Zohor selepas menunaikan solat Jumaat kerana jumlah jemaah kurang daripada 40 orang. Namun begitu, kini keadaan sudah berubah. Keadaan masjid telah menjadi sesak dan tidak dapat memuatkan jumlah jemaah yang datang untuk menunaikan solat Jumaat. Keadaan ini berlaku kerana tindakan Haji Mihad yang menulis sendiri khutbah yang disampaikan pada hari Jumaat. Kandungan khutbah yang beliau karang telah berjaya menarik minat jemaah untuk datang menunaikan solat Jumaat di Masjid Haji Salih. Ini menyebabkan semakin lama jumlah jemaah semakin ramai sehingga ada yang terpaksa menunaikan solat Jumaat di luar bangunan masjid tersebut. Ini menunjukkan bahawa Haji Mihad telah berjaya menarik minat jemaah untuk menunaikan solat Jumaat dengan cara meningkatkan pemahaman agama melalui khutbah yang beliau karang sendiri.

Lebai Pa juga sentiasa berusaha untuk meningkatkan pemahaman agama dalam masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Ini kerana masyarakat di Kampung Bukit Setugal telah terpengaruh dengan anasir-anasir luar yang tidak sihat. Jika pemahaman agama masyarakat tidak diperkukuhkan, maka akan menjadi lebih sukar bagi Lebai Pa untuk mengembangkan syiar Islam dalam kalangan masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Petikan di bawah membuktikan bahawa Lebai Pa berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan pemahaman agama dalam masyarakat di Kampung Bukit Setugal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Cuma yang berbeza ialah peralatan. Kitab dan ilmu tetap bersandarkan kepada al-Quran dan Hadis Rasulullah s.a.w. Biarlah musalla yang menjadi tempat belajar murid-murid pondok itu nanti akan diterangi oleh cahaya elektrik yang dibekalkan oleh sebuah enjin yang memakai petrol sebagai bahan apinya. Setiap butiran pelajaran yang akan disampaikannya kepada murid-muridnya nanti lebih mudah dan jelas didengar apabila satu set pembesar suara digunakan untuk tujuan mengajar pada waktu malam.
>
> (Hasanuddin Md Isa, 1991: 155)

Petikan di atas merupakan salah satu tindakan yang Lebai Pa ambil demi untuk meningkatkan pemahaman agama masyarakat di Kampung Bukit Setugal. Demi untuk meningkatkan pemahaman agama masyarakat, Lebai Pa telah mengambil langkah yang drastik dengan membina sebuah madrasah yang menempatkan anak-anak muda dari Kampung Bukit Setugal dan kawasan yang berdekatan. Demi untuk memudahkan pemahaman agama pelajar-pelajarnya, maka Lebai Pa akan menyediakan kemudahan elektrik dengan menggunakan sebuah enjin petrol. Dengan cara ini, para pelajar akan dapat mendalami ilmu agama dengan lebih selesa. Selain itu, set pembesar suara yang bakal disediakan di madrasah tersebut akan turut memudahkan para pelajar untuk mendengar apa yang disampaikan kepada mereka. Tindakan Lebai Pa ini jelas menunjukkan bahawa beliau berusaha untuk meningkatkan pemahaman agama dalam masyarakat. Tindakan Lebai Pa ini patut dicontohi agar dapat melahirkan modal insan yang seimbang dalam masyarakat.

## 4.5 Analisis Terhadap Novel *Imam* dan *Mereka Yang Tertewas* Berdasarkan Ciri-ciri Insan *Kamil*

Bab ini membincangkan tentang analisis ciri-ciri insan *Kamil* terhadap novel *Imam* dan *Mereka yang Tertewas*. Insan *Kamil* dalam Islam merupakan manusia sempurna

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


atau manusia lengkap yang dijadikan Allah SWT bagi menguruskan kehidupan berdasarkan ketaatan yang utuh kepada Yang Maha Pencipta. Menurut M. Dawam Raharjo (1995: 104) Insan *Kamil* adalah Nur Muhammad yang merupakan "tempat penjelmaan" (*tajalli*), asma, zat Allah SWT yang paling menyeluruh yang ia pandang sebagai khalifah Allah di muka bumi."

Kamariah Kamarudin telah memperincikan ciri-ciri bagi konsep insan *Kamil*. Menurut beliau, ciri-ciri insan *Kamil* adalah manusia sempurna dan hanya boleh dicapai oleh para nabi dan rasul sahaja. Menurut Kamariah Kamarudin (2011) Golongan ini merupakan manusia yang telah diangkat tarafnya oleh Allah SWT sebagai "manusia sempurna" berdasarkan proses peribadatan melalui keimanan dan ketakwaan yang tinggi terhadap-Nya. Dalam hal ini, hanya Nabi Muhammad SAW yang layak diangkat sebagai insan *Kamil* kerana baginda SAW merupakan manusia yang menjadi contoh teladan kepada umat manusia yang lain di sepanjang zaman.

Jadual 4.6

*Analisis Terhadap Watak Utama Novel Imam dan Mereka yang Tertewas Berdasarkan Ciri-ciri Insan Kamil*

| Bil. | Ciri-ciri Insan *Kamil* | Haji Mihad | Lebai Pa |
|---|---|---|---|
| **1.** | Hanya mampu oleh para nabi dan rasul. | **X** | **X** |
| **2.** | Manusia sempurna | **X** | **X** |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Berdasarkan ciri-ciri insan *Kamil* yang dipaparkan dalam jadual 6 di atas, maka dapatlah disimpulkan bahawa watak Haji Mihad dan Lebai Pa tidak layak untuk diangkat sebagai insan *Kamil*. Ini adalah kerana walaupun kedua-dua watak utama tersebut memiliki semua ciri insan Khalifah dan insan *Rabbani*, namun kedua-dua watak utama ini tidak layak untuk diangkat atau diiktiraf sebagai insan *Kamil*. Ini adalah kerana taraf insan *Kamil* hanya mampu dicapai oleh golongan para nabi dan rasul sahaja. Dalam keadaan ini, hanya Nabi Muhammad SAW sahaja yang layak untuk diiktiraf sebagai insan *Kamil*. Ini adalah berdasarkan ketaatan baginda SAW dan kegigihan baginda SAW dalam menyebarkan syiar Islam. Insan *Kamil* merupakan kemuncak kepada kejadian manusia di muka bumi ini yang hanya dimiliki oleh manusia yang mengabdikan diri sepenuhnya kepada Allah SWT. Hanya Nabi Muhammad SAW sahaja yang mencapai tahap insan *Kamil*. Ini adalah berdasarkan keperibadian, akhlak dan keistimewaan Nabi Muhammad SAW.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 4.6 Rumusan Analisis Prinsip Kerasulan Sebagai Insan *Kamil* Terhadap Novel *Imam* dan *Mereka yang Tertewas*

Pengkaji telah mengaplikasi ciri-ciri Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* dalam analisis yang dijalankan terhadap novel *Imam* (1995) karya Abdullah Hussain dan novel *Mereka yang Tertewas* (1991) karya Hasanuddin Md Isa. Aplikasi berdasarkan konsep keinsanan yang merupakan intipati daripada prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* terhadap kedua-dua buah novel tersebut telah membuktikan bahawa kedua-dua buah novel tersebut menepati ciri-ciri yang digariskan dalam prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* yang diaplikasi dalam kajian ini. Perwatakan watak-watak utama dalam kedua-dua buah novel dikaji juga telah ditonjolkan dengan begitu sempurna

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


oleh Abdullah Hussain dan Hasanuddin Md Isa. Watak dan perwatakan watak utama telah digambarkan sebagai insan yang sangat taat dan patuh kepada perintah Allah SWT. Kedua-dua watak utama dalam novel yang dikaji sememangnya mengesakan Allah SWT, menunaikan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Keimanan dan ketakwaan yang merupakan tunjang utama yang ditonjolkan pada watak-watak utama. Iman yang kukuh yang terpahat dalam jiwa telah membentuk pribadi watak Haji Mihad dan watak Lebai Pa sehingga menjadi insan yang berbudi pekerti mulia, sabar, sanggup berkorban harta dan masa pada jalan Allah SWT dan yang paling penting watak-watak ini sentiasa berjuang untuk menegakkan dan memantapkan kefahaman masyarakat di kawasan tempat tinggal masing-masing terhadap ajaran Islam seperti yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW. Sikap Haji Mihad dan Lebai Pa yang tidak pernah berputus asa menyebarkan syariat Islam dalam masyarakat telah menjadi pemangkin kepada peningkatan tingkat keimanan masyarakat di kawasan tempat tinggal mereka. Keimanan masyarakat menjadi lebih kukuh dan mantap menyebabkan masyarakat di kawasan masing-masing berusaha untuk meninggalkan segala perbuatan yang menyalahi ajaran Islam serta dimurkai oleh Allah SWT.

Watak-watak utama yang ditonjolkan berusaha untuk membentuk masyarakat di kawasan tempat tinggal masing-masing agar menjadi lebih beriman demi menyelamatkan akidah mereka daripada terus terpesong dari jalan yang benar. Ini kerana watak-watak utama ini sedar bahawa perjuangan mereka menyebarkan dan memantapkan akidah dan syariat Islam dalam kalangan masyarakat akan diberikan balasan oleh Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah *al-Nahl* ayat 97 yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bermaksud, "*Dan siapa yang mengerjakan perbuatan baik, lelaki dan perempuan, sedang dia beriman, nescaya akan Kami berikan kepadanya kehidupan yang baik."* (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 278). Ayat al-Quran di atas dengan jelas membuktikan bahawa Allah SWT telah berjanji bahawa sesiapa yang melakukan perbuatan baik sama ada lelaki atau perempuan, mereka akan mendapat balasan yang baik daripada Allah SWT.

Berdasarkan analisis yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa kedua-dua watak utama tersebut memiliki sifat-sifat insan Khalifah, insan *Rabbani* dan juga insan *Kamil* seperti yang digariskan dalam prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil.* Sifat-sifat insan Khalifah, insan *Rabbani* dan insan *Kamil* yang ada dalam diri dan jiwa watak Haji Mihad dan Lebai Pa telah berjaya mengangkat kedudukan diri mereka dalam masyarakat di kawasan masing-masing. Mereka merupakan insan yang amat dihormati dan dipandang mulia dalam masyarakat kerana ketinggian ilmu agama yang mereka miliki serta sifat-sifat terpuji yang mereka miliki yang merupakan cerminan sifat Nabi Muhammad SAW. Kedua-dua watak utama ini sering menasihati ahli masyarakat agar berkelakuan seperti yang dianjurkan oleh ajaran Islam. Mereka juga sentiasa menunjukkan sifat-sifat yang baik dan murni kepada masyarakat. Selain itu, mereka juga memainkan peranan sebagai pendakwah dengan menjalankan program-program yang dapat mengukuhkan keimanan serta membimbing dan memandu masyarakat ke jalan yang diredhai Allah SWT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sifat telus yang mereka miliki telah berjaya menjadikan mereka sebagai orang yang dipercayai oleh masyarakat setempat. Banyak perkara atau persoalan yang wujud dalam masyarakat telah dirujuk kepada mereka kerana masyarakat amat yakin dengan kemampuan mereka dalam menyelesaikan permasalahan yang timbul. Ketinggian ilmu agama dan kekentalan semangat juang dalam diri kedua-dua watak utama ini telah melayakkan mereka untuk diangkat sebagai model yang dapat membentuk modal insan yang berperwatakan terpuji. Watak Haji Mihad dan Lebai Pa merupakan insan yang mempunyai ilmu agama yang tinggi dan mempraktikkannya dalam kehidupan seharian mereka. Mereka berdua sentiasa bersemangat untuk menyebarkan dakwah dan syiar Islam terutamanya dalam masyarakat setempat di samping sanggup mengharungi pelbagai dugaan, cabaran dan rintangan dalam usaha mereka menyebarkan dakwah. Hidup mereka sentiasa dilindungi Allah SWT kerana sikap dan perjuangan mereka yang ikhlas semata-mata untuk mendapat keredhaan daripada Allah SWT. Namun begitu, watak-watak ini tetap diduga dan diuji dengan pelbagai dugaan sebagai ujian terhadap keyakinan diri mereka dalam usaha mereka menyebarkan dakwah Islam.

Sikap dan perjuangan Nabi Muhammad SAW telah menjadi inspirasi kepada watak Haji Mihad dan Lebai Pa untuk terus berjuang menegakkan syiar Islam dalam masyarakat. Iktikad mereka berdua yang sentiasa mentauhidkan dan mengesakan Allah SWT telah membentuk sikap dan peribadi mereka yang taat dan patuh kepada perintah Allah SWT. Mereka juga mengajak serta membimbing masyarakat untuk mengamalkan cara hidup seperti yang diperintahkan Allah SWT di samping mengamalkan sunah Nabi Muhammad SAW. Ini selari dengan firman Allah SWT

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dalam surah *Al-Hasyr* ayat 7 yang bermaksud, "*Apa yang diberikan rasul kepadamu, maka terimalah. Dan apa yang dilarangnya bagimu, maka tinggalkanlah. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat keras hukumannya."*(Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 546).

Sebagai insan yang tinggi ilmu agamanya serta amat dihormati oleh masyarakat, sudah pasti Haji Mihad dan Lebai Pa amat memahami dan pasti mengamalkan sifat-sifat asas yang wajib bagi para rasul dalam kehidupan seharian mereka. Ini kerana sebagai seorang yang telah mempelajari serta mendalami ilmu agama pada peringkat tinggi, sudah pasti sifat-sifat mulia tersebut telah diterapkan dalam jiwa dan kehidupan mereka sejak dari mula mereka mempelajari ilmu agama lagi. Sifat-sifat mulia inilah yang telah membentuk sikap dan keperibadian mereka yang sentiasa taat dan patuh kepada segala perintah Allah SWT. Keadaan ini telah menjadikan mereka sebagai insan yang berakhlak mulia dan menjalani kehidupan ini dengan berpandukan al-Quran dan sunah Nabi Muhammad SAW. Maka tidak hairanlah sekiranya mereka layak dipilih dan diangkat sebagai model insan berperwatakan terpuji yang mampu membentuk modal insan.

Konsep keinsanan yang tertanam dalam diri mereka telah berjaya membentuk sikap, tindakan, kata-kata dan niat mereka ketika melakukan sesuatu itu hanya semata-mata kerana Allah SWT. Mereka tidak mempunyai niat lain serta tidak pernah mengharapkan sebarang balasan atau sanjungan yang berupa kemewahan, pangkat, kuasa, pengaruh dan sebagainya daripada masyarakat atas segala perkara yang mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


telah lakukan. Malah mereka sanggup berkorban harta demi memastikan syariat Islam dapat diterapkan dalam masyarakat tempat tinggal mereka. Mereka sanggup berkorban tenaga, harta, wang dan kemewahan hanya semata-mata untuk menyedarkan, mendidik dan dalam masa yang sama mereka menerapkan nilai-nilai keislaman yang sebenar. Mereka juga menyampaikan berita-berita gembira kepada umat Islam yang patuh pada perintah Allah SWT. Allah SWT telah berfirman dalam surah *Al-Kahf* ayat 56 yang bermaksud,

> "Dan Kami tidak mengutus para rasul melainkan sebagai pembawa khabar gembira dan pemberi peringatan; tetapi orang yang kafir membantah dengan (cara) yang batil agar yang demikian mereka dapat melenyapkan yang hak (kebenaran), dan mereka menjadikan ayat-ayat-Ku dan apa yang diperingatkan terhadap mereka sebagai perkara olok-olok."
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Tajwid, 2014: 300)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Dalam ayat di atas, Allah SWT telah menjelaskan kepada umat Islam bahawa para rasul diutuskan kepada umat manusia adalah sebagai pembawa khabar gembira kepada umat manusia yang taat dan patuh dan menjalankan perintah Allah SWT. Para rasul juga diutus kepada umat manusia sebagai pemberi peringatan agar tidak melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Bagi orang-orang kafir yang sentiasa membantah perintah dan suruhan Allah SWT, merka pasti akan mendapat balasan yang sewajarnya sesuai dengan sikap mereka yang ingkar terhadap perintah dan larangan Allah SWT.

## 4.7 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, pengkaji dapati bahawa semua konsep keinsanan yang terkandung dalam prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil*, iaitu konsep insan Khalifah,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


insan *Rabbani* dan insan *Kamil* telah diaplikasi terhadap novel *Imam* dan novel *Mereka yang Tertewas.* Kedua-dua buah karya tersebut telah memaparkan watak dan perwatakan watak utama yang mempunyai ilmu agama yang tinggi serta dihormati oleh masyarakat setempat. Mereka digambarkan sebagai insan yang mengesakan Allah SWT serta sangat taat kepada perintah Allah SWT. Ketinggian ilmu agama yang miliki oleh kedua-dua watak telah memberi peluang yang besar kepada mereka untuk menyebarkan syariat Islam di kawasan tempat tinggal mereka. Ketinggian ilmu agama yang mereka miliki itu telah digambarkan dengan begitu sempurna oleh Abdullah Hussain dan Hasanuddin Md Isa. Abdullah Hussain telah menggambarkan Haji Mihad sebagai seorang insan yang telah menerima pendidikan formal dalam aliran agama sejak beliau masih di zaman kanak-kanak lagi. Beliau bukan hanya menerima pendidikan di sekolah aliran agama di dalam negara sahaja, malah beliau juga telah menuntut ilmu agama di luar negara. Haji Mihad pernah melanjutkan pelajarannya di Mekah semasa zaman remajanya. Sudah pastilah beliau mempunyai ilmu agama yang sangat luas serta mencakupi pelbagai disiplin ilmu. Selain itu, beliau juga pernah menjadi tenaga pengajar di beberapa pusat pengajian di dalam dan luar negara.

Begitu juga dengan watak utama yang ditonjolkan oleh Hasanuddin Md Isa dalam novel *Mereka yang Tertewas*, iaitu Lebai Pa. Lebai Pa juga merupakan seorang yang mempunyai ilmu agama yang tinggi. Walaupun beliau tidak mendapat pendidikan di luar negara, namun beliau mendapat pendidikan agamanya di sebuah pondok yang amat terkenal dengan ketinggian ilmu agama yang diajarkan di sana. Lebai Pa telah menuntut ilmu agamanya di Pondok Madrasah Bukit Keledang yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


memang terkenal sebagai pusat pengajian agama yang tersohor. Selain itu, tenaga pengajar yang mengajar di pondok tersebut merupakan seorang yang memang terkenal dengan ketinggian ilmu agamanya. Imam Mat Bukit Keledang merupakan pengasas pondok tersebut dan merupakan insan yang amat dihormati kerana ilmu agama yang dimilikinya. Pondok Madrasah Bukit Keledang juga bebas daripada sebarang pangaruh luar yang tidak sihat serta boleh melalaikan para penuntut yang menuntut ilmu agama di situ. Para penuntut di pondok madrasah tersebut tidak pernah dipengaruhi dengan perkara-perkara atau unsur-unsur yang tidak baik dan bersifat duniawi semata-mata. Jadual mereka hanya dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti keagamaan sehinggalah mereka benar-benar bersedia untuk menghadapi dunia luar dan memulakan hidup dalam masyarakat. Lebai Pa hanya dibenarkan menamatkan pengajiannya dan memulakan hidupnya dalam masyarakat setelah Imam Mat benar-benar yakin dengan ilmu yang dimilikinya. Imam Mat mengingatkan setiap pelajarnya supaya menyebarkan ilmu yang telah mereka pelajari dan dalami semasa menuntut di pondok serta menyebarkan dakwah serta mengajak masyarakat agar patuh pada perintah Allah SWT. Ini dapat menjadi bukti bahawa Lebai Pa merupakan seorang yang mempunyai ilmu agama yang tinggi. Ini ditambah lagi dengan tindakan Imam Mat yang telah mengahwinkan Lebai Pa dengan anak saudaranya yang bernama Jemilah yang juga merupakan seorang wanita yang mempunyai pendidikan agama yang tinggi. Ini telah melengkapkan lagi hidup Lebai Pa. Jemilah sering menjadi tempat untuk Lebai Pa mendapatkan nasihat serta pandangan jika beliau menghadapi sesuatu masalah atau persoalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Ternyata bahawa Haji Mihad dan Lebai Pa mempunyai latar belakang pendidikan agama yang tinggi sesuai dengan peranan yang mereka mainkan dalam masyarakat di tempat tinggal masing-masing. Kehidupan yang mereka jalani sememangnya berlandaskan kepada kehidupan yang dianjurkan oleh Islam. Mereka tidak terpengaruh atau dipengaruhi dengan anasir-anasir yang tidak sihat walaupun mereka hidup dalam masyarakat yang telah dipengaruhi oleh budaya asing yang datang bersama dengan arus kemodenan. Malah mereka menjadi penyelamat kepada masyarakat yang telah pincang dan menyimpang dari jalan yang benar. Ketinggian agama yang mereka miliki juga telah berjaya merubah sikap dan iktikad masyarakat di kawasan tempat tinggal mereka yang selama ini begitu mendewakan budaya asing yang tidak sihat dan menjadikan budaya tersebut sebagai sebahagian daripada kehidupan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini berjaya membuktikan bahawa ilmu agama yang tinggi yang dimiliki oleh watak-watak utama telah menjadi benteng yang ampuh kepada mereka daripada terpengaruh dengan sifat-sifat yang tidak baik. Malah dengan ilmu agama yang tinggi tersebut, mereka telah berjaya mengubah sikap dan tingkah laku masyarakat yang menyimpang dari ajaran Islam sebenar agar kembali mengamalkan syariat yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 5

# DAPATAN DAN KESIMPULAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan penemuan yang diperolehi hasil daripada kajian yang telah dijalankan. Pengkaji juga telah membuat kesimpulan berdasarkan kajian dan analisis yang dijalankan. Dalam bab ini juga, pengkaji telah mengemukakan cadangan-cadangan yang mungkin akan dapat membantu pengkaji-pengkaji selepas ini yang ingin meneruskan kajian berkaitan dengan pembentukan modal insan, berkaitan dengan prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* yang mencontohi sifat-sifat Nabi Muhammad SAW pada masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 5.2 Dapatan

Beriman kepada rasul merupakan salah satu daripada Rukun Iman yang enam. Oleh itu, umat manusia wajib beriman kepada rasul dan juga nabi yang Allah SWT utuskan untuk menunjukkan jalan yang lurus dan benar. Allah SWT mengutuskan rasul kepada umat manusia adalah kerana ianya merupakan satu keperluan yang sangat penting bagi manusia agar mereka sentiasa mengikut fitrah yang sebenar-benarnya. Ini kerana jalan yang benar adalah jalan yang dibawa oleh para rasul dengan berpandukan al-Quran dan wahyu yang Allah SWT turunkan. Rasul menjadi perantara antara umat manusia dengan Allah SWT. Ini kerana manusia dengan akalnya yang terhad sudah pasti tidak akan mampu mengetahui dan memahami perkara-perkara yang berhubung dengan Allah SWT dan sifat-sifat-Nya kerana perkara-perkara ini adalah di luar kemampuan akal fikiran umat manusia itu sendiri. Oleh itu, Allah SWT mengutuskan para rasul untuk menjadi perantara dalam hubungan manusia dengan Allah SWT. Rasul juga mengajarkan umat manusia agar menjaga hubungan antara manusia dengan manusia itu sendiri. Perkara ini telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam al-Quran, iaitu dalam surah *Al-Nisa'* ayat 165 yang bermaksud, *"Dan Kami mengutuskan rasul-rasul membawa berita gembira dan memberi amaran supaya tidak ada alasan bagi manusia membantah Allah setelah diutuskannya rasul-rasul itu dan adalah Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."*(Al-Quran Al-Karim Terjemahan & Tajwid, 2014: 104).

Nabi Muhammad SAW merupakan utusan terakhir Allah SWT kepada umat manusia. Tidak akan ada lagi rasul yang akan diutuskan kepada umat manusia sehinggalah kiamat. Oleh sebab itu, setiap umat Islam yang telah mukallaf adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


wajib beriktikad dengan sepenuh hati mereka bahawa Allah SWT yang mengutuskan para rasul kepada umat manusia yang berperanan untuk menyampaikan berita-berita gembira, memberikan amaran tentang adanya balasan dosa dan pahala serta menyampaikan segala perintah Allah SWT dengan cara yang terbaik. Umat manusia juga wajib membenarkan para rasul di samping turut berjuang bersungguh-sungguh untuk menegakkan syariat dan kalimah Allah SWT.

Nabi Muhammad SAW merupakan utusan Allah SWT untuk memperingatkan semua umat manusia tentang kebenaran keesaan Allah SWT. Nabi Muhammad SAW telah mengingatkan bahawa hanya Allah SWT yang patut disembah. Firman Allah SWT dalam surah *al-Sad* ayat 65 yang bermaksud "*Katakanlah (Muhammad), Sesungguhnya aku hanya seorang pemberi peringatan, tidak ada tuhan selain Allah Yang Maha Esa, Maha Perkasa.*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan & Tajwid, 2014: 457). Ayat ini dengan jelas menyatakan bahawa hanya Allah SWT yang mesti kita sembah dan tiada tuhan selain Allah SWT. Nabi Muhammad SAW merupakan utusan Allah SWT untuk memberi peringatan kepada manusia. Nabi Muhammad SAW memiliki sifat-sifat yang terpuji. Oleh itu, sebagai umat Islam yang taat, kita perlu menjadikan para rasul utusan Allah SWT terutamanya Nabi Muhammad SAW sebagai model agar umat Islam dapat menjadi modal insan yang berakhlak mulia dan berperwatakan terpuji. Firman Allah SWT dalam surah *Al-Ahzab* ayat 21 yang bermaksud, "*Sesungguhnya, telah ada pada diri Rasulullah SAW itu teladan yang baik bagi dirimu iaitu bagi orang yang mengharapkan rahmat Allah dan (kedatangan) hari akhirat serta yang banyak mengingati Allah*." (Al-Quran Al-Karim Terjemaham & Tajwid, 2014: 420). Nabi Muhammad SAW juga memiliki nilai-nilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


murni dan akhlak yang terpuji sehingga baginda SAW sangat layak diangkat sebagai seorang model kepada pembentukan modal insan terpuji. Dengan segala kemuliaan dan kemurnian akhlak yang dimiliki oleh Nabi Muhammad SAW, maka amat wajarlah Nabi Muhammad SAW diiktiraf sebagai seorang model yang dapat membentuk modal insan.

Apabila membincangkan mengenai konsep keinsanan yang terdapat dalam prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil*, perkara utama yang dianalisis adalah mengenai watak dan perwatakan dalam sesebuah teks atau karya. Kajian ini dapat mengesahkan atau membuktikan sama ada watak yang dikaji memenuhi syarat serta memiliki ciri-ciri yang ditetapkan sebagai insan Khalifah, insan *Rabbani* dan insan *Kamil*. Dalam kajian ini, pengkaji mengkaji watak dan perwatakan watak utama dalam dua buah novel, iaitu watak Haji Mihad yang merupakan watak utama dalam novel *Imam* (1995) dan watak Lebai Pa yang merupakan watak utama dalam novel *Mereka yang Tertewas* (1991). Dalam kajian ini juga, pengkaji meneliti ketiga-tiga konsep keinsanan serta mengenal pasti ciri-ciri konsep keinsanan seperti yang diperkenalkan oleh Shafie Abu Bakar dalam Teori Takmilah.

Selain itu, dalam kajian ini pengkaji juga meneliti pandangan Kamariah Kamarudin tentang konsep keinsanan. Kamariah Kamarudin dalam bukunya yang bertajuk *Takmilah dalam Novel Melayu* (2011) telah memperincikan ciri-ciri khusus bagi setiap konsep keinsanan yang diperkenalkan oleh Shafie Abu Bakar. Setiap ciri-ciri konsep insan Khalifah, insan *Rabbani* dan insan *Kamil* telah diteliti dan dicirikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


oleh Kamariah Kamarudin ketika beliau membuat analisis terhadap beberapa novel dengan menggunakan prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil.* Dalam kajian ini, pengkaji telah menyenaraikan ciri-ciri setiap konsep keinsanan tersebut dalam bentuk jadual dan digunakan ketika menjalankan kajian terhadap dua buah teks yang dipilih.

Kedua-dua buah teks yang dipilih telah memaparkan watak utama yang dikategorikan sebagai golongan agama atau orang yang memiliki ilmu agama yang tinggi. Kedua-dua watak utama mengesakan Allah SWT serta berpegang teguh kepada ajaran Islam. Aspek ketaatan watak-watak utama ini meliputi semua perkara, iaitu akidah, akhlak dan syariat. Watak-watak utama ini memiliki peribadi yang terpuji, iaitu sentiasa tenang dan sabar, bertanggungjawab, mengambil berat akan akidah masyarakat di kawasan masing-masing, sentiasa berusaha menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat, berusaha mengembalikan syiar Islam dalam masyarakat, menarik golongan muda agar meninggalkan kehidupan yang mengutamakan hiburan dan lain-lain lagi. Watak-watak utama juga gigih menjalankan kerja-kerja dakwah dalam kalangan masyarakat serta berusaha bersungguh-sungguh untuk memantapkan kefahaman dan pegangan agama masyarakat. Watak-watak utama dalam teks yang dipilih juga mencontohi Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian. Sesuai dengan ketinggian ilmu agama yang dimiliki, kedua-dua watak ini memiliki ciri-ciri yang sepadan dengan konsep keinsanan yang digariskan oleh Shafie Abu Bakar dalam prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Analisis yang dilakukan oleh pengkaji dapat dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama adalah mengenai ciri-ciri insan Khalifah. Bahagian kedua adalah ciri-ciri insan *Rabbani* dan bahagian ketiga adalah mengenai ciri-ciri insan *Kamil*. Berdasarkan kajian yang dilakukan, watak-watak utama memenuhi kriteria-kriteria sebagai insan Khalifah dan insan *Rabbani* dan insan *Kamil* seperti yang diperincikan oleh Kamariah Kamarudin. Ciri-ciri tersebut menjadikan watak-watak utama ini sebagai insan yang berperibadi mulia serta memiliki nilai-nilai murni. Sikap ini dapat membantu ke arah pembentukan modal insan. Namun begitu, kedua-dua watak utama tersebut tidak layak diiktiraf sebagai insan *Kamil* walaupun mereka memiliki sifat-sifat seperti insan *Kamil* kerana tahap insan Kamil hanya boleh dicapai oleh para nabi dan rasul. Hanya Nabi Muhammad SAW yang layak diiktiraf sebagai insan *Kamil* kerana tahap insan *Kamil* merupakan kemuncak kepada kejadian manusia di muka bumi ini yang mengabdikan diri sepenuhnya hanya kepada Allah SWT. Selain itu, taraf sebagai insan *Kamil* merupakan golongan yang telah diangkat tarafnya oleh Allah SWT sebagai manusia sempurna berdasarkan proses peribadatan melalui keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

### 5.2.1 Penemuan Berdasarkan Ciri-ciri Insan Khalifah

Perbincangan dimulakan dengan menjalankan analisis terhadap novel *Imam* (1995) karya Abdullah Hussain dan novel *Mereka yang Tertewas* (1991) karya Hasanuddin Md Isa dengan mempraktikkan ciri-ciri insan Khalifah seperti yang diperincikan oleh Kamariah Kamarudin. Ciri-ciri tersebut adalah pemimpin keluarga, bijak menangani masalah masyarakat, bersikap positif menangani masalah masyarakat, membentuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


keharmonian dalam masyarakat, menangani masalah fikah dan muamalat, membawa perubahan dalam masyarakat, mendidik rohani dan memakmurkan masyarakat.

Ciri insan Khalifah yang pertama adalah pemimpin keluarga. Kedua-dua watak utama yang dikaji, iaitu Haji Mihad dan Lebai Pa memiliki ciri-ciri sebagai pemimpin keluarga. Ciri-ciri sebagai pemimpin keluarga yang dimiliki oleh Haji Mihad dan Lebai Pa memang sangat terserlah di mana watak Haji Mihad dan Lebai Pa digambarkan sebagai insan yang sangat mementingkan keluarga serta mendahulukan keluarga dalam semua keputusan yang dibuat yang melibatkan keluarga. Watak-watak tersebut tidak pernah membuat sesuatu keputusan tanpa meminta pandangan dan pendapat ahli keluarga masing-masing. Sebelum membuat sesuatu keputusan yang melibatkan ahli keluarga, kedua-dua watak utama ini akan meminta pandangan dan pendapat isteri dan anak terlebih dahulu. Selain itu, Haji Mihad juga berjaya membimbing akidah keluarganya ke jalan yang benar dan diredhai Allah SWT. Haji Mihad berjaya membimbing isterinya yang merupakan seorang saudara baharu sehingga menjadi seorang muslimah yang taat kepada perintah Allah SWT dan menjalankan segala suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Anak perempuannya yang bernama Nurulnisa juga merupakan seorang anak yang bukan sahaja taat kepada ibu dan bapanya tetapi juga taat pada perintah Allah SWT. Ini semua merupakan hasil didikan Haji Mihad sebagai ketua keluarga. Begitu juga dengan Lebai Pa. Lebai Pa berjaya membentuk isterinya, Jemilah agar sentiasa bersyukur dengan setiap ketentuan Allah SWT. Walaupun kadang-kadang isterinya berasa sedih kerana tidak dikurniakan zuriat, namun atas nasihat Lebai Pa, Jemilah menerima ketentuan Allah SWT dengan hati terbuka. Berdasarkan penelitian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang dijalankan, jelas menunjukkan bahawa watak Haji Mihad dan Lebai Pa sememangnya memiliki ciri-ciri sebagai pemimpin atau ketua keluarga.

Ciri insan Khalifah yang kedua adalah bijak menangani permasalahan masyarakat. Watak Haji Mihad dan Lebai Pa digambarkan memiliki sifat bijak dalam menangani permasalahan yang melanda masyarakat. Watak Haji Mihad dan Lebai Pa digambarkan sebagai insan yang memiliki kematangan dalam usaha untuk menangani permasalahan yang timbul dalam masyarakat. Sifat bijak dalam menangani permasalahan masyarakat ini perlu ada dalam diri Haji Mihad dan Lebai Pa kerana sebagai seorang imam dan juga orang yang mempunyai ilmu agama yang tinggi, mereka merupakan antara individu yang akan dirujuk sekiranya timbul sebarang permasalahan dalam masyarakat. Oleh itu, Haji Mihad dan Lebai Pa perlu menjalankan tanggungjawab sebagai orang tengah dan berusaha sedaya-upaya untuk mencari jalan penyelesaian kepada segala permasalahan yang timbul dalam masyarakat di sekelilingnya. Berbekalkan sifak bijaksana inilah, maka segala permasalahan yang timbul dapat diselesaikan dengan cara baik tanpa menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan ahli masyarakat atau mana-mana pihak yang terlibat.

Ciri insan Khalifah yang ketiga adalah bersikap positif semasa menghadapi sesuatu permasalahan atau ketika menyelesaikan sesuatu permasalahan yang timbul merupakan sikap yang terpuji dan perlu dicontohi. Sikap inilah yang dimiliki oleh kedua-dua watak utama dalam teks yang dikaji. Haji Mihad dan Lebai Pa sentiasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bersikap positif dengan berusaha untuk melayan kerenah masyarakat tanpa mengira lapisan umur dalam usahanya untuk menarik minat masyarakat agar mengamalkan kehidupan seperti yang dianjurkan oleh Islam. Haji Mihad dan Lebai Pa cuba menyelesaikan setiap permasalahan yang dihadapi oleh setiap golongan sama ada dalam kalangan kanak-kanak, muda-mudi dan golongan dewasa. Mereka menyelesaikan permasalahan berkaitan dengan cara-cara berwuduk yang betul, permasalahan berkaitan dengan muzik dalam Islam, permasalahan akidah, harta pusaka dan lain-lain lagi. Semua permasalahan tersebut dapat dihadapi dengan adanya ilmu agama yang tinggi selain pengalaman sedia ada pada diri mereka.

Ciri insan Khalifah yang keempat adalah berusaha membentuk keharmonian dalam masyarakat. Watak Haji Mihad dan Lebai Pa juga digambarkan sebagai insan yang gigih membentuk keharmonian dalam masyarakat di kawasan masing-masing. Pelbagai teknik yang digunakan oleh watak Haji Mihad dan Lebai Pa dalam usaha membentuk keharmonian dalam masyarakat. Haji Mihad membentuk keharmonian dalam masyarakat dengan menghidupkan institusi masjid. Kawasan masjid diijadikan kawasan yang mesra masyarakat. Kawasan masjid dibersihkan dan diceriakan. Masjid dibuka sepenuhnya kepada masyarakat. Gelanggang sukan dibina di kawasan masjid bertujuan menarik golongan muda agar dekat dengan masjid selain dapat mengelakkan golongan ini menghabiskan masa di bandar. Begitu juga dengan Lebai Pa yang berusaha membentuk keharmonian dalam masyarakat dengan menggunakan hujah dan kata-katanya yang sopan dan berdiplomasi bagi menarik minat masyarakat agar mendengar apa yang ingin disampaikannya terutamanya perkara-perkara yang berkaitan dengan dakwah. Strategi berdiplomasi digunakan oleh Lebai Pa untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


memujuk masyarakat dan golongan agama agar sama-sama berjuang untuk menegakkan syiar Islam dalam kalangan masyarakat.

Ciri insan Khalifah yang kelima adalah berusaha untuk menangani permasalahan berkaitan dengan fekah dan muamalat. Watak Haji Mihad dan Lebai Pa sebagai insan Khalifah juga berusaha untuk menangani permasalahan berkaitan dengan isu fekah dan muamalat yang dihadapi masyarakat dengan bersandarkan ilmu serta pengalaman yang dimiliki. Antara permasalahan fekah dan muamalat yang dihadapi adalah masalah kekurangan air dan sikap masyarakat yang malas untuk mengusahakan tanah masing-masing kerana hasil yang diperolehi semakin kurang kerana pelbagai faktor. Contohnya, masyarakat di Kampung Anggerik Desa menghadapi masalah kekurangan air untuk mengairi kawasan kebun getah dan sawah padi. Sementara itu, Lebai Pa pula telah berjaya menyelesaikan masalah fekah masyarakat yang telah jauh menyimpang dari jalan yang dianjurkan dalam Islam. Watak Lebai Pa mengatasi masalah fekah masyarakat dengan mengadakan kelas mempelajari dan mengaji al-Quran untuk anak-anak penduduk di Bukit Setugal. Selain itu, Lebai Pa juga mewujudkan suatu sistem pendidikan berbentuk pondok yang sistematik kepada masyarakat agar masyarakat tidak terus leka dengan segala bentuk hiburan.

Manusia sebagai khalifah di muka bumi ini perlu berusaha untuk mentadbir dan memajukan bumi Allah SWT tanpa melakukan kerosakan atau kemusnahan yang akhirnya akan merugikan dan menyusahkan umat manusia itu sendiri. Dalam usaha

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


untuk memakmurkan dan memajukan muka bumi ciptaan Allah SWT ini, manusia sebagai khalifah tidak seharusnya bersikap tamak serta rakus sehingga berlakunya perbuatan atau tindakan yang tidak bermoral dan menyalahi ajaran agama Islam seperti korupsi, pecah amanah dan lain-lain yang mana kesannya amat buruk untuk kehidupan manusia seluruhnya. Segala tindak tanduk seseorang khalifah perlulah bertepatan dengan peraturan dan hukum-hakam yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Peraturan dan hukum hakam ini akan memandu manusia ke arah kebaikan dan mengelakkan umat manusia daripada melakukan kemungkaran. Watak Haji Mihad dan Lebai Pa mempunyai daya kepimpinan yang tinggi sebagai insan Khalifah dengan memimpin masyarakat ke arah penghayatan agama Islam dalam kehidupan. Daya kepimpinan yang dimiliki mampu membawa perubahan yang besar serta dapat meningkatkan nilai kehidupan beragama dalam keluarga dan masyarakat selain dapat memulihkan kepincangan akhlak yang berlaku dalam masyarakat. Daya kepimpinan yang dimiliki oleh kedua-dua watak utama ini telah memandu masyarakat ke arah kehidupan yang lebih bermakna dan diredhai Allah SWT. Gaya kepimpinan yang dimiliki ini juga telah berjaya mengubah cara hidup golongan muda yang sebelum ini agak liar akibat terpengaruh dengan budaya Barat selain kurangnya program-program yang bercorak keagamaan yang dianjurkan di kawasan masing-masing. Namun begitu, semua permasalahan berkaitan dengan masyarakat dapat diatasi sehingga dapat mewujudkan kemakmuran dalam masyarakat dan dalam masa yang sama dapat memajukan kehidupan masyarakat seluruhnya.

Insan Khalifah juga mestilah terdiri daripada seorang insan yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi, berperibadian tinggi dan berakhlak mulia agar dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mencorakkan ketamadunan dan peradaban manusia seluruhnya. Dengan ilmu pengetahuan dan ilmu agama yang tinggi selain berakhlak mulia, maka usaha untuk mendidik rohani masyarakat dapat dilaksanakan dengan lebih mudah. Sebagai Insan Khalifah, kedua-dua watak utama memiliki keupayaan yang tinggi dalam mendidik rohani masyarakat. Dalam usaha untuk mendidik rohani masyarakat, kedua-dua watak perlu berusaha terlebih dahulu untuk meningkatkan dan mengukuhkan pemahaman agama dalam kalangan masyarakat. Ini kerana dengan pemahaman agama yang kukuh, maka akan memudahkan lagi usaha untuk mendidik rohani masyarakat. Kedua-dua watak utama yang dikaji telah berusaha untuk mendidik rohani masyarakat. Usaha yang dijalankan tidak hanya terbatas kepada suatu golongan tertentu sahaja. Usaha mendidik rohani yang diusahakan oleh kedua-dua watak utama ini meliputi setiap golongan ahli masyarakat. Rohani yang ditanam dengan ilmu agama dan ketauhidan terhadap Allah SWT akan memudahkan lagi usaha untuk membentuk jiwa masyarakat agar kembali menjalani kehidupan yang dituntut dalam agama Islam.

Kedua-dua watak utama dalam teks yang dikaji juga telah menjalankan tanggungjawab mereka untuk memakmurkan masyarakat di kawasan tempat tinggal masing-masing. Usaha untuk memakmurkan masyarakat bukanlah suatu tugas yang mudah. Untuk tujuan itu, kedua-dua watak mestilah memiliki ilmu agama yang tinggi yang meliputi segenap aspek kehidupan manusia. Kedua-dua watak utama memang telah terbukti memiliki ilmu agama yang tinggi berdasarkan pendidikan formal yang mereka perolehi ketika belajar di dalam dan di luar negara. Selain itu, kedua-dua watak utama juga mempunyai pengalaman mengajar agama suatu ketika dahulu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


ketika masih menuntut ilmu agama setelah mendapat kepercayaan daripada guru masing-masing. Pengalaman tersebut merupakan pengalaman berharga kepada kedua-dua watak utama ketika berusaha untuk memakmurkan masyarakat. Pelbagai teknik yang digunakan oleh kedua-dua watak utama ini untuk memastikan matlamat untuk memakmurkan masyarakat dapat realisasikan. Antara teknik yang digunakan adalah dengan mengadakan kuliah agama, kelas mengaji al-Quran, mengajar dengan menggunakan kitab-kitab tertentu, menulis teks khutbah sendiri dan pelbagai lagi. Walaupun menghadapi pelbagai rintangan, namun akhirnya usaha untuk memakmurkan masyarakat dapat dilaksanakan dengan jayanya.

### 5.2.2 Penemuan Berdasarkan Ciri-ciri Insan *Rabbani*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Insan *Rabbani* bermaksud insan yang jiwanya terlalu dekat dan rapat dengan Allah SWT. Segala apa sahaja yang dilakukan oleh insan *Rabbani* diniatkan hanya kerana Allah SWT. Insan *Rabbani* berusaha untuk tidak melanggar segala perintah Allah SWT, tidak melakukan penyelewangan dari segi akidah dan tidak melakukan syirik terhadap Allah SWT. Insan *Rabbani* akan mengabdikan dirinya dan rohaninya hanya untuk Allah SWT dengan khusyuk dan tawaduk. Insan *Rabbani* merupakan insan yang berwibawa dan cemerlang serta dapat mengangkat martabat kedudukan Islam di muka bumi ini ke satu tingkat yang tertinggi.

Perbincangan pada bab ini diteruskan dengan menjalankan analisis terhadap novel *Imam* (1995) karya Abdullah Hussain dan novel *Mereka yang Tertewas* (1991) karya Hasanuddin Md Isa dengan mempraktikkan ciri-ciri insan *Rabbani* seperti yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


diperincikan oleh Kamariah Kamarudin. Ciri-ciri insan *Rabbani* adalah golongan agama, penyediaan pendidikan agama, peningkatan syiar Islam, membina keyakinan watak lain, mewujudkan masyarakat yang sejahtera, menggembalikan kegemilangan Islam, disiplin yang tinggi, layanan yang baik terhadap keluarga dan meningkatkan peningkatan agama dalam masyarakat.

Ciri insan *Rabbani* yang pertama adalah golongan agama. Watak utama dalam sesebuah teks mestilah terdiri daripada golongan agama. Golongan agama bermaksud individu yang mempunyai pengetahuan agama yang luas dan biasanya watak-watak utama ini memiliki panggilan seperti imam, lebai, ustaz, pegawai agama dan lain-lain lagi. Dalam novel *Imam* (1991) karya Abdullah Hussain, watak utamanya ialah Haji Mihad. Haji Mihad merupakan seorang yang memiliki ilmu agama yang tinggi. Beliau juga pernah belajar di Mekah. Selain itu, Haji Mihad juga merupakan imam di Kampung Anggerik Desa. Begitu juga dengan watak utama dalam novel *Mereka yang Tertewas* (1991) karya Hasanuddin Md Isa. Novel ini memaparkan Lebai Pa sebagai watak utamanya. Lebai Pa jga merupakan seorang yang memiliki ilmu agama yang tinggi setelah menamatkan pengajiannya di Pondok Madrasah di Bukit Keledang. Semasa masih menuntut di pondok tersebut, Lebai Pa telah diberi kepercayaan untuk mengajar ilmu agama. Ilmu agama yang tinggi inilah yang mengangkat diri watak utama ini dalam kalangan masyarakat di kawasan tempat tinggal mereka.

Ciri insan *Rabbani* yang kedua adalah penyediaan pendidikan agama kepada masyarakat. Sebagai insan *Rabbani* yang jiwa memiliki jiwa yang dekat dengan Allah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


SWT, sudah pasti watak utama ini mempunyai cita-cita untuk menyediakan pendidikan agama kepada masyarakat. Pendidikan agama yang diberikan kepada masyarakat adalah berupa kelas agama, kelas mengaji al-Quran, kuliah subuh, mengajar masyarakat berdasarkan kitab-kitab tertentu, membina pondok atau pusat pengajian agama kepada masyarakat dan lain-lain lagi. Perjuangan untuk menyebarkan syiar Islam dalam masyarakat adalah tidak sempurna tanpa penyediaan pendidikan agama. Oleh itu, dalam kedua-dua buah novel yang dikaji, kedua-dua watak utama yang ditonjolkan telah menyediakan pendidikan agama kepada masyarakat di kawasan tempat tinggal mereka.

Seterusnya, insan *Rabbani* juga berperanan dalam menyebarkan syiar Islam kepada masyarakat melalui amalan mendidik. Dalam usaha menyebarkan syiar Islam kepada masyarakat, terbukti insan *Rabbani* sanggup untuk berkorban harta, wang dan masa demi memastikan syiar Islam dapat dihidupkan dalam masyarakat di kawasan tempat tinggal mereka. Insan *Rabbani* juga berusaha untuk mendekati dan mendampingi golongan muda dan remaja serta berusaha untuk menarik golongan ini agar berjinak-jinak dengan ajaran Islam dan mendekati institusi masjid. Akhirnya golongan iniakan kembali kepada kehidupan yang dianjurkan oleh ajaran Islam. Peranan insan *Rabbani* dalam menyebarkan syiar Islam merupakan amalan yang mulia kerana amalan ini turut dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW. Firman Allah SWT dalam surah *Al-An'am* ayat 48 yang bermaksud, "*Para rasul yang Kami utus itu adalah untuk memberi khabar gembira dan memberi peringatan. Barang siapa yang beriman dan membuat pembaikan, maka tidak ada rasa takut pada mereka dan mereka tidak bersedih hati*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan & Tajwid, 2014: 133).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Ini bermaksud seseorang insan *Rabbani* bebas daripada sifat-sifat yang tidak bermoral. Segala tindak tanduk mereka hanya mengharapkan keredhaan Allah SWT semata-mata. Mereka sama sekali tidak akan melakukan sesuatu perkara itu dengan niat yang tidak baik atau pun kerana mengharapkan habuan demi untuk kepuasan diri sendiri tanpa menghiraukan kesannya terhadap masyarakat atau negara. Sikap insan *Rabbani* yang berperanan menyebarkan syiar Islam dalam masyarakat wajar dicontohi dan dijadikan sebagai model ke arah pembentukan modal insan yang memiliki perwatakan terpuji.

Insan *Rabbani* juga sentiasa berperanan membina keyakinan watak-watak lain dalam masyarakat agar sentiasa taat dan patuh kepada perintah Allah SWT. Insan *Rabbani* akan menasihatkan umat manusia agar melaksanakan segala perintah Allah SWT. Insan *Rabbani* sentiasa memberi peringatan kepada seluruh umat manusia supaya menjalankan perintah Allah SWT serta menjauhi segala larangan-Nya. Selain bertanggungjawab menyampaikan perintah Allah SWT, insan *Rabbani* juga perlu menggalakkan umat manusia supaya mencontohi serta mengikut sunah Nabi Muhammad SAW dalam segala aspek kehidupan. Terdapat pelbagai cara atau kaedah yang boleh digunakan untuk memberikan peringatan kepada umat manusia. Antaranya adalah melalui khutbah Jumaat, kelas-kelas agama, kelas mengaji al-Quran, buku-buku, penulisan ilmiah atau berinteraksi secara langsung dengan masyarakat di sekeliling. Tugas memberi peringatan Allah SWT dan sunah Nabi Muhammad SAW kepada umat manusia menjadi lebih mudah untuk dilaksanakan kerana sikap dan perwatakan insan *Rabbani* itu yang mesra dan ramah serta mempunyai hubungan yang baik dengan masyarakat tanpa mengira lapisan umur,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


agama dan bangsa. Tugas memberi peringatan kepada umat manusia merupakan sifat terpuji kerana tugas ini merupakan kesinambungan daripada dakwah yang dijalankan oleh Nabi Muhammad SAW. Firman Allah SWT dalam al-Quran mengenai perintah memberikan peringatan dalam surah *Al-Bayyinah* ayat 5 yang bermaksud,

> Padahal mereka hanya diperintahkan menyembah Allah, dengan ikhlas mentaati-Nya, semata-mata kerana (menjalankan) agama, dan juga agar melaksanakan solat dan menunaikan zakat, dan yang demikian itulah agama yang lurus (benar). Sesungguhnya, orang-orang yang kafir daripada golongan Ahli Kitab dan orang-orang musyrik (akan masuk) ke neraka jahanam, mereka kekal di dalamnya buat selama-lamanya. Mereka itulah sejahat-jahat makhluk. Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan kebajikan, mereka itulah sebaik-baik makhluk.
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan & Tajwid, 2014: 598)

Insan *Rabbani* perlu berusaha untuk mewujudkan masyarakat yang sejahtera. Syiar Islam dapat disebarkan dengan lebih berkesan sekiranya masyarakat hidup dalam suasana sejahtera. Masyarakat yang sejahtera dapat dibentuk dengan pemantapan ilmu agama dalam diri masyarakat. Ilmu agama dapat disebarkan dalam masyarakat dengan banyak cara. Antaranya adalah dengan menyampaikan kuliah agama kepada masyarakat. Inilah yang telah dilakukan oleh Haji Mihad dan Lebai Pa dalam usaha mereka untuk mewujudkan masyarakat yang sejahtera di kawasan masing-masing. Dengan menyampaikan kuliah agama seperti yang dilakukan oleh kedua-dua watak utama dalam kedua-dua novel yang dikaji, masyarakat yang telah lama hanyut dibuai arus kemodenan telah mulai sedar akan kesilapan yang mereka lakukan selama ini dan kembali mempelajari dan mendalami ajaran Islam. Kuliah agama yang dikendalikan oleh watak utama juga dapat menambahkan lagi kefahaman serta dapat memantapkan lagi rasa keimanan yang ada dalam diri masyarakat. Berdasarkan pembacaan dan penelitian yang dilakukan terhadap kedua-dua buah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


novel yang dikaji, pengkaji dapati kedua-dua watak utama novel-novel tersebut menjalankan tugas menyampaikan syariat Islam melalui kuliah agama atau pun kelas agama yang mereka anjurkan di tempat tinggal masing-masing. Ini amat bersesuaian dengan kedudukan mereka sebagai insan *Rabbani* yang tinggi ilmu agama dan dalam masa yang sama mereka merupakan khalifah atau pemimpin di tempat tinggal mereka. Sebagai khalifah atau pemimpin dalam bidang keagamaan, sudah semestinya mereka mempunyai kebolehan dan sangat layak untuk menyampaikan kuliah agama. Melalui kuliah agama, mereka dapat memberi penerangan serta penjelasan yang mendalam terhadap perkara-perkara yang kurang difahami oleh masyarakat di kawasan tempat tinggal mereka. Melalui kuliah agama juga, perasaan ragu atau pun salah faham yang selama ini timbul dalam fikiran masyarakat terutamanya yang berkaitan dengan ibadat, syariat, akidah dan lain-lain lagi dapat diselesaikan. Kuliah agama yang sering diadakan akan memberi peluang kepada masyarakat untuk benar-benar faham tentang perkara-perkara yang dituntut dan dilarang oleh agama Islam. Dengan cara ini, maka akan terbentuklah masyarakat harmoni dan berpegang teguh dengan ajaran agama Islam. Firman Allah SWT dalam surah *al-Baqarah* ayat 177 yang bermaksud,

> Kebaikan itu bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan ke arah barat, tetapi kebaikan itu ialah (kebaikan) orang yang beriman kepada Allah, hari akhirat, para malaikat, kitab-kitab dan Nabi-nabi dan memberikan harta yang dicintainya kepada kaum kerabat, anak yatim, orang-orang miskin, orang-orang yang dalam perjalanan (musafir), peminta sedekah dan untuk memerdekakan hamba sahaya yang melaksanakan solat dan menunaikan zakat, orang-orang yang menepati janji apabila berjanji dan orang yang sabar dalam kesusahan, penderitaan dan ketika peperangan. Mereka itulah orang-orang yang benar dan mereka itulah orang-orang yang bertakwa.
>
> (Al-Quran Al-Karim Terjemahan & Tajwid, 2014: 27)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jiwa insan *Rabbani* sentiasa dekat dengan Allah SWT. Oleh sebab itu, Insan Rabbani sentiasa berusaha untuk mengembalikan kegemilangan Islam dalam masyarakat. Oleh itu, insan *Rabbani* perlu menyampaikan peringatan daripada Allah SWT. Seorang insan *Rabbani* mesti berusaha untuk menyampaikan segala peringatan daripada Allah SWT kepada masyarakat agar masyarakat yang dipimpinannya taat menjalankan perintah-Nya dan meninggalkan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Peringatan daripada Allah SWT ini dapat menjadi benteng yang sangat kukuh kepada diri umat Islam yang mengesakan Allah SWT. Allah SWT memuatkan segala peringatan atau suruhan-Nya kepada seluruh umat manusia di dalam al-Quran. Antara peringatan Allah SWT yang terkandung dalam al-Quran adalah mengenai perintah berzakat, menunaikan solat dan waktu-waktunya, ibadah haji, puasa, sumpah dan nazar, hubungan sesama manusia, sedekah, berdakwah, mengenai hari kebangkitan dan lain-lain lagi. Watak Haji Mihad dan Lebai digambarkan sering menyampaikan peringatan atau suruhan Allah SWT demi untuk mengembalikan kegemilangan Islam. Perkara ini dilakukan oleh watak Haji Mihad dan Lebai Pa melalui kuliah agama dan dalam khutbah Jumaat yang mereka sampaikan. Perkara ini telah diakui oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah *al-Bayyinah* ayat 5 yang bermaksud, *"Padahal mereka hanya diperintahkan menyembah Allah, dengan ikhlas mentaati-Nya semata-mata kerana (menjalankan) agama dan juga agar melaksanakan solat dan menunaikan zakat dan yang demikian itulah agama yang lurus (benar)"* (Al-Quran Al-Karim Terjemahan & Tajwid, 2014: 598). Dengan menyampaikan peringatan dari Allah SWT, maka akan terbentuklan masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Selain itu, dengan menyampaikan peringatan daripada Allah SWT, maka akan timbullah rasa takut kepada Allah SWT serta dapat mengelakkan daripada berlakunya gejala-gejala yang tidak sihat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Golongan remaja yang tahu dan faham akan peringatan Allah SWT akan menjadi golongan remaja yang beriman dan menjalankan suruhan-Nya. Mereka akan berusaha untuk menjauhi perkara-perkara yang Allah SWT larang. Allah SWT telah memerintahkan pihak-pihak atau individu yang mempunyai ilmu agama yang tinggi untuk menyampaikan perintah Allah SWT kepada umat manusia yang lainnya. Ini dapat dibuktikan melalui firman Allah SWT dalam surah *Ali Imran* ayat 104 yang bermaksud, "*Dan hendaklah di antara kamu ada segolongan orang yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh (agar membuat) yang makruf, dan mencegah daripada yang mungkar. Dan mereka itulah orang-orang yang berjaya*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan & Tajwid, 2014: 63).

Ilmu juga dapat membantu masyarakat agar dapat terus berkembang, menjadi lebih maju dan terkehadapan dalam pelbagai bidang. Malah dengan ilmu juga, masyarakat akan menjadi lebih kompetitif dan mempunyai daya saing yang tinggi. Maka dengan sebab itulah, Haji Mihad dan Lebai Pa tidak pernah jemu untuk menyampaikan ilmu terutamanya ilmu agama kepada masyarakat di kawasan masing-masing. Ini kerana mereka amat yakin bahawa dengan ilmu, manusia akan menjadi lebih bertamadun serta selamat di dunia dan di akhirat nanti. Keyakinan inilah yang menjadi kunci kejayaan terhadap usaha-usaha yang dijalankan. Ilmu yang sebenar-benarnya yang amat dituntut oleh agama Islam adalah ilmu yang dapat memberikan faedah dan manfaat bukan hanya kepada diri sendiri tetapi dalam masa yang sama juga dapat memanfaatkan manusia yang lain secara keseluruhannya. Ilmu ini dapat membantu manusia untuk menyucikan dirinya daripada belenggu dosa-dosa serta membantu masyarakat ke arah kebaikan. Ilmu agama juga akan dapat menegah diri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sendiri serta umat manusia yang lain daripada melakukan kemungkaran yang akhirnya boleh mengakibatkan kerosakan di muka bumi ciptaan Allah SWT ini. Allah SWT telah berfirman dalam al-Quran berkaitan dengan kewajipan menuntut ilmu ini dalam surah *al-Mujadalah* ayat 11 yang bermaksud,

> Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu diminta untuk memberi ruang dan tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. Dan apabila diminta kamu bangun, maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama daripada kalangan kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan.
>
> (Al-Quran Terjemahan dan tajwid, 2014: 543)

Insan *Rabbani* mestilah memiliki disiplin yang tinggi dalam usaha untuk menyebarkan syiar Islam dalam kalangan masyarakat. Insan *Rabbani* mestilah menjalankan tugas berdakwah supaya dapat menimbulkan kesedaran dalam diri ahli masyarakat agar sentiasa istiqamah menjalankan segala suruhan Allah SWT serta meninggalkan segala apa yang dilarang-Nya agar mendapat kesudahan yang baik. Masyarakat perlu diberikan kesedaran dan kefahaman yang jitu agar mereka dapat berubah daripada keadaan yang kurang baik kepada keadaan yang lebih baik daripada keadaan sebelumnya melalui aktiviti dakwah yang dijalankan. Insan *Rabbani* memiliki disiplin ilmu-ilmu agama yang tinggi ini sudah pasti dapat mengubah pandangan ahli masyarakat yang masih kolot, masih terpengaruh dengan pelbagai kepercayaan tahyul yang diwarisi daripada nenek moyang mereka. Insan *Rabbani* yang mempunyai ilmu agama yang tinggi perlu menjalankan kerja-kerja dakwah demi memastikan ahli masyarakat tidak terus terleka dan akhirnya hanyut dengan anasir-anasir luar yang berjaya mempengaruhi pemikiran dan menjejaskan pegangan agama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mereka. Jika kerja-kerja dakwah dapat dijalankan dengan sebaik mungkin, sudah pasti pengaruh-pengaruh dan anasir-anasir luar yang cuba diserapkan dalam budaya kita melalui pelbagai media massa yang wujud ketika ini dapat kita bendung dengan sebaik mungkin. Allah SWT telah berfirman dalam surah *Ali Imran* ayat 139 yang bermaksud, "*Dan janganlah kamu merasa lemah, dan janganlah kamu berdukacita, padahal kamulah orang-orang yang tertinggi (darjatnya) jika kamu orang-orang yang beriman.*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan & Tajwid, 2014: 67).

Insan *Rabbani* juga sentiasa berlemah lembut dan berdiplomasi terhadap ahli keluarga masing-masing. Insan *Rabbani* akan memberikan layanan yang baik terhadap ahli keluarga. Dalam masa yang sama, insan *Rabbani* akan berusaha untuk meningkatkan pemahaman agama dalam kalangan masyarakat. Seorang khalifah mestilah berjuang untuk mencegah kemungkaran daripada berlaku dalam masyarakat dan negara agar masyarakat akan selamat di dunia dan juga di akhirat. Sebagai seorang khalifah, manusia juga perlu membetulkan segala salah faham atau salah tafsiran yang berlaku dalam masyarakat agar kesilapan atau salah tafsir yang berlaku dapat dihentikan daripada terus berlaku. Salah tafsir boleh berlaku sekiranya masyarakat tidak mempunyai ilmu agama yang tinggi. Ini menyebabkan mereka membuat tafsiran berkaitan dengan hal-hal keagamaan hanya dengan menggunakan logik akal semata-mata tanpa meminta pandangan dan nasihat daripada pihak yang berautoriti dalam perkara tersebut. Selain itu, semua pengaruh luar yang menular dalam masyarakat kita dan bercanggah dengan ajaran yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW perlu disekat atau pun dihentikan segera agar masyarakat tidak terus terpesong dari jalan yang benar dan diredhai Allah SWT. Pengaruh luar yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menular masuk ke dalam masyarakat kita akan mewujudkan masyarakat baru yang terpesong jauh daripada ajaran Islam yang sebenarnya.

Pengaruh luar yang berjaya menular masuk ke dalam masyarakat kita pada masa kini kebanyakannya adalah pengaruh dari Barat. Pengaruh luar ini telah mewujudkan masyarakat yang hanya mementingkan hiburan dan keseronokan semata-mata. Pengaruh asing ini juga pasti akan mempengaruhi tingkah laku masyarakat di negara kita. Antara pengaruh luar yang berjaya menular masuk dan telah berjaya mempengaruhi pemikiran masyarakat kita adalah LGBT, fahaman syiah, sekularisme Barat, liberalisme, kewujudan kitab songsang, ajaran sesat dan pelbagai lagi. Keadaan ini akan melemahkan umat Islam secara keseluruhannya dan dalam masa yang sama akan membuka peluang kepada pengaruh-pengaruh asing yang tidak bermoral dan bercanggah dengan nilai dan norma hidup masyarakat kita di negara ini akan berkembang dan akan mempengaruhi kehidupan masyarakat di negara kita terutamanya golongan remaja. Perkara ini jika tidak dibendung, maka ianya akan diteruskan oleh generasi seterusnya. Lebih membimbangkan lagi, amalan tersebut menyebabkan masyarakat Islam ini melakukan perbuatan syirik terhadap Allah SWT.

### 5.2.3 Penemuan Berdasarkan Ciri-ciri Insan *Kamil*

Insan *Kamil* pula merupakan insan yang mempunyai kualiti tertinggi sebagai seorang insan. Insan *Kamil* merupakan insan yang memiliki sifat-sifat seorang insan Khalifah dan insan *Rabbani* di dalam dirinya. Insan *Kamil* mempunyai kualiti sebagai seorang yang mulia, terpuji serta taat secara sepenuhnya kepada perintah Allah SWT serta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


berusaha untuk menjauhi segala larangan-Nya. Tiada kompromi dalam diri insan *Kamil* terhadap sebarang sifat keji dan tidak bermaruah. Menurut Kamariah Kamarudin (2011: 82) Insan *Kamil* ialah gabungan antara insan Khalifah dengan insan *Rabbani*. Hal ini kerana insan *Kamil* berupaya menampilkan kemurnian akhlak dan merupakan kemuncak tahap kedudukan manusia di atas muka bumi ini. Insan yang paling layak diangkat dan diiktiraf sebagai insan *Kamil* ialah junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Ini kerana Nabi Muhammad SAW merupakan seorang insan yang sangat mulia akhlaknya, halus budi pekertinya, berlemah lembut bukan sahaja terhadap umat Islam malah terhadap musuh-musuh Islam, menghormati semua golongan pada semua peringkat umur, mempunyai sifat kasih sayang terhadap sesama manusia dan lain-lain lagi. Perkara ini telah dijelaskan Allah SWT dalam surah *Al-Saff* ayat 9 yang bermaksud, "*Dialah yang telah mengutus Rasul-Nya (Muhammad SAW) dengan membawa hidayah petunjuk dan agama yang benar (agama Islam), supaya Dia memenangkannya dan meninggikannya ke atas segala agama yang lain, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan & Tajwid, 2014: 552).

Nabi Muhammad SAW merupakan insan *Kamil* kerana baginda SAW mempunyai kemampuan yang sangat tinggi untuk menjadi seorang pentadbir dan pemerintah yang sangat cekap dan dihormati oleh pihak kawan dan lawan. Dalam masa yang sama, Nabi Muhammad SAW juga merupakan seorang panglima perang yang sangat berani dan amat bijak dalam menyusun strategi peperangan. Walaupun kedudukan baginda amat tinggi dan dihormati, Nabi Muhammad SAW tidak menyalahgunakan kuasanya. Sebagai contohnya, semasa Perang Khandak, baginda

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


meminta pandangan para sahabat untuk menentukan tempat mereka bertahan. Berdasarkan pandangan daripada sahabat, Nabi Muhammad SAW telah mengarahkan agar parit dibina bagi menentang serangan musuh yang lebih ramai jumlanya daripada tentera Islam. Nabi Muhammad SAW juga merupakan seorang yang sangat disegani bukan hanya oleh pengikut baginda SAW sahaja, malah turut disegani oleh musuh-musuh baginda SAW sendiri. Namun begitu, perkara yang paling penting yang ada dalam diri baginda SAW adalah ketaatan baginda SAW terhadap perintah Allah SWT dalam segala perkara. Oleh sebab ketinggian akhlak dan kemurnian sikap serta ketaatan Nabi Muhammad SAW kepada perintah Allah SWT, maka amat sesuailah baginda diangkat dan diiktiraf sebagai model perwatakan insan terpuji kepada seluruh umat manusia. Tiada manusia di dunia ini yang semulia baginda SAW. Nabi Muhammad SAW merupakan insan yang paling layak dijadikan contoh dan model kepada seluruh umat manusia. Allah SWT telah berfirman dalam al-Quran, iaitu dalam surah *Yunus* ayat 26 dan 27 yang bermaksud,

> Bagi orang-orang yang melakukan kebajikan, disediakan baginya pahala yang terbaik (syurga) dan tambahannya (nikmat melihat Allah). Dan wajah mereka tidak ditutupi debu hitam dan tidak (pula) dalam kehinaan. Merekalah penghuni syurga, mereka kekal di dalamnya. Adapun orang-orang yang melakukan kejahatan (akan mendapat) balasan kejahatan yang setimpal dan mereka diselubungi kehinaan. Tiada bagi mereka seorang pelindung pun daripada (azab) Allah, seakan-akan wajah mereka ditutupi dengan beberapa bahagian malam yang gelap gelita. Mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya.
>
> (Al-Quran Terjemahan dan Tajwid, 2014: 212)

Oleh itu, sepatutnya umat Islam mesti berusaha untuk melakukan kebaikan dalam seluruh aspek kehidupan mereka pada sepanjang hayat mereka. Allah SWT telah berfirman dalam al-Quran mengenai niat yang *siddiq*, iaitu dalam surah *al-Maidah* ayat 8 yang bermaksud,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Wahai orang-orang yang beriman! Jadilah kamu sebagai penegak keadilan kerana Allah (ketika) menjadi saksi yang adil. Dan janganlah kebencianmu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk tidak berlaku adil. Berlaku adillah. Kerana (adil) itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya, Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu lakukan."
>
> (Al-Quran Terjemahan dan Tajwid, 2014: 108)

Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* merupakan sebuah konsep yang mengangkat dan menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai model ke arah pembentukan perwatakan insan terpuji. Nabi Muhammad SAW diangkat sebagai model kerana baginda SAW merupakan seorang insan yang berakhlak mulia dan merupakan manusia pilihan Allah SWT untuk diangkat dan diiktiraf sebagai seorang nabi dan juga sebagai seorang rasul. Junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W telah diutuskan oleh Allah SWT kepada umat manusia dengan tujuan untuk membawa risalah terakhir, iaitu agama Islam bagi menyempurnakan syariat dan mensucikan agama tauhid. Nabi Muhammad SAW merupakan utusan Allah SWT untuk memperingatkan semua umat manusia tentang kebenaran dan keesaan Allah SWT dan hanya Allah SWT yang patut disembah. Ini dibuktikan melalui firman Allah SWT dalam surah *al-Baqarah* ayat 285 yang bermaksud, "*Rasul telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya (al-Quran) daripada Tuhannya, demikian pula orang-orang yang beriman. Semuanya beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan & Tajwid, 2014: 49). Ayat tersebut dengan jelas menyatakan bahawa rasul hanya beriman kepada Allah SWT. Hanya Allah SWT yang mesti disembah dan tiada tuhan selain Allah SWT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Nabi Muhammad SAW dipilih sebagai model dalam Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* juga kerana baginda diberi tanggungjawab dan amanah yang amat besar, iaitu menerima wahyu dan menyampaikan wahyu tersebut kepada umat manusia. Baginda berjaya memikul tanggungjawab yang diberikan kepadanya dengan sempurna. Dalam erti kata lain, Nabi Muhammad SAW bertanggungjawab menyampaikan dakwah serta risalah Allah SWT kepada seluruh masyarakat Arab pada masa tersebut yang telah sebati dengan amalan jahiliah yang mereka warisi daripada nenek moyang mereka. Dengan sebab itulah, Nabi Muhammad SAW dan para rasul yang lainnya mestilah terdiri daripada manusia paling sempurna kemanusiaannya terutamanya dari segi ilmu dan akhlak serta keturunannya. Allah SWT telah berjanji bahawa Nabi Muhammad SAW sentiasa berada di bawah peliharaan Allah SWT. Perkara ini telah diterangkan oleh Allah SWT dalam surah *al-Thur* ayat 48 yang bermaksud, "*Dan bersabarlah (Muhammad) menunggu ketetapan Tuhanmu kerana sesungguhnya engkau berada di dalam pemeliharaan Kami, dan berzikirlah dengan memuji Tuhanmu ketika engkau bangun*" (Al-Quran Al-Karim Terjemahan & Tajwid, 2014: 525).

Nabi Muhammad SAW juga memiliki akhlak dan sifat-sifat yang sangat mulia. Baginda mempunyai perilaku dan juga akhlak yang sangat mulia terhadap sesama manusia, terutamanya terhadap umat baginda tanpa membezakan atau memandang seseorang itu berdasarkan kedudukan dalam masyarakat, warna kulit mahu pun suku bangsa. Baginda SAW selalu berbuat baik kepada sesiapa sahaja. Baginda SAW tetap bersikap baik walaupun terhadap orang yang tidak berlaku baik terhadap baginda. Oleh sebab itu di dalam al-Quran, baginda disebut sebagai manusia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang memiliki akhlak yang paling agung. Ini dapat dibuktikan melalui firman Allah SWT dalam surah *Al-Ahzab* ayat 21 yang bermaksud, "*Sesungguhnya, telah ada pada diri Rasulullah SAW itu teladan yang baik bagimu, iaitu bagi orang yang mengharapkan rahmat Allah dan (kedatangan) hari kiamat serta yang banyak menyebut Allah*" (Al-Quran Terjemahan dan Tajwid, 2014:420).

Selain memiliki akhlak yang terpuji, Nabi Muhammad SAW juga memiliki sifat-sifat asas yang wajib ada pada setiap rasul, iaitu sifat *siddiq*, amanah, *tabligh* dan *fatanah*. Sifat-sifat asas ini telah menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai seorang sangat kental jiwanya dan sangat mantap semangat juangnya bagi menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran yang timbul semasa baginda menyebarkan syariat Islam dalam masyarakat Arab. Penentangan yang timbul mampu baginda atasi dengan berbekalkan sifat-sifat tersebut. Sifat-sifat asas ini telah menjadikan Nabi Muhammad SAW seorang yang sangat proaktif dan kreatif dalam usaha baginda menyebarkan ajaran Islam di semenanjung Tanah Arab dan sangat tabah menghadapi segala tindak tanduk masyarakat Arab jahiliah ketika itu. Sifat-sifat asas ini patut dijadikan contoh kepada seluruh umat manusia agar mereka dapat menjadi modal insan yang amat berharga kepada bangsa, agama dan negara.

Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* juga mengajak umat Islam agar mencontohi konsep insan Khalifah, insan *Rabbani* dan insan *Kamil* yang dimiliki oleh Nabi Muhammad SAW. Sebagai insan Khalifah, umat Islam dididik dan diajak agar membangun, memakmurkan dan mengendalikan pemerintahan di muka bumi ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dengan penuh kesedaran di samping berusaha untuk menghindarkan kerosakan di muka bumi ini. Dari sudut insan *Rabbani* pula, umat manusia diingatkan agar sentiasa mengabdikan diri serta patuh terhadap segala perintah Allah SWT. Selain itu, umat manusia juga mesti menjauhi serta meninggalkan segala larangan-Nya agar umat manusia akan terhindar daripada kemurkaan Allah SWT. Umat manusia yang mematuhi perintah Allah SWT akan menerima balasan yang setimpal dengan amalan yang mereka lakukan semasa hidup di dunia ini. Bagi mana-mana umat manusia yang dengan sengaja melanggar perintah-perintah Allah SWT, mereka akan diberikan hukuman yang amat pedih setimpal dengan apa yang mereka kerjakan semasa hidup di dunia ini.

## 5.3 Cadangan-cadangan untuk Mengukuhkan Kajian

Setelah menjalankan kajian terhadap novel *Imam* karya Abdullah Hussain dan novel *Mereka yang Tertewas* karya Hasanuddin Md Isa yang bersandarkan kepada Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* ini, pengkaji ingin menggemukakan beberapa cadangan demi mengukuhkan lagi kajian ini pada masa akan datang di samping merancakkan lagi perkembangan kesusasteraan di negara ini pada masa akan datang.

Pengkaji berharap pada masa akan datang, ada pengkaji-pengkaji lain yang akan meneruskan kajian ini. Ini perlu dilakukan agar kajian ini tidak terhenti di sini sahaja malah akan menjadi lebih mantap dan seterusnya dapat diaplikasikan oleh para penuntut di pusat pengajian tinggi. Pengkaji juga berharap pengkaji-pengkaji selepas ini dapat memasukkan idea-idea terkini yang segar agar kajian ini akan makin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


berkembang sehingga dapat diangkat sebagai sebuah teori yang mantap seiring dengan teori-teori Islam yang sedia ada di negara ini.

Pengkaji juga berharap dengan munculnya kajian ini maka akan terbit lebih banyak bahan bacaan seperti novel atau cerpen yang menjadikan prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* ini sebagai panduan kepada mereka untuk menghasilkan karya yang bercorak Islam dan menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai model perwatakan insan terpuji. Maka akan lahirlah novel-novel yang dapat mendidik jiwa khalayak agar mengesakan Allah SWT, mentaati segala perintah Allah SWT dan menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai model ke arah pembentukan perwatakan insan terpuji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji juga ingin menyarankan agar para pengkarya menumpukan perhatian mereka untuk menghasilkan karya-karya yang bercorak keIslaman agar para penuntut di pusat pengajian tinggi dapat mengaplikasikan prinsip ini dalam kajian mereka dan dalam masa yang sama mereka dapat menambah baik dan melengkapkan sebarang kelompangan yang wujud dalam prinsip ini.

Para pelajar pusat pengajian tinggi juga boleh menggunakan kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini selain kajian-kajian pengkaji lain yang sedia ada sebagai rujukan mereka agar mereka mendapat ilmu yang pelbagai. Kesemua ilmu yang mereka kumpulkan itu boleh digunakan untuk membina suatu konsep atau teori Islam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang baru. Ini akan menjadikan dunia kesusasteraan di Malaysia khasnya menjadi semakin rancak dan hangat.

Diharapkan dengan terbinanya prinsip ini, maka minda orang ramai terutamanya golongan muda akan mula berubah ke arah cara hidup yang diredhai Allah SWT. Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* ini diharap dapat mengangkat maruah dan martabat orang Melayu Islam. Diharapkan masyarakat Melayu Islam akan berubah dari keadaan kurang baik kepada yang terbaik dengan mencontohi sifat Nabi Muhammad SAW.

## 5.4 Kesimpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* ini dapat membentuk jiwa masyarakat agar taat kepada perintah Allah SWT dengan menjalankan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Keadaan ini akan membantu melahirkan masyarakat yang seimbang dan cemerlang dalam hidup di dunia dan akhirat. Keadaan ini akan dapat memastikan dunia ini aman dan bebas daripada segala perbuatan yang tidak bermoral dalam kalangan umat manusia. Rasulullah SAW merupakan manusia pilihan yang diutus oleh Allah SWT untuk menjadi contoh ikutan kepada umatnya, diturunkan Al-Quran kepadanya untuk dibaca, dilaksanakan perintahnya dan disebarkan ajarannya ke seluruh alam. Tutur kata dan perbuatan Nabi Muhammad SAW itu dikenali sebagai sunnah (*al-hikmah*) yang sewajibnya dicontohi dan diikuti sama ada pada perintah suruhannya atau larangannya. Perkara ini telah turut ditegaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah *al-Hasyr*, ayat 7 yang bermaksud,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Apa yang Allah kurniakan kepada rasul-Nya (Muhammad) daripada harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka ia adalah milik bagi Allah, dan bagi Rasulullah SAW, dan bagi kaum kerabat, dan anak-anak yatim, orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang terkandas). Ketetapan ini supaya harta itu tidak hanya berpusing di antara orang-orang kaya daripada kalangan kamu. Dan apa jua yang diberikan oleh Rasulullah SAW kepada kamu, maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang-Nya untuk kamu lakukan maka patuhilah larangan-Nya. Bertakwalah kamu kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksa-Nya (bagi orang-orang yang melanggar perintah-Nya).
>
> (Al-Quran Terjemahan dan Tajwid, 2014: 546)

Fokus utama prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* ini adalah ketauhidan kepada Allah SWT atau mengesakan Allah SWT. Beriman kepada Allah SWT merupakan asas utama kepada prinsip ini. Tauhid adalah keyakinan kepada Allah Yang Maha Esa. Prinsip ini mengajak umat manusia agar taat kepada perintah Allah SWT. Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* mengajak umat manusia agar mencontohi keperibadian Nabi Muhammad SAW yang terpuji dan wajar dicontohi serta diangkat sebagai modal insan terpuji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**RUJUKAN**

A. Aziz Deraman. (2005). *Asas Pemikiran Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ab. Latif B. Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin .(1998). *Pengantar Ilmu Tauhid*. Cheras:Pustaka Salam Sdn. Bhd.

Abang Mohd. Razif Abang Muis. (2015). *Pembangunan Insan Berterusan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Hadi Awang. (2007). *Beriman Kepada Rasul*. Batu Caves: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Halim Ali. (2006). *Iktisar Teori & Kritikan Sastera Barat dan Timur*. Tanjung Malim:Penerbitan Profesional Baharu.

Abdul Halim Ali. (2011). *Pengantar Teori & Kritikan Sastera: Barat dan Malaysia*. Persatuan Penulis Budiman Malaysia.

Abdul Halim Ali. (2019). *Pengetahuan Asas Penyelidikan dalam Kesusasteraan Melayu*. Kelang: MZ Edu Publications.

Abdul Muin Sapidin. 2011. 18 Disember. Organisasi Murtadkan Umat Islam? *Mingguan Malaysia (Dalam Negeri)*, hlm. 4.

Abdul Munir Ismail. (2017). *Dakwah Suatu Tuntutan dalam Islam*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Abdul Rahman Abdullah. (2000). *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara Sebelum dan SesudahPengaruh Islam*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abdullah Hussain. (1995). *Imam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Ahmad Kamal Abdullah. (1988). *Unsur-unsur Islam dalam Puisi Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Yakob. (2015). *Khalifah: Kita Pilihan Allah*. Grup Buku Karangkraf Sdn. Bhd: Shah Alam.

*Al-Quran Al-Karim Terjemaham & Tajwid Berwarna.* (2014). Multazam Al-Qur'an Tafsir Bil Hadis. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.

Aninah Janang. 2012. Ajaran Sesat Ancaman Umat Islam. *Dewan Masyarakat* Edisi Julai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Anwar Patho Rohman. 2012. 26 September. Mudah Tersasar Tanpa Antibodi Islam. *Berita Harian*, hlm. 33.

Anwar Patho Rohman. 28 Disember 2011. Akta Murtad Lindungi Islam. *Berita Harian*, hlm. 23.

Athi Sivan Mariappan. (1997). *Hamzah Hussin: Sekitar Pemikiran Seni untuk Seni*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Azhar Hj. Wahid. (2013). *Kritikan Intelektualisme Sastera Melayu*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Azhar Hj. Wahid & Zawawi Jahya. (2009). *Pendidikan Pembangunan Modal Insan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidkan Sultan Idris.

Azhar Hj. Wahid & Fathin Noor Ain Ramli. (2017). Sastera Melayu Membina Teras Identiti Bangsa. *RUMPUN – Jurnnal Antarabangsa Persuratan Melayu Jilid 5*. (Hlm 1-28). Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjong Malim, Perak.

Baharuddin Ahmad (pentj). (1993). *Muhammad Insan Kamil*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bani Sudardi. (2003). Sastra Sufistik: *Internalisasi Ajaran-ajaran Sufi dalam Sastra Indonesia*. Solo: PT Tiga Serangkai Pustaka Mandiri.
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
*Berita Harian*. (2012). Fahaman Syiah Menular di Perlis. 5 Disember. hlm 8.

*Berita Harian*. (2012).. Syiah Sudah Lama Bertapak di Kedah. 6 Disember.hlm 7.

*Berita Harian*. (2012). 26 Mei. JHEAINS Halang Buku Irshad Manji ke Sabah. hlm 11.

Boris Parnickel. (1997). *Kebudayaan Nusantara: Kepelbagaian Dalam Kesatuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Che Zuina Ismail. (2009). *Pengantar Asas-asas Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbit Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.

Cresswell. J.W. (2012). *Research Design Qualitantive and Quantative Approaches*. London, New Delhi: SAGE.

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2013. 17 November. Jahil, Jiwa Kosong Mudah Terjebak Ajaran Sesat. *Berita Harian*, hlmn 33.

Fachruddin HS. (2001). *Iman dan Kehidupan*. Jakarta: Dewan Pustaka Fajar.

Gapena. (1980). *Kesusasteraan Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Ghazali Darusalam. (2001). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

H. Jalaluddin. (2003). *Teologi Pendidikan*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.

Hamzah Hamdani (pnygr). (1988). *Konsep dan Pendekatan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hamzah Hamdani (pnygr). (2003). *Usman Awang Penghubung Sastera Moden dengan Akar Tradisi*. Johor Bahru: Penerbit Yayasan Warisan Johor.

Hamzah Hamdani & Siti Aisah Murad (pnygr). (2004). *Kesusasteraan Melayu Moden (1920- 1940*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hanapi Dollah & Lokman Mohd Zen. (1995). *Sastera Sebagai Media Dakwah Dalam Kebudayaan Melayu di Ambang Abad Baru: Satu Himpunan Makalah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Haron Din. (2008). *Islam: Ibadah Pembina Tamadun Manusia*. Batu Caves: PTS Millennia Sdn. Bhd.

Haron Din. (2010). *Manusia dan Islam Jilid Satu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Harun Nasution. (1983). *Teologi Islam: Aliran-aliran Sejarah Analisa Perbandingan*. Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia.

Hasanuddin Md Isa. (1991). *Mereka yang Tertewas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim Awang. Feb 1993. Pengkaedahan Melayu dalam Kajian dan Kritikan Kesusasteraan Tanah Air. *Dewan Sastera*, m.s 52-57.

Hashim Awang. (1998). *Penciptaan dan Kemanusiaan dalam Cerpen dan Novel*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Hashim Hj. Musa. (2005). *Pemerkasaan Tamadun Melayu Malaysia Menghadapi Globalisasi Barat.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Hasliza Hassan. 2012. 26 Mei. Bahaya Jarum Ideologi Islam Liberal. *Berita Harian*, hlm 22.

http://hanunah.blogspot.com/2010/11/konsep-insan-kamil

http://direct.rewaz.org/search/browse/insan.re

Ibrahim Abu Shah et al. (pnytg). (1997). *Kecemerlangan Tamadun Islam dalam Menghadapi CabaranAbad Ke-15 Hijrah/21 Masihi*. Shah Alam: Institut Teknologi MARA.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Ibrahim Abdullah. 23 November 2012. Bebas yang Membinasakan. *Utusan Malaysia (Mega),* hlm. 22.

Ida Roziana Abdullah. 2010. Pembangunan Modal Insan Dalam Novel *Imam*. Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa & Komunikasi: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ismail Abdullah. (2009). *Seni Budaya Media dan Konflik Jati Diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail Hamid. (1987). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Ismail Hamid. (1990). *Asas Kesusasteraan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail Hamid. (1991). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jelani Harun (edtr). (2004). *Ilmu Kesusasteraan Abad Ke-21*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Kamariah Kamarudin. (2011). *Takmilah dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamil Maslih. 2012. 11 Mac. Sokongan Terhadap Aktiviti LGBT Wajar Ditolak: Seks Songsang Pelajar Serius. *Mingguan Malaysia*, hlm. 3.

*Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kasmaizun Enuni Mohd Sarji & Kamariah Kamarudin. (2017). Nilai Islam dalam Teks Misa Melayu. *RUMPUN – Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu Jilid 5.*(Hlm 89-114). Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjong Malim, Perak.

Khairul Azran Hussin. 5 Disember 2013. Jais Tahan 15 Pengikut Gerakan Pemuda Kahfi. *Berita Harian*, hlm. 26.

Lenny Luat. (2015). *Pengurusan Insan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

M. Dawan Rahardjo (ed.). (1985). *Insan Kamil Konsepsi ManusiaMenurut Islam*. Jakarta: PT Graftti Pers.

Mana Sikana (edtr) et al. (2006). *Sastera Memeluk Akar Menyuluh ke Langit*. Singapura: Universiti Teknologi Nanyang.

Mana Sikana. (1996). *Falsafah dan Seni Kreatif Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Mana Sikana (pnygr). (1997). *Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip dalam Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mana Sikana. (2005). *Sastera Junjungan*. Bandar Baru Bangi: Terbitan Pustaka Karya.

Maniyamin Haji Ibrahim. (2005). *Citra Takmilah: Analisis Terhadap Kumpulan Puisi Islam*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Maryam Syafiqha Mohd Sayuti & Jamilah Omar. (2017). Nilai Kepimpinan Pembesar Empayar Melayu Melaka Kajian Berasaskan Teks Sulalatus Salatin. *RUMPUN – Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu Jilid 5*. (Hlm 161-183). Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjong Malim: Perak.

Masood Rashid (pntjh). (1993). *Fikiran dan Budaya Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Al-Adib Samuri. 2011. Pemuda Bervisikan Akhirat. *Solusi Isu 37*.

Mohd Haniff Mohammad Yusoff. (2019). Penyerlahan Kekerdilan Insan dalam Cerpen Hari yang Bergelar Kematian: Menelusuri Perspektif Takmilah. *Jurnal Intelek Volume 14(2)* (Hlm. 136-143). Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis.
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
Mohamad Kamil Hj Ab. Majid, Rahimin Affandi Abd Rahim & Muhammed Yusof. (2014). Pembangunan Modal Insan di Malaysia: Analisis Terhadap Pendekatan Islam Selepas Negara Merdeka. *Jurnal Hadhari 6 (2)* (Hlm 15-34).

Mohamed Anwar Omar Din. (2004). *Sastera Islam Citra Nurani Ummah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Farid Mohd Shahran. (2013). *Akidah Dan Pemikiran Islam: Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Mohd Nakhaie Ahmad. (1998). *Di Bawah Naungan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Muamalat Islam Malaysia.

Mohd. Saleh Haji Ahmad. (1999). *Pengantar Syari'at Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.

Muhammad Haji Salleh. (2006). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Yusuf Khalid, Syamsul Bahri Andi Galigo & Mohd Radhi Ibrahim. (2005). *Isu Dakwah Dan Kemanusiaan Dalam Era Globalisasi.* Kuala Lumpur: Penerbit KUIM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Mustafa Abdul Rahman(pntjh). (2001). *Hadith 40 (Terjemahan dan Syarahannya*). Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.

Mustafa Haji Daud. (1984). *Kesusasteraan Dalam Tamadun Islam*. Cheras, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Nor Hayati Haji Alwi. 2002. Pembentukan Model Pembangunan Insan Kamil Dalam Pengajian Sains. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nurazimah Zakaria. (2015). Penghayatan Nilai Murni dalam Pembangunan Modal Insan Melalui Kesusasteraan Melayu Tradisional. *Jurnal Peradaban Melayu Vol. 10*. (Hlm. 25-32). Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Nurul Hilwany Che Shaffine. (2015). Pemikiran Islam dalam "Ayn" Karya Kemala. *Jurnal Melayu Bil. 14 (2)*. (Hlm. 240-259). Universiti Putra Malaysia.

Raja Ahmad Mukhlis Raja Jamaluddin. (2009). *Menjiwai Tauhid, Memurnikan Diri*. Bandar Baru bangi: Pelima Media Sdn. Bhd.

Ramli Isin. (1997). *Novel Melayu Muktahir: Tema dan Persoalan Karya*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Rasid Muhamad. (2010). *Merintis Kecemerlangan Islam: Sumbangan, Cabaran dan Masa Hadapan Umat Muhammad*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
Rukiah Mohamad. (2008). *Asas-asas Pembinaan Insan*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.

Roslan Ali & Norsiah Fauzan. (2007). *Pembangunan Kerohanian dan Refleksi BudayaMasyarakat Melayu*. Kota Samarahan, Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.

Rosmawati Ali@Mat Zin. (2010). *Tauhid Kepada Allah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rozninah Abd. Azib. Feb 2001. Falsafah Sastera Islam. *Dewan Sastera*, m.s 4.

S. Jaafar Husin. (1995). *Penelitian Sastera Metodologi dan Penerapan Teori*. Kuala Lumpur:Dewan bahasa dan Pustaka.

Sahlan Mohd. Saman (a). (1994). *Pengarang Teks dan Khalayak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sahlan Mohd. Saman (b). (1994). *Pengarang dan Kepengarangan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sahlan Mohd. Saman & Shaiful Bahri Md. Radzi. (2005). *Persuratan Melayu Tradisional ke Moden.* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sakinah Salleh. (2011). *Islam, Iman dan Ihsan: Formula Kejayaan Abadi*. Batu Caves: PTS Millennia Sdn. Bhd.

Samsina Haji Abd Rahman. 1996. Unsur-unsur Tasawuf Dalam Puisi-puisi Melayu Moden Di Malaysia Dan Indonesia: Analisis Perbandingan. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Samsina Haji Abd. Rahman. Feb. 2001. Teori Takmilah dalam Puisi-puisi Malaysia. *Dewan Sastera,* ms 17-23.

Shafie Abu Bakar. (1995). *Sastera Islam: Teori Pengindahan dan Penyempurnaan Dalam Rangka Tauhid.*

Sheikh Abdul-Majid Subhi. (2008). *Kedudukan Wanita dalam Islam*. Al-Hidayah Publications.

Sidek Baba. (2006). *Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn Bhd.

Sidek Baba. (2010). *Remaja Islam Kembali Pada Pemikiran Al-Quran & Sunah*. Shah Alam: Alaf 21 Sdn. Bhd.

Siti Aisah Murad(pnysn). (2008). *Penelitian Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden 1940-1969*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
Siti Faridah Leong Abdullah & Bazrul bin Bahaman. (2017). Sulalatus Salatin sebagai Medium Mendidik Nilai Murni. *RUMPUN – Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu Jilid 5*. (Hlm 205-228). Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjong Malim.

Siti Hawa Haji Salleh. (1997). *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Khariah Mohd Zubir & Zaidi bin Ahmad. (2014). Peranan Watak Utama dalam Novel Jeriji Kasih Pemangkin Modal Insan. *Jurnal Peradaban Melayu Jilid 9*. (Hlmn 105-119). Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjong Malim.

Sohaimi Abdul Aziz. (2004). *Novel dalam Kritikan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Supaat I. Lathief. (2008). *Sastra: Eksistensialisme-Mistisisme Religius*. Jawa Timur: Pustaka Ilalang.

Syarifah Salha Syed Ahmad, Mohd Rosli Saludin & Adenan Ayob. (2019). Aplikasi Teori Takmilah dalam Fara'id Al-Fawa'id Al-Fikra Fi Al-Imam Al-Mahdi: Satu Analisis Kepimpinan Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED).* Vol. 4 Issue 17. (Hlm 20-30). Academic Inspired Network.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1999). *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.

Syiekh Abu Muhammad Arfah Al Jaafari (ptjh). (2012). *Ikutilah Petunjuk Rasulullah SAW Anda Pasti Bahagia dan Selamat Dunia dan Akhirat*. Kuala Lumpur: Mulia Terang Sdn. Bhd.

Talib Samat. (2013). Perbandingan Novel Popular dengan Novel Serius. *RUMPUN-Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu Jilid 1.* (Hlm 214-228). Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjong Malim.

Umar M. Noor. 2011. Hikmah Tidak Mengenal Usia. *Solusi Isu 32,* ms 29

Usman Awang dlm A. Karim Abdullah. (1993). *Pemimpin dan Sasterawan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 15 Mac 2017. Syariat Islam Berpadu dalam Watan Tempatan. Berita Harian, hlm 8.

Wan Norhasniah Haji Wan Husin. (2010). Budi-Islam sebagai Teras Pembinaan Identiti Melayu: Satu Analisis Mengikut Perspektif Peradaban. *PERSPEKTIF – Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan Jil. 2 Bil. 2* (Hlm 35-50). Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris:Tanjong Malim, Perak.

Yusuf Al-Qardhawi. (2001). *Syariat Islam: Islam Untuk Sepanjang Zaman dan Semua Tempat*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

Zahir Ahmad, Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi & Madiawati bt. Mustaffa. (2007). *Wacana Persuratan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Zulkefli A. Hassan. (2007). Isu dan Strategi ke Arah Pembangunan Modal Insan Sektor Pengajian Tinggi Bertaraf Dunia. Jurnal Pengurusan Awam

Zulkiflee Haron et al. (pnlgr). (2011). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi